

# 2012



## LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 3

PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN  
PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN  
SYARIKAT SUBSIDIARI



JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA



# 2012



## LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 3

### PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI

*Untuk Mengetahui Tindakan-Tindakan Yang Telah/Sedang/Akan Diambil  
Oleh Pihak Kementerian/Jabatan/Agensi Terhadap Isu-Isu Yang Dilaporkan  
Dalam Laporan Ini, Sila Baca Laporan Maklum Balas Ke Atas Isu-Isu Utama  
Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Dan  
Pengurusan Kewangan Tahun 2012 Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta  
Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun  
Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 3*





# KANDUNGAN



# KANDUNGAN

vii	<b>KATA PENDAHULUAN</b>
xiii	<b>PENGENALAN</b>
xvii	<b>INTISARI LAPORAN</b>
<b>BAHAGIAN I</b>	
PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	
3	1. Pendahuluan
3	<b>UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU</b>
3	2. Pengurusan Perolehan Kapal Penyelidikan Dan Latihan RV Discovery
40	<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b>
40	3. Pengurusan Kutipan Caruman
53	<b>LEMBAGA TABUNG HAJI</b>
53	4. Pengurusan Aktiviti Operasi Haji
62	<b>MAJLIS AMANAH RAKYAT</b>
62	5. Pengurusan Peralatan Kemahiran Dan Teknikal
<b>BAHAGIAN II</b>	
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	
81	6. Pendahuluan
81	7. Prestasi Kewangan Syarikat Subsidiari
100	8. Pemantauan Terhadap Syarikat Subsidiari Dan Sub-Subsidiari Oleh Kementerian Dan Badan Induk/Syarikat Induk
100	9. Pengauditan Pengurusan Syarikat Subsidiari
102	<b>LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH</b>
102	10. Pengurusan Kolej KETENGAH Sdn. Berhad
115	<b>PERBADANAN PUTRAJAYA</b>
115	11. Pengurusan Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn. Berhad
131	<b>PIHK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH</b>
131	12. Pengurusan RISDA Semaian Dan Landskap Sdn. Berhad
151	13. Hasil Pengauditan Pengurusan Syarikat Subsidiari Yang Dilaporkan Secara Ringkas

**BAHAGIAN III**

KEDUDUKAN TINDAKAN SUSULAN YANG DIAMBIL OLEH BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN/SYARIKAT SUBSIDIARI TERHADAP SYOR YANG DIKEMUKAKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA BAGI TAHUN 2009, 2010 DAN 2011 SETAKAT 1 OGOS 2013

**161** 14. Pendahuluan

**161** 15. Tindakan Susulan Yang Belum Selesai Terhadap Syor Yang Dikemukakan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011

**172** 16. Tindakan Susulan Yang Belum Selesai Terhadap Syor Yang Dikemukakan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010

**176** 17. Tindakan Susulan Yang Belum Selesai Terhadap Syor Yang Dikemukakan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009

**181** **PENUTUP**



# KATA PENDAHULUAN



## KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan dan mengemukakan laporannya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapat perkenan supaya laporan itu dibentang di Parlimen. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 4 jenis pengauditan seperti berikut:

- 1.1 **Pengauditan Penyata Kewangan** – untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- 1.2 **Pengauditan Pengurusan Kewangan** – untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Badan Berkanun Persekutuan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.
- 1.3 **Pengauditan Prestasi** – untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Badan Berkanun Persekutuan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.
- 1.4 **Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan** – untuk menilai sama ada pengurusan syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Selaras dengan Program Transformasi Kerajaan 2 (GTP 2) : NKRA Anti-Rasuah, Jabatan Audit Negara dikehendaki melaksanakan empat inisiatif antaranya pembentangan Laporan Ketua Audit Negara pada setiap sesi Parlimen. Pembentangan Laporan saya mengenai Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan dan Pengurusan Syarikat setiap kali sesi Parlimen adalah bertujuan untuk mempercepatkan proses penyampaian maklumat kepada rakyat dan menyegerakan tindakan pembetulan terhadap isu yang dibangkitkan untuk meningkatkan persepsi positif rakyat. Laporan Mengenai Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Tahun 2012 Siri 1 dan Siri 2 telah pun dibentangkan di sesi Parlimen pada 1 Oktober 2013. Adalah diharapkan laporan tersebut dapat menjadi asas untuk memperbaiki segala kelemahan demi untuk mengelakkan penyelewengan, pembaziran dan pemberoran yang berterusan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti wang awam.

3. Seksyen 6(d) Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan untuk menilai sama ada aktiviti Badan Berkanun Persekutuan diuruskan dengan cekap, berhemat dan selaras dengan objektif aktiviti berkenaan. Pengauditan tersebut melibatkan pelbagai aktiviti seperti pengurusan geran, perolehan, pembinaan, penyenggaraan, pengurusan pelaburan, pengurusan aset dan aktiviti peningkatan sosioekonomi. Laporan ini mengandungi perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan terhadap 4 projek/aktiviti.

4. Pada umumnya, terdapat kelemahan seperti kerja/bekalan tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti/tidak sesuai, kelewatan tidak munasabah dan pembaziran. Kelemahan tersebut adalah disebabkan oleh kecuaian dalam mematuhi peraturan/prosedur yang ditetapkan oleh Kerajaan; kurang teliti semasa merancang projek/aktiviti dan menetapkan skop serta spesifikasi tender; tidak memantau dengan kerap dan teliti kerja-kerja kontraktor/perunding/pembekal; kurang kemahiran dalam pengurusan projek; lewat membuat keputusan mengenai perolehan; sistem maklumat agensi yang tidak lengkap dan tidak kemas kini dan kurang memberi perhatian terhadap keberhasilan/impak sesuatu projek/aktiviti.

5. Selain itu, pengauditan juga dijalankan terhadap syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan yang mana lebih daripada 50% ekuitinya dipegang oleh Badan Berkanun Persekutuan. Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada syarikat berkenaan telah melaksanakan pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan dengan cekap serta berhemat selaras dengan objektif penubuhannya. Analisis juga dibuat terhadap prestasi kewangan syarikat subsidiari berkenaan. Perkara yang diperhatikan adalah hasil daripada pengauditan terhadap analisis prestasi kewangan bagi tahun kewangan 2008 - 2012, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan bagi 3 syarikat subsidiari dilaporkan dalam Laporan Siri 3 ini.

6. Semua Ketua Pegawai Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan dan syarikat subsidiari berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka dan maklum balas yang diterima telah diambil kira dalam Laporan ini. Dalam Laporan Ketua Audit Negara ini, sebanyak 29 syor telah dikemukakan kepada Ketua Pegawai Eksekutif berkenaan untuk tindakan pembetulan atau pemantauan bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang. Mulai tahun 2013, Jabatan Audit Negara telah mewujudkan Paparan Susulan Laporan Ketua Audit Negara atau *Auditor General's Dashboard (AG's Dashboard)* bagi menyediakan maklum balas terkini kepada orang awam agar dapat menggalakkan ketelusan dan mempercepatkan penyelesaian isu di peringkat Agensi. Jabatan Audit Negara memaparkan kepada umum status tindakan terhadap sesuatu isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Maklum balas ini akan dipamerkan mengikut status tiada tindakan, dalam tindakan dan selesai.

7. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Badan Berkanun Persekutuan dan syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan yang telah memberi kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)  
Ketua Audit Negara  
Malaysia

Putrajaya  
1 Oktober 2013





# PENGENALAN



## PENGENALAN

1. Mengikut tafsiran Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) Badan Berkanun adalah sebuah pertubuhan yang diperbadankan mengikut undang-undang Persekutuan. Badan Berkanun merupakan badan korporat atau agensi Kerajaan Malaysia yang diperbadankan oleh undang-undang penubuhan bagi maksud Kerajaan Persekutuan tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan atau perbadanan di bawah Akta Syarikat 1965.
2. Badan Berkanun Persekutuan ditubuhkan bertujuan untuk melaksanakan dasar Kerajaan melalui program dan aktiviti yang ditetapkan secara profesional dan berkesan. Setiap Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan adalah tertakluk kepada akta tubuh atau akta subsidiari yang diperbadankannya di bawah akta induk dan berfungsi mengikut tujuan penubuhannya. Ia mempunyai kuasa autonomi seperti yang ditetapkan oleh akta tubuhnya. Namun, sebuah Lembaga Pengarah perlu diwujudkan untuk melaksanakan fungsi, pentadbiran, pengurusan dan aktivitinya. Lembaga Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat keputusan mengenai aspek pentadbiran dan pengurusan Badan Berkanun Persekutuan. Ahli Lembaga Pengarah adalah terdiri daripada wakil Perbendaharaan, Kementerian berkenaan, pegawai kerajaan dan ahli korporat yang mempunyai kemahiran berkaitan aktiviti Badan Berkanun Persekutuan. Pelantikan dan penamatan keahlian Lembaga Pengarah adalah di bawah bidang kuasa Menteri berkenaan. Setiap Badan Berkanun Persekutuan diletakkan di bawah Menteri yang bertanggungjawab seperti yang ditetapkan oleh akta tubuh atau mengikut *Ministerial Functions Act 1969* (Akta 2) pindaan tahun 1999. Bidang kuasa Badan Berkanun Persekutuan adalah luas dan antaranya boleh meminjam, memberi pinjaman, melabur, menubuhkan syarikat subsidiari, mengurus kumpulan wang dan akaun amanah serta melaksanakan program atau aktiviti tertakluk kepada akta tubuhnya. Sebahagian Badan Berkanun Persekutuan bergantung kepada geran kerajaan untuk melaksanakan aktivitinya manakala yang lain membiayai operasinya daripada sumber dana sendiri.
3. Dari segi pengurusan kewangan, Badan Berkanun Persekutuan boleh menggubal peraturan kewangan, sistem dan prosedur sendiri serta menetapkan polisi perakaunan selagi tidak bercanggah dengan dasar kerajaan dan standard perakaunan yang diterima umum. Semua Badan Berkanun Persekutuan menyedia penyata kewangan berdasarkan asas akruan bagi setiap tahun kewangan. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit dalam tempoh 6 bulan selepas berakhir tahun kewangan berkenaan. Akta yang sama juga memperuntukkan pengauditan penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan

adalah tertakluk kepada Akta Audit 1957. Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki mengemukakan penyata kewangan yang telah diaudit berserta laporan aktivitinya kepada Menteri dalam tempoh sebulan selepas pengesahan Audit. Menteri berkenaan pula perlu memastikan laporan tersebut dibentangkan di Parlimen secepat mungkin.

4. Sehingga 30 September 2013, sebanyak 127 Badan Berkanun Persekutuan telah ditubuhkan untuk melaksanakan fungsi sebagaimana ia diperbadankan.



# INTISARI LAPORAN



## INTISARI LAPORAN

### **BAHAGIAN I**

#### **PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

#### **PENDAHULUAN**

1. Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit aktiviti Badan Berkanun Persekutuan untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berhemat selaras dengan objektif yang telah ditetapkan. Pada tahun 2012, sebanyak 4 aktiviti telah dipilih untuk dibentangkan dalam sesi ketiga persidangan Parlimen tahun 2013.

#### **2. UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

##### **2.1 Pengurusan Perolehan Kapal Penyelidikan Dan Latihan RV Discovery**

a. Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, merupakan Institut Pengajian Tinggi Awam yang menerajui bidang oseanografi, sains marin dan akuakultur. Pada 26 Julai 2012, UMT telah diberi status sebagai *Higher Institution Center Of Excellence* oleh Kementerian Pengajian Tinggi yang berpotensi dalam bidang oseanografi dan sains marin. UMT telah mengemukakan cadangan perolehan kapal penyelidikan dan latihan bagi tujuan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan pada tahun 2004. Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE) telah meluluskan skop perolehan tersebut menerusi Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9) dengan siling peruntukan berjumlah RM12.5 juta pada tahun 2008. Nilai kontrak asal perolehan kapal UMT adalah RM11.99 juta. Bagaimanapun, projek ini mempunyai 2 perubahan kerja bernilai RM2.40 juta dan menjadikan nilai kontrak sebenar adalah RM14.39 juta. Antara objektif perolehan kapal penyelidikan dan latihan UMT adalah bagi meningkatkan kecekapan aktiviti penyelidikan dan pengajaran pasca siswazah; memastikan tahap keselamatan aktiviti penyelidikan dan pengajaran di atas kapal berada pada tahap yang tinggi; dan meluaskan keupayaan dan jangkauan kawasan penyelidikan oseanografi ke seluruh kawasan zon ekonomi eksklusif Laut China Selatan.

- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan November 2012 sehingga Februari 2013 mendapati pengurusan perolehan kapal penyelidikan dan latihan RV Discovery adalah tidak memuaskan. Objektif perolehan kapal penyelidikan dan latihan UMT tidak tercapai kerana kapal masih belum dapat digunakan untuk tujuan tersebut. Antara kelemahan dalam pengurusan perolehan kapal RV Discovery adalah seperti berikut:
- i. Kontraktor tidak mengemukakan permohonan pemasangan balast kekal untuk kelulusan Jabatan Laut, kelulusan pengecualian nilai tekanan angin sehingga Beaufort Wind Force 6 telah dibatalkan oleh Jabatan Laut, kontraktor meminda permohonan pengecualian nilai tekanan angin yang disokong oleh Badan Pengkelasan Kapal dari Beaufort Wind Force skala 5 kepada skala 6, lulus *sea acceptance test* walaupun prosedur ujian tidak dipatuhi dan kapal tidak mempunyai Sijil Layak Belayar.
  - ii. Perubahan kerja pertama yang melibatkan peningkatan kos sejumlah RM1.27 juta dilaksanakan sebelum kelulusan Arahan Perubahan Kerja.
  - iii. Spesifikasi serta jenama peralatan kapal tidak mengikut perjanjian dan senarai terperinci harga alat ganti tidak dikemukakan oleh kontraktor.
  - iv. Kualiti pembinaan kapal tidak mengikut standard dan peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Laut.
  - v. Kecacatan kapal belum dibaiki walaupun tempoh tanggungan kecacatan hampir tamat manakala kerosakan peralatan juga tidak dibaiki disebabkan tidak mempunyai waranti daripada pengilang.
  - vi. Peralatan penyelidikan bernilai RM1.12 juta tidak digunakan dan menyebabkan aktiviti penyelidikan oseanografi yang dirancang tertangguh dan memberi kesan kepada pengajian pelajar.
  - vii. Pelantikan Badan Pengkelasan Kapal tidak mengikut perjanjian.
- c. Pihak Audit mengesyorkan UMT mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:
- i. UMT hendaklah memastikan pemasangan balast kekal terhadap kapal RV Discovery mendapat kelulusan Jabatan Laut.
  - ii. UMT hendaklah memastikan operasi kapal mematuhi kelulusan Jabatan Laut iaitu setakat kawasan Beaufort Wind Force skala 5.
  - iii. UMT hendaklah memastikan kapal RV Discovery mendapatkan sijil layak belayar sebelum memulakan operasi bagi menjamin keselamatan kru kapal dan pengguna.
  - iv. UMT hendaklah memastikan pelarasan harga dibuat bagi peralatan yang tidak mengikut spesifikasi dan jenama sebelum memuktamadkan harga kontrak.
  - v. UMT hendaklah memastikan semua kecacatan pembinaan dibaiki dengan segera oleh kontraktor. Pemeriksaan secara menyeluruh dan

- pemantauan berterusan perlu dibuat untuk memastikan kerja pemberian adalah berkualiti.
- vi. UMT hendaklah mengambil tindakan menuntut ganti rugi daripada kontraktor sekiranya kapal telah disahkan oleh Jabatan Laut tidak boleh beroperasi mengikut objektif perolehan.

### **3. PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**

#### **3.1 Pengurusan Kutipan Caruman**

- a. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah ditubuhkan untuk menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada semua pekerja dan tanggungan mereka menerusi skim keselamatan sosial. PERKESO menguruskan 2 jenis skim caruman iaitu Skim Insurans Bencana Pekerjaan & Skim Pencen Ilat (Jenis Pertama) dan Skim Insurans Bencana Pekerjaan (Jenis Kedua). Jenis Pertama adalah untuk pekerja yang berumur kurang daripada 55 tahun manakala Jenis Kedua adalah untuk pekerja yang berumur lebih daripada 55 tahun atau berumur lebih daripada 50 tahun ketika mula-mula mendaftar dan mencarum dengan PERKESO. Majikan yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang pekerja atau lebih, warganegara Malaysia dan menerima gaji bulanan RM3,000 atau kurang diwajibkan mendaftar dan mencarum setiap bulan kepada PERKESO. Sehingga akhir tahun 2012 terdapat sejumlah 381,291 majikan dan 5.86 juta pekerja yang aktif mencarum. Pengauditan yang dijalankan pada bulan September sehingga Disember 2012 mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan kutipan caruman PERKESO.
- b. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah:
  - i. Caruman majikan berjumlah RM1.30 juta dan pekerja berjumlah RM2.63 juta yang mengandungi kesilapan sejak tahun 1991 masih belum direkodkan ke dalam Sistem Q-Term.
  - ii. Pada akhir tahun 2012, perbezaan jumlah caruman antara majikan dan pekerja dalam sistem Q-Term adalah berjumlah RM56.57 juta. Manakala perbezaan caruman majikan antara Sistem Q-Term dan Buku Tunai adalah RM0.40 juta. Perbezaan antara kedua-dua rekod dan sistem telah wujud sejak tahun 2002.
  - iii. Perekodan dokumen caruman pekerja hanya berpusat di Ibu Pejabat telah menyebabkan dokumen caruman lewat diterima antara 5 hingga 38 hari.
  - iv. Prestasi pengurusan cek tak laku kurang memuaskan kerana cek tak laku masih belum diganti dari tahun 2000 sehingga 2012 berjumlah RM3.38 juta.

- c. Pihak Audit mengesyorkan PERKESO melaksanakan perkara seperti berikut:
- i. PERKESO telah membangunkan sistem baru iaitu Sistem PINTAR untuk menangani masalah perbezaan caruman di antara rekod majikan, rekod pekerja dan perekodan dalam sistem. Sebelum migrasi data ke sistem baru, PERKESO hendaklah memastikan integriti data dengan menyelesaikan perbezaan yang wujud di antara kedua-dua rekod.
  - ii. PERKESO hendaklah mewujudkan sistem pengemaskinian rekod caruman majikan dan pekerja secara terus atas talian di PERKESO Negeri/Pejabat PERKESO bagi mengurangkan beban kerja yang tertumpu di Ibu Pejabat, seterusnya mengatasi masalah perbezaan rekod caruman dan pekerja.
  - iii. PERKESO hendaklah mewujudkan norma masa bagi proses kerja aktiviti caruman seperti tempoh penerimaan rekod caruman pekerja dari PERKESO Negeri/Pejabat PERKESO oleh Ibu Pejabat, tempoh setiap rekod caruman majikan dan pekerja dikemas kini, tempoh gantian cek tak laku dan tempoh bayaran tunggakan caruman berserta faedah selepas kes caruman majikan selesai di mahkamah.
  - iv. PERKESO hendaklah membuat pemantauan yang berkesan terhadap majikan yang belum menggantikan cek tak laku dan mengambil tindakan sewajarnya.

#### 4. LEMBAGA TABUNG HAJI

##### 4.1 Pengurusan Aktiviti Operasi Haji

Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) telah ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535) yang berkuat kuasa pada 1 Jun 1995. Objektif utama penubuhan Tabung Haji adalah untuk membolehkan umat Islam menyimpan wang bagi perbelanjaan menunaikan fardu haji dan memberikan perkhidmatan serta kemudahan kepada mereka semasa menunaikan haji. Sehingga bulan Disember 2012, seramai 1,054,563 pendeposit telah mendaftar untuk menunaikan fardu haji dan daripada jumlah tersebut, seramai 29,314 telah terpilih untuk menunaikan fardu haji bagi musim 1433H/2012M. Jemaah haji yang terpilih untuk ke Tanah Suci diberi pilihan untuk menunaikan haji secara Muassasah dengan Tabung Haji atau menyertai pakej haji yang diuruskan oleh Pengelola Jemaah Haji, syarikat swasta yang dilesenkan oleh Tabung Haji. Pengauditan yang dijalankan pada bulan September sehingga Disember 2012 mendapat prestasi keseluruhan pengurusan operasi haji bagi musim haji 1433H/2012M adalah baik. Perancangan yang teliti dan kerjasama semua pihak termasuk agensi Kerajaan telah melancarkan pengurusan jemaah haji bagi mengerjakan ibadah haji dengan teratur. Tabung Haji telah menambah baik pengurusan operasi haji bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi

haji. Bagaimanapun, Tabung Haji perlu memberikan perhatian kepada perkara berikut:

- a. Antara perkara tersebut ialah:
  - i. Penambahbaikan kawalan dalaman Sistem Haji terutamanya dalam modul rayuan dan memastikan pembekal tidak ada akses untuk menjana laporan dalam sistem.
  - ii. Perjanjian Penyenggaraan Sistem tidak diperbaharui menyebabkan kepentingan Tabung Haji tidak dilindungi.
- b. Pihak Audit mengesyorkan Tabung Haji melaksanakan perkara seperti berikut:
  - i. Tabung Haji hendaklah meningkatkan kawalan dalaman Sistem Haji bagi memastikan integriti data terjamin.
  - ii. Tabung Haji hendaklah memastikan perjanjian penyenggaraan sistem dimuktamadkan supaya kepentingan Tabung Haji dilindungi sekiranya berlaku perlanggaran syarat perjanjian

## 5. MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

### 5.1 Pengurusan Peralatan Kemahiran Dan Teknikal

- a. Antara objektif penubuhan Majlis Amanah Rakyat (MARA) adalah untuk melahirkan modal insan global dan berintegriti serta membangunkan usahawan berjaya dan inovatif. Sejakar dengan objektif ini, Bahagian Kemahiran Dan Teknikal (BKT) dipertanggungjawab bagi mengendalikan program pendidikan teknikal dan vokasional di 10 buah Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm) dan 13 buah Institut Kemahiran MARA (IKM) di seluruh negara. MARA bertanggungjawab untuk melahirkan belia bumiputera yang berkemahiran dalam pelbagai bidang teknikal dan kemahiran di samping melahirkan bakal-bakal usahawan. BKT menawarkan 81 program yang merangkumi 34 program sijil di IKM serta 47 program diploma di IKM dan KKTm. Siling peruntukan belanja pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan Pakej Rangsangan Ekonomi 2 (PRE2) bagi perolehan peralatan di 13 buah IKM dan 8 buah KKTm adalah berjumlah RM807.67 juta. MARA telah memperuntukkan RM442.36 juta dan sejumlah RM145.62 juta telah dibelanjakan bagi tahun 2010 hingga 2012 untuk perolehan peralatan bagi 2 IKM dan 4 KKTm yang dipilih. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2012 mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan peralatan kemahiran dan teknikal.

- b. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah:
- i. Syarikat Jalinan Rakyat Sdn. Berhad yang membekalkan peralatan kepada KKTMB Beranang dengan nilai kontrak berjumlah RM18.96 juta tidak dapat membekalkan peralatan mengikut tempoh kontrak dan lanjutan masa iaitu pada bulan Januari 2012 kerana fasiliti banknya telah dibekukan. Pembekalan hanya disempurnakan pada bulan Oktober 2012.
  - ii. Proses rundingan terus bagi 3 pembekal peralatan bernilai RM98.91 juta mengambil masa antara 3 hingga 4 tahun bermula dari tarikh kelulusan pelantikan oleh Kementerian Kewangan sehingga kontrak dimuktamadkan.
  - iii. Pembekal Teknologi yang dilantik gagal melaksanakan tanggungjawab dan telah memberi kesan terhadap bekalan peralatan dan jadual pembelajaran.
  - iv. Sebanyak 6 jenis peralatan bernilai RM2.51 juta masih belum diterima di 3 pusat latihan IKM dan KKTMB. Selain itu, sebanyak 66 jenis peralatan baru bernilai RM2.79 juta tidak digunakan antara 1 hingga 18 bulan sejak peralatan tersebut diterima. Ini disebabkan pembelian yang terlalu awal, kerja mekanikal dan elektrikal (M&E) serta sivil dan struktur (C&S) masih belum disempurnakan. Peralatan yang telah dibekalkan tetapi tidak dapat digunakan adalah *Universal Testing Machine* bernilai RM870,129 kerana tidak disediakan *platform* yang sesuai manakala 59 jenis peralatan bernilai RM2.36 juta tidak dapat ditempatkan di lokasi yang dirancang.
  - v. Kelewatan pembekalan peralatan telah menyebabkan MARA menanggung kos penyewaan peralatan dan pengangkutan sejumlah RM1.38 juta bagi tempoh 3 tahun.
- c. Pihak Audit mengesyorkan MARA melaksanakan perkara seperti berikut:
- i. MARA perlu lebih cekap dalam menguruskan perolehan secara rundingan terus dan memantau prestasi pembekalan peralatan. Selain itu, Kementerian Kewangan perlu memastikan keupayaan syarikat pembekal yang dilantik sebelum projek rundingan terus ditawarkan.
  - ii. MARA dan pembekal teknologi perlu mengkaji dengan teliti keperluan peralatan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran terutama bagi peralatan yang melibatkan kerja bangunan C&S dan M&E. MARA juga perlu mengadakan koordinasi kerja dan *engagement* dengan semua Pembekal Teknologi supaya kerja dapat dilaksanakan dengan berkesan.
  - iii. MARA perlu memastikan jawatankuasa yang terlibat dengan pengurusan peralatan melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya supaya pengurusan peralatan dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

## **BAHAGIAN II**

### **- PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

#### **PENDAHULUAN**

6. Sehingga kini sebanyak 204 syarikat subsidiari dan syarikat sub-subsidiari Badan Berkanun Persekutuan telah diwartakan untuk diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Objektif penubuhan syarikat subsidiari dan syarikat sub-subsidiari Badan Berkanun Persekutuan adalah untuk melaksanakan pelbagai aktiviti seperti perniagaan, pelaburan dan sosioekonomi. Pelaksanaan aktivitinya adalah bagi mendapat keuntungan dan pulangan yang munasabah serta memberi perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan kepada orang awam.

#### **7. PRESTASI KEWANGAN SYARIKAT SUBSIDIARI**

- a. Analisis Audit telah dibuat terhadap 62 penyata kewangan syarikat subsidiari dan 36 syarikat sub-subsidiari Badan Berkanun Persekutuan yang diterima setakat bulan Ogos 2013 bagi tahun 2008 hingga 2012. Syarikat subsidiari dianalisis dari segi prestasi kewangan, pembayaran dividen, bonus, cukai dan zakat serta status syarikat. Hasil analisis mendapati pada keseluruhannya, keuntungan sebelum cukai bagi 62 syarikat subsidiari pada tahun 2012 adalah berjumlah RM184.48 juta menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2011 yang berjumlah RM177.09 juta. Analisis Audit juga mendapati 24 syarikat subsidiari telah memperoleh keuntungan sebelum cukai bagi tempoh 5 tahun berturut-turut berjumlah RM598.75 juta manakala 5 yang lain mengalami kerugian berjumlah RM15.69 juta bagi tempoh yang sama.
- b. Berdasarkan kedudukan kewangan tahun 2012, didapati hanya 14 syarikat subsidiari yang memperoleh keuntungan telah membayar dividen kepada Badan Induk berjumlah RM131.98 juta. Sebanyak 6 syarikat subsidiari telah membayar dividen 5 tahun berturut-turut. Syarikat subsidiari di bawah sektor lain merupakan pembayar cukai dan zakat tertinggi pada tahun 2012. Selain itu, sebanyak 17 syarikat subsidiari dan sub-subsidiari berstatus tidak aktif, 9 syarikat dalam tindakan pembubaran dan satu syarikat telah dijual.
- c. Pengauditan pengurusan syarikat telah dijalankan terhadap 15 syarikat subsidiari pada tahun 2012 yang mana 8 daripadanya dilaporkan secara penuh manakala 7 lagi di lapor secara ringkas. Pada umumnya, hasil pengauditan tersebut mendapati pengurusan syarikat subsidiari dan syarikat sub-subsidiari Badan Berkanun Persekutuan adalah baik. Namun, dari segi pelaksanaannya beberapa kelemahan perlu ditangani bagi memastikan aktiviti dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta mencapai objektif yang ditetapkan.

## **8. SYARIKAT SUBSIDIARI LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH**

### **8.1 PENGURUSAN KOLEJ KETENGAH SDN. BERHAD**

- a. Kolej KETENGAH Sdn. Berhad (KKS) yang ditubuhkan pada 13 November 2001 merupakan syarikat milik penuh KETENGAH Holding Sdn. Berhad (KHSB) iaitu sebuah syarikat subsidiari Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH). KKS ditubuhkan dengan modal dibenarkan sejumlah RM5 juta dan modal berbayar sejumlah RM500,000. KKS memulakan operasi pada tahun 2002 untuk mengurus Kolej KETENGAH yang bertaraf Institusi Pendidikan Tinggi Swasta dan telah mendapat kelulusan Kementerian Pendidikan Malaysia pada 20 November 2003. Visi syarikat adalah untuk mewujudkan masyarakat yang berilmu dan bermaklumat bagi merapatkan jurang teknologi penduduk bandar dan luar bandar.
- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan September 2012 mendapati tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan KKS adalah baik. Bagaimanapun, prestasi kewangan adalah kurang memuaskan dengan mencatatkan kerugian terkumpul RM380,118 pada tahun 2012 disebabkan kerugian bagi tahun 2008 sehingga 2011. Selain itu, pengurusan aktiviti juga kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:
  - i. Bilangan kemasukan pelajar tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu hanya seramai 174 pelajar atau 13.5% berbanding seramai 1,287 pelajar yang disasarkan untuk mengikuti kursus ditawarkan.
  - ii. Aktiviti pemasaran kurang berkesan walaupun KKS telah melaksanakan 43 program setakat bulan April 2013 serta menyediakan pelan pemasaran bagi menarik minat para pelajar melanjutkan pelajaran di KKS.
  - iii. Bangunan kolej tambahan belum digunakan kerana kemasukan pelajar yang rendah serta KKS dan KETENGAH tidak membuat kajian semula terhadap bilangan kemasukan pelajar dan kursus yang ditawarkan.
- c. Pihak Audit mengesyorkan KKS mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:
  - i. KKS hendaklah mengkaji semula kursus yang mempunyai nilai kebolehpasaran serta mengadakan usaha sama dengan agensi lain bagi menarik lebih ramai pelajar dan juga penaja.
  - ii. KKS hendaklah mempergiatkan aktiviti promosi kursus yang ditawarkan dengan lebih berkesan untuk menarik lebih ramai pelajar mengikuti kursus di kolej ini.

- iii. KKSB hendaklah mengoptimumkan penggunaan kolej sedia ada dan kolej tambahan bagi mengelakkan pembaziran dan bangunan yang tidak digunakan.
- iv. KKSB hendaklah mempertimbangkan perluasan skop pengambilan pelajar kepada negeri lain untuk mengatasi masalah kekurangan kemasukan pelajar.

## 9. PERBADANAN PUTRAJAYA

### 9.1 PENGURUSAN SYARIKAT PENGANGKUTAN AWAM PUTRAJAYA SDN. BERHAD

- a. Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn. Berhad (PAPSB) merupakan syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Putrajaya (PPj) yang ditubuhkan pada 20 Mei 1999 dengan modal dibenarkan dan berbayar berjumlah RM100,000. PAPSB ditubuhkan untuk mengurus perkhidmatan bas awam di kawasan Putrajaya yang dikenali sebagai bas Nadi Putra.
- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Disember 2012 mendapati pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat PAPSB adalah baik manakala prestasi kewangan adalah kurang memuaskan. PAPSB hanya mencatatkan keuntungan selepas cukai pada tahun 2010 iaitu sebanyak RM23,550 manakala mencatatkan kerugian selepas cukai pada tahun 2008, 2009, 2011 dan 2012 sekali gus menyumbang kepada Margin Untung Bersih dan Pulangan Atas Ekuiti yang negatif pada tahun tersebut. Pengurusan aktiviti PAPSB juga kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:
  - i. Perkhidmatan bas telah mengalami peningkatan kerugian operasi daripada sejumlah RM5.82 juta pada tahun 2008 kepada sejumlah RM17.49 juta pada tahun 2012.
  - ii. PPj dan PAPSB tidak menetapkan sasaran penumpang dan kutipan tambang.
  - iii. Sebanyak 12 laluan tetap tidak mencapai sasaran *trip* disebabkan kekurangan pemandu bas.
  - iv. Sebanyak 8 laluan tetap dan 5 laluan terus hanya mencapai kadar purata penumpang yang tidak melebihi 10 orang setiap *trip*.
  - v. Peta Pandu Arah tidak mencukupi iaitu hanya 100 daripada 302 hentian bas yang dibina dilengkapi dengan Peta Pandu Arah.
  - vi. Bilangan penggunaan pas bulanan telah menurun daripada sebanyak 0.81 juta pada tahun 2010 kepada 0.40 juta pada tahun 2012 iaitu 50.2%.
  - vii. PAPSB tidak menuntut bayaran berkadar tetap mengikut Perjanjian Operasi mengakibatkan kekurangan pendapatan berjumlah RM2.59 juta.

- c. Pihak Audit mengesyorkan PAPSB mengambil tindakan terhadap perkara berikut:
- i. PPj dan PAPSB hendaklah mengkaji semula tambang bas yang tidak pernah dinaikkan sejak mula beroperasi.
  - ii. PAPSB hendaklah menetapkan sasaran tahunan bilangan penumpang dan tambang serta mengkaji semula laluan *trip* bas yang perlu ditambah atau dikurangkan supaya lebih berekonomi dan efektif.
  - iii. PPj dan PAPSB hendaklah meningkatkan promosi kepada penduduk Putrajaya untuk menggunakan perkhidmatan bas supaya bilangan penumpang dapat ditingkatkan.
  - iv. PAPSB hendaklah memperbaiki sistem maklumat dengan melengkapkan Peta Pandu Arah di setiap hentian bas dan juga di dalam bas.
  - v. PPj dan PAPSB hendaklah menyediakan perjanjian tambahan bagi sebarang perubahan terhadap tuntutan operasi bas.

## 10. PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH

### 10.1 PENGURUSAN RISDA SEMAIAN DAN LANDSKAP SDN. BERHAD

- a. RISDA Semaian Dan Lanskap Sdn. Berhad (RISDA Semaian) merupakan syarikat subsidiari milik penuh RISDA yang telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 31 Julai 1979. Modal dibenarkan RISDA Semaian berjumlah RM6 juta dan modal berbayar berjumlah RM4 juta. Tujuan utama penubuhan RISDA Semaian adalah untuk menyedia dan membekalkan anak benih getah dan sawit berkualiti tinggi kepada pekebun kecil yang menyertai Rancangan Tanam Semula RISDA.
- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan November sehingga Disember 2012 mendapat prestasi kewangan dan tadbir urus korporat RISDA Semaian adalah baik iaitu mencatatkan keuntungan bersih berturut-turut bagi tempoh 2008 sehingga 2012 dan peningkatan dalam keuntungan terkumpulnya. Pengurusan kewangan dan aktiviti pula adalah memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:
  - i. Perjanjian Bekalan Benih Getah yang ditandatangani pada Januari 2012 menetapkan RISDA Semaian perlu membekalkan sebanyak 24 juta anak benih getah kepada RISDA. Bagaimanapun RISDA Semaian hanya menetapkan sasaran untuk membekalkan anak benih getah sebanyak 16.80 juta pokok dan prestasi pencapaiannya pada tahun 2012 hanya 12.31 juta atau 73.3%.
  - ii. RISDA Semaian tidak dapat mengeluarkan biji getah yang disasarkan kerana *seed garden* hanya menyumbang 28% daripada jumlah keseluruhan bekalan biji getah. RISDA Semaian bergantung kepada

- pembelian biji getah daripada sumber luar yang secara tidak langsung telah menjelaskan penghasilan anak benih getah yang berkualiti.
- iii. RISDA Semaian Negeri Sabah hanya berupaya menghasilkan 1.10 juta pokok atau 21% daripada sasaran yang ditetapkan melalui usaha ladang RSSB. Ini adalah kerana syarikat tersebut tidak mempunyai tanah untuk dijadikan tapak semaian sendiri dan kontraktor yang dilantik kurang atau tiada pengalaman menguruskan tapak semaian. RISDA Semaian terpaksa bergantung kepada bekalan anak benih getah daripada kontraktor luar.
  - iv. Penghutang RISDA Semaian adalah berjumlah RM3.41 juta setakat 31 Disember 2012 dan sejumlah RM1.55 juta atau 45.5% daripadanya telah melebihi 90 hari.
  - v. Pengurusan aset adalah kurang memuaskan di mana rekod aset tidak lengkap dan kemas kini. Butiran mengenai aset seperti lokasi, tanda pengenal dan kos tidak dinyatakan dalam rekod aset.
- c. Pihak Audit mengesyorkan RISDA Semaian mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:
- i. RISDA Semaian hendaklah mengkaji semula keperluan anak benih getah supaya sasaran pengeluaran dapat dibuat mengikut perjanjian serta selaras dengan Rancangan Tanam Semula Pekebun Kecil RISDA.
  - ii. RISDA Semaian hendaklah mewujudkan lebih banyak kawasan untuk dijadikan *seed garden* bagi mengurangkan kebergantungan terhadap biji getah daripada bekalan luar supaya kualiti biji getah yang ditanam dapat dikawal.
  - iii. RISDA Semaian perlu mempunyai tanah sendiri untuk dijadikan tapak semaian bagi mengurangkan kebergantungan terhadap bekalan anak benih getah daripada pihak luar. Selain itu, pemantauan terhadap tapak semaian kontraktor yang dilantik perlu dipertingkatkan bagi memastikan pengurusan dan penyenggaraan tapak semaian adalah mengikut perjanjian yang ditetapkan.
  - iv. RISDA Semaian hendaklah mengkaji semula, mengemas kini dan menambah baik polisi kawalan kredit dan pengurusan aset bagi meningkatkan kawalan dalaman dan tadbir urus yang baik.





# BAHAGIAN I

## PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

<b>3</b>	1. Pendahuluan
	<b>UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU</b>
<b>3</b>	2. Pengurusan Perolehan Kapal Penyelidikan Dan Latihan RV Discovery
	<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b>
<b>40</b>	3. Pengurusan Kutipan Caruman
	<b>LEMBAGA TABUNG HAJI</b>
<b>53</b>	4. Pengurusan Aktiviti Operasi Haji
	<b>MAJLIS AMANAH RAKYAT</b>
<b>62</b>	5. Pengurusan Peralatan Kemahiran Dan Teknikal



## **BAHAGIAN I** **PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

### **1. PENDAHULUAN**

Selain daripada menjalankan pengauditan kewangan, Jabatan Audit Negara dikehendaki juga di bawah Seksyen 6, Akta Audit 1957 mengaudit aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan untuk menilai sama ada ia dilaksanakan dengan cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang telah ditetapkan. Sebanyak 4 aktiviti Badan Berkanun Persekutuan telah dipilih untuk diaudit bagi memenuhi kehendak peruntukan Akta tersebut. Hasil daripada pengauditan itu telah dibincangkan dengan pihak pengurusan Badan Berkanun Persekutuan yang terlibat sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan. Ketua Pegawai Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan dan Kementerian berkenaan juga dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan. Maklum balas yang diterima daripada Badan Berkanun Persekutuan dan agensi berkenaan telah diambil kira dalam laporan ini.

### **UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

### **2. PENGURUSAN PEROLEHAN KAPAL PENYELIDIKAN DAN LATIHAN RV DISCOVERY**

#### **2.1 LATAR BELAKANG**

2.1.1 Pada 1 Mei 2001, Kolej Universiti Terengganu telah diberi kuasa autonomi sebagai Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan ditukar nama kepada Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM). Mulai 1 Februari 2007, KUSTEM dengan rasminya telah dinaik taraf sebagai Universiti Malaysia Terengganu (UMT). UMT merupakan IPTA yang menerajui bidang oseanografi, sains marin dan akuakultur. Pada 26 Julai 2012, UMT telah diberi status sebagai *Higher Institution Center Of Excellence* oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) (KPT telah digabungkan dengan Kementerian Pelajaran Malaysia menjadi Kementerian Pendidikan pada 13 Mei 2013) yang berpotensi dalam bidang oseanografi dan sains marin.

2.1.2 UMT telah mengemukakan cadangan perolehan kapal penyelidikan dan latihan bagi tujuan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan universiti pada tahun 2004. Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE) telah meluluskan skop perolehan tersebut menerusi Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK9) dengan siling peruntukan berjumlah RM12.5 juta. Objektif perolehan kapal penyelidikan dan latihan UMT adalah seperti berikut:

- Meningkatkan kecekapan aktiviti penyelidikan dan pengajaran pasca siswazah.
- Memastikan tahap keselamatan aktiviti penyelidikan dan pengajaran di atas kapal berada pada tahap yang tinggi.
- Kerja-kerja penyelidikan oseanografi dapat dijalankan dengan lebih cekap dan berkesan bagi mendapatkan hasil yang berkualiti.
- Meluaskan keupayaan dan jangkauan kawasan penyelidikan oseanografi ke seluruh kawasan zon ekonomi eksklusif Laut China Selatan.
- Melaksanakan kerja penyelidikan oseanografi yang jaraknya lebih 60 kilometer nautika dan boleh melayari ribut.

2.1.3 Perolehan kapal penyelidikan dan latihan ini telah ditawarkan kepada kontraktor tempatan, Kaymarine Sdn. Berhad secara reka dan bina bernilai RM11.99 juta dengan tempoh penyiapan selama 80 minggu iaitu dari 8 September 2008 hingga 22 Mac 2010. Mengikut Notis Perkapalan Jabatan Laut, pembinaan kapal perlu dikelaskan dengan Badan Pengkelas Kapal yang diiktiraf bagi menyemak, meluluskan sebahagian pelan dan manual kapal, menjalankan pemeriksaan ke atas kapal serta mengeluarkan sebahagian sijil statutori Kapal Berdaftar Malaysia. Sehubungan itu, Kaymarine Sdn. Berhad telah melantik Ships Classification Malaysia Sdn. Berhad (SCM) sebagai Badan Pengkelas Kapal yang bertanggungjawab terhadap pembinaan kapal UMT.

2.1.4 Perasmian pelancaran kapal telah dilaksanakan oleh DYMM Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah pada 30 September 2011. Bagaimanapun, hanya pada 5 Jun 2013 iaitu selepas perasmian tersebut, kelulusan belayar diperoleh daripada Jabatan Laut mengikut nilai tekanan angin sehingga Beaufort Wind Force skala 5. Kapal UMT dikenali sebagai RV Discovery seperti di gambar berikut:



**GAMBAR 2.1**  
**Kapal Penyelidikan Dan Latihan**  
**RV Discovery**

Lokasi: Perairan Pulau Kapas  
Tarikh: 20 Disember 2012

## 2.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan kapal penyelidikan dan latihan RV Discovery telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, teratur serta mencapai objektif yang ditetapkan.

## 2.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan perolehan kapal penyelidikan dan latihan dari tahun 2008 hingga bulan Jun 2013. Semakan Audit telah dijalankan terhadap fail, rekod kewangan, kontrak dan dokumen lain serta menganalisis data yang berkaitan. Pemeriksaan fizikal telah dibuat terhadap kapal RV Discovery dan peralatan penyelidikan yang dikawal selia oleh Unit Pengurusan Kapal. Selain itu, temu bual dan perbincangan telah diadakan dengan Jabatan Laut dan pegawai UMT yang berkenaan.

## 2.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan November 2012 sehingga Februari 2013 mendapati pengurusan perolehan kapal penyelidikan dan latihan RV Discovery adalah tidak memuaskan. Objektif perolehan kapal penyelidikan dan latihan UMT tidak tercapai kerana kapal masih belum dapat digunakan untuk tujuan tersebut. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- i. Kontraktor tidak mengemukakan permohonan pemasangan balast kekal untuk kelulusan Jabatan Laut, kelulusan pengecualian nilai tekanan angin sehingga Beaufort Wind Force 6 telah dibatalkan oleh Jabatan Laut, kontraktor meminda permohonan pengecualian nilai tekanan angin yang disokong oleh Badan Pengkelasan Kapal dari Beaufort Wind Force skala 5 kepada skala 6, lulus *sea acceptance test* walaupun prosedur ujian tidak dipatuhi dan kapal tidak mempunyai Sijil Layak Belayar.

- ii. Perubahan kerja pertama yang melibatkan peningkatan kos sejumlah RM1.27 juta dilaksanakan sebelum kelulusan Arahan Perubahan Kerja.
- iii. Spesifikasi serta jenama peralatan kapal tidak mengikut perjanjian dan senarai terperinci harga alat ganti tidak dikemukakan oleh kontraktor.
- iv. Kualiti pembinaan kapal tidak mengikut standard dan peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Laut.
- v. Kecacatan kapal belum dibaiki walaupun tempoh tanggungan kecacatan hampir tamat manakala kerosakan peralatan juga tidak dibaiki disebabkan tidak mempunyai waranti daripada pengilang.
- vi. Peralatan penyelidikan bernilai RM1.12 juta tidak digunakan dan menyebabkan aktiviti penyelidikan oseanografi yang dirancang tertangguh dan memberi kesan kepada pengajian pelajar.
- vii. Pelantikan Badan Pengkelasan Kapal tidak mengikut perjanjian.

Penjelasan lanjut terhadap kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

#### **2.4.1 Prestasi Pelaksanaan Projek**


2.4.1.1 Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah menawarkan kontrak secara reka dan bina bagi mereka bentuk, membina, menguji dan mentauliah kapal penyelidikan dan latihan kepada syarikat Kaymarine Sdn. Berhad pada bulan September 2008. Mengikut perjanjian, badan kapal hendaklah diperbuat dari besi dan kontraktor perlu membina kapal tersebut berdasarkan peraturan yang ditetapkan serta menyerahkan kapal yang telah lulus semua ujian kualiti dalam tempoh 80 minggu (1 tahun 8 bulan) iaitu dari 8 September 2008 sehingga 22 Mac 2010. Prestasi kemajuan pembinaan kapal dari minggu pertama hingga minggu ke 80 adalah seperti jadual dan graf berikut:

**JADUAL 2.1  
PRESTASI PEMBINAAN KAPAL MENGIKUT MINGGU  
SEHINGGA 22 MAC 2010**

MINGGU	TARIKH	SASARAN KEMAJUAN (%)	KEMAJUAN SEBENAR (%)
1	08.09.2008	0	0
10	17.11.2008	6.4	1
20	26.01.2009	23.3	7
30	06.04.2009	43.8	23.1
40	15.06.2009	60	38
50	24.08.2009	72.5	60.4
60	02.11.2009	83.2	73.4
70	11.01.2010	90.8	83.1
80	22.03.2010	100	91.28

*Sumber: Rekod Pejabat Pembangunan Dan Harta*

**GRAF 2.1**  
**PRESTASI PEMBINAAN KAPAL MENGIKUT MINGGU**  
**SEHINGGA 22 MAC 2010**



2.4.1.2 Berdasarkan prestasi projek, kemajuan pembinaan kapal adalah perlahan berbanding sasaran yang ditetapkan disebabkan perubahan kerja yang melibatkan pertukaran bahan badan kapal dari besi kepada aluminium. Kontraktor sebagai pembuat kapal aluminium telah mencadangkan bahan badan kapal ditukar kepada aluminium dengan justifikasi aluminium tidak terhakis, tidak perlu dicat, tidak berkarat, tidak berat dan menjimatkan penggunaan bahan api. Cadangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Perolehan B pada 28 Januari 2009 dan dilaksanakan melalui Arahan Perubahan Kerja 1.

2.4.1.3 Kontraktor juga tidak dapat menyempurnakan 100% pembinaan kapal pada 22 Mac 2010 disebabkan kerja yang masih belum selesai seperti berikut:

**JADUAL 2.2**  
**KERJA PEMBINAAN YANG BELUM SELESAI**  
**SETAKAT 22 MAC 2010**

KERJA PEMBINAAN BELUM SELESAI	PERATUS KERJA (%)
Sistem Perpaipan	0.69
Pemasangan Mesin	0.53
Pengecatan	0.24
Pemasangan Penebat	0.06
Hiasan Dalaman	1.8
Kerja-kerja Elektrikal	1.24
Pemasangan Sistem Elektronik	0.36
Pelancaran Kapal, Pelaksanaan Ujian Kualiti, Latihan Kru Kapal dan Penyerahan Kapal Kepada UMT	3.8
<b>JUMLAH</b>	<b>8.72</b>

*Sumber: Rekod Pejabat Pembangunan Dan Harta*

2.4.1.4 Oleh itu, kontraktor telah memohon lanjutan masa selama 256 hari pada 15 April 2010 berdasarkan justifikasi seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.3**  
**JUSTIFIKASI LANJUTAN MASA PEMBINAAN KAPAL**  
**OLEH KONTRAKTOR**

JUSTIFIKASI	LANJUTAN MASA (Hari)
Pelan reka bentuk struktur, pengiraan <i>scantling</i> dan sistem kejuruteraan mengikut piawaian Badan Pengkelasan Kapal perlu dilakukan semula berasaskan aluminium.	30
Kelulusan semula pelan kapal oleh Badan Pengkelasan Kapal.	28
<i>Computer lofting</i> dan pemotongan kepingan aluminium untuk badan kapal yang ditempah di Australia mengalami kelewatan dan hanya boleh dilaksanakan selepas pelan struktur kapal mendapat kelulusan Badan Pengkelasan Kapal.	29
3 faktor di atas memberi kesan terhadap kerja pembinaan kapal yang lain.	44
Kelewatan penerimaan bahan aluminium untuk <i>shell plate</i> kapal menyebabkan pemasangannya tertangguh.	65
Kelewatan penerimaan bahan aluminium <i>honeycomb panel</i> yang digunakan sebagai sistem dinding di dalam kabin kapal walaupun tempahan material telah dibuat pada bulan Mei 2009.	60
<b>JUMLAH</b>	<b>256</b>

Sumber: Rekod Pejabat Pembangunan Dan Harta

2.4.1.5 Berdasarkan justifikasi yang dikemukakan oleh kontraktor, UMT hanya meluluskan lanjutan masa selama 114 hari bermula pada 23 Mac 2010 hingga 14 Julai 2010. Bagaimanapun, kontraktor masih tidak dapat menyempurnakan pembinaan kapal mengikut lanjutan masa yang diberi walaupun peratusan kerja belum selesai hanya 8.72% disebabkan perihal berikut:

**JADUAL 2.4**  
**KRONOLOGI KELEWATAN PENYIAPAN KAPAL RV DISCOVERY**

TARIKH	PERIHAL
14 Julai 2010	Lanjutan masa selama 114 hari telah tamat. Pembinaan kapal RV Discovery sepertutnya telah siap dan lulus semua ujian kualiti kapal.
9 Ogos 2010	Kontraktor menerima Arahan Perubahan Kerja No. 2 iaitu melengkapkan kapal dengan peralatan penyelidikan. Bagaimanapun, UMT tidak meluluskan lanjutan masa kedua dan telah mengenakan denda kelewatan terhadap kontraktor bermula 15 Julai 2010.
18 Mei 2011	Kapal RV Discovery dilancarkan ke air setelah setahun menunggu pemberian landasan pelancaran kapal oleh kontraktor. <b>Rujuk Gambar 2.3 Dan 2.4.</b>  Landasan pelancaran kapal perlu dibuat pemberian supaya dapat menanggung berat kapal UMT yang melebihi 200 tan. Tempoh pemberian landasan telah mengambil masa selama setahun iaitu dari bulan April 2010 hingga Mei 2011. <b>Rujuk Gambar 2.2.</b>
10 Ogos 2011	Kontraktor menjalankan <i>inclining test</i> pertama terhadap kapal RV Discovery. Sesi ujian turut dihadiri oleh UMT dan SCM. Berdasarkan keputusan <i>inclining test</i> , SCM menyarankan tambahan beban di kedudukan terbahar badan kapal supaya pusat graviti kapal direndahkan bagi meningkatkan tahap kestabilan kapal semasa <i>arrival condition</i> .

TARIKH	PERIHAL
30 September 2011	DYMM Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah telah merasmikan pelancaran kapal RV Discovery. Bagaimanapun, kapal tersebut belum secara rasminya menjadi milik UMT kerana kapal RV Discovery perlu menjalani <i>inclining test</i> ke-2 selepas penambahan balast kekal seberat 15 tan.
16 Februari 2012	<i>Inclining test</i> kali ke-2 dilaksanakan. Penambahan balast kekal kepada kapal RV Discovery mengambil masa selama 6 bulan. SCM berpuas hati terhadap keputusan <i>inclining test</i> kali ke-2.
7 Jun 2012	Jabatan Laut meluluskan pengecualian kelajuan angin sehingga Beaufort Wind Force skala 6 berdasarkan sokongan daripada pihak Badan Pengkelasan Kapal menerusi borang <i>Application For The Exemption From And Extension Of An International Convention Requirement MSN 05/2008</i> .
21 Januari 2013	Jabatan Laut menarik balik kelulusan belayar sehingga nilai tekanan angin Beaufort Wind Force skala 6 terhadap kapal RV Discovery kerana kelulusan adalah berdasarkan maklumat <i>inclining test</i> pertama iaitu sebelum penambahan balast kekal.
28 Februari 2013	Kontraktor mengemukakan permohonan semula pengecualian beroperasi sehingga Beaufort Wind Force skala 6 kepada Jabatan Laut berdasarkan <i>final intact stability booklet</i> yang mempunyai maklumat penambahan balast.
4 April 2013	Jabatan Laut menolak permohonan kontraktor kerana keputusan <i>final intact stability booklet</i> hanya membolehkan kapal beroperasi sehingga Beaufort Wind Force skala 5.
29 Mei 2013	Jabatan Laut menghantar emel kepada kontraktor supaya mengemukakan permohonan baru.
5 Jun 2013	Jabatan Laut meluluskan operasi kapal RV Discovery dengan syarat yang dinyatakan dalam borang MSN 05/2008 seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Vessel operation is limited to Beaufort Wind Force 5 (Maximum Wind pressure =72 Pa, 20 knots; Maximum wave height = 3 meter)</i></li> <li>• <i>Ballast tank (No.2,10,11) remains full at all loading condition.</i></li> <li>• <i>Fresh water tank no.8 to maintain full at all loading condition and equipped with water maker.</i></li> <li>• <i>A warning poster to be posted at wheelhouse and engine room stating above information.</i></li> </ul>

Sumber: Rekod Pejabat Pembangunan Dan Harta UMT Dan Jabatan Laut

### GAMBAR 2.2 Kerja Pembaikan Landasan Pelancaran Kapal Yang Mengambil Tempoh Setahun



Sumber: Rekod Kaymarine Sdn. Berhad  
Lokasi: Limbungan Kaymarine Sdn. Berhad  
Tarikh: 1 April 2010



Sumber: Rekod Kaymarine Sdn. Berhad  
Lokasi: Limbungan Kaymarine Sdn. Berhad  
Tarikh: 1 April 2010

**GAMBAR 2.3**  
**Kapal RV Discovery Dipindahkan Ke Landasan Pelancaran Kapal**



Sumber: Rekod Kaymarine Sdn. Berhad  
Lokasi: Limbungan Kaymarine Sdn. Berhad  
Tarikh: 5 Mei 2011



Sumber: Rekod Kaymarine Sdn. Berhad  
Lokasi: Limbungan Kaymarine Sdn. Berhad  
Tarikh: 5 Mei 2011

**GAMBAR 2.4**  
**Kapal RV Discovery Dilancarkan Ke Air**



Sumber: Rekod Kaymarine Sdn. Berhad  
Lokasi: Limbungan Kaymarine Sdn. Berhad  
Tarikh: 18 Mei 2011



Sumber: Rekod Kaymarine Sdn. Berhad  
Lokasi: Limbungan Kaymarine Sdn. Berhad  
Tarikh: 18 Mei 2011

2.4.1.6 UMT telah mengeluarkan Perakuan Tidak Siap Kerja kepada kontraktor bermula 15 Julai 2010 hingga 6 Jun 2012 iaitu kelewatan penyiapan selama 694 hari. Kontraktor juga telah dikenakan kadar denda dan gantirugi berjumlah RM1,826.30 sehari menjadikan denda keseluruhan berjumlah RM1.27 juta.

**Pada pendapat Audit, pembinaan kapal yang tidak dapat disiapkan dalam tempoh masa yang diberi dan tidak mengikut peraturan International Maritime Organisation dan Jabatan Laut telah menjelaskan objektif perolehan kapal untuk aktiviti penyelidikan serta latihan UMT.**

## 2.4.2 Prestasi Kewangan

2.4.2.1 Mengikut Surat Pekeliling Kementerian Pengajian Tinggi Bilangan 1 Tahun 2008, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) (KPT telah digabungkan dengan Kementerian Pelajaran Malaysia menjadi Kementerian Pendidikan pada 13 Mei 2013) perlu memastikan setiap siling perbelanjaan pembangunan tidak melebihi siling RMK9 yang telah diperuntukkan. Sekiranya perbelanjaan pembangunan melebihi siling, UMT perlu membuat penyelarasan dengan mengambil langkah yang sesuai.

2.4.2.2 Siling peruntukan yang ditetapkan oleh Unit Perancangan Ekonomi (UPE) bagi perolehan kapal UMT adalah sejumlah RM12.5 juta. Nilai kontrak asal perolehan kapal UMT adalah RM11.99 juta. Bagaimanapun, projek ini mempunyai 2 perubahan kerja bernilai RM2.40 juta dan menjadikan nilai kontrak sebenar adalah RM14.39 juta seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.5  
PERUNTUKAN SILING DAN KOS PEROLEHAN  
KAPAL PENYELIDIKAN DAN LATIHAN UMT**

PERKARA	KOS (RM Juta)
Siling Asal	12.50
Kos Asal	11.99
Kos Perubahan Kerja	2.40
Kos Sebenar	14.39

*Sumber: Rekod Pejabat Pembangunan Dan Harta*

2.4.2.3 Sehingga bulan Disember 2012, pihak Audit mendapati UMT telah memperakukan 9 pembayaran interim berdasarkan kemajuan kerja kontraktor berjumlah RM13.86 juta seperti berikut:

**JADUAL 2.6  
PRESTASI PERBELANJAAN SETAKAT 31 DISEMBER 2012**

PERKARA	PERATUSAN MENGIKUT KERJA (%)	JUMLAH PEMBAYARAN MENGIKUT KONTRAK (RM)	PERATUSAN BAYARAN (%)	JUMLAH SEBENAR DIBAYAR (RM)
Preliminaries And Turnkey Elements	8	1,198,900	8	1,198,900
Upon completion of keel laying	25	3,596,700	25	3,596,700
Upon installation of main engine, propulsion unit, generator set and survey equipment				
- Kos Asal RM2,397,800				
- Arahan Perubahan Kerja 1 RM1,274,332	21	2,997,250	21	2,997,250
Upon completion of hull	26	3,672,132	26	3,672,132
Upon launching of vessel	8	1,198,900	8	1,198,900
Upon acceptance of vessel	4	599,450	1.64	245,774
Perolehan Peralatan Penyelidikan (Arahan Perubahan Kerja 2)	8	1,122,000	6.72	947,369
<b>JUMLAH</b>	<b>100</b>	<b>14,385,332</b>	<b>96.36</b>	<b>13,857,025</b>

*Sumber: Rekod Pejabat Pembangunan Dan Harta*

2.4.2.4 Bagaimanapun, pembayaran sebenar yang dibuat oleh UMT kepada kontraktor setelah ditolak denda dan ganti rugi adalah berjumlah RM13.17 juta menjadikan denda dan ganti rugi yang telah dibayar adalah sejumlah RM690,680.


**Pada pendapat Audit, perancangan projek pembinaan kapal yang tidak teliti menyebabkan perbelanjaan bagi perolehan kapal melebihi siling peruntukan yang diluluskan oleh UPE dan Kementerian Kewangan.**

#### **2.4.3 Prestasi Kontraktor Tidak Memuaskan**

##### **2.4.3.1 Pemasangan Balast Kekal Tidak Mematuhi Kehendak International Maritime Organisation**

- a. Fungsi utama balast kekal ialah untuk merendahkan pusat graviti dan meningkatkan *draft* kapal. Pusat graviti yang rendah adalah penting untuk kestabilan kapal dan peningkatan *draft* diperlukan untuk menenggelamkan bebaling (*propeller*) yang menjana daya tujah untuk kapal. Mengikut Chapter 2.4 Permanent Ballast, Code of Intact Stability, International Maritime Organisation (IMO) berkaitan pemasangan balast kekal, kontraktor hendaklah menempatkan balast kekal selaras dengan pelan yang diluluskan oleh Jabatan Laut. Selain itu, butiran mengenai penempatan balast kekal perlu ditunjukkan dalam *final intact stability booklet* yang diluluskan.
- b. Pemeriksaan Audit mendapati kontraktor telah melaksanakan pemasangan balast kekal seberat 15 tan ke atas kapal RV Discovery seperti yang dicadangkan oleh perek bentuk kapal. Keperluan pemasangan balast kekal ini telah disahkan melalui pelaksanaan *inclining test* pertama pada 10 Ogos 2011. Bagaimanapun, kontraktor tidak mengemukakan permohonan pemasangan balast kekal kepada Jabatan Laut untuk kelulusan. Menurut pegawai Jabatan Laut, *stability booklet* yang dikemukakan oleh kontraktor tidak mempunyai butiran mengenai penempatan balast kekal seberat 15 tan. Oleh itu, penambahan balast kekal adalah tidak mematuhi peraturan IMO.
- c. Pemeriksaan Audit terhadap pelan lokasi balast kekal mendapati kontraktor tidak menunjukkan balast kekal yang dipasang di antara bilik kru kapal dengan bilik enjin di dalam pelan tersebut. Oleh itu, pelan lokasi balast kekal tidak menggambarkan pemasangan balast kekal yang sebenar seperti gambar berikut:

**GAMBAR 2.5**  
Pelan Lokasi Balast Kekal



Sumber: Final Intact Stability Booklet

**GAMBAR 2.6**  
Balast Kekal Yang Dipasang Di Antara Bilik Enjin Dan Bilik Kru Kapal



Lokasi: Kapal Penyelidikan Dan Latihan RV Discovery  
Tarikh: 19 Februari 2013

- d. Berdasarkan laporan Jawatankuasa Teknikal Kapal RV Discovery, penambahan balast kekal telah menyebabkan kapal sentiasa beroleng ketika berlabuh. Jabatan Laut juga mengesahkan penambahan balast kekal dan kedudukan rumah kemudi yang tinggi dari paras air adalah antara faktor kapal tersebut beroleng. Keadaan ini tidak sesuai untuk para penyelidik dan pelajar menjalankan aktiviti persampelan dasar laut.

**Pada pendapat Audit, kontraktor tidak mematuhi peraturan pemasangan balast kekal yang ditetapkan oleh International Maritime Organisation. Pemasangan balast kekal juga menyebabkan kapal sentiasa beroleng ketika berlabuh.**

#### Maklum Balas Daripada UMT Diterima Pada 20 Mei 2013.

**Pihak kontraktor memaklumkan penambahan balast kekal telah diluluskan oleh Ships Classification Malaysia Sdn. Berhad (SCM) pada 28 Mac 2012. Penambahan balast kekal adalah sebahagian daripada proses kelulusan Final Intact Stability Booklet. Sehubungan itu, segala permohonan, kelulusan pelan dan pemeriksaan kapal terhadap penambahan balast kekal telah dilaksanakan oleh SCM.**

**Inclining Test dan Stability Booklet adalah ukuran stabiliti kapal. Oleng atau rolling adalah isu seakeeping dan tiada kaitan dengan stabiliti atau keselamatan kapal. Rolling di atas kapal RV Discovery adalah lebih dirasai kerana mempunyai dek tinggi dari paras air terutama di rumah kemudi. Rolling boleh dikurangkan dengan memasang bilge keel, dynamic fin stabilizer atau dengan teknologi terkini iaitu gyro stabilizers.**

#### **2.4.3.2 Pembatalan Pengecualian Dari Keperluan International Maritime Organisation Resolution - Code of Intact Stability**

- a. Berdasarkan perjanjian, kontraktor hendaklah membina kapal RV Discovery mengikut International Maritime Organisation (IMO), Stability Criteria – IMO Resolution A749(18) Chapter 3 – Design Criteria Applicable to All Ships. Berdasarkan IMO tersebut, salah satu kriteria kestabilan kapal yang perlu dipatuhi adalah *severe wind and rolling* yang menetapkan nilai tekanan angin pada Beaufort Wind Force skala 10. Nilai tekanan angin boleh dikurangkan bagi kapal *restricted service* tertakluk kepada kelulusan pengecualian daripada Jabatan Laut.
- b. Pengiraan stabiliti bagi kapal RV Discovery hanya layak sehingga nilai tekanan angin Beaufort Wind Force skala 5 sahaja. Justeru itu, bagi mendapatkan pengecualian dari keperluan Beaufort Wind Force skala 10, kontraktor hendaklah mengemukakan *final intact stability booklet* yang mengandungi keputusan *inclining test* dan sokongan daripada Badan Pengkelas Kapal menerusi borang pengecualian MSN 05/2008 kepada Jabatan Laut.
- c. Semakan Audit mendapati kontraktor telah menjalankan *inclining test* sebanyak 2 kali terhadap kapal RV Discovery. *Inclining test* yang pertama dijalankan pada 10 Ogos 2011 bagi mengetahui kedudukan pusat graviti kapal dan mengesahkan keperluan penambahan balast kekal. Selepas penambahan balast kekal dilaksanakan, *inclining test* kedua telah dijalankan pada 16 Februari 2012 bagi mengetahui pusat graviti kapal yang baru.
- d. Semakan lanjut mendapati Jabatan Laut telah meluluskan pengecualian beroperasi sehingga Beaufort Wind Force skala 6 kepada kapal RV Discovery pada 7 Jun 2012 berdasarkan sokongan daripada Badan Pengkelas Kapal menerusi borang pengecualian MSN 05/2008. Bagaimanapun, hasil pemeriksaan Audit bersama Jabatan Laut mendapati kontraktor mengemukakan keputusan *inclining test* yang pertama pada 10 Ogos 2011 iaitu sebelum penambahan balast kekal kepada Jabatan Laut. Keputusan tersebut masih di peringkat *preliminary stability booklet* dan tidak mempunyai maklumat penambahan balast kekal.
- e. Justeru itu, Jabatan Laut telah mengambil tindakan serta merta dengan menarik balik kelulusan pengecualian belayar sehingga Beaufort Wind Force skala 6 terhadap kapal RV Discovery berkuat kuasa pada 21 Januari 2013.

**Pada pendapat Audit, keputusan *inclining test* sebelum penambahan balast kekal yang dikemukakan oleh kontraktor tidak menggambarkan struktur sebenar kapal RV Discovery.**

**Maklum Balas Daripada Kontraktor Diterima Pada 14 Jun 2013.**

**Pihak kontraktor memaklumkan telah memohon semula pengecualian kelajuan angin kepada Jabatan Laut pada 28 Februari 2013 dan Jabatan Laut telah meluluskan pengecualian pelayaran sehingga Beaufort Wind Force skala 5 pada 5 Jun 2013.**

**2.4.3.3 Kontraktor Membuat Pindaan Terhadap Dokumen Asal**

- a. Kontraktor dikehendaki melengkapkan borang *Application For The Exemption From And Extension Of An International Convention Requirement* (MSN 05/2008) bagi mendapatkan kelulusan pengecualian beroperasi daripada Jabatan Laut. Nilai tekanan angin yang dibenarkan bagi pelayaran kapal RV Discovery perlu disokong oleh Badan Pengkelasan Kapal sebelum dimajukan kepada Jabatan Laut untuk kelulusan.
- b. Pemeriksaan Audit terhadap kapal RV Discovery bersama pegawai Jabatan Laut telah dijalankan pada 20 Disember 2012. Lanjutan dari pemeriksaan tersebut, Jabatan Laut telah mengadakan satu mesyuarat pada 1 Februari 2013 bersama Badan Pengkelasan Kapal bagi membincangkan hal berkaitan pembinaan kapal RV Discovery. Menurut Badan Pengkelasan Kapal, pihaknya menyokong permohonan kontraktor bagi nilai tekanan angin sehingga Beaufort Wind Force skala 5 sahaja. Bagaimanapun, kontraktor telah meminda borang permohonan pengecualian nilai tekanan angin bertarikh 7 Jun 2012 yang disokong oleh Badan Pengkelasan Kapal dari Beaufort Wind Force skala 5 kepada skala 6 dan seterusnya dikemukakan kepada Jabatan Laut. Jabatan Laut mengesahkan menerima permohonan pengecualian nilai tekanan angin sehingga Beaufort Wind Force skala 6 daripada kontraktor. Pindaan yang dibuat adalah seperti berikut:

**RAJAH 2.1**  
**PERMOHONAN PENGECAULIAN NILAI TEKANAN ANGIN YANG DISOKONG**  
**OLEH BADAN PENGKELASAN KAPAL**

Details of Certificate(s) required:		
Exemption Certificate:	Exempted from the requirements of :	Conferred by the Regulations of:
	WIND PRESSURE	IMO RES A.749(18) CH. 8, 2.2
Reason(s) to support the application:		
RESTRICTED SERVICE OF VESSEL OPERATION UP TO BEAUFORT FORCE 5 AS PER CONTRACT		
Duration Requested:		
INDEFINATE.		

Sumber: Rekod Jabatan Laut

**RAJAH 2.2**  
**PINDAAN PERMOHONAN PENGECAULIAN NILAI TEKANAN ANGIN OLEH**  
**KONTRAKTOR YANG DIKEMUKAKAN KEPADA JABATAN LAUT**

<u>Details of Certificate(s) required:</u>  Exemption Certificate:	Exempted from the requirements of: <b>WIND PRESSURE</b> Conferred by the Regulations of: <b>IMO RES A.749(18) Ch. 3.2.2</b>  Reason(s) to support the application: <b>RESTRICTED SERVICE OF VESSEL OPERATION UP TO BEAUFORT FORCE AS PER CONTRACT &amp; MAX TO BEAUFORT FORCE 6 FOR SAFETY</b>  Duration Requested: <b>INDEFINITE</b>
--	---

Sumber: Rekod Jabatan Laut

- c. Pindaan yang dibuat oleh kontraktor terhadap permohonan pengecualian nilai tekanan angin yang telah disokong oleh Badan Pengkelasan Kapal telah meletakkan pelayaran RV Discovery berisiko tinggi kerana terdapat perbezaan nilai tekanan angin di antara Beaufort Wind Force skala 5 dengan skala 6 seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.7**  
**PERBEZAAN NILAI TEKANAN ANGIN ANTARA BEAUFORT WIND FORCE SKALA 5 DAN SKALA 6**

BEAUFORT WIND FORCE	KELAJUAN ANGIN (Kilometer/ Jam)	KETINGGIAN OMBAK	KEADAAN LAUT
Skala 5	29 hingga 38	<ul style="list-style-type: none"> <li>2 - 3 meter</li> <li>6 - 9 kaki</li> </ul>	Gelombang ombak sederhana
Skala 6	39 hingga 49	<ul style="list-style-type: none"> <li>3 - 4 meter</li> <li>9 - 13 kaki</li> </ul>	Gelombang ombak yang panjang

Sumber: Jabatan Laut

Pada pendapat Audit, pindaan permohonan pengecualian nilai tekanan angin oleh kontraktor tanpa pengetahuan Badan Pengkelasan Kapal telah meletakkan pelayaran kapal RV Discovery dan kru kapal dalam keadaan berisiko tinggi.

**Maklum Balas Daripada Kontraktor Diterima Pada 20 Mei 2013.**

*Pihak kontraktor memaklumkan melalui semakan yang dibuat terhadap dokumen rasmi berkaitan kapal RV Discovery, permohonan pengecualian melalui borang MSN 05/2008 – Wind Pressure – IMO A.749 (18) Ch 3.2.2 adalah yang menyatakan ‘restricted service of vessel operation up to Beaufort force 5 as per contract & max to Beaufort 6 for safety’.*

#### **2.4.3.4 Lulus Ujian Kualiti Walaupun Prosedur Tidak Dipatuhi**

- a. Mengikut perjanjian, kontraktor perlu memastikan kapal yang dibina telah melalui 3 fasa ujian kualiti dan diluluskan oleh Badan Pengkelasan Kapal sebelum penyerahan kapal kepada UMT. Ujian kualiti yang perlu dilaksanakan terhadap kapal baru adalah seperti berikut:
  - i. *Factory Acceptance Test (FAT)* bertujuan mengkaji kebolehupayaan enjin utama.
  - ii. *Harbour Acceptance Test (HAT)* bertujuan mengesahkan kapal dan peralatan siap, berfungsi, beroperasi dan bebas dari kecacatan.
  - iii. *Sea Acceptance Test (SAT)* bertujuan mengenal pasti prestasi dan ketahanan/kemampuan kapal melalui ujian kelajuan (speed trial), ujian lapangan (range trial) dan ujian ketahanan (endurance trial).

Perjanjian juga menyatakan ujian perlu dilaksanakan dengan kehadiran wakil UMT dan Badan Pengkelasan Kapal. UMT bertanggungjawab mengkaji prosedur ujian dan boleh meminda serta membuat tambahan terhadap kecukupan prosedur yang dikemukakan.

- b. Semakan Audit mendapati kapal RV Discovery telah berjaya dilancarkan ke air pada 18 Mei 2011. SAT yang pertama telah diadakan pada 20 Oktober 2011. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati SAT yang dijalankan tidak mengikut prosedur ujian yang ditetapkan. Perbezaan prosedur ujian adalah seperti berikut:

**JADUAL 2.8  
PELAKSANAAN SEA ACCEPTANCE TEST TIDAK MEMATUHI PROSEDUR UJIAN**

UJIAN	PROSEDUR YANG DITETAPKAN	PROSEDUR YANG DIBUAT	PERBEZAAN PROSEDUR	KEPUTUSAN
<i>Progressive speed trials</i>	<i>Full load displacement :</i> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengisian minyak penuh 52,000 liter</li> <li>• Pengisian air bersih 16,000 liter</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengisian minyak 33,284 liter</li> <li>• Pengisian air bersih 14,979 liter</li> </ul>	Kurang 18,716 liter Kurang 1,021 liter	Lulus
<i>Range trials</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk menggerakkan kapal pada kelajuan 10 knot secara berterusan dalam kondisi separuh beban</li> <li>• Ujian perlu dijalankan tidak kurang dari 4 jam</li> <li>• Pengisian minyak penuh 20,000 liter. Separuh pengisian 10,000 liter.</li> <li>• Pengisian air bersih 8,000 liter. Separuh pengisian 4,000 liter.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengisian minyak 33,284 liter</li> <li>• Pengisian air bersih 14,976 liter</li> </ul>	Lebih 23,284 liter Lebih 10,976 liter	Lulus
<i>Endurance trials</i>	Ujian perlu dijalankan tidak kurang dari 4 jam.	Ujian dijalankan selama 2 jam disebabkan keadaan cuaca buruk.	Kurang 2 jam	Lulus

*Sumber: Sijil Sea Acceptance Test*

Pada pendapat Audit, keputusan *Sea Acceptance Test* adalah tidak tepat memandangkan ujian tersebut dijalankan tanpa mengikut prosedur yang ditetapkan.

**Maklum Balas Daripada UMT Diterima Pada 20 Mei 2013.**

*UMT memaklumkan tidak mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam pembinaan kapal dan telah menyerahkan pelaksanaan ujian kepada kontraktor dan SCM kerana SCM merupakan Badan Pengkelasan Kapal yang telah diberi mandat oleh Kementerian Pengangkutan. Tambahan lagi, tender telah ditawarkan secara reka dan bina.*

**2.4.3.5 Kapal Tidak Mempunyai Sijil Layak Belayar**

- a. Badan Pengkelasan Kapal yang diiktiraf telah diberi mandat oleh Jabatan Laut bagi meluluskan sebahagian pelan dan manual, memeriksa struktur dan mengeluarkan sijil statutori bagi kapal. Sijil yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut adalah berdasarkan keperluan yang diguna pakai semasa pembinaan kapal. Oleh itu, bagi tujuan pengeluaran sijil kapal RV Discovery, Badan Pengkelasan Kapal dan Jabatan Laut akan mengeluarkan sijil layak belayar seperti berikut:

**JADUAL 2.9  
KONVENSYEN ANTARABANGSA YANG PERLU DIPATUHI  
BAGI PENGELOUARAN SIJIL LAYAK BELAYAR**

KONVENSYEN ANTARABANGSA	SIJIL STATUTORI YANG PERLU DIKELUARKAN
Tanan – Pengukuran Tanan Kapal-kapal 1969	<i>International Tonnage Certificate (ITC)</i>
Garisan Beban, 1966 – Garisan Beban, 1966 termasuk Beban Berbilang	<i>International Load Line Certificate (ILLC)</i>
Dynamical Support Craft Code (DSC) 1994	Sijil Penumpang ( <i>Passenger Certificate</i> )
MARPOL – Pencegahan Pencemaran dari Kapal-kapal 73/78	<i>International Sewage Pollution Prevention Certificate (ISPPC)</i>

*Sumber: Arahan-arahan Organisasi Yang Diiktiraf Oleh Jabatan Laut Malaysia (Arahan RO 6/2011 – Pindaan Januari 11)*

- b. Semakan Audit mendapati Badan Pengkelasan Kapal hanya mengeluarkan *International Load Line Certificate (ILLC)* dan *International Tonnage Certificate (ITC)* kepada kapal RV Discovery. Jabatan Laut memaklumkan kapal tersebut belum layak beroperasi kerana kapal RV Discovery tidak mempunyai Sijil Penumpang (*Passenger Certificate*) dan *International Sewage Pollution Prevention Certificate (ISPPC)* setakat bulan Jun 2013.

**Pada pendapat Audit, kegagalan UMT memperoleh kesemua Sijil Layak Belayar menyebabkan RV Discovery tidak dapat beroperasi.**

**Maklum Balas Daripada UMT Diterima Pada 20 Mei 2013.**

**Pihak kontraktor memaklumkan permohonan mendapatkan Sijil Penumpang perlu dikemukakan oleh UMT kepada Jabatan Laut.**

#### **2.4.4 Perubahan Kerja Dilaksanakan Sebelum Kelulusan Arahan Perubahan Kerja**

- 2.4.4.1 Arahan Perubahan Kerja (APK) melibatkan pertukaran bahan badan kapal dari besi kepada aluminium telah diluluskan oleh Lembaga Perolehan B UMT. Perubahan kerja ini telah mengakibatkan peningkatan kos berjumlah RM1.27 juta atau 10.7% daripada kos asal seperti berikut:
- 2.4.4.2 Arahan Perubahan Kerja (APK) melibatkan pertukaran bahan badan kapal dari besi kepada aluminium telah diluluskan oleh Lembaga Perolehan B UMT. Perubahan kerja ini telah mengakibatkan peningkatan kos berjumlah RM1.27 juta atau 10.7% daripada kos asal seperti berikut:

**JADUAL 2.10**  
**ARAHAN PERUBAHAN KERJA PROJEK PEMBINAAN**  
**KAPAL PENYELIDIKAN DAN LATIHAN**

PERUBAHAN KERJA	PIHAK BERKUASA MELULUS	TARIKH MELAKSANA APK	TARIKH KELULUSAN APK	TARIKH KONTRAKTOR TERIMA APK	KOS (RM)
<b>APK 1</b> Perubahan bahan badan kapal dari besi kepada aluminium.	Mesyuarat Lembaga Perolehan B Bilangan 1 Tahun 2009	24.11.2008	28.01.2009	11.02.2009	1,274,332

*Sumber: Rekod Pejabat Pembangunan Dan Harta*

- 2.4.4.3 Penyata keperluan spesifikasi teknikal kapal yang dikemukakan oleh UMT semasa tawaran tender menghendaki badan kapal dibina dari besi. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap minit mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Perolehan Kapal pada 4 September 2008 mendapati kontraktor telah diminta untuk menyediakan perbandingan kos antara kapal besi dengan kapal aluminium. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Perolehan Kapal seterusnya yang diadakan pada 24 November 2008 menyatakan kontraktor telah meneruskan pelan reka bentuk kapal aluminium dan pembelian bahan aluminium sedangkan Arahan Perubahan Kerja tersebut hanya diluluskan pada 28 Januari 2009 seperti kronologi berikut:

**JADUAL 2.11**  
**KRONOLOGI KELULUSAN ARAHAN PERUBAHAN KERJA NO.1**

TARIKH	PERISTIWA
4 September 2008	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Perolehan Kapal telah diadakan bagi memperkenalkan kontraktor yang berjaya mendapat tawaran merekabentuk, membina, menguji dan mentauliah kapal penyelidikan dan latihan UMT.  Merujuk kepada minit mesyuarat tersebut, kontraktor diminta untuk menyediakan perbandingan kos antara kapal besi dengan kapal aluminium.
8 September 2008	Perjanjian ditandatangani antara UMT dan kontraktor.
24 November 2008	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Perolehan Kapal Bilangan 2 Tahun 2008 diadakan. Kontraktor memohon Arahan Perubahan Kerja No. 1 diluluskan dengan segera. <b>Bagaimanapun, kontraktor telah meneruskan proses perubahan reka bentuk kapal dan pembelian bahan aluminium.</b>
28 Januari 2009	Lembaga Perolehan B meluluskan APK No. 1.

*Sumber: Rekod Pejabat Pembangunan Dan Harta*

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan perubahan kerja sebelum mendapat kelulusan Arahan Perubahan Kerja adalah melanggar Arahan Perbendaharaan yang berkuatkuasa.**

**Maklum Balas Daripada UMT Diterima Pada 20 Mei 2013.**

*UMT memaklumkan keputusan perubahan kerja untuk menukar bahan badan kapal kepada aluminium telah diputuskan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal UMT yang dipengerusi oleh Pengarah Institut Oseanografi (wakil Pegawai Penguasa Jawatankuasa Teknikal Kapal UMT) dan telah diluluskan oleh Lembaga Perolehan B yang dipengerusikan oleh mantan Naib Canselor.*

#### **2.4.5 Syarat Perjanjian Tidak Dipatuhi**

##### **2.4.5.1 Spesifikasi Dan Jenama Peralatan Kapal Tidak Mengikut Perjanjian**

- a. Mengikut perenggan 8.6 perjanjian, sekiranya peralatan kapal didapati mempunyai kecacatan, rosak, memiliki kualiti yang rendah dan berbeza dari segi kuantiti, atau bahan berbanding spesifikasi yang ditetapkan, UMT mempunyai hak untuk menolak penerimaan peralatan tersebut melalui notis penolakan. UMT hendaklah menuntut kepada kontraktor supaya membekalkan peralatan mengikut perjanjian yang telah ditandatangani melainkan terdapat persetujuan bersama secara bertulis.

- b. Pihak Audit telah membuat perbandingan antara senarai peralatan utama kapal (*major equipment lists*) yang dilampirkan dalam perjanjian dengan senarai peralatan sebenar yang dibekalkan oleh kontraktor. Perbandingan yang dibuat mendapati perbezaan spesifikasi terhadap 7 peralatan kapal seperti jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 2.12**  
**PERALATAN YANG DIBEKALKAN TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI KONTRAK**

NAMA ALAT	SPESIFIKASI PERALATAN MENGIKUT PERJANJIAN	SPESIFIKASI PERALATAN YANG DIBEKAL	RUJUKAN GAMBAR	TINDAKAN SELEPAS MESYUARAT ANTARA JAN DAN UMT PADA 20.05.2013
Gear Box	Model MGX 5321 Dry weight: 1678 kg	Model MGX5225 Dry weight :1050 kg	Gambar 2.7	
Shaft	Diameter: 110 mm	Diameter :127 mm	Gambar 2.8	
Propeller	Diameter: 1250 mm	Diameter :1560 mm	Gambar 2.9	
Davit	Capacity: 5 T swl	Capacity : 1 T swl	Gambar 2.10	
Survey Launch Boat	5.4 meter aluminium workboat powered by 60HP ETEC	6 meter aluminium workboat powered by 40 HP ETEC	Gambar 2.11	Kontraktor telah menukar kepada enjin sangkut baru 60 HP ETEC.
Marine Radar	17 " high resolution colour LCD, 96 n.m.	19 " high resolution colour radar, 72 n.m.	Gambar 2.13	Persetujuan tidak direkodkan dalam minit mesyuarat bilangan 3/2008. UMT akan membuat pelarasan harga sebelum memuktamadkan harga kontrak.
Scientific Echo Sounder	10" TFT colour LCD	8 " TFT colour LCD	Gambar 2.14	

*Nota: JAN – Jabatan Audit Negara*

*Sumber: Rekod Pejabat Pembangunan Dan Harta*

**GAMBAR 2.7**  
**Gear Box**



Lokasi: Kapal Penyelidikan Dan Latihan RV Discovery  
Tarikh: 19 Februari 2013

**GAMBAR 2.8**  
**Shaft**



Lokasi: Kapal Penyelidikan Dan Latihan RV Discovery  
Tarikh: 19 Februari 2013

**GAMBAR 2.9**  
*Propeller*



Lokasi: Kapal Penyelidikan Dan Latihan RV Discovery  
Tarikh: 19 Februari 2013

**GAMBAR 2.10**  
*Davit*



Lokasi: Kapal Penyelidikan Dan Latihan RV Discovery  
Tarikh: 19 Februari 2013



**GAMBAR 2.11**  
*Survey Launch Boat*

Lokasi: Kapal Penyelidikan Dan Latihan RV Discovery  
Tarikh: 19 Februari 2013

- c. Semakan selanjutnya mendapati kontraktor juga tidak membekalkan peralatan kapal mengikut jenama yang telah dimuktamadkan dalam perjanjian. Berikut adalah senarai dan gambar bagi 8 peralatan kapal yang dibekalkan dengan jenama yang berbeza oleh kontraktor:

**JADUAL 2.13**  
**PERALATAN KAPAL YANG DIBEKALKAN DENGAN JENAMA YANG BERBEZA**

NAMA PERALATAN	JENAMA PERALATAN MENGIKUT KONTRAK	JENAMA PERALATAN YANG DIBEKAL	RUJUKAN GAMBAR	TINDAKAN SELEPAS MESYUARAT ANTARA JAN DAN UMT PADA 18.02.2013
Portable VHF Transceiver	Sailor Model SP 3520 Portable GMDSS	Simrad Model AX50 GMDSS	Gambar 2.12	
Marine Radar	Simrad Model RA84	Koden Model 2910	Gambar 2.13	
Scientific Echo Sounder	Simrad Model CS68	Koden Model CVS 833	Gambar 2.14	UMT akan membuat pelarasan harga peralatan sebelum memuktamadkan harga kontrak.

NAMA PERALATAN	JENAMA PERALATAN MENGIKUT KONTRAK	JENAMA PERALATAN YANG DIBEKAL	RUJUKAN GAMBAR	TINDAKAN SELEPAS MESYUARAT ANTARA JAN DAN UMT PADA 18.02.2013
<i>Electronic Chart and Display Information System (ECDIS)</i>	Simrad	Navmaster	Gambar 2.15	
AIS System Receiver	Simrad Model A 150	FURUNO Model FA-150	Gambar 2.16	
Search And Resque Transponder (SART)	Simrad SA 50	Sailor SART II	Gambar 2.17	
<i>Emergency Positioning Indicating Radiobeacon (EPIRB)</i>	Simrad EP50	Sailor SE 406-11	Gambar 2.18	
Differential Global Positioning System (GPS)	Simrad	KODEN KGP 920D	Gambar 2.19	

Nota: JAN – Jabatan Audit Negara

Sumber: Rekod Pejabat Pembangunan Dan Harta

**GAMBAR 2.12**  
*Portable VHF Transceiver*



Lokasi: Kapal Penyelidikan Dan Latihan RV Discovery  
Tarikh: 19 Februari 2013

**GAMBAR 2.13**  
*Marine Radar*



Lokasi: Kapal Penyelidikan Dan Latihan RV Discovery  
Tarikh: 20 Disember 2012

**GAMBAR 2.14**  
*Scientific Echo Sounder*



Lokasi: Kapal Penyelidikan Dan Latihan RV Discovery  
Tarikh: 7 November 2012




Lokasi: Kapal Penyelidikan Dan Latihan RV Discovery  
Tarikh: 19 Februari 2013

**GAMBAR 2.15**  
*Navmaster ECDIS*



Lokasi: Kapal Penyelidikan Dan Latihan RV Discovery  
Tarikh: 20 Disember 2012

**GAMBAR 2.16**  
*AIS System Receiver*



Lokasi: Kapal Penyelidikan Dan Latihan RV Discovery  
Tarikh: 20 Disember 2012

**GAMBAR 2.17**  
*SART*



Lokasi: Kapal Penyelidikan Dan Latihan RV Discovery  
Tarikh: 19 Februari 2013

**GAMBAR 2.18**  
*EPIRB*



Lokasi: Kapal Penyelidikan Dan Latihan Rv Discovery  
Tarikh: 19 Februari 2013



**GAMBAR 2.19**  
*Differential GPS*

Lokasi: Kapal Penyelidikan Dan Latihan RV Discovery  
Tarikh: 20 Disember 2012

- d. Semakan Audit mendapati nilai kontrak tidak menyatakan harga terperinci setiap peralatan. Ini akan menyukarkan pengiraan harga muktamad kontrak dan perekodan perakaunan. Pihak Audit telah mengadakan mesyuarat bersama UMT pada 20 Mei 2013 bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai pertukaran spesifikasi dan jenama peralatan. UMT memaklumkan pertukaran spesifikasi dan jenama peralatan telah dibuat dengan persetujuan bersama kontraktor. UMT juga akan mengenal pasti perubahan kos yang terlibat sebelum memuktamadkan harga kontrak perolehan kapal tersebut.

**Pada pendapat Audit, proses tender yang tertangguh sejak tahun 2006 menyebabkan penyata keperluan spesifikasi yang disediakan oleh UMT tidak terkini dan menyebabkan peralatan kapal yang dicadang tiada dalam pasaran. Kegagalan UMT dan kontraktor mengenal pasti perubahan kos yang terlibat menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak dipelihara.**

#### **Maklum Balas Daripada UMT Diterima Pada 20 Mei 2013.**

*UMT memaklumkan perolehan projek ini telah dilaksanakan secara reka dan bina. Oleh itu, cadangan pembekalan dan pemasangan peralatan adalah berdasarkan cadangan kontraktor bersama persetujuan Jawatankuasa Teknikal UMT. Pelarasan harga peralatan akan dilakukan dari semasa ke semasa sebelum Perakuan Muktamad dikeluarkan.*

*Pihak kontraktor memaklumkan harga di dokumen perjanjian dibuat secara ‘lumpsum’ serta tidak mempunyai ‘bill of quantity’. Oleh itu, perkara ini akan menyukarkan pelarasan harga kelak. Bagaimanapun, pihak kontraktor akan menyemak dan menyelaras semula harga peralatan.*

#### **2.4.5.2 Senarai Alat Ganti Tidak Dikemukakan**

- a. Perenggan 9.2 perjanjian menyatakan selepas 18 bulan dari tarikh perjanjian ditandatangani, kontraktor hendaklah mengemukakan kepada UMT senarai lengkap harga peralatan tambahan, alat ganti dan aksesori yang perlu bagi tempoh 5 tahun. Perenggan 9.3 pula menyatakan UMT boleh membeli daripada kontraktor peralatan tambahan seperti senarai harga yang dikemukakan dalam tempoh 12 bulan. Pembelian akan dibuat mengikut syarat yang akan ditentukan bersama melalui perjanjian berasingan.
- b. Semakan Audit mendapati kontraktor tidak mengemukakan senarai terperinci dan harga bagi peralatan tambahan, alat ganti serta aksesori kapal sebagai rujukan dan perbandingan sekiranya peralatan tersebut rosak. Senarai terperinci peralatan berserta harga ini diperlukan bagi mendapatkan

harga yang berpatutan memandangkan sebahagian peralatan kapal diimport dari luar negara. Peralatan kapal yang perlu dinyatakan senarai terperinci dan harga alat ganti adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.14**  
**PERALATAN KAPAL YANG MEMERLUKAN SENARAI**  
**TERPERINCI DAN HARGA ALAT GANTI**

PERALATAN KAPAL
Catterpillar C32 Acert Engines
Cummins 6CTA 8.3-D (M) Generating set
Cummins \$B 3.9 (M) Generating Set
Steering Gear
Crane And Davit
Anchor Windlass
Radio Equipment
Radar Equipment
Air Conditions Unit

*Sumber: Perjanjian Perolehan Kapal*

Pada pendapat Audit, kontraktor perlu mengemukakan senarai terperinci dan harga alat ganti peralatan kapal mengikut syarat tender supaya UMT tidak akan menghadapi masalah untuk mencari alat ganti pada masa akan datang sekiranya peralatan tersebut rosak. Perkara ini perlu diberi perhatian untuk memastikan peralatan sentiasa boleh digunakan kerana sejumlah besar peralatan diimport dari luar negara.

#### **2.4.6 Kualiti Pembinaan Kapal**

Pemeriksaan Audit terhadap kapal RV Discovery telah dijalankan bersama pegawai Jabatan Laut pada 20 Disember 2012 dan 19 Februari 2013. Pihak Audit mendapati kualiti pembinaan kapal tidak mematuhi peraturan/standard yang ditetapkan oleh Jabatan Laut Malaysia dan International Maritime Organisation seperti berikut:

##### **2.4.6.1 Kabel Elektrik Dipasang Di Bawah Set Generator**

- a. Pemeriksaan Audit mendapati kontraktor telah memasang kabel elektrik yang menyambungkan generator ke panel kuasa utama di bawah generator. Berdasarkan amalan terbaik, pemasangan kabel di bawah generator ini adalah tidak sesuai kerana terdedah kepada risiko kebakaran.




**GAMBAR 2.20**  
**Kabel Elektrik Dipasang Di Bawah Set Generator**

Lokasi: Bilik Enjin Kapal Penyelidikan Dan Latihan RV Discovery  
Tarikh: 19 Februari 2013

#### **2.4.6.2 Sambungan Pada Hos Saluran Minyak Bertekanan Tinggi Tidak Dibalut Dengan Pita Anti Percikan**

- Berdasarkan amalan terbaik, sambungan hos tersebut perlu dibalut dengan pita anti percikan kerana berdekatan dengan panel kuasa utama bagi mengelak kebakaran. Pemeriksaan Audit mendapati kontraktor tidak membalut sambungan pada hos saluran minyak bertekanan tinggi dengan pita anti percikan (*anti-splashing tape*).

**GAMBAR 2.21**  
**Hos Saluran Minyak Bertekanan Tinggi Tidak Dibalut Dengan Pita Anti Percikan**



Lokasi: Bilik Enjin Kapal Penyelidikan Dan Latihan RV Discovery  
Tarikh: 19 Februari 2013

#### **2.4.6.3 Lampu Di Steering Gear Compartment Tidak Berfungsi**

- Pihak Audit mendapati lampu di *steering gear compartment* tidak berfungsi. Ini menyukarkan laluan kru kapal ke *steering gear compartment*.



**GAMBAR 2.22**  
**Lampu Di Steering Gear Compartment**  
**Tidak Berfungsi**

Lokasi: Bilik Enjin Kapal Penyelidikan Dan Latihan  
RV Discovery  
Tarikh: 19 Februari 2013

**Maklum Balas Daripada UMT Diterima Pada 20 Mei 2013.**

*Pihak kontraktor memaklumkan sistem lampu akan diperiksa dan diganti sekiranya perlu.*

#### **2.4.6.4 Rakit Keselamatan Tamat Tempoh Penggunaan**

- a. Rakit keselamatan (*life raft*) merupakan alat bantuan sekiranya berlaku kecemasan seperti kebakaran atau kapal tenggelam. Rakit ini boleh memuatkan seramai 25 penumpang. Berdasarkan sijil rakit keselamatan kapal RV Discovery, rakit tersebut perlu disenggara selepas 12 bulan dari tarikh pemeriksaan akhir. Pihak Audit mendapati tarikh pemeriksaan akhir rakit keselamatan tersebut adalah pada 4 Oktober 2011 dan sepatutnya disenggara semula pada 4 Oktober 2012.
  
- b. Pemeriksaan Audit pada 20 Disember 2012 mendapati 2 rakit keselamatan tidak disenggara dan telah tamat tempoh penggunaan. Rakit keselamatan yang telah tamat tempoh berisiko tinggi kepada penumpang sekiranya ia tidak dapat berfungsi dengan sempurna. UMT telah membangkitkan perkara ini pada bulan Januari 2013, namun tiada tindakan diambil oleh kontraktor. Rakit keselamatan yang telah tamat tempoh penggunaan adalah seperti di gambar berikut:



**GAMBAR 2.23**  
**Rakit Keselamatan Yang Telah Tamat Tempoh Penggunaan**

Lokasi: Kapal Penyelidikan Dan Latihan RV Discovery  
Tarikh: 20 Disember 2012

**Maklum Balas Daripada Kontraktor Diterima Pada 20 Mei 2013.**

*Pihak kontraktor memaklumkan telah memperbaharui rakit tersebut sebanyak 2 kali memandangkan tempoh penyerahan kapal mengambil masa yang lama. Bagaimanapun, kontraktor akan mengambil tindakan menyenggara rakit keselamatan tersebut.*

**2.4.6.5 Kondensasi di Siling Bilik Mandi**

- a. Pemeriksaan Audit mendapati berlaku kondensasi di siling bilik mandi dek bawah. Menurut UMT, perkara ini berlaku kerana saluran penghawa dingin yang terletak di atas siling tidak dipasang penebat. UMT perlu membuat pemeriksaan semula supaya masalah kondensasi ini dapat diatasi.

**GAMBAR 2.24**  
**Kondensasi Di Siling Bilik Mandi**



Lokasi: Kapal Penyelidikan Dan Latihan RV Discovery  
Tarikh :19 Februari 2013

**Pada pendapat Audit, peralatan dan kemudahan yang dipasang di dalam RV Discovery tidak memenuhi standard yang diperlukan.**

**Maklum Balas Daripada UMT Diterima Pada 20 Mei 2013.**

**Pihak kontraktor akan memeriksa saluran penghawa dingin untuk mengenal pasti punca kondensasi.**

#### **2.4.7 Kecacatan Kapal Tidak Dibaiki**

2.4.7.1 Mengikut perjanjian, sekiranya terdapat kecacatan, ketidaksempurnaan atau kerosakan kapal yang disebabkan oleh reka bentuk, bahan atau kualiti hasil kerja, kontraktor adalah bertanggungjawab untuk membaiki kecacatan atau menggantikan peralatan yang rosak tersebut dalam tempoh 12 bulan dari tarikh penyerahan kapal. UMT hendaklah memaklumkan kecacatan kapal yang perlu dibaiki secara bertulis kepada kontraktor dan kontraktor hendaklah membaiki segala kecacatan dan kerosakan menggunakan perbelanjaannya sendiri.

2.4.7.2 Pihak Audit mendapati kapal penyelidikan dan latihan RV Discovery telah secara rasmi diserahkan oleh kontraktor kepada UMT pada 8 Jun 2012. Tempoh tanggungan kecacatan yang ditetapkan dalam perjanjian adalah setahun dari tarikh penyerahan kapal iaitu sehingga 7 Jun 2013. Bagaimanapun, sehingga bulan Mei 2013, kontraktor masih belum membaiki kerosakan kapal yang dibangkitkan oleh UMT seperti berikut:

**JADUAL 2.15  
SENARAI KEROSAKAN PERALATAN DI KAPAL RV DISCOVERY**

LOKASI	JENIS KEROSAKAN	TARIKH ADUAN			CATATAN
		26.04.2012	12.12.2012	07.01.2013	
Anchor Windlass	Steel retaining chain tercabut dan tapak anchor windlass bengkok	-	√	√	Tiada waranti
Survey Launch Boat	<ul style="list-style-type: none"><li>• Starboard Navigation Light pecah</li><li>• Propeller didapati bengkok dan sumbing</li><li>• Zinc anode perlu ditukar baru</li><li>• Boat hook tiada</li><li>• Skrin hadapan bot kelabu</li></ul>	-	√	√	Tiada waranti
Perabot dalaman	Perabot dimakan bubuk kayu	√	√	√	Tiada waranti
Life Buoy	Painter line reput	-	√	√	Tiada waranti
Closed-circuit Television (CCTV)	2 unit kamera di starboard dan port rosak dan belum dibaiki. Kontraktor menggunakan 2 kamera di alley sebagai ganti kamera yang rosak.	√	√	√	<ul style="list-style-type: none"><li>• Masih menggunakan kamera sementara</li><li>• Masih dalam waranti</li><li>• Dalam tindakan</li></ul>
Electronic Chart and Display Information System (ECDIS)	Electronic chart telah tamat tempoh.	-	√	√	Tiada waranti

LOKASI	JENIS KEROSAKAN	TARIKH ADUAN			CATATAN
		26.04.2012	12.12.2012	07.01.2013	
Upper deck Starboard Lifebuoy with Orange Smoke	Telah tamat tempoh.	-	✓	✓	Tiada waranti
Portable Fire Extinguisher	Alat pemadam api mudah alih telah tamat tempoh.	-	✓	✓	Tiada waranti
Grease Nipple Machinery di Dek Utama	Rosak.	-	✓	✓	Tiada waranti
Portable Emergency Fire Pump	Skru berkarat.	-	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada waranti</li> <li>• Perlu ditukarkan kepada skru stainless steel</li> </ul>
Kompresor Penghawa Dingin No.4	Tidak berfungsi.	-	-	✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masih dalam waranti</li> <li>• Dalam tindakan</li> </ul>
Lampu di Bilik Enjin	Tidak menyala.	-	-	✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masih dalam waranti</li> <li>• Dalam tindakan</li> </ul>
Lampu di Stor Teknikal	Tidak menyala.	-	-	✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masih dalam waranti</li> <li>• Dalam tindakan</li> </ul>
Bilik Mandi di Dek Bawah	Suis pam tidak berfungsi.	-	-	✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masih dalam waranti</li> <li>• Dalam tindakan</li> </ul>
General Arrangement (Drawing plan)	Perlu pembetulan kerana pengubahsuaiian tangki minyak dan tangki air (termasuk pembetulan pada Safety Plan).	-	-	✓	Tiada tindakan
Lampu di Chain Locker	Tidak menyala.	-	-	✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masih dalam waranti</li> <li>• Dalam tindakan</li> </ul>
Lampu di General Store	Tidak menyala.	-	-	✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masih dalam waranti</li> <li>• Dalam tindakan</li> </ul>
Bateri Charger No.3 di Bilik Enjin	Tidak berfungsi.	-	-	✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masih dalam waranti</li> <li>• Dalam tindakan</li> </ul>
Bateri Charger No.1 di General Store	Tidak berfungsi.	-	-	✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masih dalam waranti</li> <li>• Dalam tindakan</li> </ul>
Chiller Air Conditioner di Dek Bawah	Tidak sejuk.	-	-	✓	Masih dalam waranti
Seawater Pump No.2	Rosak.	-	-	✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masih dalam waranti</li> <li>• Dalam tindakan</li> </ul>
Aft Frame	Port dan Starboard Cylinder Hydraulic bocor.	-	-	✓	Tiada waranti
Side A Frame	Port cylinder hydraulic bocor.	-	-	✓	Tiada waranti
Generator No.2	Voltan tidak stabil.	-	-	✓	Kerosakan telah diperiksa oleh kontraktor

**Sumber:** Senarai Kecacatan Yang Belum Dibaiki

**Nota :** ✓ Ada Aduan  
– Tiada Aduan

2.4.7.3 Selain itu, pemeriksaan oleh Jabatan Laut terhadap kapal RV Discovery pada 19 Februari 2013 telah membangkitkan ketidaksempurnaan kapal tersebut seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.16  
KETIDAKSEMPURNAAN KAPAL RV DISCOVERY**

LOKASI	KETIDAKSEMPURNAAN KAPAL
Seluruh bahagian kapal	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelekat laluan evakuasi tidak dipamerkan.</li> <li>• Alat pemadam api tidak diletakkan mengikut pelan kebakaran yang diluluskan.</li> <li>• Peti bantuan kecemasan tidak diletakkan mengikut pelan keselamatan.</li> </ul>
Bilik Enjin	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Laluan kecemasan kedua dari bilik enjin tidak mempunyai tangga untuk naik ke dek utama dan perlu di lengkapkan dengan <i>emergency escape breathing device</i>.</li> <li>• Pintu rintangan api dari bilik enjin ke bilik kru kapal tidak boleh ditutup secara automatik dan tidak dilengkapi dengan penggera pintu (<i>door alarm</i>).</li> </ul>
Steering Gear Compartment	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Prosedur pengendalian stereng semasa kecemasan tidak dipamerkan di <i>steering gear compartment</i> dan <i>bridge</i>.</li> <li>• Kompas tidak dipasang.</li> </ul>
Engineer Room	Tiada <i>engineer alarm</i> yang bertujuan memberi isyarat kepada Juruenjin sekiranya operasi kapal terganggu.
Dek Bawah	Laluan kecemasan di dek bawah tidak mempunyai tangga untuk kru kapal atau penumpang lain memanjang keluar.

*Sumber: Pemeriksaan Fizikal Oleh Jabatan Laut*

**Pada pandangan Audit, keadaan ini berpunca dari prestasi kerja kontraktor yang kurang memuaskan dan tiada pemeriksaan rapi oleh kontraktor sebelum penyerahan kapal.**

#### **Maklum Balas Daripada UMT Dan Kontraktor Diterima 20 Mei 2013.**

*UMT memaklumkan telah mewujudkan Jawatankuasa dan telah mengadakan mesyuarat pelarasan membaiki kecacatan kapal RV Discovery. Mesyuarat akan berterusan secara bulanan sehingga tamat tempoh tanggungan kecacatan. Pihak kontraktor telah memberi jaminan membaiki peralatan yang rosak ketika dalam waranti. Laporan kerosakan terperinci perlu di hantar kepada kontraktor supaya kajian awalan boleh dibuat sebelum dihantar kepada Juruteknik untuk dibaiki.*

#### **2.4.8 Penyelidikan Yang Dirancang Tidak Dapat Dilaksanakan**

2.4.8.1 Mengikut perjanjian, kontraktor hendaklah menyiapkan pembinaan kapal UMT dalam tempoh 80 minggu iaitu bermula 8 September 2008 hingga 22 Mac 2010. Kontraktor hendaklah memastikan pembinaan kapal dibuat mengikut standard pembinaan yang ditetapkan supaya kapal tersebut boleh melaksanakan misi UMT seperti berikut:

- Menjalankan penyelidikan oseanografi moden di perairan Malaysia dan antarabangsa termasuk Laut China Selatan, Selat Melaka, Laut Andaman dan perairan Sabah.
- Memasuki dan berlabuh di pelabuhan utama Malaysia iaitu pelabuhan Kota Kinabalu, Kuching, Bintulu, Miri dan Labuan.
- Melaksanakan aktiviti persampelan dasar laut dengan kedalaman sehingga 1500 meter dari aras laut.
- Melaksanakan latihan bagi pelayaran moden, hidrografi dan oseanografi.

2.4.8.2 Pihak Audit mendapati kontraktor telah gagal menyerahkan kapal mengikut tempoh yang ditetapkan walaupun UMT ada memberi lanjutan masa selama 114 hari. Kelewat penyerahan kapal selama 2 tahun telah menyebabkan prestasi kapal tersebut belum dapat dinilai. Sehingga bulan Jun 2013, kapal RV Discovery masih tidak dapat beroperasi.

2.4.8.3 Pelayaran sulung kapal RV Discovery yang bertemakan ‘Penerokaan Ilmu Pesisir Pantai’ yang dirancang pada awal tahun 2013 telah ditangguhkan. Hasrat UMT untuk memperkasakan bidang oseanografi dan sains marin melalui kapal RV Discovery belum tercapai. Kapal ini yang dilaporkan setanding dengan kapal penyelidikan luar negara dengan keupayaan belseyar sejauh 4,000 batu nautika dan boleh berada selama 15 hari di lautan masih belum dapat dibuktikan. Misi pembinaan kapal RV Discovery bagi pengambilan sampel air laut, lumpur dasar laut serta hidupan seni laut di Laut China Selatan, perairan Sabah dan Sarawak, Selat Melaka dan Lautan Andaman belum dapat direalisasikan. Sehubungan itu, UMT perlu menyewa kapal lain bagi tujuan penyelidikan dan latihan dengan kos penyewaan berjumlah RM161,340 dari tahun 2008 hingga 2011.

**Pada pendapat Audit, walaupun sejumlah RM13.86 juta telah dibayar, kontraktor masih tidak dapat menyerahkan kapal mengikut tempoh yang ditetapkan dan telah menyebabkan objektif sebenar perolehan kapal masih belum dicapai dan dimanfaatkan sepenuhnya.**

**Maklum Balas Daripada UMT Diterima Pada 9 Mei dan 20 Mei 2013.**

***UMT memaklumkan program penyelidikan tetap diteruskan dengan penyewaan kapal lain yang sesuai. Pelayaran oseanografi yang sepatutnya menggunakan kapal RV Discovery telah dilaksanakan dengan menyewa kapal lain seperti berikut:***

- i. *Offshore Terengganu pada 13 hingga 15 September 2011 – RM50,000*
- ii. *Offshore Terengganu pada 27 Jun hingga 1 Julai 2012 – RM50,000*
- iii. *Offshore Terengganu pada 14 hingga 18 Oktober 2012 – RM50,000*

#### **2.4.9 Peralatan Penyelidikan Tidak Digunakan**

2.4.9.1 Setiap peralatan yang dibeli hendaklah disimpan dalam keadaan baik dan digunakan secara optimum bagi mencapai objektif perolehan. UMT telah membeli 8 peralatan penyelidikan bernilai RM1.12 juta melalui Arahan Perubahan Kerja 2 bagi melengkapkan kapal RV Discovery sebagai sebuah kapal penyelidikan dan latihan. Peralatan ini akan digunakan oleh penyelidik, pensyarah dan pelajar bagi melaksanakan kajian berkaitan oseanografi moden, pemetaan dasar laut, hidrografi dan sains maritim. Senarai 8 peralatan penyelidikan adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 2.17  
SENARAI PERALATAN PENYELIDIKAN DAN TARikh PENERIMAAN**

PERALATAN/LATIHAN	HARGA (RM)	TARIKH DITERIMA/LAKSANA	RUJUKAN GAMBAR
<i>Scientific Echo Sounder</i>	328,775	13.03.2011	Gambar 2.14
<i>HyperMax &amp; Hysweep Software</i>	73,375	13.03.2011	Gambar 2.25
<i>Acoustic Doppler Current Profiler (ADCP)</i>	96,000	13.03.2011	Gambar 2.26
<i>Expendable CTD (XCTD)</i>	154,250	13.03.2011	Gambar 2.27
<i>Piston Corer</i>	147,450	13.03.2011	Gambar 2.28
<i>SMITH Mcintyre (Day Grab)</i>	55,250	13.03.2011	Gambar 2.29
<i>Uninterruptible Power Supply (UPS)</i>	49,728	13.03.2011	Gambar 2.30
<i>Marine Closed-circuit Television (CCTV)</i>	147,804	27.02.2011	Gambar 2.31
Latihan pengenalan dan pengendalian	69,402	18.10.2011	-
<b>JUMLAH</b>	<b>1,122,034</b>		

*Sumber: Rekod Pejabat Pembangunan dan Harta*

**GAMBAR 2.25**  
*HyperMax & Hysweep Software*



Lokasi: Kapal Penyelidikan Dan Latihan RV Discovery  
Tarikh: 07 November 2012

**GAMBAR 2.26**  
*Acoustic Doppler Current Profiler*



Lokasi: Kapal Penyelidikan Dan Latihan RV Discovery  
Tarikh: 07 November 2012

**GAMBAR 2.27**  
*Expendable Conductivity Temperature Depth*




Lokasi : Kapal Penyelidikan Dan Latihan RV Discovery  
Tarikh : 07 November 2012



Lokasi : Kapal Penyelidikan Dan Latihan RV Discovery  
Tarikh : 07 November 2012

**GAMBAR 2.28**  
*Piston Corer*



Lokasi : Kapal Penyelidikan Dan Latihan RV Discovery  
Tarikh : 07 November 2012

**GAMBAR 2.29**  
*Smith Mcintyre (Day Grab)*



Lokasi : Kapal Penyelidikan Dan Latihan RV Discovery  
Tarikh : 07 November 2012

**GAMBAR 2.30**  
*Uninterruptible Power Supply*



Lokasi : Kapal Penyelidikan Dan Latihan RV Discovery  
Tarikh : 07 November 2012

**GAMBAR 2.31**  
*Marine CCTV*



Lokasi : Kapal Penyelidikan Dan Latihan RV Discovery  
Tarikh : 07 November 2012

2.4.9.2 Pemeriksaan Audit terhadap 8 peralatan tersebut mendapati peralatan tidak digunakan sejak penerimaan berikutnya kelewatan penyerahan kapal oleh kontraktor. Kelewatan penyerahan kapal selama 2 tahun telah menyebabkan projek penyelidikan yang dirancang tertangguh dan aktiviti pengajaran serta pembelajaran terjejas. Selain itu, latihan pengenalan dan pengendalian peralatan bernilai RM69,402 yang dihadiri oleh kru kapal masih belum dapat dipraktikkan kepada pengguna. Semakan lanjut mendapati butiran berkaitan spesifikasi dan tempoh waranti peralatan tidak dibekalkan dengan lengkap oleh kontraktor.

**Pada pendapat Audit, kelewatan penyerahan kapal telah menyebabkan peralatan penyelidikan tidak dapat digunakan oleh penyelidik, pensyarah dan pelajar. Perkara ini telah memberi kesan kepada program penyelidikan dan pengajian UMT sebagai universiti yang menerajui bidang oseanografi dan sains marin.**

**Maklum Balas Daripada UMT Diterima Pada 9 Mei dan 20 Mei 2013.**

***UMT memaklumkan peralatan penyelidikan tidak dapat digunakan berikutan kelewatan penyerahan kapal. Bagaimanapun, peralatan boleh alih akan digunakan untuk penyelidikan sekiranya perlu.***

#### 2.4.10 Pelantikan Badan Pengkelasan Kapal Oleh Kontraktor

2.4.10.1 Mengikut Notis Perkapalan yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut, pembinaan kapal perlu dikelaskan dengan Badan Pengkelasan Kapal yang diiktiraf atau pemilik kapal boleh melantik arkitek kapal bebas yang berkelayakan bagi menyemak, meluluskan sebahagian pelan dan manual kapal, menjalankan

pemeriksaan ke atas kapal serta mengeluarkan sebahagian sijil statutori Kapal Berdaftar Malaysia. Mengikut perjanjian, kontraktor hendaklah melantik Badan Pengkelasan Kapal iaitu sama ada Lloyd's Register Group, American Bureau of Shipping atau Det Norske Veritas yang mempunyai pejabat di Malaysia dan mendapat kelulusan UMT.

2.4.10.2 Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Perolehan Kapal RV Discovery pada 4 September 2008 telah bersetuju memilih Ships Classification Malaysia Sdn. Berhad (SCM) sebagai Badan Pengkelasan Kapal yang bertanggungjawab terhadap pembinaan kapal UMT. SCM adalah Badan Pengkelasan Kapal yang telah diiktiraf oleh Kementerian Pengangkutan bagi melaksanakan tanggungjawab tersebut. Bagaimanapun, pelantikan SCM sebagai Badan Pengkelasan Kapal adalah bertentangan dengan perjanjian.

**Pada pendapat Audit, pelantikan SCM sebagai Badan Pengkelasan Kapal bagi pembinaan kapal UMT adalah bertentangan dengan perjanjian. Sehingga bulan Jun 2013, kapal RV Discovery masih belum mendapat Sijil Layak Belayar sepenuhnya bagi membolehkan kapal tersebut beroperasi mengikut objektif.**

#### **Maklum Balas Daripada UMT Diterima Pada 9 Mei dan 20 Mei 2013.**

*UMT memaklumkan bersetuju dengan cadangan kontraktor melantik SCM memandangkan SCM adalah Badan Pengkelasan Kapal yang diiktiraf oleh Kementerian Pengangkutan dan syarikat pengkelasan tempatan. UMT memaklumkan pelantikan SCM sebagai sebuah badan pengkelasan yang bebas bersandarkan kepada etika profesional.*

#### **2.4.11 Pemantauan dan Penyeliaan Projek Tidak Memuaskan**

2.4.11.1 Pemantauan adalah elemen pengurusan yang penting bagi memudahkan UMT mengenal pasti kelemahan dan masalah yang dihadapi pada peringkat awal dan seterusnya membolehkan tindakan diambil dengan kadar segera untuk membaiki atau menyelesaiannya. Mengikut perjanjian, UMT perlu menubuhkan satu pasukan untuk menyelia projek pembinaan kapal dan pasukan ini hendaklah mendapat kerjasama daripada kontraktor untuk memasuki premis kontraktor bagi memeriksa kualiti kerja. Selain itu, pasukan projek bertanggungjawab memeriksa, memantau, menguji, mengesahkan, meluluskan, membenarkan dan menyokong semua aktiviti berkaitan pembinaan kapal bagi memastikan kapal, peralatan, dokumentasi dan latihan memenuhi piawaian, kualiti dan prestasi yang ditetapkan dalam perjanjian.

2.4.11.2 Semakan Audit mendapati UMT telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Kapal Penyelidikan dan Latihan sejak tahun 2006 sehingga kini bagi menyelaras dan memantau projek pembinaan kapal RV Discovery. Pelantikan pegawai yang pernah berkhidmat dengan Jabatan Laut sebagai ahli Jawatankuasa telah dibuat pada tahun 2009. Semakan Audit mendapati kontraktor ada mengemukakan laporan kemajuan kerja bulanan kepada UMT. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap minit mesyuarat dari tahun 2008 hingga 2012 mendapati isu berkaitan pemasangan balast kekal bagi menambah berat kapal tidak dibincangkan dalam mesyuarat tersebut. Selain itu, pihak Audit mendapati antara punca kelewatan penyerahan kapal adalah disebabkan keperluan kontraktor menambah baik landasan pelancaran kapal ke air. Tempoh pembaikan landasan tersebut dilaporkan mengambil tempoh selama satu setengah bulan. Bagaimanapun, tempoh pembaikan telah berlanjutan selama setahun. Perkara ini tidak dibincang dalam mesyuarat bagi mendapat pandangan ahli Jawatankuasa untuk mewujudkan pelan kontingensi.

**Pada pendapat Audit, Jawatankuasa Teknikal Kapal yang ditubuhkan sepatutnya membantu UMT dalam memantau projek pembinaan kapal RV Discovery. Bagaimanapun, pemantauan yang dilaksanakan adalah kurang berkesan berdasarkan prestasi kemajuan projek yang lewat disiapkan dan kualiti kerja pembinaan yang kurang memuaskan.**

#### **Maklum Balas Daripada UMT Diterima 20 Mei 2013.**

*UMT memaklumkan pihak kontraktor dan Badan Pengkelasan Kapal memainkan peranan penting dalam proses pembinaan kapal ini. Ini kerana tahap prestasi kontraktor yang kurang memuaskan seperti masalah penyediaan landasan pelancaran kapal dan kewangan mengakibatkan kerja pembinaan kapal terganggu.*

## **2.5 SYOR AUDIT**

Pihak Audit mengesyorkan UMT dan kontraktor mengambil tindakan seperti berikut untuk memastikan kapal RV Discovery dapat digunakan untuk penyelidikan dan latihan serta mengelakkan kapal menjadi gajah putih iaitu satu pembaziran:

- 2.5.1 UMT hendaklah memastikan pemasangan balast kekal terhadap kapal RV Discovery mendapat kelulusan Jabatan Laut.
- 2.5.2 UMT hendaklah memastikan operasi kapal mematuhi kelulusan Jabatan Laut iaitu setakat kawasan Beaufort Wind Force skala 5.

2.5.3 UMT hendaklah memastikan kapal RV Discovery mendapat sijil layak belayar sebelum memulakan operasi bagi menjamin keselamatan kru kapal dan pengguna.

2.5.4 UMT hendaklah memastikan pelarasan harga dibuat bagi peralatan yang tidak mengikut spesifikasi dan jenama sebelum memuktamadkan harga kontrak.

2.5.5 UMT hendaklah memastikan semua kecacatan pembinaan dibaiki dengan segera oleh kontraktor. Pemeriksaan secara menyeluruh dan pemantauan berterusan perlu dibuat untuk memastikan kerja pembaikan adalah berkualiti.

2.5.6 UMT hendaklah mengambil tindakan menuntut ganti rugi daripada kontraktor sekiranya kapal telah disahkan oleh Jabatan Laut tidak boleh beroperasi mengikut objektif perolehan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Tahun 2012 Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 3.

## PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

### 3. PENGURUSAN KUTIPAN CARUMAN

#### 3.1 LATAR BELAKANG

3.1.1 Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah ditubuhkan pada bulan Januari 1971 bagi menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja (AKSP) 1969 dan Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971 serta dikawal selia oleh Kementerian Sumber Manusia. Objektif penubuhan PERKESO adalah untuk menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada semua pekerja dan tanggungan mereka menerusi skim keselamatan sosial berasaskan konsep masyarakat penyayang selaras dengan Dasar Pembangunan Negara dan Wawasan 2020.

3.1.2 Antara fungsi PERKESO adalah mendaftar majikan dan pekerja, mengutip caruman majikan dan pekerja, memproses tuntutan dan membayar faedah kepada pekerja yang ditimpa kemalangan dan orang tanggungannya. Majikan yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang pekerja atau lebih, warganegara Malaysia dan menerima gaji bulanan RM3,000 atau kurang diwajibkan mendaftar dan mencarum setiap bulan kepada PERKESO.

3.1.3 Caruman PERKESO dibahagi kepada 2 jenis iaitu Skim Insurans Bencana Pekerjaan & Skim Pencen Ilat (Jenis Pertama) dan Skim Insurans Bencana Pekerjaan (Jenis Kedua). Jenis Pertama adalah untuk pekerja yang berumur kurang daripada 55 tahun manakala Jenis Kedua adalah untuk pekerja yang berumur lebih daripada 55 tahun atau berumur lebih daripada 50 tahun ketika mula-mula mendaftar dan mencarum dengan PERKESO.

3.1.4 Bahagian yang terlibat secara langsung dalam pengurusan kutipan caruman adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.1**  
**BAHAGIAN YANG TERLIBAT DALAM PENGURUSAN KUTIPAN CARUMAN**

BAHAGIAN	TANGGUNGJAWAB
Perbendaharaan	Menguruskan rekod caruman majikan.
Operasi	Menguruskan rekod caruman pekerja menggunakan disket.
Cawangan Teknologi Maklumat	Memuat naik maklumat caruman majikan dan pekerja di dalam Sistem Q-Term.
PERKESO Negeri dan Pejabat PERKESO	Menerima kutipan dan dokumen caruman.
Syarikat Best Multimedia Sdn. Berhad	Menguruskan rekod caruman pekerja menggunakan borang caruman.

3.1.5 Bilangan majikan dan pekerja yang berdaftar terkumpul dan yang aktif mencarum dengan PERKESO bagi tahun 2010 sehingga 2012 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.2**  
**BILANGAN MAJIKAN DAN PEKERJA BERDAFTAR TERKUMPUL**  
**SERTA AKTIF MENCARUM BAGI TAHUN 2010 SEHINGGA 2012**

BUTIRAN	2010		2011		2012	
	BERDAFTAR TERKUMPUL (Bil.)	AKTIF (Bil.)	BERDAFTAR TERKUMPUL (Bil.)	AKTIF (Bil.)	BERDAFTAR TERKUMPUL (Bil.)	AKTIF (Bil.)
Majikan	769,684	347,871	819,915	368,472	863,334	381,291
Pekerja	13,831,875	5,518,823	14,569,450	5,761,626	14,512,304	5,861,741

*Sumber: Unit Aktuari & Statistik Dan Cawangan Teknologi Maklumat*

### 3.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan kutipan caruman di PERKESO telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan.

### 3.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan kutipan caruman bagi tahun 2010 sehingga 2012. Semakan Audit dibuat terhadap dokumen, fail dan rekod caruman di PERKESO. Selain itu, analisis menggunakan perisian *Audit Command Language (ACL)* dilaksanakan terhadap data caruman. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai PERKESO yang terlibat telah diadakan. Lawatan Audit juga telah dijalankan di PERKESO Negeri Pahang, Pulau Pinang dan Sabah.

### 3.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September sehingga Disember 2012 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan kutipan caruman PERKESO adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- i. Caruman majikan berjumlah RM1.30 juta dan pekerja berjumlah RM2.63 juta yang mengandungi kesilapan sejak tahun 1991 masih belum direkodkan ke dalam Sistem Q-Term.
- ii. Pada akhir tahun 2012, perbezaan jumlah caruman antara majikan dan pekerja dalam Sistem Q-Term adalah berjumlah RM56.57 juta manakala perbezaan jumlah caruman majikan antara Sistem Q-Term dan Buku Tunai berjumlah RM0.40 juta. Perbezaan antara kedua-dua rekod dan sistem telah wujud sejak tahun 2002.

- iii. Perekodan dokumen caruman pekerja yang hanya berpusat di Ibu Pejabat telah menyebabkan dokumen caruman lewat diterima antara 5 hingga 38 hari.
- iv. Prestasi pengurusan cek tak laku kurang memuaskan kerana cek tak laku masih belum diganti dari tahun 2000 sehingga 2012 berjumlah RM3.38 juta.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang diperhatikan adalah seperti berikut:

### **3.4.1 Prestasi Kutipan Caruman Dan Faedah Caruman Lewat Bayar**

Pendapatan utama PERKESO adalah melalui kutipan caruman majikan dan pekerja mengikut jadual kadar caruman yang ditetapkan. Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB) pada kadar 6% akan dikenakan terhadap majikan bagi setiap hari caruman yang lewat dibayar.

#### **3.4.1.1 Kutipan Caruman**

Sasaran kutipan caruman adalah berdasarkan peningkatan bilangan majikan dan pekerja berdaftar dan aktif setiap tahun. Analisis Audit mendapati kutipan caruman menunjukkan peningkatan daripada RM1,836 juta pada tahun 2008 kepada RM2,326 juta pada 2012 iaitu melebihi sasaran yang ditetapkan pada setiap tahun. Ini adalah hasil daripada peningkatan bilangan majikan, pekerja berdaftar dan aktif mencarum serta aktiviti penguatkuasaan melalui pelaksanaan Ops Kesan. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 3.1  
PRESTASI KUTIPAN CARUMAN BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2012**




*Sumber: i) Penyata Kewangan Tahunan  
ii) Rancangan Bajet PERKESO Tahunan*

### 3.4.1.2 Kutipan Faedah Caruman Lewat Bayar

Sasaran kutipan Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB) adalah berdasarkan trend kutipan tahun sebelumnya. Analisis Audit mendapati kutipan FCLB sebenar melebihi sasaran yang ditetapkan pada tahun 2008 dan 2009. Bagaimanapun, FCLB sebenar kurang daripada sasaran ditetapkan pada tahun 2010 sehingga 2012. Analisis menunjukkan pencapaian kutipan berbanding sasaran adalah 249.7% pada tahun 2008, 758.2% pada tahun 2009, 71.2% pada tahun 2010, 97.1% pada 2011 dan 90.9% pada 2012. Kutipan FCLB melebihi sasaran pada tahun 2008 dan 2009 kerana kutipan adalah berdasarkan asas akruan. Pada tahun 2010 sehingga 2012 kutipan telah ditukar kepada asas tunai dan tidak mencapai sasaran disebabkan kelewatan majikan membuat pembayaran faedah tersebut. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 3.2**  
**PRESTASI KUTIPAN FAEDAH CARUMAN LEWAT BAYAR**  
**BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2012**



Sumber: i) Penyata Kewangan Tahunan  
ii) Rancangan Bajet PERKESO Tahunan

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan caruman bagi tahun 2008 sehingga 2012 dan kutipan FCLB bagi tahun 2008 dan 2009 adalah baik kerana telah melebihi sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, prestasi kutipan FCLB bagi tahun 2010 sehingga 2012 tidak mencapai sasaran.

**Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 19 Jun 2013.**

**PERKESO memaklumkan 5 strategi telah dirancang bagi tahun 2013 untuk mencapai sasaran kutipan FCLB. Antaranya menetapkan sasaran KPI kutipan FCLB kepada PERKESO Negeri dan Pejabat PERKESO, mengeluarkan notis FCLB kepada majikan untuk menyegerakan bayaran FCLB dan melaksanakan tindakan pendakwaan terhadap majikan yang ingkar membayar FCLB.**

### **3.4.2 Caruman Yang Mengandungi Kesilapan Maklumat**

Caruman yang diterima daripada majikan akan direkod ke dalam Sistem Q-Term iaitu kepada rekod majikan dan rekod pekerja. Bagaimanapun, Cawangan Teknologi Maklumat (CTM) tidak dapat merekodkan maklumat caruman majikan dan pekerja ke dalam Sistem Q-Term jika maklumat tersebut mengandungi kesilapan. CTM akan menjana laporan penolakan rekod caruman majikan (TT04) dan laporan penolakan rekod caruman pekerja (TT05) dan dikemukakan kepada Cawangan Caruman dan Unit Data Cleansing untuk tindakan pembetulan.

#### **3.4.2.1 Kesilapan Maklumat Caruman Majikan**

TT04 dijana secara bulanan melalui Sistem Q-Term. Cawangan Caruman akan menerima laporan TT04 daripada CTM untuk tindakan pembetulan. Semakan Audit mendapati sehingga tahun 2012 sebanyak 5,199 rekod majikan berjumlah RM1.30 juta masih belum diselesaikan sejak tahun 1991. Antara sebab rekod majikan belum diselesaikan sehingga kini adalah kod majikan/bulan caruman/tarikh bayaran tidak sah, caruman diterima daripada majikan yang belum didaftarkan, rekod caruman berganda dalam Sistem Q-Term dan kesilapan memasukkan tahun caruman majikan. Butiran lanjut adalah seperti dijadual berikut:

**JADUAL 3.3  
LAPORAN PENOLAKAN REKOD MAJIKAN  
SEHINGGA TAHUN 2012**

TAHUN	JUMLAH REKOD (Bil.)	JUMLAH (RM)
1991 - 1995	2,028	569,277
1996 - 2000	1,437	290,861
2001 - 2005	419	118,792
2006 - 2010	485	164,318
2011 - 2012	829	154,498
2047*	1	70
<b>JUMLAH</b>	<b>5,199</b>	<b>1,297,816</b>

Sumber : Bahagian Perpendaharaan

Nota : \*Kesilapan Memasukkan Tahun Caruman Oleh Bank Pemungut

#### **3.4.2.2 Kesilapan Maklumat Caruman Pekerja**

Unit Data Cleansing akan menerima laporan TT05 daripada CTM secara mingguan dan mengemas kini di dalam Sistem Q-Term. Sekiranya rekod caruman tidak dapat dikemas kini, unit ini akan mengeluarkan surat makluman kepada majikan. Semakan Audit mendapati sehingga tahun 2012, sebanyak 104,425 rekod pekerja berjumlah RM2.63 juta masih belum diselesaikan sejak tahun 1998. Antara sebab rekod pekerja belum diselesaikan sehingga kini

adalah nombor kad pengenalan tidak diisi dan tidak sah, nombor kad pengenalan pekerja/rekod majikan/nombor caruman PERKESO pekerja tiada dalam Sistem Q-Term dan rekod pekerja berganda dalam Sistem Q-Term. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.4  
LAPORAN PENOLAKAN REKOD PEKERJA  
SEHINGGA TAHUN 2012**

TAHUN	JUMLAH REKOD (Bil.)	JUMLAH CARUMAN (RM)
1998 – 2002	1,713	24,047
2003 – 2007	2,080	49,807
2008 – 2012	100,632	2,552,470
<b>JUMLAH</b>	<b>104,425</b>	<b>2,626,324</b>

*Sumber: Bahagian Operasi*

Pada pendapat Audit, penolakan rekod caruman majikan dan pekerja masih belum dapat diselesaikan kerana PERKESO tidak menetapkan tempoh masa untuk menyelesaikan kesilapan tersebut.

#### Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 19 Jun 2013.

*PERKESO memaklumkan pengemaskinian rekod penolakan caruman majikan dan pekerja merupakan aktiviti berterusan dan memerlukan penelitian dengan merujuk pelbagai sumber seperti penyata bank pemungut, Sistem Resit (MAPPER) Pejabat PERKESO dan Sistem Q-Term. Aktiviti data profiling dan data cleansing dilaksanakan bersama MIMOS bagi memastikan integriti rekod caruman majikan dan pekerja dalam Sistem Q-Term sebelum migrasi data ke Sistem PINTAR.*

#### 3.4.3 Jumlah Caruman Dalam Rekod Berbeza Dengan Sistem

3.4.3.1 Proses perekodan caruman pekerja dilaksanakan secara berterusan bagi melancarkan pembayaran faedah kepada pekerja yang ditimpa bencana. Hampir 95% majikan yang berdaftar dan aktif memilih untuk membayar caruman melalui kaedah konvensional menggunakan Borang 8A. Sistem Q-Term digunakan untuk merekod bayaran caruman majikan dan pekerja.

3.4.3.2 Perkara yang dibangkitkan seperti perekodan caruman pekerja yang berpusat di Ibu Pejabat, penerimaan cek tak laku bagi kutipan caruman dan penolakan rekod majikan serta pekerja mengakibatkan perbezaan jumlah caruman majikan antara Sistem Q-Term dan Buku Tunai serta jumlah caruman antara majikan dan pekerja dalam Sistem Q-Term dari tahun 2002 sehingga 2012.

3.4.3.3 Analisis Audit mendapati jumlah caruman majikan di dalam Buku Tunai dari tahun 2002 sehingga 2012 lebih tinggi berbanding jumlah caruman majikan di dalam Sistem Q-Term. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.5**  
**PERBEZAAN JUMLAH CARUMAN MAJIKAN ANTARA SISTEM Q-TERM  
 DAN BUKU TUNAI DARI TAHUN 2002 SEHINGGA 2012**

TAHUN	JUMLAH CARUMAN MAJIKAN		JUMLAH PERBEZAAN (RM Juta)
	SISTEM Q-TERM (RM Juta)	BUKU TUNAI (RM Juta)	
2002	1,094.77	1,095.14	0.36
2003	1,142.13	1,143.63	1.50
2004	1,205.98	1,213.71	7.72
2005	1,380.41	1,382.16	1.75
2006	1,576.08	1,586.15	10.07
2007	1,677.58	1,689.57	11.98
2008	1,830.68	1,834.66	3.97
2009	1,864.89	1,867.16	2.27
2010	2,005.66	2,007.87	2.21
2011	2,168.69	2,172.03	3.35
2012	2,325.14	2,325.54	0.40

*Sumber : Laporan Bahagian Perpendaharaan Setakat Bulan Mei 2013*

3.4.3.4 Analisis Audit juga mendapati dari tahun 2002 sehingga 2012, jumlah caruman majikan lebih tinggi berbanding jumlah caruman pekerja dalam Sistem Q-Term. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.6**  
**PERBEZAAN JUMLAH CARUMAN ANTARA MAJIKAN DAN PEKERJA  
 DALAM SISTEM Q-TERM DARI TAHUN 2002 SEHINGGA 2012**

TAHUN	JUMLAH CARUMAN		JUMLAH PERBEZAAN (RM Juta)
	MAJIKAN (RM Juta)	PEKERJA (RM Juta)	
2002	1,110.54	1,079.80	30.74
2003	1,157.63	1,134.20	23.43
2004	1,215.71	1,200.18	15.53
2005	1,416.33	1,389.64	26.69
2006	1,585.07	1,561.05	24.01
2007	1,691.02	1,640.05	50.97
2008	1,823.30	1,754.37	68.93
2009	1,869.31	1,821.27	48.03
2010	2,015.01	1,981.87	33.14
2011	2,174.82	2,119.54	55.27
2012	2,319.76	2,263.19	56.57

*Sumber : Laporan Bahagian Perpendaharaan Setakat Bulan Mei 2013*

Pada pendapat Audit, perbezaan jumlah caruman majikan antara Sistem Q-Term dan Buku Tunai serta perbezaan jumlah caruman antara majikan dan pekerja dalam Sistem Q-Term berlaku disebabkan kebanyakan proses caruman berpusat di Ibu Pejabat sahaja. PERKESO juga tidak menetapkan tempoh masa untuk menyelesaikan perbezaan rekod.

**Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 26 September 2013.**

*PERKESO memaklumkan aktiviti data cleansing dilaksanakan secara berterusan untuk mengemas kini rekod caruman majikan bagi mengurangkan perbezaan rekod caruman majikan dalam Sistem Q-Term dengan Buku Tunai. Rekod caruman majikan dan rekod caruman pekerja sentiasa berubah berikutan terimaan bayaran tunggakan caruman hasil daripada aktiviti penguatkuasaan melalui pelaksanaan Ops Kesan. Setakat bulan September 2013 perbezaan jumlah caruman antara majikan dan pekerja bagi tahun 2012 adalah berjumlah RM45.83 juta.*

### 3.4.4 Proses Kutipan Caruman

Majikan boleh membayar caruman melalui bank pemungut, perbankan internet dan kaunter PERKESO. Sistem Q-Term adalah pangkalan data utama PERKESO yang menyimpan rekod caruman majikan dan pekerja. Semakan Audit terhadap proses kutipan caruman mendapati perkara seperti berikut:

#### 3.4.4.1 Perekodan Caruman Pekerja Hanya Berpusat Di Ibu Pejabat

PERKESO Negeri (PN) dan Pejabat PERKESO (PP) hendaklah menghantar borang/disket caruman pekerja berserta surat iringan pada hari bekerja pertama minggu berikutnya kepada Bahagian Operasi, Ibu Pejabat untuk direkodkan ke dalam Sistem Q-Term. Dokumen caruman tersebut dihantar menggunakan perkhidmatan Pos Laju dan akan diterima pada hari yang sama atau hari berikutnya oleh Ibu Pejabat. Semakan Audit dibuat terhadap 213 sampel surat iringan semasa lawatan ke PN Pahang, Pulau Pinang dan Sabah. Semakan lanjut di Ibu Pejabat terhadap 30 daripada sampel yang disemak mendapati Bahagian Operasi menerima dokumen caruman tersebut di antara 5 hingga 38 hari bekerja. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.7**  
**TEMPOH MASA DIAMBIL UNTUK MENERIMA**  
**DOKUMEN CARUMAN**

TEMPOH MASA DIAMBIL (Hari)	DOKUMEN (Bil.)
5 – 7	21
8 – 10	3
11 – 13	4
> 14	2
<b>JUMLAH</b>	<b>30</b>

*Sumber: Surat Iringan Penghantaran Dokumen Caruman Pekerja*

Pada pendapat Audit, perekodan dokumen caruman pekerja yang hanya berpusat di Ibu Pejabat telah menyebabkan rekod tersebut mengambil masa untuk dikemaskini ke dalam Sistem Q-Term. Dokumen caruman lewat diterima oleh Ibu Pejabat sehingga 38 hari menyebabkan jumlah caruman antara majikan dan pekerja di dalam Sistem Q-Term berbeza.

**Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 19 Jun 2013.**

*PERKESO memaklumkan telah mewujudkan Buku Log Penghantaran Dokumen Caruman ke Cawangan Caruman, Bahagian Operasi mulai bulan Julai 2012 di kaunter utama Ibu Pejabat. Task force telah diwujudkan di Ibu Pejabat mulai bulan Ogos 2012 untuk menghubungi majikan yang gagal menghantar dokumen caruman atau majikan yang melakukan kesilapan dalam dokumen caruman. Tugas task force ini telah distruktur semula pada bulan April 2013 sebagai Unit Pemantauan Pergerakan Dokumen Caruman untuk mengesan dan mengambil tindakan terhadap bank pemungut/Pejabat PERKESO yang masih belum mengemukakan dokumen caruman ke Ibu Pejabat.*

#### **3.4.4.2 Penerimaan Cek Tak Laku Bagi Kutipan Caruman**

- a. Cek tak laku yang diterima oleh bank pemungut akan dikemukakan ke Bahagian Perbendaharaan, Ibu Pejabat bersama nota debit dan direkodkan ke dalam Sistem Cek Tak Laku. Rekod bayaran caruman majikan tersebut akan dibatalkan di dalam Sistem Q-Term bagi mengelakkan rekod bayaran caruman majikan berganda apabila majikan membuat gantian cek tak laku.
- b. Cek tak laku dipulangkan kepada majikan berserta surat makluman dan satu salinan surat akan dikemukakan kepada PERKESO Negeri/Pejabat PERKESO yang berkenaan dalam tempoh 3 hari dari cek tak laku diterima Ibu Pejabat. Maklumat di dalam Sistem Cek Tak Laku akan dikemas kini setelah menerima gantian cek tak laku daripada majikan.
- c. Jika tiada maklum balas, surat peringatan pertama dikeluarkan selepas 2 minggu daripada tarikh surat makluman. Sekiranya masih tiada maklum balas diterima selepas 2 minggu daripada surat peringatan pertama, surat peringatan kedua dan ketiga akan dikeluarkan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

##### **i. Cek Tak Laku Yang Masih Belum Diganti Sejak Tahun 2000**

- a. Semakan Audit melalui Sistem Cek Tak Laku mendapati cek tak laku yang diterima daripada majikan masih belum diganti sejak tahun 2000 sehingga 2012. Antara sebab cek tak laku adalah tiada tandatangan, akaun telah ditutup, tiada cop syarikat, wujud

perbezaan amanah dalam jumlah dan perkataan, terdapat pindaan pada cek, *post dated cheque*, cek luput tarikh dan kesilapan nama penerima. Sehingga tahun 2012, sebanyak 5,852 cek tak laku bernilai RM3.38 juta masih belum diganti melibatkan 4,909 majikan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.8**  
**CEK TAK LAKU YANG BELUM DIGANTI**  
**DARI TAHUN 2000 SEHINGGA 2012**

TAHUN	CEK TAK LAKU (Bil.)	JUMLAH (RM Juta)
2000 - 2007	2,517	1.44
2008	632	0.39
2009	578	0.46
2010	712	0.28
2011	710	0.42
2012	703	0.39
<b>JUMLAH</b>	<b>5,852</b>	<b>3.38</b>

*Sumber: Data Sistem Cek Tak Laku*

- b. Semakan Audit terhadap 100 sampel majikan yang masih belum membuat gantian cek tak laku mendapatkan perkara berikut:
- Surat makluman lewat dikeluarkan oleh Ibu Pejabat kepada 33 majikan dari tarikh cek tak laku diterima daripada bank pemungut di antara 4 hingga 203 hari.
  - Tiada surat peringatan ketiga dikeluarkan oleh Ibu Pejabat kepada 76 majikan selepas tiada maklum balas surat peringatan kedua. Pihak Audit dimaklumkan hasil tindakan yang telah diambil terhadap 76 majikan tersebut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.9**  
**STATUS SEMAKAN PERKESO TERHADAP 76 MAJIKAN**

MAJIKAN (Bil.)	STATUS
22	Telah membuat penggantian cek.
17	Dalam proses membuat penggantian cek.
13	Premis majikan kosong semasa pemeriksaan dibuat.
10	Akan dibuat pemeriksaan oleh PERKESO.
4	Majikan tiada di premis dan arahan hadir ke pejabat PERKESO berhampiran telah dikeluarkan.
4	Dorman.
4	Bubar/tutup.
1	Disita oleh mahkamah .
1	Majikan mendakwa telah membuat penggantian cek dan sedang disemak oleh PERKESO.
<b>76</b>	

*Sumber: Data Sistem Cek Tak Laku & PERKESO Negeri/Pejabat PERKESO*

- c. Semakan lanjut mendapati tiada tindakan seterusnya diambil oleh PERKESO sekiranya tiada maklum balas diterima daripada majikan selepas surat peringatan ketiga dikeluarkan. Semakan Audit di Cawangan Penguatkuasaan mendapati pemeriksaan yang dijalankan tidak melibatkan majikan yang ingkar membuat gantian cek tak laku setelah surat peringatan ketiga dikeluarkan. Selain itu, tiada tindakan pendakwaan dibuat terhadap majikan tersebut.

## **ii. Majikan Yang Sama Kerap Mengemukakan Cek Tak Laku**

- a. Semakan Audit terhadap 100 sampel majikan mendapati sebanyak 47 majikan mengemukakan cek tak laku di antara 3 hingga 7 kali walaupun belum membuat gantian cek tak laku yang dikemukakan sebelum ini. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.10  
MAJIKAN YANG SAMA MENGENAKKAN CEK TAK LAKU**

KEKERAPAN (Bil.)	MAJIKAN (Bil.)	JUMLAH CEK TAK LAKU (RM)
7	3	52,026
6	3	30,767
5	5	58,300
4	15	19,106
3	21	52,642
<b>JUMLAH</b>	<b>47</b>	<b>212,841</b>

*Sumber : Data Sistem Cek Tak Laku*

- b. Sistem Cek Tak Laku tidak memberi amaran sekiranya majikan yang sama mengemukakan cek tak laku walaupun belum membuat gantian cek tak laku yang dikemukakan sebelum ini. Selain itu, didapati tiada peraturan ditetapkan bagi memastikan tindakan yang boleh diambil terhadap majikan tersebut. Oleh itu, majikan yang belum membuat gantian cek tak laku masih mengemukakan cek tak laku.

Pada pendapat Audit, prestasi pengurusan cek tak laku kurang memuaskan kerana tiada peraturan, pemeriksaan dan pendakwaan terhadap majikan yang ingkar membuat gantian cek tak laku.

**Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 26 September 2013.**

*PERKESO memaklumkan cek tak laku bagi tahun 2000 sehingga 2007 yang masih belum diganti telah pun diluluskan oleh Lembaga PERKESO untuk dihapus kira daripada akaunnya. Selain itu, surat pemberitahuan gantian cek tak laku akan dikeluarkan kepada majikan dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh cek tak laku diterima daripada bank pemungut.*

### **3.4.5 Pemantauan**

3.4.5.1 Pemantauan adalah elemen pengurusan penting bagi memudahkan PERKESO mengenal pasti kelemahan dan punca masalah pada peringkat awal seterusnya mengambil tindakan segera untuk menyelesaikannya. Semakan Audit mendapati PERKESO telah mewujudkan mekanisme pemantauan terhadap pengurusan caruman di Ibu Pejabat, PERKESO Negeri/Pejabat PERKESO, bank pemungut dan Syarikat Best Multimedia Sdn. Berhad. Pemantauan dibuat melalui mesyuarat Lembaga Pengarah, mesyuarat pengurusan, mesyuarat jawatankuasa pemantauan pengurusan caruman bersama bank pemungut, mesyuarat pengeluaran surat tunggakan caruman kepada majikan, mesyuarat jawatankuasa FCLB, mesyuarat jawatankuasa penetapan sasaran kerja tahunan pegawai penguat kuasa dan mesyuarat jawatankuasa pelaksanaan dan pemantauan *Electronic Document Management System*. Bagaimanapun, pemantauan adalah kurang berkesan kerana terdapat kelemahan di dalam pengurusan kutipan caruman antaranya perekodan caruman yang hanya berpusat di Ibu Pejabat, cek tak laku belum diganti, rekod caruman yang mempunyai kesilapan belum direkodkan dan perbezaan rekod yang belum diselesaikan.

**Pada pendapat Audit, PERKESO telah melaksanakan pelbagai pemantauan bagi mengatasi kelemahan pengurusan kutipan caruman. Bagaimanapun, pemantauan tersebut kurang berkesan kerana proses perekodan caruman memerlukan masa untuk dibuat penyesuaian.**

## **3.5 SYOR AUDIT**

Pihak Audit mengesyorkan PERKESO mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

3.5.1 PERKESO telah membangunkan sistem baru iaitu Sistem PINTAR untuk menangani masalah perbezaan caruman di antara rekod majikan, rekod pekerja dan perekodan dalam sistem. Sebelum migrasi data ke sistem baru, PERKESO hendaklah memastikan integriti data dengan menyelesaikan perbezaan yang wujud di antara kedua-dua rekod.

3.5.2 PERKESO hendaklah mewujudkan sistem pengemaskinian rekod caruman majikan dan pekerja secara terus atas talian di PERKESO Negeri/Pejabat PERKESO bagi mengurangkan beban kerja yang tertumpu di Ibu Pejabat seterusnya mengatasi masalah perbezaan rekod caruman dan pekerja.

3.5.3 PERKESO hendaklah mewujudkan norma masa bagi proses kerja aktiviti caruman seperti tempoh penerimaan rekod caruman pekerja dari PERKESO Negeri/Pejabat PERKESO oleh Ibu Pejabat, tempoh setiap rekod caruman majikan dan pekerja dikemas kini, tempoh gantian cek tak laku dan tempoh bayaran tunggakan caruman berserta faedah selepas kes caruman majikan selesai di mahkamah.

3.5.4 PERKESO hendaklah membuat pemantauan yang berkesan terhadap majikan yang belum menggantikan cek tak laku dan mengambil tindakan sewajarnya.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Tahun 2012 Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 3.

## LEMBAGA TABUNG HAJI

### 4. PENGURUSAN AKTIVITI OPERASI HAJI

#### 4.1 LATAR BELAKANG

4.1.1 Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) telah ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535) yang berkuat kuasa pada 1 Jun 1995. Akta ini menggantikan Akta Lembaga Urusan Dan Tabung Haji 1969 (Akta 8) dan Akta Lembaga Urusan Dan Tabung Haji (Pindaan 1973). Objektif utama penubuhan Tabung Haji adalah untuk membolehkan umat Islam menyimpan wang bagi perbelanjaan menunaikan fardu haji dan memberikan perkhidmatan serta kemudahan kepada mereka semasa menunaikan haji.

4.1.2 Perkhidmatan pengurusan aktiviti haji yang berkualiti merupakan teras utama yang diberikan penekanan oleh Tabung Haji untuk jemaah haji negara ini. Sehingga bulan Disember 2012, seramai 1,054,563 pendeposit telah mendaftar untuk menunaikan fardu haji dan 29,314 telah terpilih untuk menunaikan fardu haji bagi musim 1433H/2012M. Jemaah haji yang terpilih untuk ke Tanah Suci diberi pilihan untuk menunaikan haji secara Muassasah dengan Tabung Haji atau menyertai pakej haji yang diuruskan oleh Pengelola Jemaah Haji, syarikat swasta yang dilesenkan oleh Tabung Haji.

4.1.3 Tabung Haji memberi perkhidmatan penyimpanan dan pengeluaran wang pendeposit bagi memudahkan jemaah haji melaksanakan urusan persendirian di Tanah Suci. Tabung Haji telah membuka pejabat sementara di Mekah, Madinah dan Jeddah bagi memudahkan urusan operasi haji.

4.1.4 Pengurusan aktiviti operasi dan penyampaian perkhidmatan haji dilaksanakan melalui Sistem Haji yang merupakan salah satu daripada 4 sistem teras utama Sistem Induk Tabung Haji. Sistem Induk ini telah dibangunkan pada tahun 2004 dengan kos berjumlah RM35.35 juta. Sistem ini terbahagi kepada 4 subsistem iaitu Sistem Deposit, Sistem Haji, Sistem Sumber Manusia dan Sistem Hartanah.

#### 4.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan aktiviti operasi haji telah dirancang dan dilaksana dengan cekap dan teratur bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan.

### **4.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

4.3.1 Skop pengauditan meliputi aktiviti operasi haji bagi musim haji 1433H/2012M. Pengauditan ini merangkumi 2 bahagian iaitu Operasi Haji di Tanah Air (OHTA) dan Operasi Haji di Tanah Suci (OHTS). Pengauditan OHTA telah dijalankan dengan menyemak laporan, dokumen dan temu bual bersama pegawai yang terlibat di Ibu Pejabat Tabung Haji dan Pejabat Tabung Haji Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Lawatan Audit juga telah dijalankan di 4 stesen berlepas yang terpilih iaitu Kompleks Haji Kelana Jaya dan Bayan Lepas serta Lapangan Terbang Kuala Terengganu dan Kuching.

4.3.2 Semakan Audit terhadap operasi haji merangkumi aspek perancangan, pemilihan bakal haji, pengendalian jemaah haji di lapangan terbang, pengangkutan ke tempat penginapan, alokasi penginapan, bimbingan haji dan kaunseling, pengendalian operasi Masya'ir serta perkhidmatan oleh pihak ketiga.

### **4.4 PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September sehingga Disember 2012 mendapati prestasi keseluruhan pengurusan operasi haji bagi musim haji 1433H/2012M adalah baik. Perancangan yang teliti dan kerjasama semua pihak termasuk agensi Kerajaan telah melancarkan pengurusan jemaah haji bagi mengerjakan ibadah haji dengan teratur. Tabung Haji telah menambahbaik pengurusan operasi haji bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi haji. Bagaimanapun, Tabung Haji perlu memberikan perhatian kepada perkara berikut:

- i. Penambahbaikan kawalan dalaman Sistem Haji terutamanya dalam modul rayuan dan memastikan pembekal tidak ada akses untuk menjana laporan dalam sistem.
- ii. Perjanjian Penyenggaraan Sistem tidak diperbaharui menyebabkan kepentingan Tabung Haji tidak dilindungi.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang diperhatikan adalah seperti berikut:

#### **4.4.1 Pengurusan Haji Bagi Musim Haji 1433H/2012M**

4.4.1.1 Kerajaan Arab Saudi memperuntukkan kuota haji sebanyak 0.1% daripada bilangan penduduk Malaysia iaitu seramai 27,900 pada setiap musim haji. Selain daripada kuota rasmi ini, kuota tambahan diberi oleh Kerajaan Arab Saudi berdasarkan rayuan yang dibuat oleh Tabung Haji pada setiap musim haji. Proses pendaftaran haji melalui sistem pendaftaran haji terbuka telah diperkenalkan oleh Tabung Haji pada tahun 1993. Syarat asas pendaftaran haji adalah setiap bakal haji perlu mempunyai baki simpanan Tabung Haji sebanyak RM1,300 atau melalui caruman di KWSP.

4.4.1.2 Pada setiap musim haji, Tabung Haji menghantar surat tawaran kepada bakal haji yang terpilih. Bakal haji tersebut perlu memaklumkan persetujuan menunaikan haji dalam tempoh sebulan dari tarikh surat tawaran bagi membolehkan Tabung Haji mengendalikan urusan selanjutnya seperti penerbangan, penginapan, pengangkutan dan makanan di Tanah Suci.

4.4.1.3 Kursus asas haji dan kursus intensif haji di peringkat daerah serta kursus perdana haji di peringkat negeri diadakan bagi melengkapkan bakal haji dengan pengetahuan ibadah haji. Bakal haji yang terpilih seterusnya dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan oleh doktor yang dilantik oleh Tabung Haji. Selain itu, bakal haji juga perlu mempunyai Pasport Malaysia Antarabangsa.

4.4.1.4 Tabung Haji telah menyediakan 7 stesen berlepas yang menjadi tempat berkumpul bakal haji yang terpilih sebelum berangkat ke Tanah Suci iaitu Kelana Jaya, Bayan Lepas, Kota Kinabalu, Kuala Terengganu, Johor Bahru, Alor Setar dan Kuching. Keadaan operasi haji di stesen Kelana Jaya adalah seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 4.1**  
**Urusan Pendaftaran**  
**Di Stesen Berlepas Kelana Jaya**



Lokasi: Kompleks Haji Kelana Jaya  
Tarikh: 18 September 2012

**GAMBAR 4.2**  
**Bakal Haji Berkumpul Mendengar Taklimat**  
**Oleh Pegawai Tabung Haji**



Lokasi: Kompleks Haji Kelana Jaya  
Tarikh: 18 September 2012

4.4.1.5 Tabung Haji telah menandatangani perjanjian dengan syarikat penerbangan Malaysia Airlines System (MAS) dan Saudi Arabian Airlines (SAUDIA) bagi urusan penerbangan bakal haji ke Tanah Suci bagi musim haji 1433H/2012M. Jadual penerbangan ini dibahagikan kepada 2 fasa iaitu Fasa 1 bagi aktiviti penerbangan ke Tanah Suci dan seterusnya Fasa 2 bagi aktiviti penerbangan balik ke Malaysia.

4.4.1.6 Tabung Haji telah bekerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan

Imigresen Malaysia dan Jabatan Kesihatan bagi memudahkan urusan pengendalian bakal haji ke Tanah Suci seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 4.3**  
**Pengesahan Pasport Dilakukan**  
**Di Ruangan Menunggu KLIA, Sepang**



Lokasi: KLIA, Sepang  
Tarikh: 18 September 2012

**GAMBAR 4.4**  
**Urusan Kastam Di Stesen Berlepas Kompleks**  
**Haji Kelana Jaya**



Lokasi: Kompleks Haji Kelana Jaya  
Tarikh: 18 September 2012

4.4.1.7 Semakan Audit mendapati Tabung Haji telah menambahbaik pengurusan operasi haji bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi haji seperti berikut:

- a. Talian Ibadah Haji di Tanah Suci telah diperkenalkan bagi memberi maklumat ibadah haji secara talian terus yang beroperasi 24 jam sehari.
- b. Pemantauan oleh Tabung Haji terhadap pergerakan jemaah haji dipermudahkan melalui *web-based* menggunakan kemudahan *tablet*.
- c. Penghantaran bagasi lebih awal dengan lori sebelum pergerakan jemaah haji ialitu dari Madinah ke Makkah, dari Makkah ke Madinah dan dari Makkah atau Madinah ke Madinatul Hajj di Jeddah.
- d. Sistem Aduan Berkomputer melalui Sistem Maklumat Bersepadu digunakan bagi merekod setiap aduan yang diterima daripada jemaah haji.
- e. Capaian internet melalui rangkaian Wifi serta perkhidmatan jalur lebar dipertingkatkan bagi menyokong perkhidmatan teknologi maklumat di Tanah Suci.
- f. Unit penyelaras maktab diwujudkan berperanan menyelaras maktab secara berkesan.
- g. Kaunter khidmat pelanggan syarikat perkhidmatan bagasi di Tanah Suci telah ditempatkan di bangunan penginapan bagi memudahkan urusan penghantaran bagasi ke Malaysia.
- h. Anggota pos kawalan Tabung Haji yang memakai jaket bercahaya ditempatkan di Arafah dan Mina bagi membantu jemaah haji yang sesat seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 4.5**  
**Anggota Pos Kawalan Tabung Haji Sedang Bertugas di Mina**



Lokasi: Mina

Tarikh: 26 September 2012

**Pada pendapat Audit, prestasi keseluruhan operasi haji bagi musim haji 1433H/2012M adalah baik. Perancangan yang teliti dan kerjasama semua pihak termasuk agensi Kerajaan telah melancarkan pengurusan jemaah haji bagi mengerjakan ibadah haji dengan teratur.**

#### **4.4.2 Indeks Prestasi Perkhidmatan Haji**

Mulai musim haji 1428H/2007M, Tabung Haji telah memperkenalkan Indeks Prestasi Perkhidmatan Haji (IPPH) yang juga dikenali sebagai Indeks Kepuasan Pelanggan (CSI) dalam membuat penilaian keseluruhan terhadap operasi haji yang dijalankan setiap tahun. IPPH digunakan untuk menentukan perkhidmatan yang diberikan kepada jemaah haji mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Selain itu, Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 Perkhidmatan Haji juga digunakan secara berterusan untuk menentukan perkhidmatan yang diberikan berkualiti. Selaras dengan Pelan Perniagaan Tabung Haji Tahun 2011 hingga 2015, Tabung Haji telah menetapkan supaya peratusan sasaran IPPH dinaikkan sebanyak 1% setiap tahun mulai 1430H/2009M sehingga mencapai tahap maksimum 85% pada musim haji 1435H/2014M. Semakan Audit mendapati Tabung Haji telah mencapai peratusan kepuasan pelanggan bagi perkhidmatan yang disediakan seperti di jadual berikut:

**JADUAL 4.1**  
**TAHAP PENCAPAIAN KEPUASAN JEMAAH HAJI**

BIL.	MUSIM HAJI	SASARAN YANG DITETAPKAN (%)	PENCAPAIAN SEBENAR (%)	BEZA (%)
1	1431H/2010M	81	82	1
2	1432H/2011M	82	80	(2)
3	1433H/2012M	83	85	2
4	1434H/2013M	84	Maklumat belum diperolehi	

*Sumber: Laporan Analisis Kepuasan Pelanggan Bagi Musim Haji*

Pada pendapat Audit, dengan memperkenalkan Indeks Prestasi Perkhidmatan Haji atau Indeks Kepuasan Pelanggan telah dapat membantu Tabung Haji menilai pencapaian sebenar terhadap sasaran yang ditetapkan setiap tahun bagi operasi haji. Ini menunjukkan komitmen Tabung Haji untuk terus memberi perkhidmatan muassasah yang terbaik bagi jemaah haji Malaysia.

#### **4.4.3 Pengurusan Penginapan Jemaah Haji**

**4.4.3.1** Pada setiap musim haji, Tabung Haji akan memastikan bangunan penginapan jemaah haji di Tanah Suci adalah mencukupi bagi menempatkan jemaah haji Malaysia. Alokasi penginapan dilaksanakan melalui sistem oleh Unit Alokasi Perumahan di Tanah Suci mengikut *tasrikh* yang telah ditetapkan oleh pihak Muassasah Asia Tenggara. Pada musim haji 1433H/2012M, Tabung Haji menyewa 6 hotel di Madinah, 15 di Makkah dan sebuah di Madinatul Hajjaj, Jeddah. Lawatan Audit telah dijalankan di 7 hotel penginapan di Makkah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 4.2**  
**HOTEL YANG DILAWATI**

BIL.	HOTEL	KATIL (Bil.)
1	Abraj Janadiriyyah	6,775
2	Safwat Al Shouroq	300
3	Al- Olayan	3,200
4	Rawdhat Al Shouroq	1,398
5	Manar Al Shouroq	1,070
6	Land Premium	5,000
7	Rehab Al Janadiriyyah	2,615
<b>JUMLAH</b>		<b>20,358</b>

*Sumber: Jabatan Haji, Tabung Haji*

**Pada pendapat Audit, pengurusan penginapan jemaah haji telah dilaksanakan dengan baik dan teratur. Kerjasama yang erat antara Tabung Haji dengan pemilik hotel telah menjamin kemudahan dan kelengkapan yang diberikan berada pada tahap terbaik seterusnya memberikan keselesaan kepada jemaah haji.**

#### **4.4.4 Pengurusan Operasi Masya'ir**

4.4.4.1 Operasi Masya'ir merupakan kemuncak kepada segala operasi haji di Tanah Suci yang melibatkan pergerakan keseluruhan jemaah haji Malaysia ke Arafah, Muzdalifah, Mina Muassim dan Makkah bagi tempoh 5 hari bermula dari 8 hingga 13 Zulhijjah 1433H.

4.4.4.2 Objektif utama operasi Masya'ir adalah untuk memastikan jemaah haji dapat berwukuf di Arafah pada waktunya dan melaksanakan rukun dan wajib haji serta mendapat khidmat sokongan yang berkaitan. Pihak utama yang bertanggungjawab dalam menyediakan segala kemudahan dan perkhidmatan semasa operasi Masya'ir adalah Kerajaan Arab Saudi, Muassasah Asia Tenggara dan Nagabah.

**Pada pendapat Audit, pengurusan operasi Masya'ir telah dilaksanakan dengan baik termasuk ketibaan jemaah haji di Arafah mengikut masa yang telah ditetapkan iaitu sebelum ketibaan hari wukuf.**

#### **4.4.5 Pengurusan Sistem Haji**

4.4.5.1 Sistem Haji terbahagi kepada Operasi Am dan Operasi Haji. Operasi Am merangkumi operasi harian Tabung Haji seperti pendaftaran haji, bimbingan, pemilihan kelayakan, pengeluaran pasport haji dan kawalan stok. Operasi Haji pula merangkumi alokasi penerbangan pergi dan balik, pengangkutan kenderaan, perumahan dan penginapan, sajian, aduan dan pelbagai perkhidmatan lain.

4.4.5.2 Semakan Audit terhadap Sistem Haji mendapati perkara berikut:

##### **a. Kawalan Input : Penambahbaikan Dalam Modul Rayuan**

- i. Kawalan input yang berkesan memastikan hanya transaksi yang sah diproses oleh komputer supaya transaksi tidak hilang, ditokok tambah dan berlaku duplikasi.
- ii. Modul Rayuan telah diwujudkan bagi menyimpan maklumat rayuan oleh bakal haji. Prosesnya adalah menginput maklumat surat rayuan setelah

diterima dan menyimpan data tersebut sebelum mencetak surat jawapan kepada bakal haji tersebut. Hasil pengauditan *walkthrough* mendapati sistem membenarkan pencetakan surat tanpa pengesahan yang berpunca daripada *pop up window* yang tidak diwujudkan bagi mengingatkan pengguna untuk membuat pengesahan tersebut. Ini menyebabkan surat yang dicetak tidak mempunyai tarikh rayuan dibuat dan apabila senarai rayuan kepada Jawatankuasa Rayuan Tabung Haji dihasilkan, nama bakal haji dan tarikh rayuan tidak dapat dikeluarkan.

**Pada pendapat Audit, Sistem Haji perlu mempunyai ciri *prompt notification* sebelum menyimpan maklumat dan ia sepatutnya dikemas kini dalam sistem.**

**Maklum Balas Daripada Tabung Haji Diterima Pada 15 Mei 2013.**

***Tabung Haji memaklumkan penambahbaikan akan dilakukan kepada Sistem Haji di mana cetakan hanya dibenarkan setelah status rayuan berjaya dikemaskinikan. Penambahbaikan ini dijangka siap pada suku ke-3 tahun 2013.***

**b. Perjanjian Penyenggaraan Sistem Haji Tidak Diperbaharui**

- i. Perjanjian Penyenggaraan Sistem perlu ditandatangani antara agensi dengan syarikat pembekal bagi setiap kerja penyenggaraan supaya skop kerja dan tanggungjawab pembekal ditentukan dengan jelas dan tetap.
- ii. Semakan Audit mendapati perjanjian penyenggaraan sistem kali terakhir ditandatangani adalah bagi tempoh 1 September 2008 sehingga 31 Ogos 2011 berjumlah RM6.23 juta antara Tabung Haji dengan Lityan Holdings Berhad. Tabung Haji telah membeli syarikat tersebut yang kini dikenali sebagai Theta Edge Berhad (TEB). Permohonan awal Tabung Haji untuk menandatangani perjanjian penyenggaraan dengan TEB telah ditolak oleh Kementerian Kewangan (MOF) memandangkan kerja penyenggaraan selama ini adalah dilaksanakan oleh Konsortium Jaya Sdn. Berhad (KJSB) iaitu subsidiari kepada TEB. MOF telah menyarankan supaya Tabung Haji menandatangani perjanjian penyenggaraan dengan KJSB. Bagaimanapun, sehingga kini Tabung Haji masih belum menandatangani sebarang perjanjian penyenggaraan.
- iii. Semakan Audit juga mendapati kerja penyenggaraan sistem telah dilaksanakan oleh KJSB sebelum kelulusan diperoleh daripada Kementerian Kewangan. Kerja penyenggaraan hanya berdasarkan persetujuan bersama antara Tabung Haji dengan KJSB. Syarikat ini telah melaksanakan penyenggaraan sistem tanpa perjanjian selama 1 tahun 7 bulan bermula dari 1 September 2011 sehingga kini.

Pada pendapat Audit, sebelum sesuatu kerja penyenggaraan sistem dilaksanakan, perjanjian perlu ditandatangani di antara kedua belah pihak. Ini bagi memastikan kepentingan Tabung Haji dilindungi dan tindakan dapat diambil terhadap kontraktor sekiranya berlaku pelanggaran syarat perjanjian.

**Maklum Balas Daripada Tabung Haji Diterima Pada 15 Mei 2013.**

***Jabatan Teknologi Maklumat sedang berusaha membantu Bahagian Undang-undang Tabung Haji memuktamadkan perjanjian penyenggaraan Sistem Induk Tabung Haji dengan KJSB.***

#### **4.5 SYOR AUDIT**

Pihak Audit mengesyorkan Tabung Haji mengambil tindakan seperti berikut bagi meningkatkan pengurusan aktiviti operasi haji pada masa hadapan:

- 4.5.1 Tabung Haji hendaklah meningkatkan kawalan dalaman Sistem Haji bagi memastikan integriti data terjamin.
- 4.5.2 Tabung Haji hendaklah memastikan perjanjian penyenggaraan sistem dimuktamadkan supaya kepentingan Tabung Haji dilindungi sekiranya berlaku perlanggaran syarat perjanjian.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Tahun 2012 Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 3.

## **MAJLIS AMANAH RAKYAT**

### **5. PENGURUSAN PERALATAN KEMAHIRAN DAN TEKNIKAL**

#### **5.1 LATAR BELAKANG**

5.1.1 Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang ditubuhkan pada 1 Mac 1966 di bawah Akta 489, Akta Majlis Amanah Rakyat adalah agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). MARA merupakan badan berkanun yang ditubuhkan bagi memajukan, menggalakkan, memudahkan serta menjalankan pembangunan ekonomi dan kemasyarakatan di peringkat persekutuan amnya dan di kawasan luar bandar khasnya.

5.1.2 Antara objektif MARA ialah melahirkan modal insan global dan berintegriti serta membangunkan usahawan berjaya dan inovatif. Sejajar dengan objektif ini, Bahagian Kemahiran Dan Teknikal (BKT) dipertanggungjawab bagi mengendalikan program pendidikan teknikal dan vokasional di 10 pusat latihan Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) dan 13 buah Institut Kemahiran MARA (IKM) di seluruh negara. MARA bertanggungjawab untuk melahirkan belia bumiputera yang berkemahiran dalam pelbagai bidang teknikal dan kemahiran di samping melahirkan bakal-bakal usahawan. BKT menawarkan 81 program yang merangkumi 34 program sijil di IKM serta 47 program diploma di IKM dan KKTM.

5.1.3 Ibu Pejabat MARA bertanggungjawab untuk menguruskan pelantikan pensyarah dan perolehan peralatan yang diperlukan bagi memenuhi keperluan pembelajaran yang dijalankan oleh IKM dan KKTM. MARA juga perlu menyediakan peralatan terkini bersesuaian dengan sukanan pelajaran IKM dan KKTM selaras dengan perkembangan teknologi semasa bagi meningkatkan keupayaan IKM dan KKTM.

5.1.4 Bahagian Pembangunan Dan Teknikal dan Bahagian Pengurusan Aset Dan Perolehan (BAP) bertanggungjawab merancang, mengurus dan menyelaras keperluan perolehan peralatan serta mendapat petender yang memenuhi spesifikasi. Perolehan peralatan MARA dibuat melalui rundingan terus, tender, sebut harga dan pembelian terus selaras dengan peraturan kewangan.

5.1.5 Siling peruntukan belanja pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan Pakej Rangsangan Ekonomi 2 (PRE2) bagi perolehan peralatan di 13 IKM dan 8 buah KKTM adalah berjumlah RM807.67 juta. MARA telah memperuntukkan RM442.36 juta dan

sejumlah RM145.62 juta telah dibelanjakan bagi tahun 2010 hingga 2012 untuk perolehan peralatan bagi 2 IKM dan 4 KKTM yang dipilih. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.1**  
**PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAGI PEROLEHAN PERALATAN**  
**BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2012**

PUSAT LATIHAN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	BAKI (RM Juta)
IKM Bintulu	81.89	12.35	69.54
IKM Kuala Lumpur	1.32	1.18	0.14
KKTM Kemaman	103.04	9.29	93.75
KKTM Masjid Tanah	116.89	44.76	72.13
KKTM Sri Gading	54.20	33.05	21.15
KKTM Beranang	85.02	44.99	40.03
<b>JUMLAH</b>	<b>442.36</b>	<b>145.62</b>	<b>296.74</b>

*Sumber: Laporan Prestasi Perolehan Peralatan di Bawah Peruntukan Belanja Pembangunan RMKe-9,  
RMKe- 10 dan PRE2*

## 5.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan peralatan kemahiran dan teknikal MARA telah dirancang dan dilaksanakan secara cekap dan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan.

## 5.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan peralatan kemahiran dan teknikal IKM dan KKTM di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan Pakej Rangsangan Ekonomi 2 (PRE2) bagi tahun 2010 hingga 2012. Pengauditan ini merangkumi aspek perolehan, penerimaan, pengagihan, penggunaan, penyimpanan, keselamatan, pemberian, penyenggaraan, penyewaan, pelupusan, kehilangan dan hapus kira serta penyelenggaraan rekod. Semakan Audit terhadap fail, rekod kewangan dan kontrak serta analisis data telah dijalankan di Ibu Pejabat MARA iaitu Bahagian Kemahiran Dan Teknikal, Bahagian Pengurusan Aset Dan Perolehan, Bahagian Binaan Dan Senggaraan, Bahagian Kewangan dan 6 pusat latihan IKM dan KKTM yang dipilih. Lokasi yang terlibat ialah IKM Bintulu, IKM Kuala Lumpur, KKTM Beranang, KKTM Kemaman, KKTM Masjid Tanah dan KKTM Sri Gading. Selain itu, temu bual juga telah diadakan dengan pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan peralatan teknikal.

## **5.4 PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2012 mendapati secara keseluruhan pengurusan peralatan kemahiran dan teknikal serta pemantauan adalah baik di 3 pusat latihan IKM dan KKTM. Tahap prestasi bagi Ibu Pejabat MARA dan 2 pusat latihan IKM dan KKTM memuaskan, manakala KKTM Sri Gading adalah lemah. Antara kelemahan dalam pengurusan peralatan kemahiran dan teknikal IKM dan KKTM adalah seperti berikut:

- i. Syarikat Jalinan Rakyat Sdn. Berhad yang membekalkan peralatan kepada KKTM Beranang dengan nilai kontrak berjumlah RM18.96 juta tidak dapat membekal peralatan mengikut tempoh kontrak dan lanjutan masa yang tamat pada bulan Januari 2012 kerana fasiliti banknya telah dibekukan. Pembekalan hanya disempurnakan pada bulan Oktober 2012.
- ii. Proses rundingan terus bagi 3 pembekal peralatan bernilai RM98.91 juta mengambil masa antara 3 hingga 4 tahun bermula dari tarikh kelulusan pelantikan oleh Kementerian Kewangan sehingga kontrak dimuktamadkan.
- iii. Pembekal Teknologi yang dilantik gagal melaksanakan tanggungjawab seperti yang dinyatakan di dalam perjanjian dan ini telah memberi kesan terhadap bekalan peralatan dan jadual pembelajaran.
- iv. Sebanyak 6 jenis peralatan bernilai RM2.51 juta masih belum diterima di 3 pusat latihan IKM dan KKTM. Selain itu, sebanyak 66 jenis peralatan baru bernilai RM2.79 juta tidak digunakan antara 1 hingga 18 bulan sejak peralatan tersebut diterima. Ini disebabkan pembelian yang terlalu awal, kerja mekanikal dan elektrikal (M&E) serta sivil dan struktur (C&S) masih belum disempurnakan. Peralatan yang telah dibekalkan tetapi tidak dapat digunakan adalah *Universal Testing Machine* bernilai RM870,129 kerana tidak disediakan *platform* yang sesuai manakala 59 jenis peralatan bernilai RM2.36 juta tidak dapat ditempatkan di lokasi yang dirancang.
- v. Kelewatan pembekalan peralatan telah menyebabkan MARA menanggung kos penyewaan peralatan dan pengangkutan sejumlah RM1.38 juta bagi tempoh 3 tahun.

Penjelasan lanjut terhadap kelemahan tersebut adalah seperti berikut:

### **5.4.1 Pengurusan Perolehan Peralatan**

Pengurusan perolehan peralatan kemahiran dan teknikal di pusat latihan IKM dan KKTM telah dilaksanakan melalui kaedah rundingan terus, tender, sebut harga dan pembelian terus. Semakan Audit mendapati kelemahan perolehan yang dibuat seperti berikut:

#### 5.4.1.1 Proses Rundingan Terus

- a. Kementerian Kewangan telah mengarahkan MARA untuk melaksanakan perolehan peralatan melalui pelantikan 3 buah syarikat iaitu Jalinan Rakyat Sdn. Berhad (JRSB), Akademi CaddCam Sdn. Berhad dan Cekap Jati Sdn. Berhad secara rundingan terus tertakluk kepada syarat bahawa MARA mempunyai peruntukan yang mencukupi dan harga dirunding pada paras terendah.
- b. Proses perolehan rundingan terus dari tarikh kelulusan pelantikan oleh Kementerian Kewangan sehingga kontrak dimuktamadkan melibatkan aktiviti pembangunan kurikulum, penambahbaikan spesifikasi peralatan oleh pembekal teknologi, bengkel pemurnian senarai dan spesifikasi peralatan, pra runding harga MARA, mesyuarat runding harga MARA dan mesyuarat Lembaga Perolehan A.
- c. Semakan Audit mendapati proses perolehan rundingan terus bagi 3 syarikat yang membekalkan peralatan bernilai RM98.91 juta mengambil masa yang lama iaitu **3 tahun** dari tarikh kelulusan pelantikan oleh Kementerian Kewangan sehingga kontrak ditandatangani. Ini adalah disebabkan aktiviti pembangunan kurikulum, senarai dan spesifikasi peralatan serta runding harga MARA belum dimuktamadkan semasa kelulusan diberi oleh Kementerian Kewangan. **Kelewatan menandatangani kontrak menyebabkan peralatan pembelajaran yang disenaraikan dalam kontrak telah ditamatkan pengeluaran dan tidak memenuhi keperluan teknologi terkini.** Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.2  
TEMPOH KELEWATAN PROSES RUNDINGAN TERUS**

SYARIKAT	JALINAN RAKYAT SDN. BERHAD		CEKAP JATI SDN. BERHAD	AKADEMI CADDCAM SDN. BERHAD
	PUSAT LATIHAN	KKTM BERANANG		
Nilai Kontrak (RM Juta)	18.96	21.27	12.08	46.60
Tempoh Kontrak	16.08.2010 hingga 15.08.2011	13.05.2011 hingga 12.05.2012	08.04.2011 hingga 07.04.2012	01.07.2010 hingga 30.06.2011
Tarikh Kelulusan Pelantikan Rundingan Terus oleh Kementerian Kewangan	31.05.2007	01.07.2008	01.07.2008	06.02.2007
Tarikh Kontrak Ditandatangani	16.08.2010	13.05.2011	08.04.2011	01.07.2010
Tempoh Kelewatan (Tahun/Bulan)	3 Tahun 2 Bulan	2 Tahun 10 Bulan	2 Tahun 9 Bulan	3 Tahun 4 Bulan

Sumber: Fail Rundingan Terus

**Pada pendapat Audit, proses rundingan terus tidak dilaksanakan dengan teratur.**

**Maklum Balas MARA Diterima Pada 20 Mei 2013.**

*MARA memaklumkan pada masa kelulusan Kementerian Kewangan diterima, bangunan bagi KKTM Beranang dan KKTM Masjid Tanah masih dalam pembinaan. Antara sebab kelewatan menandatangani Surat Setuju Terima adalah rundingan harga yang diadakan beberapa kali kerana pembekal tidak bersetuju dengan harga yang ditawarkan oleh MARA, pembekal lewat mengemukakan bon pelaksanaan dan perbincangan telah diadakan antara MARA, syarikat dan Pembekal Teknologi bagi mendapatkan persetujuan senarai dan spesifikasi peralatan mengikut perkembangan teknologi semasa. KKTM yang terlibat juga menawarkan program baru berorientasi tinggi yang memerlukan kajian secara komprehensif meliputi kajian pasaran kerja, pembangunan kurikulum, penyediaan senarai dan spesifikasi alatan serta latihan tenaga pengajar.*

#### **5.4.1.2 Pembekalan Dan Kerja Melebihi Tempoh Perjanjian**

- a. Mengikut syarat perjanjian yang ditandatangani antara MARA dan syarikat pembekal, pembekalan peralatan, kerja bangunan serta mekanikal dan elektrikal (M&E) hendaklah disempurnakan dalam tempoh perjanjian iaitu setahun dari tarikh kontrak ditandatangani.
- b. Semakan Audit mendapati MARA telah melantik syarikat JRSB untuk membekalkan peralatan, kerja bangunan dan M&E pada 31 Mei 2007 bagi perolehan di KKTM Beranang dan 1 Julai 2008 bagi perolehan di KKTM Sri Gading. Jumlah perolehan bagi kedua-dua KKTM adalah RM40.23 juta. Kontrak telah ditandatangani pada 16 Ogos 2010 bagi KKTM Beranang dan 13 Mei 2011 bagi KKTM Sri Gading.
- c. Semakan lanjut mendapati pihak JRSB telah gagal menyempurnakan pembekalan dan kerja dalam tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian. Kelulusan lanjutan masa juga telah diberikan kepada syarikat JRSB antara 5 hingga 12 bulan. Bagaimanapun, syarikat masih lewat menyempurnakan pembekalan dan kerja seperti yang ditetapkan di KKTM Beranang. Pembekalan hanya disempurnakan pada 17 Oktober 2012 berbanding tempoh sepatutnya iaitu 31 Januari 2012 dengan tempoh kelewatan selama 8 bulan. Syarikat telah dikenakan denda kelewatan pembekalan peralatan tersebut sejumlah RM19,500.
- d. Berdasarkan Laporan Prestasi Perolehan Peralatan Peruntukan Belanja Pembangunan MARA, antara sebab pembekal tidak dapat menyempurnakan

pembekalan dan kerja mengikut tempoh yang ditetapkan ialah kerana syarikat menghadapi masalah kewangan di mana fasiliti bank pembekal telah dibekukan. Semakan Audit di Suruhanjaya Syarikat Malaysia mendapati syarikat juga mempunyai 12 gadaian bank yang masih belum dijelaskan dengan 4 gadaian berjumlah RM80.15 juta dan 8 gadaian yang bernilai terbuka (*open charge*). Ini menyebabkan syarikat tidak berupaya untuk menguruskan 2 projek pembekalan yang bernilai besar. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.3  
KELEWATAN PEMBEKALAN DAN KERJA**

PERIHAL KONTRAK	KKTM BERANANG
Nilai Kontrak	RM18.96 Juta
Tarikh Kelulusan MOF	31.05.2007
Tarikh Surat Setuju Terima	22.03.2010
Tempoh Kontrak	16.08.2010 hingga 15.08.2011
Lanjutan Masa 1 (a)	16.08.2011 hingga 31.01.2012
Lanjutan Masa 2 (b)	-
Tempoh Lanjutan Masa (a hingga b)	5 Bulan
Tarikh Pembekalan Sebenar	17.10.2012
Tempoh Kelewatan Pembekalan	8 bulan

Sumber: Fail Rundingan Terus

Pada pendapat Audit, penilaian terhadap pelantikan pembekal tidak dilaksanakan secara terperinci kerana tidak mengambil kira prestasi dan kedudukan kewangan pembekal.

**Maklum Balas MARA Diterima Pada 2 Julai 2013.**

*MARA memaklumkan kedudukan kewangan JRSB semasa pelantikan kontrak dibuat adalah di tahap memuaskan. Syarikat mempunyai modal berbayar sebanyak RM1.5 juta. Nisbah kecairan syarikat adalah tinggi iaitu 2.3 yang mana syarikat mampu menjelaskan tanggungan semasa. Walaupun syarikat mencatat kerugian pada tahun 2009 sebanyak RM0.99 juta tetapi rizab terkumpul syarikat berjumlah RM2.55 juta. Pada masa hadapan, MARA akan memastikan semakan yang terperinci dibuat terhadap kedudukan kewangan syarikat yang dilantik secara rundingan terus iaitu mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan berdaya maju (viable). Sekiranya syarikat yang dilantik secara rundingan terus tidak mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan tiada pengalaman yang sesuai, MARA akan merujuk semula kepada Kementerian Kewangan.*

#### 5.4.1.3 Peralatan Belum Dibekalkan

- a. Perjanjian bagi pembekalan melalui rundingan terus dan tender menyatakan proses penghantaran peralatan mula berkuat kuasa dari tarikh perjanjian ditandatangani. Bagi perolehan secara sebut harga, bekalan akan dihantar mengikut tarikh pesanan ditetapkan. Susulan Audit setakat 30 Jun 2013 mendapati sebanyak **6 jenis peralatan bernilai RM2.51 juta masih belum diterima** di 3 pusat latihan IKM dan KKTM. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.4  
PERALATAN BELUM DIBEKAL SETAKAT 30 JUN 2013**

PUSAT LATIHAN	PERALATAN (Bil.)	KUANTITI	NILAI (RM Juta)	SEBAB
KKTM Masjid Tanah	1	1	1.16	Pertukaran negara pengeluar peralatan
KKTM Kemaman	3	4	0.06	Tiada perincian kerja sivil dan struktur (C&S) dan M&E dalam Fasa 1
IKM Bintulu	2	2	1.29	Peralatan tidak memenuhi spesifikasi
<b>JUMLAH</b>	<b>6</b>	<b>7</b>	<b>2.51</b>	

Sumber: Laporan Prestasi Pembekalan Peralatan Pusat Latihan MARA

- b. Semakan lanjut mendapati antara sebab peralatan lewat dibekalkan adalah kerana proses yang lama untuk mendapatkan kelulusan import daripada negara pengeluar dan kelewatan MARA melantik *Multi Transport Operator* yang bertanggungjawab menghantar peralatan.

Pada pendapat Audit, pembekal gagal mematuhi perjanjian yang ditetapkan dan MARA tidak menjalankan pemantauan dengan berkesan.

**Maklum Balas MARA Diterima Pada 24 September 2013.**

**MARA memaklumkan status pembekalan peralatan mengikut pusat latihan adalah seperti berikut:**

- 1. KKTM Sri Gading: Kesemua peralatan telah dibekalkan pada 2 Julai 2013;**
- 2. KKTM Masjid Tanah: Kesemua peralatan telah dibekalkan pada 11 Julai 2013;**
- 3. KKTM Kemaman: Perolehan bagi 3 item tersebut telah dilaksanakan secara tender terbuka pada 17 Julai 2013. Pembekalan dijangka selesai selewat-lewatnya pada penghujung 2013.**
- 4. IKM Bintulu: Steam Power Plant with Process Control System bernilai RM1.29 juta telah diterima pada 5 Julai 2013. Pembekalan bagi Analog Voltmeter bernilai RM5,390 yang dikembalikan semula**

*kerana tidak menepati spesifikasi akan dilaksanakan apabila mendapat kelulusan Lembaga Perolehan MARA bagi spesifikasi baru. Mesyuarat Lembaga Perolehan MARA telah diadakan pada 19 September 2013. Lembaga Perolehan MARA telah bersetuju dengan pertukaran spesifikasi baru yang lebih sesuai untuk tujuan latihan.*

#### 5.4.1.4 Kos Tambahan Kerana Lewat Bekal Peralatan

- a. Proses pembelajaran dan pengajaran di pusat latihan IKM dan KKTM tidak boleh terganggu bagi mencapai keperluan pengiktirafan yang ditetapkan oleh Malaysian Qualification Accreditation (MQA). Antara keperluan yang diperlukan oleh MQA adalah hasil pembelajaran dan jam kredit berdasarkan kepada beban pelajar dijalankan oleh institusi pengajaran. MQA juga akan memberikan pengiktirafan berdasarkan kepada pengakreditan pengalaman pembelajaran terkumpul pelajar.
- b. Semakan Audit mendapati **kelewatian pembekalan peralatan telah menyebabkan MARA menyewa peralatan dan makmal daripada Universiti Malaysia Pahang dan Perunding Iza'd Sdn. Berhad. MARA terpaksa menanggung kos penyewaan peralatan dan pengangkutan pelajar sejumlah RM1.38 juta bagi tempoh 3 tahun.** Butiran adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.5  
KOS PENYEWAAN DAN PENGANGKUTAN BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2012**

PUSAT LATIHAN	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	JUMLAH (RM)
KKTM Masjid Tanah	384,585	218,346	42,735	645,666
KKTM Kemaman	-	95,485	526,898	622,383
KKTM Sri Gading	37,484	33,118	41,328	111,930
JUMLAH				1,379,979

*Sumber: Fail Outsourcing Di KKTM terlibat.*

Pada pendapat Audit, perancangan perolehan yang teliti boleh mengelakkan MARA menanggung kos tambahan sejumlah RM1.38 juta akibat kelewatian pembekalan peralatan dan kerja pembinaan.

**Maklum Balas MARA Diterima Pada 20 Mei 2013.**

*MARA memaklumkan penyewaan (outsource) daripada pihak luar perlu dilakukan bagi mencapai keperluan pengiktirafan yang ditetapkan oleh Malaysian Qualification Accreditation (MQA) dan untuk pembelajaran pelajar-pelajar sedia ada. MARA akan memasukkan klausu "sekiranya pembekal*

*peralatan gagal melaksanakan penghantaran peralatan dalam tempoh kontrak, kos penyewaan peralatan bagi tujuan latihan amali dari pihak luar akan ditanggung oleh pembekal peralatan” di dalam dokumen kontrak perjanjian pembekalan peralatan yang akan datang.*

#### 5.4.1.5 Pembekal Teknologi Tidak Mematuhi Skop Perjanjian

- Pembekal Teknologi bertanggungjawab mengenal pasti peralatan yang diperlukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran program. Pembekal Teknologi juga perlu memastikan pusat latihan IKM dan KKTm yang dibina mempunyai spesifikasi bagi memastikan peralatan yang diperoleh oleh MARA dapat digunakan sepenuhnya. MARA telah melantik 4 syarikat sebagai Pembekal Teknologi secara tender terbuka tertakluk kepada syarat kontrak dengan kos berjumlah RM25.50 juta bagi mengendalikan pembangunan program latihan dan pendidikan di 5 pusat latihan IKM dan KKTm. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.6  
PEMBEKAL TEKNOLOGI**

PUSAT LATIHAN	PEMBEKAL TEKNOLOGI	TARIKH KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM Juta)
KKTM Sri Gading	K-Utech Edu Sdn. Berhad	13.11.2006	3.91
KKTM Masjid Tanah	German Malaysia Institute (GMI)	13.11.2006	7.00
KKTM Beranang	Augmented Innovation Sdn. Berhad	19.12.2007	5.50
KKTM Kemaman	Octagon Petroleum Technology Sdn. Berhad	07.07.2008	5.45
IKM Bintulu	Octagon Petroleum Technology Sdn. Berhad	22.05.2009	3.64
<b>JUMLAH</b>			<b>25.50</b>

*Sumber: Perjanjian Kontrak Pembekal Teknologi*

- Memorandum Perjanjian antara MARA dan Pembekal Teknologi menetapkan antara skop perkhidmatan yang perlu dilaksanakan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.7  
SKOP PERKHIDMATAN PEMBEKAL TEKNOLOGI DALAM MEMORANDUM PERJANJIAN**

SKOP PERKHIDMATAN	BUTIRAN
Pembangunan Kurikulum	Menyediakan kertas konsep pembangunan program, struktur kurikulum, silibus, dokumen pembelajaran dan Manual Sistem Kualiti Program.
Ruang Latihan dan Keperluan Perkhidmatan M&E dan ICT	Menyediakan senarai, bilangan serta susun atur ruang latihan dan pembelajaran berdasarkan kapasiti pelajar seperti makmal dan bengkel.  Menyediakan dokumen keperluan perkhidmatan M&E serta infrastruktur ICT seperti <i>ducting/ suction system, power supply</i> , keperluan lain bagi pemasangan alatan, kelulusan alatan kawalan oleh pihak berkuasa, <i>networking</i> dan lain-lain kepada jurutera perunding mekanikal/ elektrikal dan kontraktor yang dilantik oleh MARA bagi pembinaan kampus IKM/KKTm. Ini adalah supaya pelaksanaan dan operasi program dapat dijalankan mengikut jadual spesifikasi.

SKOP PERKHIDMATAN	BUTIRAN
	Menyediakan dokumen laporan penilaian dan pengubahsuaian bagi keperluan ruang latihan, keperluan M&E dan ICT untuk disesuaikan dengan susun atur bangunan IKM/KKTM yang telah siap dibina atau peralatan yang dicadangkan.
Alatan, Bahan dan Kelengkapan Latihan	<p>Menyediakan senarai keperluan peralatan seperti nama alatan, model, negara pembuat, kuantiti, harga seunit, jumlah harga dan mengemukakan cadangan nama pembekal berserta contoh katalog bagi setiap makmal dan bengkel untuk setiap program merangkumi 2 tahun pengajian berdasarkan kurikulum yang dibangunkan.</p> <p>Menyediakan spesifikasi peralatan, dokumen analisis penggunaan peralatan, senarai kelengkapan latihan dan keperluan bahan latihan.</p> <p>Memastikan semua peralatan yang dicadangkan dan dibekalkan berdasarkan kurikulum yang dipersetujui oleh MARA dan menepati spesifikasi yang ditetapkan.</p> <p>Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap peralatan yang dibekalkan sekiranya spesifikasi peralatan yang dibekalkan tidak memenuhi keperluan latihan termasuk menyelesaikan segala masalah yang dihadapi.</p>
Sokongan Tenaga Pakar	<p>Menempatkan seorang Ketua Pakar bagi memberi khidmat kepakaran dan nasihat dalam pelaksanaan keseluruhan Program selama 2 tahun 6 bulan dari tarikh pengambilan pelatih kumpulan pertama di IKM/KKTM.</p> <p>Menempatkan seorang Pakar Program bagi setiap program yang dijalankan mengikut persetujuan kedua-dua pihak bagi membantu dan menasihati pihak pengurusan dan tenaga pengajar dalam pelaksanaan program selama 2 tahun 6 bulan dari tarikh pengambilan pelatih kumpulan pertama di IKM/KKTM.</p> <p>Skop kerja dan perincian skop kerja Ketua Pakar dan Pakar Program dinyatakan di Lampiran 1 dan 2. Antaranya adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tempoh khidmat bermula daripada tarikh pengambilan pertama pelajar atau yang dipersetujui MARA sehingga tamat kontrak menurut Memorandum Perjanjian; dan</li> <li>ii. Tenaga Pakar mestilah sentiasa berada di kolej sepenuh masa dan mudah dihubungi pada bila-bila masa.</li> </ul>

*Sumber: Perjanjian Pembekal Teknologi*

- c. Semakan Audit mendapati **2 Pembekal Teknologi gagal menjalankan tanggungjawab** dan tidak memenuhi skop kerja yang ditetapkan di Memorandum Perjanjian di 3 pusat latihan yang dipilih iaitu IKM Bintulu, KKTM Kemaman dan KKTM Sri Gading. Skop kerja yang gagal dilaksanakan telah memberi kesan terhadap pembekalan peralatan dan jadual pembelajaran seperti di jadual berikut:

#### JADUAL 5.8 SKOP KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN OLEH PEMBEKAL TEKNOLOGI

PEMBEKAL TEKNOLOGI	PUSAT LATIHAN	SKOP KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN	KESAN KEPADA PRESTASI PEROLEHAN DAN PROGRAM
Octagon Petroleum Technology Sdn. Berhad	IKM Bintulu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembekal Teknologi tidak membuat pengesahan spesifikasi terhadap penerimaan peralatan.</li> <li>• Tidak melantik seorang Ketua Pakar dan Pakar Program.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Proses bayaran kepada pihak pembekal tidak dapat dibuat sekiranya tiada pengesahan Ketua Pakar/Pakar Program terhadap spesifikasi peralatan.</li> </ul>
	KKTM Kemaman	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak menyediakan keperluan perkhidmatan M&amp;E di dalam pembekalan peralatan Fasa 1.</li> <li>• Tidak melantik seorang Ketua Pakar dan Pakar Program.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengganggu pembelajaran dan pengajaran serta meningkatkan kos untuk penyewaan bagi latihan amali kerana penangguhan bekalan peralatan.</li> </ul>

PEMBEKAL TEKNOLOGI	PUSAT LATIHAN	SKOP KERJA YANG TIDAK DILAKUKAN	KESAN KEPADA PRESTASI PEROLEHAN DAN PROGRAM
UTHM Holdings Sdn. Berhad (K-Utech Edu Sdn. Berhad)	KKTM Sri Gading	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perunding lewat menyediakan keperluan kerja bangunan C&amp;S dan M&amp;E di KKTM Sri Gading.</li> <li>Lukisan susun atur, BQ, M&amp;E dan C&amp;S bagi peralatan tidak diperincikan dengan lengkap di dalam kontrak asal. Lukisan susun atur dan senarai justifikasi lengkap dan terkini berkaitan kerja tambahan M&amp;E dan C&amp;S untuk ruang latihan oleh Pembekal Teknologi telah disahkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Teknikal (Projek) MARA Pada 17 Oktober 2012.</li> <li>Surat permohonan kelulusan kepada Kementerian Kewangan berhubung perkara ini telah dibuat pada 16 November 2012.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelaksanaan dan operasi program tidak dapat dijalankan mengikut jadual dan spesifikasi.</li> <li>Peralatan yang diterima daripada syarikat JRSB tidak dapat digunakan.</li> <li>Peningkatan kos kerana pelaksanaan latihan amali terpaksa dilakukan dengan menyewa peralatan dan makmal daripada pihak luar.</li> </ul>

Sumber: Fail Perolehan Peralatan Pusat Latihan IKM dan KKTM

- d. Semakan Audit mendapati MARA telah mengeluarkan notis penamatan kontrak kepada Octagon Petroleum Technology Sdn. Berhad (OPTSB) sebagai Pembekal Teknologi bagi IKM Bintulu pada 2 November 2012 dan KKTM Kemaman pada 23 Januari 2013 kerana gagal memberikan perkhidmatan yang sepatutnya.

**Pada pendapat Audit, MARA telah mengambil tindakan yang sewajarnya dengan penamatan kontrak Pembekal Teknologi yang gagal memenuhi kehendak kontrak.**

#### **Maklum Balas MARA Diterima Pada 20 Mei 2013.**

*MARA memaklumkan kontrak Pembekal Teknologi bagi IKM Bintulu dan KKTM Kemaman telah ditamatkan. Kontrak Pembekal Teknologi bagi IKM Bintulu telah ditamatkan pada bulan November 2012 dan bagi KKTM Kemaman telah ditamatkan pada bulan Februari 2013. MARA telah menggunakan khidmat Pakar Dalaman MARA dan Penasihat Teknikal daripada industri minyak dan gas bagi IKM Bintulu. MARA juga telah menujuhkan Jawatankuasa Pengurusan Projek bagi mengawal selia projek di IKM Bintulu. Manakala bagi KKTM Kemaman pula, dokumentasi kerja M&E dan C&S secara terperinci telah disiapkan dengan bantuan kepakaran dalaman dan luaran serta tender akan diadakan dalam bulan Julai 2013. MARA telah melantik Penasihat Teknikal dan Pakar Dalaman MARA bagi kerja verifikasi soalan peperiksaan akhir di IKM Bintulu dan KKTM Kemaman. Surat teguran telah dikeluarkan kepada Pembekal Teknologi bagi KKTM Sri Gading bertarikh 9 Mei 2013. Mengikut perancangan kerja JRSB, kerja-kerja M&E dan C&S dijangka dapat diselesaikan pada 25 September 2013.*

#### 5.4.1.6 Peralatan Tidak Digunakan

- Pekeliling Am MARA Bilangan 6 Tahun 2011 menyatakan semua aset Kerajaan hendaklah diguna dan dikendalikan dengan cekap, mahir dan teratur bagi mengurangkan pembaziran, menjimatkan kos, mencapai jangka hayat, mencegah penyalahgunaan dan mengelakkan kehilangan.
- Semakan Audit di KKT Kemaman, KKT Masjid Tanah dan KKT Sri Gading mendapati **66 jenis peralatan baru bernilai RM2.79 juta tidak digunakan antara 1 hingga 18 bulan sejak peralatan diterima**. Butiran adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 5.9  
PERALATAN TIDAK DIGUNAKAN**

BIL.	PUSAT LATIHAN	PERALATAN			HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
		JENIS	TARIKH TERIMA	KUANTITI		
1	KKT Kemaman	Magnetic Stirrer Apparatus	19.06.2012	3	1,800	5,400
2		Water Bath	16.07.2012	2	3,690	7,380
3		Analytical Balance	29.07.2012	2	3,960	7,920
4		Drying Oven	17.09.2012	2	6,820	13,640
5	KKT Masjid Tanah	Mould Temperature Controller 95°C	22.04.2011	1	22,000	22,000
6		2 Unit Hopper Dryer	12.08.2011	2	12,500	25,000
7	KKT Sri Gading	Pelbagai Peralatan (59 Jenis)	09.06.2011 Hingga 07.12.2012	219	-	2,366,843
8		Universal Testing Machine	24.11.2011	1	339,514	339,514
<b>JUMLAH</b>				<b>232</b>		<b>2,787,697</b>

Sumber: Pemeriksaan Fizikal di Pusat Latihan IKM dan KKT.

**GAMBAR 5.1  
Hopper Dryer**



Lokasi: Stor Jabatan Plastik KKT Masjid Tanah  
Tarikh: 30 Oktober 2012

**GAMBAR 5.2  
Mould Temperature Controller 95°C**



Lokasi: Stor Jabatan Plastik KKT Masjid Tanah  
Tarikh: 30 Oktober 2012

**GAMBAR 5.3**  
*Drying Oven*



Lokasi: Stor Pusat KKT Kemaman  
Tarikh: 15 Oktober 2012

**GAMBAR 5.4**  
*Water Bath*



Lokasi: Stor Pusat KKT Kemaman  
Tarikh: 15 Oktober 2012

**GAMBAR 5.5**  
*Server Yang Ditempatkan Di Stor Yang Disewa Oleh Pembekal*



Lokasi: KKT Sri Gading  
Tarikh: 24 September 2012

**GAMBAR 5.6**  
*Server Yang Ditempatkan Di Stor Yang Disewa Oleh Pembekal*



Lokasi: KKT Sri Gading  
Tarikh: 24 September 2012

**GAMBAR 5.7**  
*Los Angeles Abration Testing Machine*



Lokasi: Material Laboratory KKT Sri Gading  
Tarikh: 24 September 2012

**GAMBAR 5.8**  
*Bar Bending Machine*



Lokasi: Material Laboratory KKT Sri Gading  
Tarikh: 24 September 2012

**GAMBAR 5.9**  
*Automatic Asphalt Compaction*



Lokasi: Geostructure Workshop KKTM Sri Gading  
Tarikh: 24 September 2012

**GAMBAR 5.10**  
*Fume Hood*



Lokasi: Chemistry Laboratory KKTM Sri Gading  
Tarikh: 24 September 2012



**GAMBAR 5.11**  
*Universal Testing Machine*

Lokasi: KKTM Sri Gading  
Tarikh: 24 September 2012

- c. Semakan lanjut mendapati peralatan tidak digunakan di 3 KKTM berkenaan adalah disebabkan oleh perkara seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.10**  
**SEBAB PERALATAN TIDAK DIGUNAKAN**

PUSAT LATIHAN	SEBAB TIDAK DIGUNAKAN
KKTM Kemaman	Tiada kerja C&S dan M&E bagi membolehkan peralatan digunakan.
KKTM Masjid Tanah	Peralatan dibeli terlalu awal berbanding keperluan penggunaan sebenar.
KKTM Sri Gading	<u>Universal Testing Machine</u> Tiada platform yang sesuai untuk menempatkan peralatan kerana lantai bengkel sedia ada tidak dapat menampung berat beban peralatan kerana pembekal teknologi tidak mengemukakan spesifikasi dan lukisan pelan yang lengkap. <u>Pelbagai Peralatan (59 jenis)</u> Kerja C&S dan M&E belum siap sepenuhnya.

**Pada pendapat Audit, peralatan yang dibekalkan tetapi tidak digunakan akan menjadi usang dan rosak serta menyebabkan pembaziran.**

**Maklum Balas MARA Diterima Pada 20 Mei 2013 Dan 2 Julai 2013.**

*MARA memaklumkan peralatan di KKT Kemaman telah dipindahkan daripada stor pusat ke Makmal Petroleum dan Makmal Engineering Material untuk kegunaan pengajaran dan pembelajaran pada bulan Mei 2013. KKT Masjid Tanah juga telah menggunakan peralatan yang merupakan aksesori untuk mesin Injection Moulding fasa 2 pada mesin Injection Moulding yang sedia ada.*

*MARA memaklumkan kerja bagi platform Universal Testing Machine (UTM) tidak termasuk di dalam kerja M&E dan C&S oleh JRSB. Syarikat Kontraktor Jengkerik Ent. telah melaksanakan kerja awalan dan belum memulakan kerja fizikal. Ini adalah kerana syarikat masih dalam proses memuktamadkan layout pelan. Harga bagi kerja pembinaan tersebut bernilai RM98,500 dan alat ini akan dapat digunakan selepas 30 September 2013. Setakat 7 Mei 2013, sebanyak 21 item telah dibayar sepenuhnya manakala 19 item masih belum dibayar sepenuhnya. KKT Sri Gading juga telah membuat penerimaan bagi perkakasan komputer tersebut dan telah ditempatkan di makmal yang sepatutnya. Tempoh sah laku waranti bagi peralatan yang dibekalkan akan bermula apabila uji lari dan uji terima dilakukan.*

*MARA memandang serius isu-isu kelewatan pembekalan peralatan pengajaran dan pembelajaran serta pembaziran. Pada masa akan datang, MARA akan meneliti semula perancangan pembangunan program terutamanya peralatan yang melibatkan kerja-kerja M&E dan C&S supaya kelewatan yang sama tidak berulang. MARA juga akan memastikan pelantikan hanya dibuat bagi Pembekal Teknologi dan Pembekal Peralatan yang kompeten serta pemantauan rapi yang berterusan dilaksanakan bagi memastikan perancangan pembangunan program berjalan lancar. Selain itu, penubuhan Cawangan Pentadbiran Kontrak dan Pemantauan di peringkat Ibu Pejabat dapat membantu memastikan perancangan pembangunan dilaksanakan dengan teratur dan berkesan. Mekanisme pemantauan telah disediakan bagi memantau sesebuah pembangunan program.*

#### **5.4.2 Pemantauan**

- a. Pemantauan perlu dilakukan secara berterusan bagi memastikan pengurusan peralatan dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mengenal pasti masalah di peringkat awal seterusnya mengambil tindakan segera untuk menyelesaiannya.

- b. Semakan Audit mendapati pemantauan yang dilaksanakan adalah kurang berkesan. MARA tidak mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih MARA dan Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Pusat di IKM Bintulu, KKTM Kemaman, KKTM Sri Gading dan KKTM Beranang mengikut pekeliling yang ditetapkan iaitu 4 kali setahun. Perkara ini menyebabkan kelewatan kerja C&S dan M&E di KKTM Sri Gading tidak dipantau pada peringkat awal.

Pada pendapat Audit, MARA telah mewujudkan mekanisme pemantauan dengan menubuhkan jawatankuasa yang berkaitan. Bagaimanapun, jawatankuasa tersebut tidak melaksanakan peranan dan tanggungjawab seperti yang ditetapkan.

**Maklum Balas MARA Diterima Pada 20 Mei 2013.**

*MARA memandang serius isu-isu ketidakpatuhan terhadap peraturan yang berkuat kuasa. MARA sememangnya mengadakan pemantauan di peringkat Ibu Pejabat dan Pusat. Mekanisme pemantauan telah diwujudkan di peringkat Ibu pejabat dan juga di peringkat IKM dan KKTM.*

*Sistem fail telah dipertingkatkan dengan amalan 5s di peringkat Bahagian Kemahiran dan Teknikal dengan merujuk kepada Pekeliling Panduan Pengurusan Pejabat Bilangan 22 Tahun 2007.*

*KKTM Sri Gading telah melantik Jawatankuasa Pemantauan Projek pada 2 Januari 2013 bagi meningkatkan lagi kecekapan pemantauan projek. Dalam jawatankuasa tersebut terdapat Jurutera Makmal iaitu pegawai yang bertanggungjawab bagi kerja C&S dan M&E bagi setiap makmal yang terlibat dengan kerja-kerja tersebut.*

## 5.5 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan MARA memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan pengurusan peralatan yang lain, dan memberi pertimbangan kepada perkara berikut:

5.5.1 MARA perlu lebih cekap dalam menguruskan perolehan secara rundingan terus dan memantau prestasi pembekalan peralatan. Selain itu, Kementerian Kewangan perlu memastikan keupayaan syarikat pembekal yang dilantik sebelum projek rundingan terus ditawarkan.

5.5.2 MARA dan Pembekal Teknologi perlu mengkaji dengan teliti keperluan peralatan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran terutama bagi peralatan yang melibatkan kerja bangunan C&S dan M&E. MARA juga perlu mengadakan koordinasi kerja dan *engagement* dengan semua Pembekal Teknologi supaya kerja dapat dilaksanakan dengan berkesan.

5.5.3 MARA perlu memastikan jawatankuasa yang terlibat dengan pengurusan peralatan melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya supaya pengurusan peralatan dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Tahun 2012 Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 3.



## BAHAGIAN II

### PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

- |   |  |
|---|--|
| <b>81</b>   | 6. Pendahuluan   |
| <b>81</b>   | 7. Prestasi Kewangan Syarikat Subsidiari   |
| <b>100</b>  | 8. Pemantauan Terhadap Syarikat Subsidiari Oleh Badan/Syarikat Induk Dan Kementerian |
| <b>100</b>  | 9. Pengauditan Pengurusan Syarikat Subsidiari  |
| <b>LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH</b>                     |  |
| <b>102</b>  | 10. Pengurusan Kolej KETENGAH Sdn. Berhad  |
| <b>PERBADANAN PUTRAJAYA</b>                                   |  |
| <b>115</b>  | 11. Pengurusan Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn. Berhad                               |
| <b>PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH</b> |  |
| <b>131</b>  | 12. Pengurusan RISDA Semaian Dan Lanskap Sdn. Berhad                                 |
| <b>151</b>  | 13. Hasil Pengauditan Pengurusan Syarikat Subsidiari Yang Dilaporkan Secara Ringkas  |



## **BAHAGIAN II**

### **PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI**

### **BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

#### **6. PENDAHULUAN**

6.1 Akta Audit 1957, Seksyen 5(1)(d) memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit syarikat yang menerima geran/pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau Agensi Kerajaan sekiranya mendapat perintah daripada Yang di-Pertuan Agong. Sehubungan itu, satu perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2009 telah diwartakan pada 17 Disember 2009 bagi membolehkan Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat berkenaan. Sehingga kini, 204 syarikat subsidiari dan syarikat sub-subsidiari Badan Berkanun Persekutuan (BBP) telah diwartakan untuk diaudit oleh Ketua Audit Negara.

6.2 Objektif penubuhan syarikat subsidiari BBP adalah untuk melaksanakan pelbagai aktiviti seperti perniagaan, pelaburan dan sosioekonomi. Pelaksanaan penubuhannya adalah bagi mendapat keuntungan dan pulangan yang munasabah serta memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan kepada orang awam.

6.3 Penyata kewangan syarikat subsidiari dan sub-subsidiari BBP diaudit oleh juruaudit yang dilantik selaras dengan kehendak Akta Syarikat 1965.

#### **7. PRESTASI KEWANGAN SYARIKAT SUBSIDIARI**

##### **7.1 OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai tahap prestasi kewangan syarikat dan menentukan sama ada pelaburan BBP dalam syarikat tersebut diuruskan dengan teratur dan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

##### **7.2 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

7.2.1 Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak penyata kewangan syarikat subsidiari dan sub-subsidiari BBP bagi tahun kewangan 2008 sehingga 2012. Analisis data kewangan telah dijalankan untuk menilai prestasi kewangan syarikat subsidiari dan sub-subsidiari di mana BBP mempunyai ekuiti lebih daripada 50%. Syarikat subsidiari dan sub-subsidiari ini terdiri daripada pelbagai sektor seperti perladangan,

perhotelan, pendidikan, konsultan, hartanah, pelaburan, pelancongan, kewangan, perkilangan dan sektor lain. Analisis data kewangan telah dijalankan berdasarkan data yang diperoleh daripada penyata kewangan yang diaudit bagi tahun kewangan 2008 sehingga 2012 meliputi prestasi kewangan, pembayaran dividen, cukai dan zakat serta status syarikat. Setakat bulan Ogos 2013, sebanyak 62 penyata kewangan syarikat subsidiari telah diterima bagi tempoh 5 tahun tersebut. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.1  
SYARIKAT SUBSIDIARI MENGIKUT SEKTOR**

PERLADANGAN	PERHOTELAN
1. Forest Plantation Development Sdn. Berhad 2. RISDA Plantation Sdn. Berhad 3. TH Bakti Sdn. Berhad	1. KESEDAR Inn Sdn. Berhad 2. Pj Hotels & Resorts Sdn. Berhad
PENDIDIKAN	KONSULTAN
1. Akademi Pengurusan YaPEIM Sdn. Berhad 2. British Malaysian Institute Sdn. Berhad 3. Giatmara Sdn. Berhad 4. Institut Penyelidikan dan Perundingan YaPEIM Sdn. Berhad 5. Institut Profesional Baitulmal Sdn. Berhad 6. Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Berhad 7. Kolej Sains Dan Kejururawatan Pusrawi Sdn. Berhad 8. Malaysia France Institute Sdn. Berhad 9. Malaysian Institute of Aviation Technology Sdn. Berhad 10. Pusat Khidmat Pembangunan Usahawan YaPEIM Sdn. Berhad 11. Universiti Teknikal MARA Sdn. Berhad	1. KETENGAH Holding Sdn. Berhad 2. Marditech Corporation Sdn. Berhad 3. THC International Sdn. Berhad 4. UKM Holdings Sdn. Berhad 5. UM Holdings Sdn. Berhad 6. UMP Holdings Sdn. Berhad 7. UMS Link Holdings Sdn. Berhad 8. Uni-Technologies Sdn. Berhad 9. Unitama Management Holdings Sdn. Berhad 10. Usains Holdings Sdn. Berhad 11. UTeM Holdings Sdn. Berhad 12. UTHM Holdings Sdn. Berhad
HARTANAH	PELABURAN
1. Affordable Homes Sdn. Berhad 2. KESEDAR Dagang Sdn. Berhad 3. Kwasa Properties Sdn. Berhad 4. Pembinaan Perwira Harta Sdn. Berhad 5. PPJKOM Sdn. Berhad 6. PPNK-Harta Sdn. Berhad	1. Irat Properties Sdn. Berhad 2. Permodalam YAPEIM Sdn. Berhad 3. TH Estate (Holdings) Sdn. Berhad 4. TH Indo Industries Sdn. Berhad 5. TH Indopalms Sdn. Berhad 6. TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Berhad
PELANCONGAN	KEWANGAN
1. LADA Eco-Tourism Sdn. Berhad 2. TH Travel & Services Sdn. Berhad	1. LabuanFSA Incorporated Sdn. Berhad 2. MARA Incorporated Sdn. Berhad 3. Pelaburan MARA Berhad
PERKILANGAN	SEKTOR LAIN
1. F.I.T Center Sdn. Berhad 2. KESEDAR Perkilangan Sdn. Berhad 3. Kraf Holdings Sdn. Berhad 4. Power Cables Malaysia Sdn. Berhad	1. CIDB Holdings Sdn. Berhad (Perkhidmatan) 2. Fama Corporation Sdn. Berhad (Pemasaran) 3. Glocal Link (M) Sdn. Berhad (Pelbagai) 4. Hartasuci Sdn. Berhad (Pelbagai) 5. Hospital Pusrawi Sdn. Berhad (Perubatan) 6. Perbadanan Infaq YaPEIM Sdn. Berhad (Pengurusan Wakaf) 7. PKFZ Sdn. Berhad (Pengurusan Perkhidmatan) 8. Pusat Pembangunan Reka Bentuk Sdn. Berhad (Pelbagai) 9. Rista Semaian Dan Lanskap Sdn. Berhad (Lanskap) 10. Syarikat Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn. Berhad (Pengangkutan) 11. TH Computers Sdn. Berhad (Pengedaran Komputer) 12. TH Global Services Sdn. Berhad (Katering dan Kafeteria) 13. Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan (Pelbagai)

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

7.2.2 Selain itu, analisis juga dilaksanakan terhadap 36 syarikat sub-subsidiari BBP meliputi pembayaran dividen kepada syarikat induk dan status syarikat sub-subsidiari. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.2  
SYARIKAT SUB-SUBSIDIARI MENGIKUT SEKTOR**

PERLADANGAN	PELANCONGAN
1. KETENGAH Perwira Sdn. Berhad 2. Kuni Riang Sdn. Berhad 3. Ladang Jati Keningau Sdn. Berhad 4. Manisraya Sdn. Berhad 5. Pinekey Enterprise Sdn. Berhad 6. TH Bonggaya Sdn. Berhad 7. TH Pelita Beladin Sdn. Berhad 8. TH Pelita Meludam Sdn. Berhad 9. TH-Usia Jatimas Sdn. Berhad	1. Malaysia Convention & Incentive Bureau Sdn. Berhad 2. Nikaniaga Travel & Tours Sdn. Berhad 3. Viva Orient (MM2H) Sdn. Berhad
HARTANAH	KONSULTAN
1. Darul Sasaran (M) Sdn. Berhad	1. R&D Serindit Com UUM Sdn. Berhad 2. UKM Pakarunding Sdn. Berhad 3. UKM Perunding Kejuruteraan & Arkitek Sdn. Berhad 4. UMP Consultancy & Training Sdn. Berhad
SEKTOR LAIN	
1. Derujaya Sdn. Berhad 2. Halus Riang Sdn. Berhad 3. K.K.Lee Motor (P.J) Sdn. Berhad 4. Kolej KETENGAH Sdn. Berhad (Pendidikan) 5. Kuari Pondok Limau Sdn. Berhad (Kuari) 6. Kuari Terengganu Tengah Sdn. Berhad (Kuari) 7. Majuikan Forwarding Sdn. Berhad (Pengangkutan) 8. Risda Fleet Sdn. Berhad (Pengangkutan) 9. Surada Jaya Sdn. Berhad (Pertanian) 10. UiTM Document Services Sdn. Berhad (Perkhidmatan) 11. UKM Kesihatan Sdn. Berhad (Perubatan) 12. Uniutama Property Sdn. Berhad (Perkhidmatan) 13. Marditech Lingham Sdn. Berhad (Pertanian) 14. Lambaian Maya Sdn. Berhad 15. Perwira YTL Corporation Sdn. Berhad 16. Risda Wood Sdn. Berhad 17. Ulink Intech Sdn. Berhad 18. Ultimate Building Machine (Malaysia) Sdn. Berhad 19. Majuikan International Ventures Sdn. Berhad	

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

### 7.3 PENEMUAN AUDIT

Analisis Audit telah dijalankan dengan menggunakan data penyata kewangan syarikat subsidiari dan sub-subsidiari bagi tahun kewangan 2008 sehingga 2012. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- i. Analisis bagi 5 tahun berturut-turut mendapati satu syarikat subsidiari mengalami penurunan pendapatan; 5 syarikat mengalami kerugian; 2 syarikat mengalami penurunan aset; 10 syarikat mengalami peningkatan liabiliti; 4 syarikat menunjukkan penurunan dana; 4 syarikat menunjukkan ketidakcukupan dana; 3 syarikat menunjukkan penurunan pendapatan sebelum faedah, susut nilai, cukai dan pelunasan dan 4 syarikat menunjukkan nisbah pulangan atas ekuiti yang negatif.

- ii. Sebanyak 9 syarikat subsidiari dan 4 syarikat sub-subsidiari telah memperoleh keuntungan 5 tahun berturut-turut tetapi tidak membayar dividen kepada Badan/Syarikat Induk.
- iii. Pada tahun 2012, sebanyak 17 syarikat subsidiari dan sub-subsidiari yang diwartakan berstatus tidak aktif, 9 syarikat dalam tindakan pembubaran dan satu syarikat iaitu UKM Perunding Kejuruteraan & Arkitek Sdn. Berhad telah dijual.

Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

### **7.3.1 Prestasi Kewangan Syarikat Subsidiari Secara Keseluruhan**

#### **7.3.1.1 Pendapatan Syarikat Subsidiari**


- a. Pada tahun 2012, pendapatan bagi 62 syarikat subsidiari adalah berjumlah RM2.32 bilion yang menunjukkan peningkatan sejumlah RM0.13 bilion berbanding RM2.19 bilion pada tahun 2011. Sektor yang menunjukkan peningkatan pendapatan pada tahun 2012 adalah sektor pendidikan, pelancongan, konsultan, harta tanah, kewangan, pelaburan, perhotelan dan sektor lain. Sektor pendidikan menjana pendapatan tertinggi pada tahun 2012 iaitu sejumlah RM635.19 juta atau 27.4% dan menunjukkan peningkatan pendapatan sejumlah RM102.79 juta pada tahun 2012 berbanding tahun 2011. Sektor perladangan dan perkilangan menunjukkan penurunan pendapatan pada tahun 2012 berbanding tahun sebelumnya. Butiran lanjut adalah seperti dijadual berikut:

**JADUAL 7.3  
PENDAPATAN SYARIKAT SUBSIDIARI MENGIKUT SEKTOR  
BAGI TAHUN KEWANGAN 2008 SEHINGGA 2012**

BIL.	SEKTOR	TAHUN				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Pendidikan	361.27	373.29	425.90	532.40	635.19
2.	Perladangan	390.80	381.97	504.78	572.57	494.79
3.	Sektor Lain	181.07	205.41	258.46	250.29	298.17
4.	Pelancongan	199.87	240.05	242.62	269.97	268.65
5.	Perkilangan	507.09	288.08	306.68	301.25	230.77
6.	Konsultan	77.74	81.46	97.99	81.97	132.36
7.	Harta tanah	51.45	55.70	50.76	64.80	97.14
8.	Kewangan	52.26	51.80	57.77	56.44	87.69
9.	Pelaburan	69.26	8.79	18.71	40.52	54.60
10.	Perhotelan	19.16	16.19	15.48	16.46	17.50
	JUMLAH	1,909.97	1,702.74	1,979.15	2,186.67	2,316.86

*Sumber : Penyata Kewangan Syarikat*

**CARTA 7.1**  
**PENDAPATAN SYARIKAT SUBSIDIARI MENGIKUT SEKTOR**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN 2012**



*Sumber : Penyata Kewangan Syarikat*

- b. Analisis Audit mendapati sebanyak 7 syarikat subsidiari telah mencatat peningkatan pendapatan setiap tahun. Pendapatan yang diperoleh oleh syarikat subsidiari tersebut adalah berjumlah RM168.67 juta pada tahun 2011 dan meningkat kepada RM196.99 juta pada tahun 2012. Pendapatan bagi Uniutama Management Holdings Sdn. Berhad mengalami penurunan berterusan selama 5 tahun iaitu RM8.01 juta pada tahun 2008 kepada RM5.01 juta pada tahun 2012. Kedudukan syarikat subsidiari yang memperoleh peningkatan dan penurunan pendapatan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.4**  
**SYARIKAT SUBSIDIARI YANG MEMPEROLEH PENINGKATAN DAN**  
**PENURUNAN PENDAPATAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2008 SEHINGGA 2012**

BIL.	SYARIKAT YANG MEMPEROLEH PENINGKATAN PENDAPATAN	TAHUN				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Berhad	75.38	95.74	99.02	105.43	107.05
2.	UMP Holdings Sdn. Berhad	0.06	0.18	16.01	19.17	28.60
3.	TH Global Services Sdn. Berhad	0.18	0.25	17.67	22.90	23.03
4.	Kolej Sains Dan Kejururawatan Pusrawi Sdn. Berhad	1.79	1.91	3.35	7.52	20.69
5.	Syarikat Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn. Berhad	3.67	5.15	7.18	9.24	10.33
6.	Forest Plantation Development Sdn. Berhad	0.36	0.37	2.49	3.99	5.91
7.	PPJKOM Sdn. Berhad	0.01	0.02	0.24	0.42	1.38
		<b>JUMLAH</b>	<b>81.45</b>	<b>103.62</b>	<b>145.96</b>	<b>168.67</b>
BIL.	SYARIKAT YANG MENGALAMI PENURUNAN PENDAPATAN	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Uniutama Management Holdings Sdn. Berhad	8.01	7.69	5.44	5.38	5.01
		<b>JUMLAH</b>	<b>8.01</b>	<b>7.69</b>	<b>5.44</b>	<b>5.38</b>

*Sumber : Penyata Kewangan Syarikat*

### 7.3.1.2 Keuntungan Sebelum Cukai


- a. Pada keseluruhannya, keuntungan sebelum cukai bagi 62 syarikat subsidiari pada tahun 2012 adalah berjumlah RM184.48 juta. Ini menunjukkan peningkatan sejumlah RM7.39 juta atau 4.2% berbanding sejumlah RM177.09 juta pada tahun 2011. Syarikat di bawah sektor pelaburan, hartaanah dan konsultan menyumbang kepada keuntungan yang lebih tinggi berbanding sektor lain. Sektor perhotelan pula mengalami kerugian 4 tahun berturut-turut iaitu RM0.16 juta pada tahun 2009, sejumlah RM1.17 juta pada tahun 2010, sejumlah RM0.84 juta pada tahun 2011 dan sejumlah RM0.38 juta pada tahun 2012. Keuntungan/(kerugian) syarikat subsidiari mengikut sektor adalah seperti di jadual dan carta berikut:

**JADUAL 7.5  
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI SYARIKAT SUBSIDIARI  
MENGIKUT SEKTOR BAGI TAHUN KEWANGAN 2008 SEHINGGA 2012**

BIL.	SEKTOR	TAHUN				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Pelaburan	47.41	2.51	7.04	29.79	52.03
2.	Hartaanah	29.96	25.38	36.33	52.16	40.65
3.	Konsultan	12.39	12.46	17.09	8.09	32.06
4.	Sektor Lain	8.94	11.78	24.02	13.55	26.91
5.	Pendidikan	11.32	6.88	34.72	26.30	20.52
6.	Kewangan	1.77	7.35	12.62	13.23	8.02
7.	Perkilangan	19.82	12.59	11.77	7.96	6.34
8.	Pelancongan	15.49	18.64	23.60	18.84	(3.03)
9.	Perlادangan	6.27	11.35	5.50	8.01	1.36
10.	Perhotelan	3.58	(0.16)	(1.17)	(0.84)	(0.38)
	JUMLAH	156.95	108.78	171.52	177.09	184.48

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

**CARTA 7.2  
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI SYARIKAT SUBSIDIARI  
MENGIKUT SEKTOR BAGI TAHUN KEWANGAN 2008 SEHINGGA 2012**



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

b. Semakan lanjut mendapati sebanyak 24 syarikat subsidiari memperoleh keuntungan sebelum cukai dan sebanyak 5 syarikat subsidiari mengalami kerugian bagi 5 tahun berturut-turut. Pada tahun 2012, keuntungan sebelum cukai bagi syarikat subsidiari tersebut adalah berjumlah RM114.84 juta dan syarikat subsidiari yang mengalami kerugian adalah berjumlah RM5.63 juta. Antara punca syarikat subsidiari mengalami kerugian adalah penurunan pendapatan dan peningkatan perbelanjaan operasi. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.6**  
**SYARIKAT SUBSIDIARI YANG MEMPEROLEH**  
**KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) BAGI 5 TAHUN BERTURUT-TURUT**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN 2008 SEHINGGA 2012**

BIL.	SYARIKAT YANG MEMPEROLEH KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	TAHUN				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Kwasa Properties Sdn. Berhad	27.66	24.43	33.65	50.46	37.14
2.	KETENGAH Holding Sdn. Berhad	6.54	4.09	7.52	4.04	10.59
3.	Pelaburan MARA Berhad	2.94	14.39	10.23	9.22	9.18
4.	Usains Holding Sdn. Berhad	0.74	0.82	1.61	1.78	8.50
5.	Hospital Pusrawi Sdn. Berhad	1.52	5.40	7.32	5.96	7.37
6.	RISDA Plantation Sdn. Berhad	7.67	13.21	8.06	10.55	6.50
7.	RISDA Semaian Dan Lanskap Sdn. Berhad	2.53	2.89	1.17	2.73	6.11
8.	Hartasuci Sdn. Berhad	3.06	5.14	6.65	5.84	5.65
9.	Power Cables Malaysia Sdn. Berhad	18.49	11.40	11.54	8.17	5.55
10.	TH Travel and Services Sdn. Berhad	13.37	17.55	20.58	17.70	4.59
11.	Permodalan YaPEIM Sdn. Berhad	0.91	0.24	0.78	6.57	3.25
12.	Institut Profesional Baitulmal Sdn. Berhad	1.34	0.30	0.41	1.67	2.06
13.	KESEDAR Dagang Sdn. Berhad	1.14	1.14	0.86	1.50	1.96
14.	UTHM Holdings Sdn. Berhad	0.82	1.09	0.51	1.03	1.33
15.	Affordable Homes Sdn. Berhad	1.27	2.01	2.18	0.43	1.30
16.	Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Berhad	7.88	9.64	5.58	3.09	1.18
17.	CIDB Holdings Sdn. Berhad	0.87	1.12	0.42	0.53	0.59
18.	KESEDAR Perkilangan Sdn. Berhad	0.81	1.04	0.39	0.56	0.57
19.	Pusat Khidmat Pembangunan Usahawan YaPEIM Sdn. Berhad	0.03	0.15	0.38	0.54	0.46
20.	Institut Penyelidikan dan Perundingan YaPEIM Sdn. Berhad	0.01	0.40	0.53	0.72	0.32
21.	Irat Properties Sdn. Berhad	0.31	0.16	0.14	0.26	0.28
22.	KESEDAR Inn Sdn. Berhad	0.74	0.72	0.80	0.38	0.27
23.	TH Computers Sdn. Berhad	0.40	0.29	1.55	0.08	0.08
24.	Giatmara Sdn. Berhad	0.02	0.84	0.32	7.39	0.01
	<b>JUMLAH</b>	<b>101.07</b>	<b>118.46</b>	<b>123.18</b>	<b>141.20</b>	<b>114.84</b>

BIL.	SYARIKAT YANG MENGALAMI KERUGIAN SEBELUM CUKAI	TAHUN				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	TH Bakti Sdn. Berhad	(0.12)	(0.07)	(1.01)	( 0.98)	(4.03)
2.	Forest Plantation Development Sdn. Berhad	(1.29)	(1.78)	(1.55)	(1.55)	(1.11)
3.	UM Holdings Sdn. Berhad	(0.49)	(0.03)	(0.33)	(0.32)	(0.37)
4.	Malaysia Institute Of Aviation Technology Sdn. Berhad	(0.07)	(0.08)	(0.09)	(0.09)	(0.10)
5.	Pembinaan Perwira Harta Sdn. Berhad	(0.02)	(0.02)	(0.02)	(0.15)	(0.02)
	JUMLAH	(1.99)	(1.98)	(3.00)	(3.09)	(5.63)

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

### 7.3.1.3 Pegangan Aset

- a. Aset yang dipegang oleh syarikat subsidiari merupakan aset tetap dan semasa yang terdiri daripada harta tanah dan peralatan, pelaburan dalam syarikat subsidiari dan bersekutu, inventori, penghutang, tunai dan simpanan tetap. Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan pegangan aset bagi 5 tahun berturut-turut dari tahun 2008 sehingga 2012 iaitu sejumlah RM2.76 bilion kepada RM7.21 bilion. Peningkatan ketara adalah pada tahun 2012 iaitu meningkat sejumlah RM2.58 bilion atau 55.7% berbanding tahun 2011. Pada tahun 2012, sejumlah RM3.65 bilion atau 50.6% daripada aset tersebut dimiliki oleh syarikat di bawah sektor pelaburan dan sejumlah RM633.05 juta atau 8.7% dimiliki oleh syarikat di bawah sektor pendidikan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.7**  
**PEGANGAN ASET SYARIKAT SUBSIDIARI MENGIKUT SEKTOR**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN 2008 SEHINGGA 2012**

BIL.	SEKTOR	TAHUN				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Pelaburan	925.10	985.36	1,513.14	1,443.02	3,647.76
2.	Pendidikan	400.96	437.93	484.14	622.79	633.05
3.	Harta tanah	412.00	582.24	570.50	552.11	625.56
4.	Kewangan	219.00	226.12	309.19	389.28	583.72
5.	Konsultan	140.68	184.88	346.60	504.64	543.72
6.	Perladangan	226.11	263.95	401.91	583.52	543.40
7.	Sektor Lain	154.96	194.25	227.24	257.29	395.00
8.	Pelancongan	74.20	104.88	99.04	107.92	102.14
9.	Perkilangan	193.95	153.56	151.21	164.55	126.84
10.	Perhotelan	8.21	6.85	5.54	5.10	5.25
	JUMLAH	2,755.17	3,140.02	4,108.51	4,630.22	7,206.44

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

- b. Semakan lanjut mendapati sebanyak 14 syarikat subsidiari telah menunjukkan peningkatan aset manakala sebanyak 2 syarikat subsidiari mengalami penurunan pegangan aset untuk 5 tahun berturut-turut. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.8**  
**SYARIKAT SUBSIDIARI YANG MENUNJUKKAN**  
**PENINGKATAN DAN PENURUNAN PEGANGAN ASET**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN 2008 SEHINGGA 2012**

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI	TAHUN				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
<b>PENINGKATAN ASET</b>						
1.	Forest Plantation Development Sdn. Berhad	7.97	30.22	106.30	195.91	221.18
2.	Pelaburan MARA Berhad	185.21	199.22	205.27	212.01	217.59
3.	Malaysia France Institute Sdn. Berhad	75.61	83.11	86.48	90.34	91.43
4.	British Malaysian Institute Sdn. Berhad	74.96	78.05	80.58	84.74	89.92
5.	Hartasuci Sdn. Berhad	29.80	34.90	41.88	47.51	85.62
6.	KETENGAH Holding Sdn. Berhad	48.46	55.00	59.80	62.13	72.38
7.	Hospital Pusrawi Sdn. Berhad	18.93	52.13	52.35	67.60	69.91
8.	Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Berhad	45.49	53.57	57.08	63.51	65.59
9.	Glocal Link (M) Sdn. Berhad	1.76	1.79	2.27	2.99	64.06
10.	Usains Holding Sdn. Berhad	20.97	24.52	27.89	30.85	36.95
11.	KESEDAR Dagang Sdn. Berhad	10.32	15.86	17.15	22.89	30.89
12.	PKFZ Sdn. Berhad	5.93	10.08	10.27	19.15	20.74
13.	Institut Penyelidikan Dan Perundingan YaPEIM Sdn. Berhad	1.25	2.37	4.09	4.96	7.82
14.	Perbadanan Infaq YaPEIM Sdn. Berhad	0.19	0.25	0.31	0.75	0.94
<b>JUMLAH</b>		<b>526.85</b>	<b>641.07</b>	<b>751.72</b>	<b>905.34</b>	<b>1,075.02</b>
<b>PENURUNAN ASET</b>						
1.	Pembinaan Perwira Harta Sdn. Berhad	1.50	1.50	1.49	1.49	1.48
2.	Malaysian Institute of Aviation Technology Sdn. Berhad	0.97	0.89	0.80	0.71	0.62
<b>JUMLAH</b>		<b>2.47</b>	<b>2.39</b>	<b>2.29</b>	<b>2.20</b>	<b>2.10</b>

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

#### 7.3.1.4 Liabiliti Syarikat Subsidiari

- a. Liabiliti semasa dan jangka panjang syarikat subsidiari antaranya adalah overdraf, pembiutang, deposit, pendahuluan, pinjaman, amaun terhutang kepada Badan Induk dan cukai. Secara keseluruhannya, liabiliti bagi 62 syarikat subsidiari telah meningkat daripada RM2.13 bilion pada tahun 2011 kepada RM2.38 bilion pada tahun 2012. Pada tahun 2012, syarikat subsidiari di bawah sektor hartanah mempunyai liabiliti tertinggi berjumlah RM604.60 juta atau 25.4% dan diikuti oleh syarikat di bawah sektor perladangan berjumlah RM446.39 juta atau 18.8%. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.9**  
**LIABILITI SYARIKAT SUBSIDIARI MENGIKUT SEKTOR**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN 2008 SEHINGGA 2012**

BIL.	SEKTOR	TAHUN				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Hartanah	405.57	571.59	556.98	536.10	604.60
2.	Perladangan	145.73	180.41	308.14	484.38	446.39
3.	Konsultan	48.92	80.05	239.15	388.19	379.13
4.	Pelaburan	201.44	281.33	364.79	291.69	352.77
5.	Kewangan	37.38	9.91	13.12	83.38	173.24
6.	Pendidikan	208.62	175.86	187.26	158.01	173.10
7.	Sektor Lain	84.37	91.00	61.17	97.24	167.22
8.	Perkilangan	166.58	65.46	58.56	69.42	57.01
9.	Pelancongan	21.34	37.65	15.80	15.63	17.09
10.	Perhotelan	9.31	8.40	8.44	8.88	9.57
<b>JUMLAH</b>		<b>1,329.26</b>	<b>1,501.66</b>	<b>1,813.41</b>	<b>2,132.92</b>	<b>2,380.12</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Syarikat*

- b. Semakan lanjut mendapati liabiliti bagi 10 syarikat subsidiari telah meningkat manakala satu syarikat iaitu THC International Sdn. Berhad menunjukkan penurunan untuk 5 tahun berturut-turut. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.10**  
**SYARIKAT SUBSIDIARI YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN**  
**DAN PENURUNAN LIABILITI BAGI TAHUN KEWANGAN 2008 SEHINGGA 2012**

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI	TAHUN				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
<b>PENINGKATAN LIABILITI</b>						
1.	Forest Plantation Development Sdn. Berhad	0.26	24.29	91.92	183.08	209.45
2.	Universiti Teknikal MARA Sdn. Berhad	104.96	113.43	120.10	126.66	132.22
3.	Hartasuci Sdn. Berhad	5.33	5.46	5.86	6.79	40.89
4.	KESEDAR Dagang Sdn. Berhad	7.26	12.11	12.92	16.71	23.32
5.	PKFZ Sdn. Berhad	6.44	10.54	10.65	19.63	21.17
6.	KETENGAH Holding Sdn. Berhad	2.91	8.01	8.39	9.92	14.60
7.	TH Bakti Sdn. Berhad	0.57	5.24	9.73	12.05	13.89
8.	Institut Penyelidikan Dan Perundingan YaPEIM Sdn. Berhad	1.31	2.13	3.40	3.73	6.26
9.	Pembinaan Perwira Harta Sdn. Berhad	2.77	2.79	2.81	2.95	2.96
10.	TH Computers Sdn. Berhad	0.08	0.11	1.32	1.38	1.61
<b>JUMLAH</b>		<b>131.89</b>	<b>184.11</b>	<b>267.1</b>	<b>382.9</b>	<b>466.37</b>
<b>PENURUNAN LIABILITI</b>						
1.	THC International Sdn. Berhad	0.16	0.16	0.01	0.00	0.00
<b>JUMLAH</b>		<b>0.16</b>	<b>0.16</b>	<b>0.01</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Syarikat*

### 7.3.1.5 Pinjaman Syarikat Subsidiari

Analisis Audit mendapati sehingga 31 Disember 2012, sebanyak 17 syarikat subsidiari memperoleh pinjaman daripada Badan Induk atau Institusi Kewangan. Baki pinjaman yang melibatkan syarikat subsidiari pada tahun 2012 berjumlah RM640.05 juta meningkat sejumrah RM124.27 juta atau 24.1% berbanding sejumrah RM515.78 juta pada tahun 2011. Analisis Audit mendapati Forest Plantation Development Sdn. Berhad mempunyai baki pinjaman yang tertinggi berjumlah RM209.20 juta pada tahun 2012 dan diikuti oleh UMP Holdings Sdn. Berhad berjumlah RM180.98 juta. Kedudukan baki pinjaman syarikat subsidiari adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.11  
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN SYARIKAT SUBSIDIARI  
BAGI TAHUN KEWANGAN 2008 SEHINGGA 2012**

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI	TAHUN				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Forest Plantation Development Sdn. Berhad	-	22.21	91.64	182.82	209.20
2.	UMP Holdings Sdn. Berhad	-	-	130.93	193.90	180.98
3.	MARA Incorporated Sdn. Berhad	-	-	-	-	150.98
4.	TH Indo Industries Sdn. Berhad	-	65.00	53.00	41.00	29.00
5.	UM Holdings Sdn. Berhad	0.09	0.06	17.03	39.58	18.88
6.	UMS Link Holdings Sdn. Berhad	6.54	13.35	23.86	15.48	14.66
7.	TH Bakti Sdn. Berhad	-	-	-	10.00	10.00
8.	UTEM Holdings Sdn. Berhad	0.01	0.01	0.46	0.36	9.36
9.	Pj Hotels & Resorts Sdn. Berhad	4.11	3.90	4.29	5.07	5.81
10.	Usains Holding Sdn. Berhad	4.61	5.05	18.92	20.83	4.59
11.	UTHM Holdings Sdn. Berhad	0.21	1.99	1.77	4.20	3.61
12.	KESEDAR Inn Sdn. Berhad	2.36	2.34	1.44	1.00	1.12
13.	UKM Holdings Sdn. Berhad	-	0.02	0.03	0.97	1.12
14.	Uni-Technologies Sdn. Berhad	0.33	0.14	0.08	0.03	0.29
15.	FAMA Corporation Sdn. Berhad	-	-	0.18	0.36	0.29
16.	Marditech Corporation Sdn. Berhad	0.15	0.15	0.15	0.15	0.15
17.	Uniutama Management Holdings Sdn. Berhad	0.95	0.34	-	0.03	0.01
JUMLAH		19.36	114.56	343.78	515.78	640.05

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

### 7.3.1.6 Dana Pemegang Saham

- Dana Pemegang Saham merangkumi modal yang dibayar oleh pemegang saham dan keuntungan/(kerugian) terkumpul syarikat. Prestasi sesebuah syarikat dianggap baik sekiranya berjaya meningkatkan dana pemegang saham secara berterusan. Sehubungan itu, analisis terhadap 23 syarikat subsidiari menunjukkan peningkatan dana pemegang saham secara

berturut-turut bagi tahun kewangan 2008 sehingga 2012 manakala sebanyak 4 syarikat subsidiari mengalami penurunan dana. Baki dana pemegang saham pada tahun 2012 bagi 23 syarikat subsidiari tersebut berjumlah RM2.39 bilion meningkat sejumrah RM1.11 bilion atau 86.7% berbanding sejumrah RM1.28 bilion pada tahun 2011. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

#### JADUAL 7.12

#### SYARIKAT SUBSIDIARI YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN/PENURUNAN DANA PEMEGANG SAHAM BAGI TAHUN KEWANGAN 2008 SEHINGGA 2012

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI	TAHUN				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
<b>PENINGKATAN DANA</b>						
1.	TH Indo Industries Sdn. Berhad	499.88	500.40	500.76	501.22	1,465.02
2.	Pelaburan MARA Berhad	182.12	193.76	201.33	207.21	213.04
3.	MARA Incorporated Sdn. Berhad	(0.50)	22.46	94.74	98.69	196.44
5.	RISDA Plantation Sdn. Berhad	55.96	60.98	63.76	71.66	74.66
4.	TH Travel and Services Sdn. Berhad	36.98	50.35	64.67	74.27	74.57
6.	KETENGAH Holding Sdn. Berhad	45.55	47.00	51.42	52.20	57.78
7.	Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Berhad	35.45	41.73	45.11	52.13	57.33
8.	Hospital Pusrawi Sdn. Berhad	17.23	21.06	46.44	48.72	50.48
9.	Hartasuci Sdn. Berhad	24.47	29.44	36.02	40.72	44.73
10.	Irat Properties Sdn. Berhad	29.57	29.72	29.84	30.08	30.34
11.	KESEDAR Perkilangan Sdn. Berhad	22.63	23.60	23.84	24.24	24.65
12.	British Malaysian Institute Sdn. Berhad	3.43	7.24	9.76	13.32	16.18
13.	Usains Holding Sdn. Berhad	6.85	7.48	8.44	9.46	16.14
14.	Malaysia France Institute Sdn. Berhad	(1.15)	6.38	9.71	13.59	14.79
15.	Institut Profesional Baitulmal Sdn. Berhad	11.06	11.35	11.63	12.67	13.82
16.	RISDA Semaian Dan Lanskap Sdn. Berhad	4.15	6.22	6.29	8.08	11.92
17.	KESEDAR Dagang Sdn. Berhad	3.77	4.52	5.08	6.18	7.57
18.	F.I.T Center Sdn. Berhad	0.86	0.89	1.28	5.63	5.80
19.	TH Global Services Sdn. Berhad	3.09	3.09	4.56	5.41	5.78
20.	Affordable Homes Sdn. Berhad	(2.88)	(0.94)	1.14	1.46	2.43
21.	Pusat Khidmat Pembangunan Usahawan YaPEIM Sdn. Berhad	1.26	1.37	1.65	2.06	2.36
22.	Institut Penyelidikan Dan Perundingan YaPEIM Sdn. Berhad	(0.05)	0.24	0.69	1.23	1.56
23.	KESEDAR Inn Sdn. Berhad	(0.66)	(0.23)	0.40	0.73	0.84
<b>JUMLAH</b>		<b>979.07</b>	<b>1,068.11</b>	<b>1,218.56</b>	<b>1,280.96</b>	<b>2,388.23</b>
<b>PENURUNAN DANA</b>						
1	FAMA Corporation Sdn. Berhad	8.18	7.79	6.83	6.36	5.84
2.	Malaysian Institute Of Aviation Technology Sdn. Berhad	0.89	0.80	0.72	0.63	0.53
3.	Pembinaan Perwira Harta Sdn. Berhad	(1.27)	(1.30)	(1.32)	(1.46)	(1.48)
4.	Pj Hotels & Resorts Sdn. Berhad	(0.44)	(1.32)	(3.30)	(4.52)	(5.16)
<b>JUMLAH</b>		<b>7.36</b>	<b>5.97</b>	<b>2.93</b>	<b>1.01</b>	<b>(0.27)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

- b. Analisis lanjut mendapati sebanyak 4 syarikat telah mengalami dana pemegang saham defisit bagi tempoh 5 tahun berturut-turut. Jumlah dana defisit bagi syarikat yang terlibat telah meningkat daripada RM3.26 juta pada tahun 2008 kepada RM10.19 juta pada tahun 2012. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.13**  
**SYARIKAT SUBSIDIARI YANG MEMPUNYAI DANA PEMEGANG SAHAM DEFISIT**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN 2008 SEHINGGA 2012**

BIL.	SYARIKAT	TAHUN				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Pj Hotels & Resorts Sdn. Berhad	(0.44)	(1.32)	(3.30)	(4.52)	(5.16)
2.	PPNK-Harta Sdn. Berhad	(1.03)	(2.70)	(2.97)	(3.19)	(3.13)
3.	Pembinaan Perwira Harta Sdn. Berhad	(1.27)	(1.30)	(1.32)	(1.46)	(1.48)
4.	PKFZ Sdn. Berhad	(0.52)	(0.46)	(0.38)	(0.48)	(0.42)
<b>JUMLAH</b>		<b>(3.26)</b>	<b>(5.78)</b>	<b>(7.97)</b>	<b>(9.65)</b>	<b>(10.19)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

#### 7.3.1.7 Pendapatan Sebelum Faedah, Cukai, Susut Nilai Dan Pelunasan

Pendapatan Sebelum Faedah, Cukai, Susut Nilai Dan Pelunasan (EBITDA) adalah satu pengukuran prestasi kewangan sesebuah syarikat. Ia mengukur sama ada sesebuah syarikat boleh menjana keuntungan sebelum mengambil kira bayaran faedah pinjaman, cukai, susut nilai dan pelunasan kerana ia merupakan perbelanjaan yang direkod tetapi tidak melibatkan bayaran tunai. Analisis Audit mendapati sebanyak 2 syarikat menunjukkan peningkatan EBITDA secara berterusan bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2008 sehingga 2012 iaitu Usains Holding Sdn. Berhad dan Glocal Link (M) Sdn. Berhad manakala sebanyak 3 syarikat lagi menunjukkan penurunan EBITDA bagi tempoh yang sama. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.14**  
**PENINGKATAN/PENURUNAN EBITDA SYARIKAT SUBSIDIARI**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN 2008 SEHINGGA 2012**

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI	TAHUN				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
<b>PENINGKATAN EBITDA</b>						
1.	Usains Holding Sdn. Berhad	1.00	1.15	1.89	1.97	8.73
2.	Glocal Link (M) Sdn. Berhad	0.06	0.12	0.48	0.48	2.13
<b>JUMLAH</b>		<b>1.06</b>	<b>1.27</b>	<b>2.37</b>	<b>2.45</b>	<b>10.86</b>
<b>PENURUNGAN EBITDA</b>						
1.	Uniutama Management Holdings Sdn. Berhad	2.54	2.47	1.29	0.69	0.33
2.	Power Cables Malaysia Sdn. Berhad	21.43	14.45	13.83	10.40	7.74
3.	Forest Plantation Development Sdn. Berhad	(1.22)	(1.73)	(3.53)	(5.10)	(6.92)
<b>JUMLAH</b>		<b>22.75</b>	<b>15.19</b>	<b>11.59</b>	<b>5.99</b>	<b>1.15</b>

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

### 7.3.1.8 Pulangan Atas Ekuiti

a. Pulangan atas ekuiti (ROE) mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati sebanyak 24 syarikat menunjukkan pulangan ke atas ekuiti yang positif bagi 5 tahun berturut-turut manakala sebanyak 4 syarikat menunjukkan pulangan ke atas ekuiti yang negatif untuk tempoh yang sama. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.15  
PULANGAN ATAS EKUITI SYARIKAT SUBSIDIARI  
BAGI TAHUN KEWANGAN 2008 SEHINGGA 2012**

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI	TAHUN				
		2008 (%)	2009 (%)	2010 (%)	2011 (%)	2012 (%)
<b>ROE POSITIF</b>						
1.	Kwasa Properties Sdn. Berhad	11,063.6	9,770.8	13,459.2	20,185.2	14,856.0
2.	Hartasuci Sdn. Berhad	240.5	508.1	667.0	594.4	563.5
3.	Institut Penyelidikan Dan Perundingan YaPEIM Sdn. Berhad	6.8	536.0	814.1	989.9	394.4
4.	KESEDAR Dagang Sdn. Berhad	113.1	106.3	106.2	156.3	198.6
5.	Usains Holding Sdn. Berhad	9.6	12.3	23.6	28.0	155.1
6.	RISDA Semaian Dan Lanskap Sdn. Berhad	37.0	51.6	5.5	46.0	95.9
7.	TH Travel and Services Sdn. Berhad	187.0	267.3	300.3	266.9	67.5
8.	Power Cables Malaysia Sdn. Berhad	164.3	109.1	114.1	74.0	50.4
9.	UTHM Holdings Sdn. Berhad	124.8	159.1	71.0	156.4	40.5
10.	RISDA Plantation Sdn. Berhad	52.5	54.0	33.5	84.6	37.5
11.	Affordable Homes Sdn. Berhad	62.2	64.6	69.5	10.6	32.5
12.	Pusat Khidmat Pembangunan Usahawan YaPEIM Sdn. Berhad	1.6	11.6	27.3	40.9	30.2
13.	Permodalan YaPEIM Sdn. Berhad	6.9	1.8	5.9	49.6	24.6
14.	Institut Profesional Baitulmal Sdn. Berhad	23.0	5.7	5.7	20.9	23.0
15.	KETENGAH Holdings Sdn. Berhad	12.5	6.9	14.9	7.1	20.0
16.	Pelaburan MARA Berhad	4.6	27.9	19.5	17.1	17.0
17.	Hospital Pusrawi Sdn. Berhad	11.3	40.3	20.4	12.1	14.8
18.	KESEDAR Inn Sdn. Berhad	66.6	39.5	56.8	30.6	9.5
19.	Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Berhad	22.5	31.4	20.7	3.7	3.5
20.	Glocal Link (M) Sdn. Berhad	4.4	10.3	23.0	19.1	3.3
21.	KESEDAR Perkilangan Sdn. Berhad	5.2	6.3	1.4	2.4	2.4
22.	CIDB Holdings Sdn. Berhad	3.2	4.7	0.9	1.0	2.1
23.	Irat Properties Sdn. Berhad	0.4	0.3	0.2	0.4	0.4
24.	TH Computers Sdn. Berhad	1.1	1.0	5.7	0.3	0.2
<b>ROE NEGATIF</b>						
1.	TH Bakti Sdn. Berhad	(0.7)	(0.4)	(5.9)	(5.8)	(23.7)
2.	Forest Plantation Development Sdn. Berhad	(12.9)	(17.9)	(15.5)	(15.5)	(11.1)
3.	Pembinaan Perwira Harta Sdn. Berhad	(3.7)	(3.8)	(3.5)	(24.5)	(2.5)
4.	UM Holdings Sdn. Berhad	(49.3)	(2.5)	(32.9)	(31.9)	(1.8)

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

- b. Analisis Audit mendapati Kwasa Properties Sdn. Berhad mencatatkan pulangan atas ekuiti tertinggi berjumlah 14,856% pada tahun 2012 dan diikuti oleh Hartasuci Sdn. Berhad berjumlah 563.5%.

#### **7.3.1.9 Pembayaran Dividen Kepada Badan/Syarikat Induk**

- a. Bayaran dividen sekurang-kurangnya 10% daripada keuntungan selepas cukai setiap tahun perlu dibayar kepada Kerajaan dan syarikat induk sebagai pemegang saham. Sekiranya keuntungan meningkat bagi sesuatu tahun kewangan, peratusan dividen perlu ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi tanpa menjaskan kedudukan kewangan syarikat. Berdasarkan kedudukan kewangan tahun 2012, didapati sebanyak 14 syarikat subsidiari telah membayar dividen kepada Badan Induk berjumlah RM131.98 juta. Pada tahun 2012, Kwasa Properties Sdn. Berhad telah membayar dividen tertinggi kepada Badan Induknya iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berjumlah RM34.80 juta diikuti oleh TH Indo Industries Sdn. Berhad berjumlah RM31.31 juta. Sebanyak 6 syarikat subsidiari telah membayar dividen kepada Badan Induk secara berterusan selama 5 tahun iaitu Kwasa Properties Sdn. Berhad, Power Cables Malaysia Sdn. Berhad, Pelaburan MARA Berhad, Hartasuci Sdn. Berhad, RISDA Plantation Sdn. Berhad dan LADA Eco-Tourism Sdn. Berhad. Butiran lanjut adalah seperti dijadual berikut:

**JADUAL 7.16**  
**BAYARAN DIVIDEN OLEH SYARIKAT SUBSIDIARI KEPADA BADAN INDUK**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN 2008 SEHINGGA 2012**

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI	TAHUN				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Kwasa Properties Sdn. Berhad	65.00	21.00	33.00	50.00	34.80
2.	TH Indo Industries Sdn. Berhad	-	-	-	-	31.31
3.	Power Cables Malaysia Sdn. Berhad	10.00	7.00	5.30	8.00	30.00
4.	TH Indopalms Sdn. Berhad	-	-	-	-	24.96
5.	TH Travel and Services Sdn. Berhad	0.75	-	0.75	3.00	3.00
6.	Pelaburan MARA Berhad	1.75	1.78	1.80	2.34	2.34
7.	KETENGAH Holding Sdn. Berhad	-	1.12	1.12	1.86	1.86
8.	Hartasuci Sdn. Berhad	0.07	0.11	0.09	1.66	1.62
9.	RISDA Plantation Sdn. Berhad	0.37	0.38	0.56	0.56	0.75
10.	Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Berhad	-	-	0.75	1.50	0.41
11.	Usains Holding Sdn. Berhad	-	0.23	0.38	0.38	0.38
12.	Institut Profesional Baitulmal Sdn. Berhad	0.28	-	-	0.19	0.32
13.	LADA Eco-Tourism Sdn. Berhad	0.09	0.09	0.13	0.13	0.13
14.	Uni-Technologies Sdn. Berhad	-	-	-	-	0.10
<b>JUMLAH</b>		<b>78.31</b>	<b>31.71</b>	<b>43.88</b>	<b>69.62</b>	<b>131.98</b>

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

- b. Selain itu, sebanyak 3 syarikat sub-subsidiari membayar dividen kepada syarikat induknya berjumlah RM7.66 juta bagi tahun kewangan 2012 iaitu

meningkat sejumlah RM3.21 juta atau 72.1% berbanding tahun 2011. KETENGAH Perwira Sdn. Berhad telah membayar dividen kepada syarikat induknya iaitu KETENGAH Holdings Sdn. Berhad berjumlah RM7.48 juta bagi tahun 2012. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.17**  
**BAYARAN DIVIDEN OLEH SYARIKAT SUB-SUBSIDIARI KEPADA SYARIKAT INDUK**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN 2008 SEHINGGA 2012**

SYARIKAT SUB-SUBSIDIARI	SYARIKAT INDUK	DIVIDEN				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
KETENGAH Perwira Sdn. Berhad	KETENGAH Holding Sdn. Berhad	5.34	5.34	7.48	4.28	7.48
Kuari Terengganu Tengah Sdn. Berhad (Kuari)		-	-	0.05	0.05	0.06
R & D Serindit Com UUM Sdn. Berhad	Uniutama Management Holdings Sdn. Berhad	0.12	0.12	0.12	0.12	0.12
	JUMLAH	5.46	5.46	7.65	4.45	7.66

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

c. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1993 menyatakan syarikat subsidiari yang mempunyai keuntungan tetapi tidak bercadang untuk membayar dividen kepada Badan/Syarikat Induk perlu mengemukakan sebab dividen tidak dapat dibayar. Semakan Audit mendapati sebanyak 9 syarikat subsidiari tidak mengisyiharkan bayaran dividen walaupun memperoleh keuntungan bagi tempoh 5 tahun berturut-turut. Syarikat subsidiari yang tidak membayar dividen kepada Badan Induk adalah kerana keuntungan tersebut digunakan untuk pengembangan perniagaan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.18**  
**SYARIKAT SUBSIDIARI YANG MEMPEROLEH KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI**  
**TIDAK MEMBAYAR DIVIDEN KEPADA BADAN INDUK**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN 2008 SEHINGGA 2012**

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI	KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Permodalan YaPEIM Sdn. Berhad	0.91	0.24	0.78	6.57	3.25
2.	Glocal Link (M) Sdn. Berhad	0.03	0.08	0.46	0.38	1.73
3.	UTHM Holdings Sdn. Berhad	0.62	0.80	0.36	0.78	1.01
4.	Affordable Homes Sdn. Berhad	1.87	1.94	2.08	0.32	0.97
5.	Pusat Khidmat Pembangunan Usahawan YaPEIM Sdn. Berhad	0.02	0.12	0.27	0.41	0.30
6.	Irat Properties Sdn. Berhad	0.26	0.15	0.13	0.24	0.26
7.	Giatmara Sdn. Berhad	0.01	0.67	0.23	5.20	0.25
8.	Institut Penyelidikan Dan Perundingan YaPEIM Sdn. Berhad	0.01	0.29	0.45	0.54	0.22
9.	KESEDAR Inn Sdn. Berhad	0.73	0.43	0.63	0.34	0.10

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

- d. Semakan lanjut mendapati sebanyak 4 syarikat sub-subsidiari tidak mengisytiharkan bayaran dividen walaupun memperoleh keuntungan bagi tempoh 5 tahun berturut-turut. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.19**

**SYARIKAT SUB-SUBSIDIARI YANG MEMPEROLEH KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI  
TIDAK MEMBAYAR DIVIDEN KEPADA SYARIKAT INDUK  
BAGI TAHUN KEWANGAN 2008 SEHINGGA 2012**

BIL.	SYARIKAT SUB-SUBSIDIARI	KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	UKM Kesihatan Sdn. Berhad	0.76	0.47	0.57	2.42	2.42
2.	UKM Pakarunding Sdn. Berhad	0.22	0.27	0.84	0.59	0.23
3.	Surada Jaya Sdn. Berhad	0.07	0.03	0.04	0.05	0.08
4.	Kuari Pondok Limau Sdn. Berhad	0.01	0.10	0.22	0.01	0.01

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

### 7.3.1.10 Pembayaran Cukai Dan Zakat

- a. Analisis Audit mendapati pembayaran cukai dan zakat pada tahun 2012 meningkat sejumlah RM2.70 juta atau 13.3% kepada RM23.07 juta berbanding RM20.37 juta pada tahun 2011. Syarikat subsidiari daripada sektor lain membayar cukai dan zakat tertinggi pada tahun 2012 berjumlah RM5.89 juta atau 25.5% daripada jumlah keseluruhan cukai dan zakat. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.20**

**CEKAI DAN ZAKAT YANG DIBAYAR OLEH SYARIKAT SUBSIDIARI  
MENGIKUT SEKTOR BAGI TAHUN KEWANGAN 2008 SEHINGGA 2012**

BIL.	SEKTOR	TAHUN				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Sektor Lain	3.59	3.65	4.60	3.58	5.89
2.	Konsultan	3.56	3.51	3.61	(0.11)	4.16
3.	Pendidikan	4.53	6.81	3.25	4.52	2.81
4.	Perludangan	2.43	7.81	4.71	2.08	2.75
5.	Pelaburan	0.68	0.71	0.95	0.76	2.69
6.	Perkilangan	5.37	2.69	2.53	2.49	1.67
7.	Kewangan	0.72	0.98	0.96	1.06	1.11
8.	Pelancongan	5.17	4.65	6.84	5.42	0.94
9.	Hartanah	(0.15)	0.09	0.21	0.52	0.89
10.	Perhotelan	0.01	0.28	0.18	0.05	0.16
	<b>JUMLAH</b>	<b>25.91</b>	<b>31.18</b>	<b>27.84</b>	<b>20.37</b>	<b>23.07</b>

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

- b. Analisis lanjut mendapati sebanyak 22 syarikat subsidiari telah membayar cukai dan zakat kepada Kerajaan bagi tempoh 5 tahun berturut-turut. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.21**  
**SYARIKAT SUBSIDIARI YANG MEMBAYAR CUKAI DAN ZAKAT**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN 2008 SEHINGGA 2012**

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI	TAHUN				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	KETENGAH Holding Sdn. Berhad	1.87	1.53	1.98	1.39	3.15
2.	Hospital Pusrawi Sdn. Berhad	0.40	1.37	1.19	2.32	2.93
3.	RISDA Plantation Sdn. Berhad	2.43	7.81	4.71	2.08	2.75
4.	RISDA Semaian Dan Lanskap Sdn. Berhad	1.05	0.75	0.95	0.89	2.27
5.	Power Cables Malaysia Sdn. Berhad	5.34	2.68	2.41	2.25	1.51
6.	TH Travel & Services Sdn. Berhad	4.54	4.64	5.82	4.66	1.33
7.	TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Berhad	0.63	0.42	0.30	0.23	1.16
8.	Pelaburan MARA Berhad	0.72	0.98	0.85	1.01	1.01
9.	Usains Holding Sdn. Berhad	0.26	0.21	0.43	0.38	0.75
10.	Institut Profesional Baitulmal Sdn. Berhad	0.19	0.01	0.12	0.44	0.59
11.	KESEDAR Dagang Sdn. Berhad	0.35	0.39	0.11	0.41	0.57
12.	UTHM Holdings Sdn. Berhad	0.21	0.29	0.18	0.25	0.32
13.	Giatmara Sdn. Berhad	0.01	0.17	0.09	2.19	0.25
14.	Malaysia France Institute Sdn. Berhad	0.17	0.10	0.16	0.15	0.22
15.	CIDB Holdings Sdn. Berhad	0.26	0.22	0.24	0.34	0.18
16.	Pusat Khidmat Pembangunan Usahawan YaPEIM Sdn. Berhad	0.01	0.03	0.11	0.13	0.16
17.	KESEDAR Inn Sdn. Berhad	0.01	0.28	0.18	0.05	0.16
18.	Institut Penyelidikan dan Perundingan YaPEIM Sdn. Berhad	0.01	0.10	0.08	0.18	0.10
19.	TH Estate (Holdings) Sdn. Berhad	0.01	0.01	0.01	0.01	0.09
20.	Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Berhad	3.38	3.12	1.70	2.07	0.07
21.	Irat Properties Sdn. Berhad	0.05	0.01	0.02	0.02	0.02
22.	TH Computers Sdn. Berhad	1.21	1.06	2.34	0.01	0.02
<b>JUMLAH</b>		<b>23.11</b>	<b>26.18</b>	<b>23.98</b>	<b>21.46</b>	<b>19.61</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Syarikat*

#### 7.3.1.11 Syarikat Tidak Aktif Dan Dalam Tindakan Pembubaran

- a. Analisis Audit mendapati pada tahun 2012, sebanyak 17 daripada 204 syarikat subsidiari dan sub-subsidiari yang diwartakan berstatus tidak aktif. Sebanyak 9 syarikat dalam tindakan pembubaran dan satu syarikat iaitu UKM Perunding Kejuruteraan & Arkitek Sdn. Berhad telah dijual. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.22**  
**SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI BERSTATUS TIDAK AKTIF PADA TAHUN 2012**

BIL.	SYARIKAT	BADAN / SYARIKAT INDUK	TARIKH PENUBUHAN	STATUS
1.	Permodalan BSN Venture Sdn. Berhad	Bank Simpanan Nasional	07.11.1996	Dalam proses pembubaran sejak tahun 2010.
2.	Risda Wood Sdn. Berhad	Estet Pekebun Kecil Sdn. Bhd (ESPEK)	11.11.1997	Tidak beroperasi.
3.	Perbadanan Perladangan Felda Chuping	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	TM	Dalam proses pembubaran.
4.	Pempena Sdn. Berhad	Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia	21.01.1976	Dalam proses pembubaran.
5.	Teguria Jaya Sdn. Berhad	Lembaga Tabung Haji	06.03.1997	Tidak beroperasi sejak tahun 2004.
6.	TH Agro Sdn. Berhad		03.02.1999	Dalam proses pembubaran.
7.	THC International Sdn. Berhad		TM	Tidak beroperasi sejak tahun 2009.
8.	Pengangkutan Harta Suci Sdn. Berhad	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan	02.11.1992	Tidak beroperasi sejak ditubuhkan.
9.	Kayu Sedia Sdn. Berhad	Majlis Amanah Rakyat	26.08.1968	Tidak beroperasi sejak tahun 2004.
10.	KP Nominees Sdn. Berhad		11.02.1992	Tidak beroperasi sejak tahun 2004.
11.	Malaysian Spanish Institute Sdn. Berhad		04.07.2000	Tidak beroperasi sejak tahun 2004.
12.	Masmara Travel & Tours Sdn. Berhad		25.01.1980	Dalam proses pembubaran.
13.	Syarikat Perabot Kembara Sdn. Berhad		08.10.1984	Tidak beroperasi sejak tahun 2001.
14.	Majuikan International Ventures Sdn. Berhad	Majuikan Sdn. Berhad	07.03.1997	Tidak beroperasi.
15.	Marditech Lingham Sdn. Berhad	Marditech Sdn. Berhad	28.10.1996	Dalam proses pembubaran sejak tahun 2000.
16.	Lambaiyan Maya Sdn. Berhad	Pempena Sdn. Berhad	12.01.2005	Tidak beroperasi.
17.	Malaysia Convention & Incentive Bureau Sdn. Bhd		03.02.1999	Tidak beroperasi.
18.	Viva Orient (MM2H) Sdn. Berhad		28.04.2006	Tidak beroperasi.
19.	Perwira YTL Corporation Sdn. Berhad	Perbadanan Perwira Harta Malaysia	TM	Dalam proses pembubaran.
20.	K.K.Lee Motor (P.J) Sdn. Berhad	Smallholders Development Corporation Sdn. Berhad	10.07.1977	Dalam proses pembubaran sejak tahun 2008.
21.	Derujaya Sdn. Berhad	TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd.	28.02.1997	Tidak beroperasi sejak tahun 2004
22.	Halus Riang Sdn. Berhad		28.02.1997	Tidak beroperasi sejak tahun 2004
23.	Kuni Riang Sdn. Berhad		28.02.1997	Tidak beroperasi sejak tahun 2004
24.	Manisraya Sdn. Berhad		06.03.1997	Tidak beroperasi sejak tahun 2004
25.	Ultimate Building Machine (Malaysia) Sdn. Berhad	THP Bina Sdn. Bhd.	13.06.1996	Tidak beroperasi sejak tahun 2009
26.	UKM Perunding Kejuruteraan & Arkitek Sdn. Berhad	UKM Holdings Sdn. Berhad	17.02.2006	Dijual pada 30 September 2012
27.	Ulink Intech Sdn. Berhad	UMS Link Holdings Sdn. Berhad	11.06.2007	Dalam proses pembubaran pada tahun 2011.

*Nota : TM - Tiada Maklumat*

*Sumber: Penyata Kewangan Syarikat*

## **8. PEMANTAUAN TERHADAP SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI OLEH KEMENTERIAN DAN BADAN/SYARIKAT INDUK**

8.1 Kementerian, Badan Berkanun Persekutuan dan Syarikat Induk berkenaan bertanggungjawab memantau pelaburan Kerajaan dalam syarikat subsidiari dan sub-subsidiari dengan melaksanakan perkara berikut:

- a. Memastikan pelaburan Kerajaan terpelihara dan memberi pulangan yang munasabah.
- b. Meluluskan pelantikan Pengerusi/Ahli Lembaga Pengarah/Ketua Eksekutif, struktur gaji, bayaran elaun Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah, bayaran bonus dan dividen.
- c. Menilai kedudukan kewangan dan pelan perniagaan syarikat.
- d. Mengkaji, menggubal dan menetapkan dasar Kerajaan berkaitan dengan pengurusan syarikat.

8.2 Sehubungan itu, Kementerian, Badan Berkanun Persekutuan dan Syarikat Induk berkenaan perlu melaksanakan tanggungjawabnya berpandukan kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan Akta Syarikat 1965; Tatacara dan Tata Urus Syarikat/Undang-undang Tubuh syarikat berkenaan dan Pekeliling Perbendaharaan serta Surat Arahan Perbendaharaan berkaitan syarikat yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

## **9. PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI**

9.1 Pengauditan pengurusan terhadap 15 syarikat subsidiari dan sub-subsidiari telah dilaksanakan untuk menilai sama ada:

- Prestasi kewangan syarikat memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut.
- Pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan cekap, teratur, dan berhemat selaras dengan objektif yang ditetapkan.
- Pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.
- Pengurusan syarikat subsidiari dan sub-subsidiari telah dipantau oleh Badan/Syarikat Induk selaras dengan objektif syarikat yang ditetapkan.

9.2 Senarai 15 syarikat subsidiari dan sub-subsidiari BBP yang telah dipilih untuk pengauditan pengurusan sepanjang tahun 2012 dan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara mengikut siri seperti berikut:

**JADUAL 9.1**  
**PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI PADA TAHUN 2012**

LAPORAN PENUH	LAPORAN RINGKAS
<p><b>Siri 1</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. RISDA Baja Sdn. Berhad</li> <li>ii. Smallholders Development Corporation Sdn. Berhad</li> <li>iii. Institut Profesional Baitulmal Sdn. Berhad</li> </ul> <p><b>Siri 2</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>iv. Surada Jaya Sdn. Berhad</li> <li>v. Kuari Terengganu Tengah Sdn. Berhad</li> </ul> <p><b>Siri 3</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>vi. Kolej KETENGAH Sdn. Berhad</li> <li>vii. Syarikat Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn. Berhad</li> <li>viii. RISDA Semaian Dan Lanskap Sdn. Berhad</li> </ul>	<p><b>Siri 3</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. KESEDAR Dagang Sdn. Berhad</li> <li>ii. THP Bina Sdn. Berhad</li> <li>iii. UiTM Document Services Sdn. Berhad</li> <li>iv. Usains Holding Sdn. Berhad</li> <li>v. R &amp; D Serindit Com UUM Sdn. Berhad</li> <li>vi. Uniutama Management Holdings Sdn. Berhad</li> <li>vii. Uniutama Property Sdn. Berhad</li> </ul>

9.3 Hasil pengauditan telah dibincang dengan pihak pengurusan syarikat subsidiari dan sub-subsidiari BBP yang terlibat selepas pengauditan selesai dijalankan. Ketua Pegawai Eksekutif syarikat berkenaan juga telah dimaklumkan mengenai perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan. Maklum balas yang diterima daripada syarikat subsidiari dan sub-subsidiari telah diambil kira dalam laporan ini. Perkara yang diperhatikan adalah seperti di **perenggan 10 hingga 13**.

## LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH

### 10. PENGURUSAN KOLEJ KETENGAH SDN. BERHAD

#### 10.1 LATAR BELAKANG

10.1.1 Kolej KETENGAH Sdn. Berhad (KKSB) yang ditubuhkan pada 13 November 2001 merupakan syarikat milik penuh KETENGAH Holdings Sdn. Berhad iaitu sebuah syarikat subsidiari Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH). KKSB ditubuhkan dengan modal dibenarkan sejumlah RM5 juta dan modal berbayar sejumlah RM500,000. KKSB memulakan operasi pada tahun 2002 untuk mengurus Kolej KETENGAH yang bertaraf Institusi Pendidikan Tinggi Swasta dan telah mendapat kelulusan Kementerian Pendidikan Malaysia pada 20 November 2003. Visi syarikat adalah untuk mewujudkan masyarakat yang berilmu dan bermaklumat bagi merapatkan jurang teknologi penduduk bandar dan luar bandar.

10.1.2 KKSB mempunyai seramai 7 ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada pegawai KETENGAH, Universiti Malaysia Terengganu, Kumpulan KUB Malaysia Berhad dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah. Pengurusan KKSB diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh Penolong Pendaftar. KKSB mempunyai 3 unit iaitu Pentadbiran, Akademik dan Pusat Bertauliah Sijil Kemahiran Malaysia/Jabatan Pembangunan Kemahiran. Fungsi unit di KKSB adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.1  
TANGGUNGJAWAB UNIT KOLEJ KETENGAH**

BIL.	UNIT	TANGGUNGJAWAB
1.	Pentadbiran	Bertanggungjawab terhadap urusan pentadbiran dan kewangan syarikat.
2.	Akademik	Menawarkan kursus bagi program diploma dan sijil.
3.	Pusat Bertauliah Sijil Kemahiran Malaysia/Jabatan Pembangunan Kemahiran	Menjalankan kursus jangka pendek dengan modul yang disediakan oleh kolej dan kursus kemahiran.

*Sumber: Rekod Unit Pentadbiran Kolej KETENGAH Sdn. Berhad*

#### 10.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

### **10.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan bagi tahun 2008 sehingga 2012. Semakan telah dibuat terhadap dokumen, fail dan laporan serta temu bual dengan pegawai KKSB. Lawatan ke Kolej KETENGAH juga telah dibuat pada bulan September 2012.

### **10.4 PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September 2012 mendapati tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan KKSB adalah baik. Bagaimanapun, prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- i. Bilangan kemasukan pelajar tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu hanya seramai 174 pelajar atau 13.5% berbanding seramai 1,287 pelajar yang disasarkan untuk mengikuti kursus ditawarkan.
- ii. Aktiviti pemasaran kurang berkesan walaupun KKSB telah melaksanakan 43 program setakat bulan April 2013 serta menyediakan pelan pemasaran bagi menarik minat para pelajar melanjutkan pelajaran di Kolej KETENGAH.
- iii. Bangunan kolej tambahan belum digunakan kerana kemasukan pelajar yang rendah serta KKSB dan KETENGAH tidak membuat kajian semula terhadap bilangan kemasukan pelajar dan kursus yang ditawarkan.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

#### **10.4.1 Prestasi Kewangan**


Analisis kewangan telah dibuat berdasarkan penyata kewangan yang diaudit bagi tahun 2008 sehingga 2012. Analisis trend dan nisbah digunakan untuk menilai prestasi kewangan KKSB. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan KKSB bagi tahun 2008 sehingga 2012 adalah kurang memuaskan seperti di jadual dan carta berikut:

**JADUAL 10.2**  
**PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN KEUNTUNGAN/(KERUGIAN)**  
**KOLEJ KETENGAH SDN BERHAD**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN 2008 SEHINGGA 2012**

BUTIRAN	TAHUN KEWANGAN				
	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
Pendapatan Operasi	454,103	649,005	629,145	719,776	1,341,192
Pendapatan Lain	64,662	44,951	19,053	34,491	11,064
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>518,765</b>	<b>693,956</b>	<b>648,198</b>	<b>754,267</b>	<b>1,352,256</b>
Kos Operasi	581,139	809,507	796,861	733,091	1,226,641
Perbelanjaan Pentadbiran Dan Kewangan	96,795	85,964	82,174	86,167	72,909
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>677,934</b>	<b>895,471</b>	<b>879,035</b>	<b>819,258</b>	<b>1,299,550</b>
<b>Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai</b>	<b>(159,169)</b>	<b>(201,515)</b>	<b>(230,837)</b>	<b>(64,991)</b>	<b>52,706</b>
Cukai	335	-	-	-	796
<b>Keuntungan/(Kerugian) Selepas Cukai</b>	<b>(159,504)</b>	<b>(201,515)</b>	<b>(230,837)</b>	<b>(64,991)</b>	<b>51,910</b>
<b>Keuntungan/(Kerugian) Terkumpul</b>	<b>65,315</b>	<b>(136,200)</b>	<b>(367,037)</b>	<b>(432,028)</b>	<b>(380,118)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kolej KETENGAH Sdn. Berhad

**CARTA 10.1**  
**PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SELEPAS CUKAI**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN 2008 SEHINGGA 2012**



Sumber: Penyata Kewangan Kolej KETENGAH Sdn. Berhad


#### 10.4.1.1 Analisis Trend

- KKSB mengalami kerugian selepas cukai bagi 4 tahun berturut-turut iaitu sejumlah RM159,504 pada tahun 2008, sejumlah RM201,515 pada tahun 2009, sejumlah RM230,837 pada tahun 2010 dan sejumlah RM64,991 pada tahun 2011. Bagaimanapun, KKSB mencatat keuntungan selepas cukai

pada tahun 2012 berjumlah RM51,910. KKSBB telah mengalami kerugian terkumpul pada tahun 2012 iaitu berjumlah RM380,118 berbanding kerugian terkumpul pada tahun 2011 berjumlah RM432,028.

- b. Pendapatan utama KKSBB adalah daripada yuran pengajian kursus jangka pendek dan panjang serta sewaan kemudahan. Pendapatan KKSBB bagi tempoh 5 tahun mulai tahun 2008 sehingga 2012 menunjukkan trend yang semakin meningkat. Pendapatan KKSBB pada tahun 2009 meningkat sejumlah RM175,191 atau 33.8% berbanding dengan tahun 2008. Pada tahun 2010, pendapatan KKSBB menurun sejumlah RM45,758 atau 6.6% berbanding tahun 2009. Bagaimanapun, pada tahun 2011 pendapatan meningkat semula sejumlah RM106,069 atau 16.4% berbanding tahun 2010 dan meningkat sejumlah RM597,989 atau 79.3% pada tahun 2012 berbanding tahun sebelumnya disebabkan peningkatan bilangan pelajar.
- c. Perbelanjaan operasi, pentadbiran dan emolumen bagi tahun 2008 sehingga 2012 adalah selari dengan pendapatan yang diperoleh. Peningkatan perbelanjaan KKSBB pada tahun 2009 sejumlah RM217,537 atau 32.1% berbanding dengan tahun 2008 disebabkan oleh peningkatan belanja operasi dan pengurusan. Perbelanjaan KKSBB menurun sejumlah RM16,436 atau 1.8% pada tahun 2010 dan sejumlah RM59,777 atau 6.8% pada tahun 2011 berbanding tahun sebelumnya. Bagaimanapun, perbelanjaan KKSBB pada tahun 2012 meningkat semula sejumlah RM480,292 atau 58.6% berbanding tahun 2011. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 10.2**  
**PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) KKSBB**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN 2008 SEHINGGA 2012**



Sumber: Penyata Kewangan Kolej KETENGAH Sdn. Berhad

#### **10.4.1.2 Analisis Nisbah Kewangan**

Analisis terhadap penyata kewangan yang diaudit bagi tahun 2008 sehingga 2012 bertujuan menentukan tahap prestasi kewangan KKSB yang meliputi nisbah semasa, margin untung bersih, pulangan atas ekuiti dan nisbah hutang. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.3**  
**ANALISIS NISBAH BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2012**

BIL.	BUTIRAN	TAHUN				
		2008	2009	2010	2011	2012
1.	Nisbah Semasa	1.5:1	1.7:1	1.3:1	1.1:1	1.1:1
2.	Margin Untung Bersih (%)	(30.7)	(29.0)	(35.6)	(8.6)	3.8
3.	Pulangan Atas Ekuiti (%)	(79.8)	(40.3)	(46.2)	(13.0)	10.4
4.	Nisbah Hutang (%)	66.3	58.1	78.5	90.9	90.0

Sumber: Penyata Kewangan Kolej KETENGAH Sdn. Berhad

##### **a. Nisbah Semasa**

Nisbah semasa menunjukkan kemampuan syarikat menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan liabiliti semasa. Nisbah semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai keairan yang tinggi dan berupaya menampung liabiliti semasanya. Secara keseluruhannya, nisbah semasa KKSB bagi tahun 2008 sehingga 2012 adalah pada tahap sederhana. Nisbah semasa KKSB menunjukkan peningkatan daripada 1.5 kali pada tahun 2008 kepada 1.7 kali pada tahun 2009. Bagaimanapun, nisbah semasa KKSB menunjukkan penurunan kepada 1.1 kali pada tahun 2012 berbanding 2009. Nisbah semasa melebihi 1 menunjukkan KKSB masih berupaya untuk memenuhi tanggungan jangka pendeknya.

##### **b. Margin Untung Bersih**

Margin untung bersih menunjukkan keupayaan syarikat untuk menjana keuntungan bagi pendapatan yang diperoleh. KKSB telah mengalami kerugian menyebabkan margin untung bersih negatif pada kadar 30.7% bagi tahun 2008, sebanyak 29% bagi tahun 2009, sebanyak 35.6% bagi tahun 2010 dan sebanyak 8.6% bagi tahun 2011. Bagaimanapun, KKSB telah mencatatkan margin untung bersih positif pada kadar 3.8% bagi tahun 2012.

### **c. Pulangan Atas Ekuiti**

Pulangan atas ekuiti bertujuan mengukur pulangan ke atas modal syarikat iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi pelaburan yang telah dibuat. Pada umumnya, semakin tinggi peratusan pulangan atas ekuiti menunjukkan prestasi syarikat semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat berupaya menghasilkan keuntungan yang tinggi kepada pemegang saham. Pulangan atas ekuiti KKSBS adalah negatif iaitu pada kadar 79.8% bagi tahun 2008, sebanyak 40.3% bagi tahun 2009, sebanyak 46.2% bagi tahun 2010 dan sebanyak 13% bagi tahun 2011. Bagaimanapun, KKSBS telah mencatat pulangan atas ekuiti positif pada kadar 10.4% bagi tahun 2012.

### **d. Nisbah Hutang**

Nisbah hutang dikira dengan membandingkan jumlah liabiliti dengan jumlah aset syarikat bagi menilai kestabilan KKSBS. Mengikut piawaian industri, syarikat dianggap kurang bergantung kepada pinjaman jika peratus nisbah hutang kurang daripada 50%. Nisbah hutang KKSBS bagi tahun 2008 sehingga 2012 adalah antara 66.3% hingga 90.9% menunjukkan KKSBS sangat bergantung kepada pinjaman untuk meneruskan perniagaan.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi dan kedudukan kewangan KKSBS kurang memuaskan walaupun mencatat keuntungan selepas cukai pada tahun 2012. KKSBS mengalami kerugian terkumpul RM380,118 pada tahun 2012 disebabkan kerugian bagi tahun 2008 sehingga 2011. Nisbah hutang KKSBS juga tidak memuaskan kerana mencecah 90% pada tahun 2011 dan 2012.**

#### **10.4.2 PENGURUSAN AKTIVITI**

- a. Aktiviti utama KKSBS adalah memberi perkhidmatan pendidikan dalam bidang pengajian teknologi maklumat dan komunikasi serta lain-lain kursus. Ia bermatlamat untuk membuka peluang melanjutkan pelajaran khususnya kepada masyarakat luar bandar, merapatkan jurang teknologi bagi penduduk bandar dan luar bandar serta menjadi pemangkin kepada pembangunan sosioekonomi di wilayah KETENGAH. Pengambilan pelajar Kolej KETENGAH terbuka kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia terutama yang berasal dari wilayah KETENGAH. Antara kursus yang ditawarkan oleh KKSBS ialah Diploma Aplikasi Multimedia, Diploma Teknologi Maklumat dan Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak. KKSBS juga merupakan pusat bertauliah yang mengendalikan kursus Sijil Kemahiran Malaysia. Butiran kursus yang ditawarkan oleh KKSBS dan tempoh pengajian adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10. 4  
KURSUS YANG DITAWARKAN**

BIL.	KURSUS	TEMPOH PENGAJIAN
1.	Diploma Aplikasi Multimedia	3 Tahun
2.	Diploma Teknologi Maklumat	3 Tahun
3.	Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak	1 Tahun (Sepenuh Masa)
4.	Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak	4 Tahun (Kursus Dalam Cuti)
5.	Sijil Pembantu Tadbir Sistem Maklumat	8 Bulan
6.	Sijil Penyelia Tadbir Sistem Maklumat	1 Tahun

*Sumber: Rekod Kelulusan Kursus, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*

- b. KKSB yang beroperasi di bangunan milik KETENGAH telah dibeli daripada RISDA pada tahun 2002 dengan kos berjumlah RM1.60 juta. Sebelum itu, bangunan ini merupakan sebuah pusat latihan yang menempatkan Bahagian Pentadbiran Dan Akademik serta asrama. Antara kemudahan yang disediakan oleh KKSB di kolej ini adalah asrama dengan kapasiti seramai 160 pelajar, dewan utama dengan kapasiti seramai 150 pelajar pada satu masa, perpustakaan mini, sebanyak 6 bilik kuliah, makmal sains, sebanyak 2 makmal komputer yang boleh menempatkan seramai 70 pelajar, surau dan kafeteria. Butiran mengenai kemudahan kolej sedia ada adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.5  
KEMUDAHAN DI KOLEJ KETENGAH**

BIL.	KEMUDAHAN	KUANTITI	KAPASITI (Orang)
1.	Dewan Utama	1	150
2.	Bilik Kuliah	6	150
3.	Surau	1	100
4.	Kafeteria	1	100
5.	Kolej Kediaman – Chalet	20	80
6.	Kolej Kediaman – Kuarters	10	80
7.	Makmal Komputer	2	70
8.	Makmal Sains	1	35
9.	Perpustakaan Mini	1	30
10.	Bilik Kakitangan Akademik	2	20
11.	Pejabat Hal Ehwal/Akademik Pelajar	1	10
12.	Pejabat Pentadbiran	1	6

*Sumber: Pelan Strategik 5 Tahun 2011 – 2015, Kolej KETENGAH Sdn. Berhad*

#### **10.4.2.1 Prestasi Kemasukan Pelajar Tidak Mencapai Sasaran**

- a. Pelan Strategik KKSBB yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah menetapkan sasaran pengambilan pelajar bagi tahun 2009 sehingga 2012 adalah seramai 1,287 orang. Semakan Audit mendapati bilangan kemasukan pelajar tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Hanya seramai 174 pelajar atau 13.5% telah mendaftar untuk mengikuti kursus yang ditawarkan sepanjang tempoh tersebut. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.6  
PENGAMBILAN PELAJAR BERBANDING SASARAN  
BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2012**

TAHUN PENGAMBILAN	PELAJAR (Bil.)		PENCAPAIAN (%)
	SASARAN	PENCAPAIAN	
2009	390	49	12.6
2010	240	18	7.5
2011	542	40	7.4
2012	115	67	58.3
<b>JUMLAH</b>	<b>1,287</b>	<b>174</b>	<b>13.5</b>

*Sumber: Rekod Pengambilan Pelajar, Bahagian Akademik, Kolej KETENGAH Sdn. Berhad*

- b. Prestasi kemasukan pelajar yang rendah disebabkan hanya 5 kursus sahaja yang ditawarkan pada peringkat awal operasi sehingga kini. Semakan Audit mendapati tiada pelajar yang mengikuti Diploma Teknologi Maklumat yang ditawarkan. Bilangan pelajar di Kolej KETENGAH sehingga bulan April 2013 hanya seramai 93 pelajar yang masih meneruskan pengajian. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.7  
BILANGAN PELAJAR SEHINGGA BULAN APRIL 2013**

BIL.	KURSUS DITAWARKAN	TEMPOH PENGAJIAN	BILANGAN PELAJAR
1.	<i>Industrial Safety Skill</i>	6 Bulan	32
2.	Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak	4 Tahun	19
3.	Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak	2 Tahun	26
4.	Sijil Pembantu Tadbir Sistem Maklumat	8 Bulan	12
5.	Diploma Aplikasi Multimedia	3 Tahun	4
6.	Diploma Teknologi Maklumat	3 Tahun	-
<b>JUMLAH</b>			<b>93</b>

*Sumber: Rekod Pengambilan Pelajar, Bahagian Akademik, Kolej KETENGAH Sdn. Berhad*

**Pada pendapat Audit, KKSBB tidak mencapai sasaran pengambilan pelajar semenjak ia beroperasi kerana tiada kajian semula dilaksanakan untuk mengenal pasti kesesuaian kursus yang boleh menarik minat pelajar.**

### **Maklum Balas Daripada KKSB Pada 25 Julai 2013.**

*KKSB akan memperkenalkan kursus baru iaitu Sijil Asuhan Kanak-kanak mulai bulan November 2013 dengan anggaran pelajar seramai 120 orang dan Program MBA dengan kerjasama Universiti Kuala Lumpur dengan anggaran pelajar seramai 16 orang. Selain itu, Kolej KETENGAH akan dijadikan Kolej Bersekutu UiTM pada tahun 2014 dan menawarkan 3 kursus baru iaitu Pra Perdagangan, Diploma Perakaunan dan Diploma Pengurusan Perniagaan dengan anggaran pelajar seramai 100 orang.*

#### **10.4.2.2 Aktiviti Pemasaran Kurang Berkesan**

- a. Aktiviti pemasaran adalah strategi yang penting untuk menarik para pelajar mengikuti kursus yang ditawarkan dan boleh membantu KKSB meningkatkan pendapatan serta dapat menjamin pulangan kepada pemegang saham. Semakan Audit mendapati KKSB telah menjalankan pelbagai program antaranya promosi pengambilan pelajar di Pejabat Cawangan KETENGAH dan taklimat peluang pendidikan kepada pengetua serta kaunselor sekolah menengah di sekitar wilayah KETENGAH. Selain itu, KKSB juga membuat pengiklanan di akhbar dan menyertai pelbagai ekspo serta karnival pendidikan anjuran agensi Kerajaan. Bagaimanapun, sambutan yang diterima adalah kurang memberangsangkan.
- b. Semakan lanjut mendapati KKSB telah melaksanakan sebanyak 12 program promosi pada tahun 2012 dan meningkat kepada 43 program sehingga bulan April 2013. Bagaimanapun, sambutan yang diterima masih kurang menggalakkan berdasarkan bilangan kemasukan pelajar sehingga bulan April 2013 iaitu 93 orang berbanding kemudahan asrama yang boleh menampung seramai 160 pelajar.

Pada pendapat Audit, KKSB telah melaksanakan pelbagai aktiviti pemasaran tetapi sambutan yang diterima kurang menggalakkan. KKSB perlu mendapatkan maklum balas kursus yang diminati oleh pelajar selepas tamat persekolahan termasuk kemajuan kerjaya pada masa hadapan.

### **Maklum Balas Daripada KKSB Pada 7 November 2012.**

*KKSB sentiasa meningkatkan pelan pemasaran dari semasa ke semasa iaitu dengan mengadakan roadshow di dalam negeri meliputi sekolah, Pusat Latihan Khidmat Negara, karnival pendidikan dan pameran, mengadakan kerjasama dengan pusat latihan kemahiran sebagai feeder serta mengadakan kerjasama dengan Institut Pengajian Tinggi Awam, pihak industri dan kementerian yang berkenaan bagi laluan kerjaya graduan.*

#### **10.4.2.3 Bangunan Kolej Tambahan Belum Digunakan**

- a. KKSBB telah mensasarkan seramai 500 pelajar menjelang tahun 2010 berdasarkan kertas cadangan penubuhan kolej tambahan. Perkembangan ini dijangka memerlukan pembangunan infrastruktur tambahan memandangkan kemudahan sedia ada yang dibeli daripada RISDA bernilai RM1.60 juta pada tahun 2002 hanya mampu menampung seramai 160 pelajar sahaja. Justifikasi projek pembinaan kolej tambahan antaranya adalah untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih selesa dengan penyediaan kompleks infrastruktur tambahan yang lebih lengkap. Antara kemudahan sedia ada yang terdapat di Kolej KETENGAH adalah seperti di gambar berikut.

**GAMBAR 10.1**  
Pejabat Pentadbiran



Lokasi: Kolej KETENGAH  
Tarikh: 10 September 2012

**GAMBAR 10.2**  
Dewan Utama



Lokasi: Kolej KETENGAH  
Tarikh: 10 September 2012



**GAMBAR 10.3**  
Kolej Kediaman

Lokasi: Kolej KETENGAH  
Tarikh: 10 September 2012

- b. Semakan Audit mendapati KETENGAH telah membina kolej tambahan bernilai RM14.24 juta yang dibiayai melalui Dana Khas Kerajaan Persekutuan. Butiran mengenai kemudahan kolej tambahan yang dibina adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.8**  
**KEMUDAHAN DI KOLEJ TAMBAHAN**

BIL.	KEMUDAHAN	KUANTITI	KAPASITI (Orang)
1.	Kolej Kediaman – Apartmen	24	288
2.	Bilik Kuliah	8	280
3.	Auditorium	1	240
4.	Dewan Makan	1	200
5.	Surau	1	150
6.	Perpustakaan	1	100
7.	Makmal Komputer	2	70
8.	Gimnasium	1	50
9.	Bilik Mesyuarat	4	30
10.	Pejabat Pentadbiran Dan Kewangan	5	25
11.	Bilik Kakitangan Akademik	10	20
12.	Kolej Kediaman – Bilik <i>Fellow</i>	8	16
13.	Pejabat Hal Ehwal Dan Akademik Pelajar	2	12
14.	Bilik Kebal Dan Fail	4	-

Sumber: *Pelan Strategik 5 Tahun 2011 – 2015, Kolej KETENGAH Sdn. Berhad*

- c. Projek pembinaan kolej tambahan ini melibatkan 4 fasa iaitu asrama 3 tingkat, kompleks pentadbiran, surau dan dewan makan bernilai RM14.24 juta yang telah siap sepenuhnya pada 5 Februari 2011. Semakan Audit mendapati kolej tambahan dan infrastruktur masih belum digunakan kerana jumlah pelajar hanya 93 orang sahaja sehingga bulan April 2013 dan kemudahan kolej sedia ada masih boleh menampung keperluan pembelajaran. Perkara ini berlaku disebabkan KETENGAH dan KKSB tidak membuat kajian semula keperluan pembinaan kolej tambahan ini berbanding bilangan kemasukan pelajar dan kursus yang ditawarkan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 10.9**  
**PROJEK KOLEJ TAMBAHAN KETENGAH**

BIL.	PROJEK	HARGA ASAL (RM)	PERUBAHAN HARGA (RM)	HARGA BARU (RM)	TARIKH SIAP
1.	Asrama 3 Tingkat	4,400,000	(402,429)	3,997,571	15.03.2009
2.	Kompleks Pentadbiran	8,696,969	601,521	9,298,490	20.04.2010
3.	Surau	495,069	16,923	511,992	30.05.2010
4.	Dewan Makan	479,800	(50,300)	429,500	05.02.2011
<b>JUMLAH</b>		<b>14,071,838</b>	<b>165,715</b>	<b>14,237,553</b>	

Sumber: *Rekod Perakuan Akaun Dan Bayaran Muktamad Projek Kolej Tambahan KETENGAH*

**GAMBAR 10.4**  
Kompleks Pentadbiran



Lokasi: Kolej KETENGAH  
Tarikh: 21 Januari 2013

**GAMBAR 10.5**  
Kompleks Pentadbiran



Lokasi: Kolej KETENGAH  
Tarikh: 21 Januari 2013

**GAMBAR 10.6**  
Asrama 3 Tingkat



Lokasi: Kolej KETENGAH  
Tarikh: 21 Januari 2013

**GAMBAR 10.7**  
Surau



Lokasi: Kolej KETENGAH  
Tarikh: 21 Januari 2013

Pada pendapat Audit, KKSB perlu mengambil tindakan segera untuk mengoptimumkan penggunaan bangunan kolej tambahan bagi mengelakkan pembaziran.

#### **Maklum Balas Daripada KKSB Pada 25 Julai 2013.**

*Pada 1 Mac 2013, kolej tambahan telah digunakan sebagai MARA KETENGAH International College (MKIC) bagi menjalankan kursus A-Level dengan pengambilan pelajar seramai 91 orang pada bulan Julai 2013.*

Pada keseluruhannya, pengurusan aktiviti KKSB adalah kurang memuaskan kerana objektif yang ditetapkan belum tercapai. Sehubungan itu, KKSB wajar mengambil tindakan penambahbaikan terhadap pengurusan aktiviti merangkumi aspek kurikulum, tenaga pengajar, kemudahan dan pelajar bagi memastikan objektif penubuhannya terlaksana dan tercapai.

## **10.5 SYOR AUDIT**

Pihak Audit mengesyorkan KKSB mengambil tindakan penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan supaya kelemahan tersebut tidak berulang dalam pelaksanaan aktiviti seperti berikut:

10.5.1 KKSB hendaklah mengkaji semula kursus yang mempunyai nilai kebolehpasaran serta mengadakan usaha sama dengan agensi lain bagi menarik lebih ramai pelajar dan juga penaja.

10.5.2 KKSB hendaklah mempergiatkan aktiviti promosi atau kursus yang ditawarkan dengan lebih berkesan untuk menarik lebih ramai pelajar mengikuti kursus di kolej ini.

10.5.3 KKSB hendaklah mengoptimumkan penggunaan kolej sedia ada dan kolej tambahan bagi mengelakkan pembaziran dan bangunan yang tidak digunakan sepenuhnya.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Tahun 2012 Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 3.

## PERBADANAN PUTRAJAYA

### 11. PENGURUSAN PENGANGKUTAN AWAM PUTRAJAYA SDN. BERHAD

#### 11.1 LATAR BELAKANG

11.1.1 Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn. Berhad (PAPSB) merupakan syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Putrajaya (PPj) yang ditubuhkan pada 20 Mei 1999 dengan modal dibenarkan dan berbayar berjumlah RM100,000. PAPSB ditubuhkan untuk mengurus perkhidmatan bas awam di kawasan Putrajaya yang dikenali sebagai bas Nadi Putra. Selain itu, PAPSB juga menguruskan sumber manusia terhadap operasi bas bagi pihak PPj.

11.1.2 PAPSB mempunyai seramai 6 ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada 4 pegawai PPj dan 2 ahli korporat. Pegawai PPj terdiri daripada Presiden, Naib Presiden Kewangan, Setiausaha dan Timbalan Pengarah Kanan manakala 2 ahli lain terdiri daripada Ketua Pegawai Operasi Bank Islam Malaysia Berhad dan mantan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi. Pengurusan PAPSB diketuai oleh Pengurus dan dibantu oleh Penolong Pengurus dengan kakitangan seramai 226 orang. PAPSB mempunyai 4 unit yang berfungsi seperti di jadual berikut:

**JADUAL 11.1  
FUNGSI UNIT PENGANGKUTAN AWAM PUTRAJAYA SDN. BERHAD**

BIL.	UNIT	FUNGSI
1.	Kewangan	Bertangungjawab terhadap urusan kewangan dan pentadbiran syarikat.
2.	Sumber Manusia	Bertanggungjawab terhadap pengurusan sumber manusia syarikat.
3.	Operasi	Menguruskan operasi perkhidmatan bas.
4.	Kejuruteraan	Menjalankan kerja penyenggaraan dan pembaikan bas.

*Sumber : Unit Kewangan Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn. Berhad*

#### 11.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

## **11.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan bagi tahun 2008 sehingga 2012. Semakan telah dijalankan terhadap fail, dokumen dan rekod berkaitan di PAPSB dan PPj. Selain itu, temu bual dan lawatan ke Depo Bas, Putrajaya Sentral, hentian bas serta pemeriksaan fizikal terhadap peralatan dan aset telah dijalankan pada bulan Disember 2012.

## **11.4 PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Disember 2012 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat adalah baik. Manakala prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- i. Perkhidmatan bas telah mengalami peningkatan kerugian operasi daripada sejumlah RM5.82 juta pada tahun 2008 kepada sejumlah RM17.49 juta pada tahun 2012.
- ii. PPj dan PAPSB tidak menetapkan sasaran penumpang dan kutipan tambang.
- iii. Sebanyak 12 laluan tetap tidak mencapai sasaran *trip* disebabkan kekurangan pemandu bas.
- iv. Sebanyak 8 laluan tetap dan 5 laluan terus hanya mencapai kadar purata penumpang yang tidak melebihi 10 orang setiap *trip*.
- v. Peta Pandu Arah tidak mencukupi iaitu hanya 100 daripada 302 hentian bas yang dibina dilengkapi dengan Peta Pandu Arah.
- vi. Bilangan penggunaan pas bulanan telah menurun daripada sebanyak 0.81 juta pada tahun 2010 kepada 0.40 juta pada tahun 2012 iaitu 50.2%.
- vii. PAPSB tidak menuntut bayaran berkadar tetap mengikut Perjanjian Operasi mengakibatkan kekurangan pendapatan berjumlah RM2.59 juta.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

### **11.4.1 Prestasi Kewangan**

Analisis kewangan dibuat berdasarkan penyata kewangan yang diaudit bagi tahun 2008 sehingga 2012. Analisis trend dan nisbah digunakan untuk menilai prestasi kewangan PAPSB. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan PAPSB bagi tahun 2008 sehingga 2012 adalah seperti di jadual dan carta berikut:



**JADUAL 11.2**  
**KEDUDUKAN PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN**  
**KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SELEPAS CUKAI**

BUTIRAN	TAHUN KEWANGAN				
	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
Pendapatan	3,670,048	5,151,936	7,177,419	9,241,962	10,332,513
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>3,670,048</b>	<b>5,151,936</b>	<b>7,177,419</b>	<b>9,241,962</b>	<b>10,332,513</b>
Kos Pemandu	2,250,575	2,996,172	4,438,396	5,659,514	6,387,528
Kos Operasi Bas	785,548	1,201,907	1,310,678	2,019,330	2,161,605
Kos Susut Nilai	4,079	-	-	-	-
Kos Kakitangan	531,736	829,735	1,179,418	1,284,631	1,500,379
Belanja Pentadbiran	100,725	148,372	225,377	287,227	322,205
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>3,672,663</b>	<b>5,176,186</b>	<b>7,153,869</b>	<b>9,250,702</b>	<b>10,371,717</b>
Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai	(2,615)	(24,250)	23,550	(8,740)	(39,204)
Cukai	925	-	-	-	-
<b>KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SELEPAS CUKAI</b>	<b>(3,540)</b>	<b>(24,250)</b>	<b>23,550</b>	<b>(8,740)</b>	<b>(39,204)</b>
<b>KEUNTUNGAN TERKUMPUL</b>	<b>258,047</b>	<b>238,016</b>	<b>261,566</b>	<b>338,991</b>	<b>299,787</b>

Sumber: Penyata Kewangan Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn. Berhad

**CARTA 11.1**  
**PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN**

**CARTA 11.2**  
**KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SELEPAS CUKAI**  
**DAN KEUNTUNGAN TERKUMPUL**



Sumber: Penyata Kewangan Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn. Berhad

#### 11.4.1.1 Analisis Trend

- PAPSB telah mengalami kerugian selepas cukai sejumlah RM3,540 pada tahun 2008 dan meningkat kepada RM24,250 pada tahun 2009. Bagaimanapun, PAPSB mencatat keuntungan selepas cukai pada tahun 2010 berjumlah RM23,550 disebabkan peningkatan dalam pendapatan. Pada tahun 2011, PAPSB kembali mengalami kerugian selepas cukai

berjumlah RM8,740 dan kerugian ini meningkat kepada RM39,204 pada tahun 2012. Peningkatan kerugian ini adalah disebabkan kos operasi bas dan pemandu yang meningkat.

- b. Pendapatan utama PAPSB adalah merupakan bayaran balik oleh PPj bagi perbelanjaan yang dilakukan oleh PAPSB manakala pendapatan tambang bas yang diuruskan oleh PAPSB diserahkan kepada PPj. Pendapatan PAPSB dari tahun 2008 sehingga 2012 menunjukkan trend peningkatan berterusan iaitu sejumlah RM3.67 juta pada tahun 2008 kepada sejumlah RM10.33 juta pada tahun 2012.
- c. Perbelanjaan PAPSB meliputi kos pemandu, kos operasi bas, kos kakitangan dan belanja pentadbiran. Secara keseluruhannya, perbelanjaan PAPSB menunjukkan trend peningkatan berterusan iaitu sejumlah RM3.67 juta pada tahun 2008 kepada sejumlah RM10.37 juta pada tahun 2012. Keadaan ini selari dengan trend peningkatan pendapatan yang diperoleh pada setiap tahun.

#### **11.4.1.2 Analisis Nisbah Kewangan**

Semakan terhadap penyata kewangan yang diaudit bagi tahun 2008 sehingga 2012 bertujuan menentukan tahap prestasi kewangan PAPSB yang meliputi nisbah semasa, margin untung bersih dan pulangan atas ekuiti. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 11.3  
ANALISIS NISBAH KEWANGAN**

BIL.	BUTIRAN	2008	2009	2010	2011	2012
1.	Nisbah Semasa	1.26:1	1.89:1	1.49:1	1.63:1	1.46:1
2.	Margin Untung Bersih (%)	(0.1)	(0.5)	0.3	(0.1)	(0.4)
3.	Pulangan Atas Ekuiti (%)	(3.5)	(24.3)	23.6	(8.7)	(39.2)

*Sumber: Penyata Kewangan Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn. Berhad*

##### **a. Nisbah Semasa**

Nisbah semasa menunjukkan kemampuan syarikat menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan liabiliti semasa. Nisbah semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai keairan yang tinggi serta berupaya menampung liabiliti semasanya. Secara keseluruhannya, nisbah semasa PAPSB bagi tahun 2008 sehingga 2012 adalah melebihi 1:1 iaitu 1.26 kali pada tahun 2008, 1.89 kali pada tahun 2009, 1.49 kali pada tahun 2010, 1.63 kali pada tahun 2011 dan 1.46 kali pada tahun 2012. Ini menunjukkan syarikat berupaya menjelaskan liabiliti semasanya.

### **b. Margin Untung Bersih**

Margin untung bersih menunjukkan keupayaan syarikat untuk menjana keuntungan bagi pendapatan yang diperoleh. PAPSB hanya mencatatkan margin untung bersih positif pada tahun 2010 pada kadar 0.3%. Selain itu, PAPSB mencatatkan margin untung bersih negatif bagi tahun 2008 pada kadar 0.1%, tahun 2009 sebanyak 0.5%, tahun 2011 sebanyak 0.1% dan tahun 2012 sebanyak 0.4%.

### **c. Pulangan Atas Ekuiti**

Pulangan atas ekuiti digunakan untuk menilai peratusan pulangan terhadap pelaburan pemegang saham. Semakin tinggi peratusan pulangan atas ekuiti menunjukkan prestasi syarikat semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat berupaya menghasilkan keuntungan yang tinggi kepada pemegang saham. Pulangan terhadap pemegang ekuiti PAPSB bagi tahun 2008 sehingga 2012 menunjukkan pulangan positif sebanyak 23.6% pada tahun 2010 manakala bagi tahun lain mencatatkan pulangan negatif antara 3.5% hingga 39.2%.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan PAPSB semakin merosot mulai tahun 2008 kerana mengalami kerugian pada tahun 2008, 2009, 2011 dan 2012.**

#### **11.4.2 Pengurusan Aktiviti Pengangkutan**

11.4.2.1 Pengangkutan awam merupakan salah satu keperluan dan faktor utama untuk menilai kemajuan pembangunan sesebuah bandaraya seperti Putrajaya. PAPSB dilantik oleh PPj sebagai pengendali yang bertanggungjawab melaksanakan perkhidmatan pengangkutan awam di Putrajaya bermula tahun 2007. Antara objektif PAPSB adalah mewujudkan perkhidmatan pengangkutan bas henti-henti yang cekap, selesa dan efisyen bagi memenuhi kehendak pelanggan dan *stakeholder* serta PAPSB berperanan dalam menggalakkan penggunaan pengangkutan awam di Putrajaya. Oleh itu, PAPSB perlu melaksanakan polisi dan objektif Pelan Tindakan Pengangkutan Putrajaya.

11.4.2.2 Polisi Pelan Tindakan Pengangkutan Putrajaya antaranya adalah menggalakkan penggunaan pengangkutan awam untuk mencapai sasaran iaitu 70% pengangkutan awam dan 30% kenderaan persendirian dan mewujudkan rangkaian pengangkutan antara bandar termasuk keretapi ekspres.

11.4.2.3 Pada bulan Julai 2009, Y.A.B Perdana Menteri telah mengumumkan Indeks Prestasi Utama (KPI) 6 teras Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) antaranya ialah menambah baik sistem pengangkutan awam dalam

jangka masa sederhana. Selaras dengan hasrat Kerajaan, PPj telah mengambil inisiatif awal untuk menambah baik sistem pengangkutan awam di Putrajaya. PPj telah menyediakan Rancangan Struktur dengan Visi ‘Putrajaya Mampan 2025’ dan menggariskan polisi pembangunan dan polisi ke-6 bagi melaksanakan sistem pengangkutan bersepadu.

#### **a. Prestasi Perkhidmatan Bas**

- i. Perkhidmatan bas yang dikendalikan oleh PAPSB bukan berdasarkan keuntungan sebagaimana sesebuah entiti perniagaan. Sehubungan itu, PPj memberi peruntukan bagi menampung kos operasi PAPSB. Purata subsidi tambang yang diberi kepada pengguna adalah sejumlah RM1.70 dan pengguna hanya membayar RM0.50 sahaja daripada tambang penuh berjumlah RM2.20 sehala. Secara keseluruhannya, pendapatan kutipan tambang bas sebenarnya tidak mampu menampung kos operasi bas. Pendapatan, perbelanjaan dan kerugian dari operasi perkhidmatan bas bagi tahun 2008 sehingga 2012 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 11.4**  
**PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN KERUGIAN OPERASI BAS**  
**BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2012**

AKTIVITI	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Pendapatan Tambang Bas	1.35	1.63	1.85	2.12	2.12	9.07
Perbelanjaan Operasi Bas	7.17	9.28	14.08	17.67	19.61	67.81
Kerugian Operasi Bas	5.82	7.65	12.23	15.55	17.49	58.74

*Sumber: Bahagian Pengangkutan dan Trafik Perbadanan Putrajaya*

- ii. Semakan Audit mendapati operasi perkhidmatan bas telah mengalami kerugian dari tahun 2008 sehingga 2012. Jumlah kerugian operasi bas sepanjang tempoh 5 tahun berjumlah RM58.74 juta disebabkan kadar tambang bas yang rendah iaitu RM0.50 bagi penumpang dewasa dan RM0.30 bagi kanak-kanak yang tidak pernah dikaji semula sejak tahun 2007. Ia juga disebabkan oleh peningkatan kos operasi bas seperti bahan api, penyenggaraan dan penyediaan kemudahan lain.

#### **b. Sasaran Penumpang, Kutipan Tambang Dan Trip**

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menetapkan syarikat yang terlibat dalam kegiatan sosial, pencapaian objektif dan implikasi kewangannya perlu diperjelaskan. Ini adalah bagi mengimbangkan pencapaian objektif sosial dengan prestasi kewangan. Sasaran tahunan penumpang, kutipan tambang dan *trip* adalah asas dalam mengukur prestasi dan kemajuan operasi perkhidmatan

bas bagi menentukan objektif Pelan Tindakan Pengangkutan Putrajaya dapat dicapai. Operasi perkhidmatan bas Nadi Putra menawarkan 2 jenis lalulan kepada penduduk Putrajaya iaitu laluan tetap dan laluan terus. Laluan tetap adalah laluan rutin yang mengikut jadual ditetapkan. Laluan terus adalah laluan ekspres waktu puncak pagi dari kawasan perumahan terus ke pejabat dan pada waktu puncak petang dari pejabat ke kawasan perumahan. Sehingga bulan Disember 2012, terdapat 23 laluan tetap dan 23 laluan terus telah beroperasi. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- i. PAPSB tidak menetapkan sasaran tahunan bilangan penumpang walaupun jumlah penumpang meningkat setiap tahun sejak tahun 2008. Bilangan penumpang pada tahun 2009 telah meningkat seramai 660,073 orang atau 25.9% berbanding tahun 2008, meningkat seramai 567,588 orang atau 17.7% pada tahun 2010, meningkat seramai 481,883 orang atau 12.8% pada tahun 2011 dan meningkat seramai 343,537 orang atau 8.1% tahun 2012. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 11.5  
PENINGKATAN PENUMPANG BAS  
BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2012**

TAHUN	PENCAPAIAN SEBENAR (Penumpang)	PRESTASI	
		PENINGKATAN (Penumpang)	PERATUS (%)
2007	1,848,622	-	-
2008	2,545,358	696,736	37.7
2009	3,205,431	660,073	25.9
2010	3,773,019	567,588	17.7
2011	4,254,902	481,883	12.8
2012	4,598,439	343,537	8.1

*Sumber: Unit Operasi Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn. Berhad*

- ii. PAPSB juga tidak menetapkan sasaran tahunan kutipan tambang. Peningkatan jumlah kutipan tambang pada tahun 2008 adalah sejumlah RM344,340 atau 37.8%. Trend jumlah kutipan tambang terus meningkat setiap tahun iaitu tahun 2009 sejumlah RM255,701 atau 20.4%, tahun 2010 sejumlah RM178,739 atau 11.8%, tahun 2011 sejumlah RM295,880 atau 17.5% dan tahun 2012 sejumlah RM123,769 atau 6.2%. Peningkatan ini disebabkan pertambahan bilangan bas, laluan baru dan bilangan penduduk. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 11.6**  
**PENINGKATAN KUTIPAN TAMBANG BAS**  
**BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2012**

TAHUN	KUTIPAN TAMBANG SEBENAR (RM)	PENINGKATAN	
		(RM)	(%)
2007	911,748	-	-
2008	1,256,088	344,340	37.8
2009	1,511,789	255,701	20.4
2010	1,690,528	178,739	11.8
2011	1,986,408	295,880	17.5
2012	2,110,177	123,769	6.2

Sumber: Unit Kewangan Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn. Berhad

- iii. Sasaran *trip* mengikut laluan tetap adalah pada jarak masa 30 minit bagi setiap hari beroperasi manakala sasaran laluan terus ditetapkan pada waktu puncak pagi dan petang sahaja. Pada tahun 2012, semua laluan terus telah mencapai sasaran melebihi 100%. Bagaimanapun, sebanyak 12 daripada 23 laluan tetap tidak mencapai sasaran disebabkan kekurangan pemandu bas. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 11.7**  
**SASARAN BERBANDING *TRIP* SEBENAR**  
**MENGIKUT LALUAN TETAP BAGI TAHUN 2012**

BIL.	LALUAN TETAP	SASARAN <i>TRIP</i> (Bil.)	<i>TRIP</i> SEBENAR (Bil.)	PENCAPAIAN (%)
1.	400	10,980	16,696	152.1
2.	100	10,980	15,148	138.0
3.	500	10,980	14,447	131.6
4.	600	10,980	14,152	128.9
5.	601	10,836	13,965	128.9
6.	700	10,728	13,280	123.8
7.	401	10,980	13,335	121.4
8.	501	10,980	13,320	121.3
9.	301	10,728	12,205	113.8
10.	701	10,728	12,093	112.7
11.	101	10,764	10,788	100.2
12.	200	10,980	10,911	99.4
13.	402	10,836	10,577	97.6
14.	403	10,764	10,233	95.1
15.	102	10,836	9,342	86.2
16.	903	4,347	3,670	84.4
17.	300	10,764	8,607	80.0

BIL.	LALUAN TETAP	SASARAN TRIP (Bil.)	TRIP SEBENAR (Bil.)	PENCAPAIAN (%)
18.	902	4,368	3,421	78.3
19.	103	10,836	8,475	78.2
20.	905	9,639	7,527	78.1
21.	502	10,692	8,236	77.0
22.	104	10,908	7,434	68.2
23.	901	5,100	3,243	63.6
<b>JUMLAH</b>		<b>229,734</b>	<b>241,105</b>	<b>104.9</b>

*Sumber: Bahagian Pengangkutan dan Trafik Perbadanan Putrajaya*

**Pada pendapat Audit, sasaran tahunan bilangan penumpang dan kutipan tambang perlu ditetapkan sebagai asas pengukuran pencapaian objektif dan hala tuju Pelan Tindakan Pengangkutan Putrajaya. Selain itu, sasaran trip yang dirancang perlu dikaji semula terhadap laluan yang perlu ditambah atau dikurangkan supaya jadual perjalanan bas menjadi lebih efektif dan berekonomi serta mengelakkan pembaziran.**

#### **Maklum Balas Daripada PAPSB Diterima Pada 17 September 2013.**

*Selari dengan penetapan KPI PPj, PAPSB telah menetapkan sasaran tahunan bilangan penumpang seramai 5 juta orang dan sasaran tahunan kutipan tambang sebanyak RM2.50 juta pada tahun 2013. Penstrukturkan laluan telah dilaksanakan mulai 1 Mac 2013 di mana laluan gabungan telah diperkenalkan bagi mengatasi laluan yang tidak mencapai sasaran trip. Sebanyak 23 laluan asal telah digabungkan menjadi 12 laluan bagi menyelaraskan bilangan bas dan pemandu sekaligus dapat mengatasi masalah kekurangan pemandu. Selain itu, PAPSB juga akan memastikan sasaran jadual perjalanan bas dicapai pada kadar 100% di laluan terus yang mempunyai ramai penumpang manakala laluan tetap pada kadar 90%.*

#### **c. Kadar Bilangan Penumpang Yang Rendah**

Setiap trip bas perlu dirancang dengan teliti supaya mencapai kapasiti bilangan penumpang yang optimum. Ini bagi memastikan perkhidmatan bas yang berkualiti, ekonomi dan cekap serta dapat mengelakkan pembaziran. PAPSB telah menyediakan 23 laluan tetap dan 23 laluan terus bagi memberi perkhidmatan bas kepada pengguna. Pengguna yang memerlukan perkhidmatan bas adalah terdiri daripada penduduk Putrajaya yang berulang-alik ke pejabat, pelajar sekolah dan orang awam. Pihak Audit telah menganalisis kadar purata bilangan penumpang mengikut laluan tetap dan laluan terus bagi tahun 2012. Kapasiti sesebuah bas adalah 40 tempat duduk dan 20 berdiri. Analisis Audit mendapati perkara berikut:

- i. Pada tahun 2012, purata bilangan penumpang bagi 23 laluan tetap adalah seramai 15 orang bagi setiap *trip* iaitu 38.2% daripada kapasiti 40 tempat duduk. Sebanyak 8 laluan tetap mempunyai kadar purata bilangan penumpang yang tidak melebihi seramai 10 orang setiap *trip*. Selain itu, hanya 5 daripada 23 laluan tetap yang mencapai kadar penumpang melebihi 50%. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 11.8**  
**BILANGAN PENUMPANG MENGIKUT LALUAN TETAP PADA TAHUN 2012**

BIL.	LALUAN TETAP	TRIP (Bil.)	JUMLAH TEMPAT DUDUK PENUMPANG (40 Tempat Duduk)	JUMLAH PENUMPANG SEBENAR	PURATA BILANGAN PENUMPANG SETIAP TRIP	KADAR PENUMPANG (%)
1.	501	12,931	517,240	370,818	29	71.7
2.	100	15,117	604,680	428,381	28	70.8
3.	101	10,782	431,280	268,195	25	62.2
4.	300	8,393	335,720	208,794	25	62.2
5.	401	13,263	530,520	300,201	23	56.6
6.	200	10,526	421,040	196,991	19	46.8
7.	500	13,992	559,680	234,501	17	41.9
8.	102	9,981	399,240	163,468	16	40.9
9.	301	11,997	479,880	178,553	15	37.2
10.	601	13,355	534,200	196,458	15	36.8
11.	400	15,761	630,440	230,796	15	36.6
12.	402	11,131	445,240	151,110	14	33.9
13.	903	3,417	136,680	44,428	13	32.5
14.	600	14,096	563,840	176,679	13	31.3
15.	403	10,576	423,040	116,218	11	27.5
16.	701	12,205	488,200	127,906	10	26.2
17.	104	7,425	297,000	60,036	8	20.2
18.	103	8,694	347,760	57,798	7	16.6
19.	902	4,131	165,240	24,889	6	15.1
20.	502	8,879	355,160	47,330	5	13.3
21.	700	13,314	532,560	51,970	4	9.8
22.	901	4,315	172,600	16,373	4	9.5
23.	905	6,273	250,920	21,151	3	8.4
	<b>JUMLAH</b>	<b>240,554</b>	<b>9,622,160</b>	<b>3,673,044</b>	<b>15</b>	<b>38.2</b>

Sumber: Bahagian Pengangkutan Dan Trafik Perbadanan Putrajaya

- ii. Pada tahun 2012, analisis yang dibuat terhadap 11 laluan terus mendapati purata bilangan penumpang adalah seramai 13 orang bagi setiap *trip* atau 33.2% daripada kapasiti 40 tempat duduk. Selain itu, sebanyak 5 laluan terus mempunyai kadar purata penumpang yang tidak melebihi 10 orang setiap *trip*. Purata penumpang pada tahun 2012 bagi 11 laluan terus adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 11.9**  
**BILANGAN PENUMPANG MENGIKUT LALUAN TERUS PADA TAHUN 2012**

BIL.	LALUAN TERUS	TRIP (Bil.)	JUMLAH TEMPAT DUDUK PENUMPANG (40 tempat duduk)	JUMLAH PENUMPANG SEBENAR	PURATA BILANGAN PENUMPANG SETIAP TRIP	KADAR PENUMPANG (%)
1.	959/960	1,248	49,920	26,039	21	52.2
2.	931/932	4,992	199,680	104,029	21	52.1
3.	947/948	2,496	99,840	39,095	16	39.2
4.	951/952	1,248	49,920	14,794	12	29.6
5.	941/942	2,496	99,840	27,538	11	27.6
6.	943/944	2,496	99,840	27,360	11	27.4
7.	949/950	1,248	49,920	11,017	9	22.1
8.	937/938	1,248	49,920	9,355	7	18.7
9.	957/958	1,248	49,920	8,110	6	16.2
10.	939/940	1,248	49,920	7,815	6	15.7
11.	955/956	1,248	49,920	6,490	5	13.0
<b>JUMLAH</b>		<b>21,216</b>	<b>848,640</b>	<b>281,642</b>	<b>13</b>	<b>33.2</b>

Sumber: Bahagian Pengangkutan dan Trafik Perbadanan Putrajaya

**Pada pendapat Audit, laluan yang mempunyai kadar bilangan penumpang yang rendah perlu ditingkatkan dengan mengadakan sistem maklumat yang lebih berkesan supaya pengguna mendapat maklumat yang secukupnya bagi laluan sedia ada. Selain itu, kerjasama dengan Bahagian Pengangkutan dan Trafik PPj adalah perlu untuk menyampaikan maklumat mengenai perjalanan bas kepada orang ramai.**

**Maklum Balas Daripada PAPSB Diterima Pada 17 September 2013.**

**PAPSB telah mengambil langkah bagi meningkatkan kadar bilangan penumpang melalui penyelarasan laluan untuk mengelakkan laluan yang bertindih, menjadualkan semula perjalanan bas bagi mengurangkan jumlah bas yang beroperasi pada waktu luar puncak, menyediakan 4 buah van berkapasiti 15 penumpang untuk menyediakan perkhidmatan ke kawasan yang tidak boleh dilalui oleh bas dan mempertingkatkan sistem maklumat di perhentian bas.**

#### d. Peta Pandu Arah Tidak Disediakan Sepenuhnya

Peta Pandu Arah merupakan maklumat perjalanan yang penting dan perlu diketahui oleh penumpang bas. Ia memberi maklumat seperti peta Putrajaya, kedudukan hentian bas, jadual perjalanan, nombor bas dan arah laluan yang lengkap dan tepat. Sehingga bulan Disember 2012, sebanyak 302 hentian bas di kawasan Putrajaya telah dibina oleh PPj. Semakan Audit mendapati hanya 100 daripada 302 hentian bas sahaja dilengkapi dengan Peta Pandu Arah manakala baki sebanyak 202 masih belum disediakan. Semakan lanjut mendapati Peta Pandu Arah yang disediakan adalah terlalu umum dan terdapat pengguna bas sukar mendapatkan maklumat untuk mengetahui laluan bas ke tempat yang ingin dilawati. Butiran lanjut mengenai hentian bas adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 11.10  
PETA PANDU ARAH DI HENTIAN BAS**

BIL.	HENTIAN BAS	DILENGKAPI PETA PANDU ARAH	TIDAK DILENGKAPI PETA PANDU ARAH	JUMLAH
1.	Perhentian Bas Berbumbung	100	68	168
2.	Perhentian Bas Tidak Berbumbung	0	104	104
3.	Tiang Perhentian Bas	0	23	23
4.	Bas Berhenti Bukan Perhentian Bas	0	7	7
JUMLAH		100	202	302

Sumber: Bahagian Pengangkutan dan Trafik Perbadanan Putrajaya

**GAMBAR 1  
Hentian Bas Tidak Mempunyai  
Peta Pandu Arah**



Lokasi: Presint 11 Jalan J  
Tarikh: 6 Disember 2012

**GAMBAR 2  
Hentian Bas Yang Dilengkapi  
Peta Pandu Arah**



Lokasi: Hentian Bas Jalan P9  
Tarikh: 10 Disember 2012

Pada pendapat Audit, PAPSB dan PPj perlu mempromosikan maklumat mengenai perjalanan bas supaya perkhidmatan bas ini diketahui umum terutama kepada penduduk dan pelancong di Putrajaya. Peta Pandu Arah yang lengkap dengan maklumat perjalanan dan mesra pelanggan hendaklah disediakan terutama di perhentian dan di dalam bas.

**Maklum Balas Daripada PAPSB Diterima Pada 7 Mac 2013.**

*PAPSB memaklumkan maklumat perkhidmatan bas akan dipertingkatkan. Peta Pandu Arah yang baru sedang disediakan supaya lebih mudah untuk difahami oleh penumpang. Brosur yang mesra pengguna juga akan disediakan terutamanya bagi kegunaan orang awam yang jarang menggunakan perkhidmatan bas Nadi Putra.*

**e. Penggunaan Pas Bulanan Menurun**

PAPSB telah melancarkan pas bulanan mulai bulan September 2008 bertujuan untuk menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan bas iaitu tanpa menghadkan bilangan laluan dan bas yang dinaiki. Kadar pas bulanan untuk dewasa adalah RM20 dan kanak-kanak RM10 bagi tempoh 35 hari yang lebih murah serta menjimatkan. Semakan Audit mendapati jualan pas bulanan pada tahun 2010 adalah sejumlah RM261,372 dan menurun mulai tahun 2011 iaitu sejumlah RM159,986 serta diikuti tahun 2012 sejumlah RM118,183. Selain itu, kekerapan penggunaan pas bulanan turut menurun daripada sebanyak 807,436 kali pada tahun 2010 kepada 402,128 kali atau 50.2% pada tahun 2012. Penurunan ini disebabkan kurangnya promosi dan kemudahan mesin tambah nilai yang terhad kerana hanya 7 mesin tambah nilai disediakan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 11.11  
PENGUNAAN PAS BULANAN BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2012**

TAHUN	JUALAN (RM)	KEKERAPAN PENGGUNAAN PAS BULANAN	PRESTASI PENGGUNAN PAS BULANAN	
			PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	PERATUS (%)
2008	30,685	55,494	-	-
2009	197,064	471,147	415,653	749.0
2010	261,372	807,436	336,289	71.4
2011	159,986	446,769	(360,667)	(44.7)
2012	118,183	402,128	(44,641)	(9.9)

Sumber: Unit Kewangan Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn. Berhad

Pada pendapat Audit, promosi penggunaan pas bulanan perlu ditingkatkan bagi menambah penggunaannya dan diperluaskan kepada pakej keluarga bagi menggalakkan penduduk Putrajaya serta orang awam menggunakan perkhidmatan bas.

**Maklum Balas Daripada PAPSB Diterima Pada 7 Mac 2013.**

*PAPSB memaklumkan Unit Pemasaran akan merangka strategi pemasaran yang lebih berkesan bagi meningkatkan penggunaan pas bulanan di kalangan penumpang baru dan sedia ada. Selain itu, sebanyak 7 mesin tambah nilai akan diletakkan di lokasi yang bersesuaian bagi memudahkan penumpang membuat urusan tambah nilai.*

*PAPSB bersetuju untuk memperkenalkan beberapa jenis penggunaan kad yang lebih komersial sebagai contoh kad harian dan pakej keluarga dengan kadar yang berpatutan. Perancangan semasa PAPSB juga turut mencadangkan perkhidmatan bas Nadi Putra yang berfungsi sebagai bas pelancong di tempat yang menarik dilawati di sekitar Putrajaya bagi menggalakkan penduduk Putrajaya dan pelancong menggunakan perkhidmatan bas Nadi Putra.*

**f. Tuntutan Tidak Mengikut Kadar Yang Ditetapkan**

- i. PPj telah melantik PAPSB bagi mengendalikan perkhidmatan bas di kawasan Putrajaya melalui Perjanjian Operasi yang ditandatangani pada 10 Oktober 2007. Operasi perkhidmatan bas perlu dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi perjanjian ini. Perkara yang dinyatakan dalam Perjanjian Operasi antaranya adalah bas Nadi Putra dimiliki oleh PPj, tuntutan kos sebenar PAPSB dibayar oleh PPj bagi tujuan perkhidmatan dan tuntutan oleh PAPSB mengikut kadar tetap kos yang dibelanjakan. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

**JADUAL 11.12  
PERBELANJAAN MENGIKUT PERJANJIAN OPERASI**

BIL.	JENIS PERBELANJAAN	KADAR TETAP
1.	Kos Pemandu	RM2,450 seorang/sebulan
2.	Kos Pengurusan	RM1,450 (50 bas pertama) RM600 (setiap bas berikutnya)
3.	Kos Penggantian Tayar	RM23,000 setiap bas/ setahun

Sumber : Perjanjian Operasi

- ii. Mengikut Perjanjian Operasi, PAPSB boleh menuntut bayaran kadar tetap mulai bulan Mei 2007. Sehingga bulan Julai 2010, PAPSB telah membuat tuntutan sejumlah RM13.90 juta berbanding kadar tetap sejumlah RM16.49 juta dengan kekurangan tuntutan sejumlah RM2.59 juta. Bagaimanapun, mulai bulan Ogos 2010, PPj telah memutuskan supaya tuntutan dibuat secara perbelanjaan sebenar. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 11.13  
BAYARAN KADAR TETAP TERKURANG TUNTUT**

JENIS TUNTUTAN	2007* (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)	2010** (RM)	JUMLAH (RM)
Sepatut Tuntut (Kadar Tetap)	2,627,364	4,330,116	5,348,469	4,179,731	16,485,680
Tuntutan Sebenar	2,626,911	3,738,427	4,319,851	3,210,592	13,895,781
Kekurangan Tuntutan	453	591,689	1,028,618	969,139	2,589,899

*Sumber: Unit Kewangan Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn. Berhad*

*Nota: \* Mei hingga Disember \*\* Januari hingga Julai*

- iii. Semakan lanjut mendapati kekurangan tuntutan ini adalah kerana kadar yang ditetapkan mengikut perjanjian telah dikurangkan disebabkan oleh perbezaan tafsiran antara Perjanjian Operasi dengan Kertas Cadangan Mesyuarat Anggota PPj mengenai perkiraan kos untuk menetapkan harga kontrak. Selain itu, harga kontrak kos penggantian tayar sejumlah RM23,000 setahun untuk setiap bas adalah tinggi. Bagaimanapun, kadar tersebut telah dikurangkan kepada RM13,000 setahun mulai bulan Ogos 2008 bagi setiap bas. Kos pemandu berjumlah RM2,450 sebulan juga dituntut mengikut perbelanjaan sebenar gaji bersih pemandu.

**Pada pendapat Audit, PPj dan PAPSB perlu menyediakan perjanjian tambahan terlebih dahulu sebelum melaksanakan sebarang perubahan yang boleh mengakibatkan pelanggaran syarat dan termasuk perjanjian bagi menjamin kepentingan semua pihak.**

**Maklum Balas Daripada PAPSB Diterima Pada 7 Mac 2013.**

**PAPSB memaklumkan perkara ini wujud disebabkan tafsiran yang berbeza oleh Pengarah Syarikat yang menghendaki supaya kos tuntutan dikurangkan bagi tujuan penjimatan. Mulai 1 Januari 2013, Pengerusi PAPSB telah melaksanakan transformasi terhadap PAPSB dengan menjana keuntungan bagi mengurangkan kos dan kebergantungan kepada PPj. Sehubungan itu, perjanjian baru di antara PAPSB dan PPj akan disediakan dan isu perbezaan tuntutan ini tidak akan berlaku kerana PPj akan menyediakan geran secara tahunan.**

## **11.5 SYOR AUDIT**

Pihak Audit mengesyorkan PPj dan PAPSB memberi pertimbangan kepada perkara berikut:

- 11.5.1 PPj dan PAPSB hendaklah mengkaji semula tambang bas yang tidak pernah dinaikkan sejak mula beroperasi.
- 11.5.2 PAPSB hendaklah menetapkan sasaran tahunan bilangan penumpang dan tambang serta mengkaji semula laluan *trip* bas yang perlu ditambah atau dikurangkan supaya lebih berekonomi dan efektif.
- 11.5.3 PPj dan PAPSB hendaklah meningkatkan promosi kepada penduduk Putrajaya untuk menggunakan perkhidmatan bas supaya bilangan penumpang dapat ditingkatkan.
- 11.5.4 PAPSB hendaklah memperbaiki sistem maklumat dengan melengkapkan Peta Pandu Arah di setiap hentian bas dan juga di dalam bas.
- 11.5.5 PPj dan PAPSB hendaklah menyediakan perjanjian tambahan bagi sebarang perubahan terhadap tuntutan operasi bas.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Tahun 2012 Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 3.

## **PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH**

### **12. PENGURUSAN RISDA SEMAIAN DAN LANDSKAP SDN. BERHAD**

#### **12.1 LATAR BELAKANG**

12.1.1 RISDA Semaian Dan Landskap Sdn. Berhad (RISDA Semaian) merupakan syarikat subsidiari milikan penuh RISDA yang telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 31 Julai 1979. Modal dibenarkan RISDA Semaian berjumlah RM6 juta dan modal berbayar berjumlah RM4 juta. Tujuan utama penubuhan RISDA Semaian adalah untuk menyedia dan membekalkan anak benih getah dan sawit berkualiti tinggi kepada pekebun kecil yang menyertai Rancangan Tanam Semula RISDA. Rancangan ini diperkenalkan pada tahun 1952 bertujuan untuk membolehkan pekebun kecil yang mempunyai kebun getah tua dan tidak ekonomik menanam semula dengan klon baru bagi memberikan hasil dan pulangan yang lebih baik. Melalui rancangan ini, pekebun kecil menerima bantuan dalam bentuk wang tunai, benih, baja dan khidmat nasihat.

12.1.2 RISDA Semaian mempunyai 7 ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada 3 wakil RISDA, seorang wakil Lembaga Getah Malaysia, seorang wakil Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan seorang wakil Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah serta seorang wakil daripada ahli profesional. Pengurusan RISDA Semaian diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 160 kakitangan. RISDA Semaian mempunyai pejabat negeri di Sarawak, Sabah, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Kedah, Perak dan Putrajaya serta 5 jabatan yang berfungsi seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.1  
FUNGSI JABATAN**

BIL.	JABATAN	FUNGSI JABATAN
1.	<b>Pentadbiran Dan Pengurusan Sumber Manusia</b>	i. Merancang, menyedia dan melaksanakan pelan tindakan pentadbiran dan pembangunan sumber manusia termasuk tenaga buruh serta program <i>Corporate Social Responsibility</i> dan program imej korporat syarikat. ii. Merancang dan menyelaras keperluan tenaga kerja ladang.
2.	<b>Kewangan Dan Belanjawan</b>	i. Merancang, menyedia dan melaksanakan pelan tindakan kewangan dan belanjawan. ii. Merancang serta memantau sistem perakaunan, kewangan dan belanjawan. iii. Menyelaras dan melaksana laporan kewangan syarikat dan Skim 1956/1959.

BIL.	JABATAN	FUNGSI JABATAN
3.	<b>Korporat Dan Pemasaran</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Merancang, menyedia dan melaksanakan pelan tindakan pemasaran produk syarikat termasuk ladang milik Skim.</li> <li>ii. Memberi maklumat pemasaran harga semasa, gred getah dan sawit serta memantau harga belian dan jualan benih termasuk komoditi ladang.</li> <li>iii. Analisis dan kajian pasaran serta menyelia laporan kemajuan hasil pasaran pada setiap bulan.</li> </ul>
4.	<b>Pengurusan Benih Dan Semaian</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Merancang dan menyelia pelan tindakan pengurusan benih dan semaian serta kemudahan kediaman pekerja termasuk belanjawan tahunan.</li> <li>ii. Mengurus dan menyelaras urusan perolehan sumber benih untuk tapak pengeluaran benih.</li> <li>iii. Merangka program Ladang Biji Benih serta aktiviti Makmal RISDA Seed's.</li> </ul>
5.	<b>Pengurusan Ladang</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Merancang dan menyediakan pelan tindakan pengurusan ladang serta kemudahan kediaman staf dan pekerja termasuk belanjawan tahunan;</li> <li>ii. Menyelia aktiviti pembangunan dan pengeluaran hasil ladang.</li> <li>iii. Merancang dan melaksana program penyelidikan dan pembangunan dalam pengurusan ladang.</li> </ul>

Sumber: Jabatan Pentadbiran Dan Pengurusan Sumber Manusia

## 12.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan, pengurusan aktiviti RISDA Semaian, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

## 12.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan bagi tahun 2008 sehingga 2012. Semakan Audit telah dibuat terhadap dokumen, fail dan laporan serta temu bual dengan pegawai yang terlibat dengan pengurusan benih dan semaian. Lawatan juga telah dibuat ke Pejabat RISDA Semaian di Negeri Perak, Johor dan Sabah.

## 12.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan November sehingga Disember 2012 mendapati prestasi kewangan dan tadbir urus korporat RISDA Semaian adalah baik manakala pengurusan kewangan dan aktiviti adalah memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- i. Perjanjian Bekalan Benih Getah yang ditandatangani pada Januari 2012 menetapkan RISDA Semaian perlu membekalkan sebanyak 24 juta anak benih getah kepada RISDA. Bagaimanapun RISDA Semaian hanya menetapkan sasaran untuk membekalkan anak benih getah sebanyak 16.80 juta pokok dan prestasi pencapaiannya pada tahun 2012 hanya 12.31 juta atau 73.3%.

- ii. RISDA Semaian tidak dapat mengeluarkan biji getah yang disasarkan kerana *seed garden* hanya menyumbang 28% daripada jumlah keseluruhan bekalan biji getah. RISDA Semaian bergantung kepada pembelian biji getah daripada sumber luar yang secara tidak langsung telah menjaskankan penghasilan anak benih getah yang berkualiti.
- iii. RISDA Semaian Negeri Sabah hanya berupaya menghasilkan 1.10 juta pokok atau 21% daripada sasaran yang ditetapkan melalui usaha ladang RSSB. Ini adalah kerana syarikat tersebut tidak mempunyai tanah untuk dijadikan tapak semaian sendiri dan kontraktor yang dilantik kurang atau tiada pengalaman menguruskan tapak semaian. RISDA Semaian terpaksa bergantung kepada bekalan anak benih getah daripada kontraktor luar.
- iv. Penghutang RISDA Semaian adalah berjumlah RM3.41 juta setakat 31 Disember 2012 dan sejumlah RM1.55 juta atau 45.5% daripadanya telah melebihi 90 hari.
- v. Pengurusan aset adalah kurang memuaskan di mana rekod aset tidak lengkap dan kemas kini. Butiran mengenai aset seperti lokasi, tanda pengenal dan kos tidak dinyatakan dalam rekod aset.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

#### **12.4.1 Prestasi Kewangan**

Analisis kewangan telah dibuat berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2008 sehingga 2012. Analisis trend dan nisbah digunakan untuk menilai prestasi kewangan syarikat. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan RISDA Semaian bagi tahun 2008 sehingga 2012 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.2  
PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN KEUNTUNGAN RISDA SEMAIAN  
BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2012**


BUTIRAN	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
Jumlah Pendapatan	47.64	53.33	48.60	46.82	95.18
Jumlah Perbelanjaan	45.11	50.44	47.43	44.09	89.07
<b>Keuntungan Sebelum Cukai Dan Zakat</b>	<b>2.53</b>	<b>2.89</b>	<b>1.17</b>	<b>2.73</b>	<b>6.11</b>
Cukai	1.05	0.74	0.91	0.84	2.12
Zakat	-	0.01	0.04	0.05	0.15
<b>Keuntungan Bersih Selepas Cukai Dan Zakat</b>	<b>1.48</b>	<b>2.14</b>	<b>0.22</b>	<b>1.84</b>	<b>3.84</b>
Dividen	-	0.08	0.15	0.04	0.04
<b>Keuntungan Bersih Selepas Cukai, Zakat Dan Dividen</b>	<b>1.48</b>	<b>2.06</b>	<b>0.07</b>	<b>1.80</b>	<b>3.80</b>
<b>Keuntungan Terkumpul</b>	<b>0.15</b>	<b>2.21</b>	<b>2.28</b>	<b>4.08</b>	<b>7.88</b>

Sumber : Penyata Kewangan Syarikat

#### **12.4.1.1 Analisis Trend**


- a. RISDA Semaian memperoleh keuntungan selepas cukai dan zakat bagi tempoh 2008 sehingga 2012. Keuntungan selepas cukai dan zakat meningkat kepada RM2.14 juta pada tahun 2009 berbanding RM1.48 juta pada tahun 2008. Pada tahun 2012, keuntungan selepas cukai dan zakat meningkat kepada RM3.84 juta berbanding RM1.84 juta pada tahun 2011. Sehingga 31 Disember 2012, keuntungan terkumpul RISDA Semaian adalah berjumlah RM7.88 juta.
- b. Pendapatan utama RISDA Semaian adalah daripada jualan benih tanaman, buah tandan segar kelapa sawit dan getah skrap, perniagaan seni bina landskap serta menyediakan perkhidmatan pengurusan kepada RISDA Skim 1956 dan RISDA Skim 1959. Pendapatan RISDA Semaian pada tahun 2008 adalah sejumlah RM47.64 juta meningkat kepada RM53.33 juta pada tahun 2009, menurun kepada RM48.60 juta pada tahun 2010 dan menurun kepada RM46.82 juta pada tahun 2011. Ini disebabkan penurunan pendapatan hasil jualan anak benih tanaman, buah tandan segar kelapa sawit dan getah skrap. Pendapatan pada tahun 2012 meningkat 103.3% kepada RM95.18 juta.
- c. Perbelanjaan RISDA Semaian meliputi pembelian benih tanaman luar, kos jualan, belanja pentadbiran dan kos kewangan. Perbelanjaan RISDA Semaian pada tahun 2008 adalah sejumlah RM45.11 juta meningkat kepada RM50.44 juta pada tahun 2009, menurun kepada RM47.43 juta pada tahun 2010 dan menurun kepada RM44.09 juta pada tahun 2011. Pada tahun 2012, perbelanjaan meningkat kepada RM89.07 juta sejajar dengan peningkatan pendapatan. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 12.1**  
**PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN**  
**RISDA SEMAIAN BAGI TAHUN BERAKHIR**  
**31 DISEMBER 2008 SEHINGGA 2012**



Sumber : Penyata Kewangan Syarikat

**CARTA 12.2**  
**KEUNTUNGAN DAN KEUNTUNGAN TERKUMPUL**  
**RISDA SEMAIAN BAGI TAHUN BERAKHIR**  
**31 DISEMBER 2008 SEHINGGA 2012**



Sumber : Penyata Kewangan Syarikat

#### 12.4.1.2 Analisis Nisbah Kewangan

Semakan terhadap penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2008 sehingga 2012 bertujuan menentukan tahap prestasi kewangan RISDA Semaian yang meliputi nisbah semasa, margin untung bersih, pulangan atas ekuiti dan nisbah hutang. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.3**  
**ANALISIS NISBAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008 SEHINGGA 2012**

BIL.	BUTIRAN	TAHUN KEWANGAN				
		2008	2009	2010	2011	2012
1.	Nisbah Semasa	1.06:1	1.13:1	1.11:1	1.12:1	1.15:1
2.	Margin Untung Bersih (%)	3.1	4.0	0.5	3.9	4.0
3.	Pulangan Atas Ekuiti (%)	36.9	53.5	5.5	46.0	95.9
4.	Nisbah Hutang (%)	88.3	84.8	86.5	84.0	84.2

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

### **a. Nisbah Semasa**

Nisbah semasa adalah ukuran yang digunakan bagi menilai kekuahan kewangan syarikat. Nisbah ini menunjukkan kemampuan syarikat menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan liabiliti semasa. Nisbah semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai kecairan yang tinggi dan berupaya menampung liabiliti semasanya. Secara keseluruhannya, pencapaian nisbah semasa bagi tahun kewangan 2008 sehingga 2012 adalah pada tahap sederhana. Nisbah semasa RISDA Semaian menunjukkan penurunan daripada 1.13 kali pada tahun 2009 kepada 1.11 kali pada tahun 2010 dan 1.12 kali pada tahun 2011. Pada tahun 2012, nisbah semasa meningkat kepada 1.15 kali. Nisbah semasa RISDA Semaian yang lebih daripada satu pada tahun 2008 sehingga 2012 menunjukkan syarikat masih berupaya untuk memenuhi tanggungan jangka pendeknya.

### **b. Margin Untung Bersih**

Margin untung bersih menunjukkan keupayaan syarikat untuk menjana keuntungan bagi pendapatan yang diperoleh. Margin untung bersih RISDA Semaian telah meningkat daripada 3.1% pada tahun 2008 kepada 4% pada tahun 2009. Bagaimanapun, margin untung bersih menurun kepada 0.5% pada tahun 2010 sebelum meningkat semula kepada 3.9% pada tahun 2011. Penurunan margin untung bersih pada tahun 2010 disebabkan oleh penurunan ketara perubahan dalam inventori benih tanaman. Pada tahun 2012, margin untung bersih meningkat kepada 4% disebabkan pertambahan dalam pendapatan syarikat.

### **c. Pulangan Atas Ekuiti**

Pulangan atas ekuiti bertujuan untuk mengukur pulangan ke atas modal syarikat iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi pelaburan yang telah dibuat. Pada umumnya, semakin tinggi peratusan pulangan atas ekuiti menunjukkan prestasi syarikat semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat berupaya menghasilkan keuntungan yang tinggi kepada pemegang saham. Pulangan atas ekuiti RISDA Semaian pada tahun 2008 adalah sebanyak 36.9% meningkat kepada 53.5% pada tahun 2009 sebelum mengalami penurunan ketara kepada 5.5% pada tahun 2010. Pulangan atas ekuiti RISDA Semaian menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu sebanyak 46% pada tahun 2011 dan 95.9% pada tahun 2012 disebabkan peningkatan keuntungan syarikat. Pulangan atas ekuiti yang positif menunjukkan RISDA Semaian berupaya memberi dividen sejumlah RM0.04 juta pada tahun 2012 kepada pemegang saham.

#### **d. Nisbah Hutang**

Analisis nisbah hutang dibuat bagi menilai kestabilan syarikat dengan membandingkan jumlah liabiliti dan jumlah aset syarikat. Mengikut piawaian industri, jika nisbah hutang adalah kurang daripada 50%, sesebuah syarikat boleh dianggap *prudent* dan stabil. Nisbah hutang RISDA Semaian bagi tempoh 2008 sehingga 2012 adalah tidak memuaskan iaitu antara 84% hingga 88.3%. Nisbah hutang RISDA Semaian menunjukkan trend menurun iaitu 88.3% pada tahun 2008 kepada 84.2% pada tahun 2012. Penurunan ini disebabkan peningkatan jumlah aset tetap dan inventori serta penurunan jumlah Akaun Belum Bayar Dagangan dan Overdraft Bank.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan RISDA Semaian pada tahun 2008 sehingga 2012 adalah baik. RISDA Semaian telah mencatat keuntungan bersih berturut-turut bagi tempoh 2008 sehingga 2012 dan mencatatkan peningkatan dalam keuntungan terkumpulnya. Bagaimanapun, nisbah hutang syarikat melebihi 50% menunjukkan syarikat bergantung kepada pinjaman untuk menjalankan operasinya.**

#### **12.4.2 Pengurusan Aktiviti**

- a. Sehingga 31 Disember 2012, RISDA Semaian menguruskan tapak semaian seluas 636.22 hektar bagi semaian anak benih getah dan kelapa sawit yang terletak di 7 negeri iaitu Pahang, Johor, Perak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Melaka. Seluas 348.96 hektar atau 54.8% tapak semaian digunakan untuk semaian anak benih getah manakala tapak semaian seluas 287.26 hektar atau 45.2% pula dikhaskan untuk semaian benih kelapa sawit. RISDA Semaian menyediakan anak benih getah daripada pelbagai klon bermutu tinggi iaitu PB 260, PB 350, RRIM 928, RRIM 929, RRIM 2002, RRIM 2025 dan RRIM 3001. Kaedah pengeluaran anak benih getah adalah melalui Benih Cantuman Muda Polibeg (BCMP), Tunggul Cantuman Polibeg (TCP), Tunggul Cantuman Biasa (TCB) dan *Advance Planting Material* (APM). Keluasan tapak semaian di setiap negeri mengikut jenis benih semaian adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.4**  
**KELUASAN TAPAK SEMAIAN SETIAP NEGERI**  
**MENGIKUT JENIS BENIH SEMAIAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2012**

BIL.	NEGERI	KELUASAN	
		GETAH (Hektar)	SAWIT (Hektar)
1.	Pahang	74.47	122.63
3.	Perak	71.72	82.93
2.	Johor	64.93	31.32
6.	Kedah	47.43	-
5.	Terengganu	36.46	5.50
4.	Kelantan	27.09	27.20
7.	Melaka	26.86	17.68
<b>JUMLAH</b>		<b>348.96</b>	<b>287.26</b>

*Sumber: Jabatan Pengurusan Benih Dan Semaian*

- b. Perjanjian bekalan anak benih getah antara RISDA dan RISDA Semaian telah ditandatangani pada Januari 2012 bagi tempoh 2 tahun mulai 1 Januari 2012 sehingga 31 Disember 2013. Melalui perjanjian ini, RISDA telah melantik RISDA Semaian bagi menyediakan anak benih getah dan sawit untuk bekalan mengikut tempoh dan jumlah yang ditetapkan oleh RISDA. Perjanjian tersebut menetapkan keperluan anak benih getah sebanyak 24 juta pokok dan anak benih sawit sebanyak 1.50 juta pokok pada tahun 2012.

#### **12.4.2.1 Pengeluaran Anak Benih Getah Tidak Mencapai Sasaran**

- a. Penetapan sasaran pengeluaran anak benih getah dibuat semasa pembentangan dan kelulusan bajet tahunan RISDA Semaian. Penetapan sasaran tahunan dibuat berdasarkan kepada keperluan benih bagi Rancangan Tanam Semula Tahunan bagi Pekebun Kecil RISDA di samping menyelaraskan dengan kapasiti pengeluaran benih mengikut tapak semaihan RISDA Semaian. Prestasi pengeluaran anak benih getah RISDA Semaian dari tahun 2010 sehingga 2012 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.5**  
**PRESTASI PENGELOUARAN ANAK BENIH GETAH**  
**BAGI TAHUN 2010 SEHINGGA 2012**

BIL	NEGERI	TAHUN 2010			TAHUN 2011			TAHUN 2012		
		SASARAN POKOK (Juta)	SEBENAR POKOK (Juta)	PENCAPAIAN (%)	SASARAN POKOK (Juta)	SEBENAR POKOK (Juta)	PENCAPAIAN (%)	SASARAN POKOK (Juta)	SEBENAR POKOK (Juta))	PENCAPAIAN (%)
1.	Sabah	Tiada	Tiada	-	Tiada	Tiada	-	0.65	1.95	300.7
2.	Sarawak	Tiada	0.12	-	Tiada	0.34	-	0.95	1.95	205.7
3.	Kelantan	2.21	1.61	73.0	1.32	1.02	77.6	2.00	1.71	85.6
4.	Kedah	2.50	1.28	51.1	1.57	0.89	56.8	2.00	1.70	84.9
5.	Pahang	2.70	1.98	73.4	1.34	1.19	88.7	2.60	1.77	67.9
6.	Terengganu	0.80	0.66	82.9	0.32	0.49	152.6	1.40	0.72	51.1
7.	Melaka	1.58	0.83	52.5	1.71	0.58	33.7	2.00	0.83	41.5
8.	Perak	1.50	0.67	45.0	0.92	0.53	57.9	2.60	0.91	35.0
9.	Johor	2.02	0.84	41.5	0.48	0.46	96.5	2.60	0.77	29.5
<b>JUMLAH</b>		<b>13.31</b>	<b>7.99</b>	<b>60.1</b>	<b>7.66</b>	<b>5.50</b>	<b>71.8</b>	<b>16.80</b>	<b>12.31</b>	<b>73.3</b>

*Sumber: Data Daripada Sistem e-Benih*

- b. Semakan Audit mendapati pengeluaran anak benih getah bagi tahun 2010 sehingga 2012 tidak mencapai sasaran pengeluaran yang ditetapkan. Pengeluaran anak benih getah pada tahun 2010 adalah sebanyak 7.99 juta pokok atau 60.1%, pada tahun 2011 adalah sebanyak 5.50 juta pokok atau 71.8% dan pada tahun 2012 sebanyak 12.31 juta pokok atau 73.3% berbanding sasaran yang ditetapkan. Sasaran pengeluaran tidak dapat dicapai antaranya disebabkan pencantum mahir yang majoritinya terdiri daripada pekerja asing hanya dapat dipenuhi secara berperingkat mulai bulan September 2012. Selain itu, taburan hujan yang tinggi sepanjang bulan Oktober sehingga Disember setiap tahun menyebabkan kerja mencantum tertangguh dan pesanan anak benih getah daripada RISDA tidak mengikut jadual yang ditetapkan dalam Perjanjian Bekalan Benih.
- c. Perjanjian Bekalan Benih menetapkan RISDA Semaian perlu membekalkan 24 juta anak benih getah kepada RISDA pada tahun 2012. Bagaimanapun, RISDA Semaian hanya menetapkan sasaran untuk membekalkan anak benih getah sebanyak 16.80 juta pokok dengan perbezaan sebanyak 7.20 juta pokok atau 30%.
- d. Semakan Audit mendapati keperluan RISDA bagi tahun 2012 seperti Perjanjian adalah berdasarkan bekalan keseluruhan termasuk bekalan anak benih getah Tunggul Cantuman Biasa (TCB) sebanyak 7.20 juta pokok di Sabah dan Sarawak. Penyediaan benih TCB tersebut adalah untuk pengeluaran Tunggul Cantuman Polibeg (TCP) bagi tahun 2012 sebanyak 5.04 juta pokok. Semakan lanjut mendapati walaupun sasaran pengeluaran

anak benih getah telah mengambil kira bekalan TCB di Sabah dan Sarawak, pesanan bekalan anak benih getah oleh RISDA adalah masih rendah iaitu 11.74 juta pokok atau 69.9% daripada 16.80 juta pokok. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.6**  
**PESANAN ANAK BENIH GETAH OLEH RISDA TAHUN 2012**

PERKARA	SASARAN (Pokok)	JUMLAH PESANAN (Pokok)	(%)
Semenanjung Malaysia	15,200,000	8,519,047	56.0
Malaysia Timur	1,600,000	3,223,005	201.4
<b>JUMLAH</b>	<b>16,800,000</b>	<b>11,742,052</b>	<b>69.9</b>

*Sumber: Jabatan Pengurusan Benih dan Semaian*

**Pada pendapat Audit, RISDA Semaian dan RISDA perlu mengkaji semula keperluan anak benih getah supaya sasaran pengeluaran dapat dibuat dengan tepat dan mengikut perjanjian serta selaras dengan matlamat Rancangan Tanam Semula Pekebun Kecil RISDA.**

#### Maklum Balas Daripada RISDA Semaian Diterima Pada 14 Jun 2013.

*RISDA Semaian memaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Sistem Penyampaian Input Pertanian telah memutuskan dengan persetujuan kedua-dua pihak pada 22 Februari 2013 untuk menetapkan pengeluaran anak benih getah RISDA Semaian sebanyak 16 juta pokok berbanding 24 juta.*

#### 12.4.2.2 Keperluan Biji Getah

- RISDA Semaian menetapkan keperluan biji getah adalah berdasarkan tambahan 30% daripada sasaran pengeluaran anak benih getah. RISDA Semaian bergantung kepada bekalan biji getah daripada luar iaitu hasil daripada Gerakan Kutipan Biji Getah di seluruh negara dan sumber lain kerana bekalan biji getah daripada seed garden tidak mencukupi. Seed garden menyumbang sebanyak 28% daripada jumlah keseluruhan bekalan biji getah manakala 72% adalah dari bekalan luar. Keperluan dan bekalan biji getah bagi tahun 2012 untuk penyediaan anak benih getah bagi tahun 2013 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.7**  
**KEPERLUAN BIJI GETAH SETAKAT BULAN JANUARI 2013**

BIJI GETAH DITERIMA DARI:	BEKALAN BIJI GETAH (Metrik Tan)	(%)
Bekalan Luar	236.376	72
Seed Garden RISDA Semaian	89.834	28
<b>JUMLAH</b>	<b>326.210</b>	<b>100</b>

*Sumber: Jabatan Pengurusan Benih dan Semaian*

- b. Lawatan Audit pada 6 Disember 2012 di Tapak Semaian Kampung Sekijang, Segamat, Johor mendapati biji getah yang tidak bercambah di batas sementara seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 12.1**  
**Biji Getah Yang Telah Ditanam Tetapi Tidak Bercambah**



Lokasi: Tapak Semaian Kampung Sekijang, Segamat Johor  
 Tarikh: 6 Disember 2012

- c. Lawatan Audit pada 8 November 2012 di Tapak Semaian Changkat Suleiman, Sungkai, Perak mendapati daun anak benih getah kekuningan disebabkan masalah keturunan iaitu *yellow genetic* seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 12.2**  
**Daun Anak Benih Getah Kekuningan Disebabkan Yellow Genetic**



Lokasi: Tapak Semaian Changkat Suleiman, Perak

Tarikh: 8 November 2012

- d. Biji getah tidak bercambah di tapak semaian dan daun kekuningan adalah kerana biji getah dibeli daripada sumber luar dan kesegaran biji getah yang diperoleh tidak seragam menyebabkan kualiti bekalan biji getah tidak dapat dikawal.

Pada pendapat Audit, pembelian biji getah daripada sumber luar menjelaskan penghasilan anak benih getah yang berkualiti. RISDA Semaian perlu mewujudkan lebih banyak kawasan untuk dijadikan seed garden bagi mengurangkan kebergantungan kepada bekalan luar.

**Maklum Balas Daripada RISDA Semaian Diterima Pada 23 September 2013.**

*RISDA Semaian memaklumkan bahawa bekalan biji getah yang dihasilkan dari Gerakan Kutipan Biji Getah adalah dikutip dari kebun milik Pekebun Kecil RISDA iaitu dari sumber dan klon yang diluluskan oleh Lembaga Getah Malaysia. Bagi daun anak benih kekuningan disebabkan yellow genetic, proses penjarangan dibuat di mana daun anak benih kekuningan ini dibuang bagi memastikan anak benih yang berdaun hijau dan segar sahaja untuk proses seterusnya. Bekalan benih yang dibekalkan kepada Pekebun Kecil perlu melalui proses saringan kualiti oleh Pegawai Kualiti Benih yang dilantik oleh RISDA. Ini bermakna hanya benih yang mencapai tahap kualiti yang dibenarkan sahaja akan dibekalkan manakala benih yang kurang baik akan dibalik pulih di peringkat semaian. Tindakan telah diambil dengan mewujudkan lebih banyak kawasan untuk dijadikan seed garden. RISDA Semaian telah mengenal pasti kawasan yang mempunyai hasil yang rendah untuk proses tanam semula kepada pokok getah. Tawaran kerja pembangunan tanaman getah seluas 80.92 hektar telah dikeluarkan.*

### **12.4.2.3 Pengurusan Tapak Semaian Di Negeri Sabah**

Pengurusan bekalan anak benih getah di Negeri Sabah dibbahagikan kepada 3 cara iaitu Usaha Ladang RSSB, Usahawan RISDA dan Kontrak Luar. Keluasan tapak semaian di bawah pengurusan RISDA Semaian Negeri Sabah pada tahun 2012 adalah seluas 83.20 hektar iaitu 32.80 hektar tapak semaian diurus sendiri oleh RISDA Semaian Negeri Sabah melalui penyewaan tanah milik penduduk kampung secara Usaha Ladang RSSB manakala 50.40 hektar diurus oleh kontraktor yang dilantik di tapak semaian masing-masing. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.8  
PENGURUSAN TAPAK SEMAIAN DI NEGERI SABAH**

JENIS PENGURUSAN	KETERANGAN	BIL. TAPAK SEMAIAN/KONTRAKTOR (SEHINGGA 31 DISEMBER 2012)	KELUASAN TAPAK SEMAIAN	SASARAN PENGETAHUAN TAHUN 2012 (POKOK)
USAHA LADANG RSSB	Tapak semaian diurus sendiri oleh RISDA Semaian Negeri Sabah melalui penyewaan tanah milik penduduk kampung.	Sebanyak 4 tapak semaian seperti berikut: i. Dua di Keningau ii. Satu di Ranau iii. Satu di Kota Belud	32.80 hektar	1.10 juta
USAHAWAN RISDA	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kontraktor dilantik secara tawaran terus bagi kerja-kerja menyediakan anak benih getah.</li> <li>• Sasaran pengeluaran, penentuan kerja menyedia dan membekal, cara pembayaran dan lain-lain syarat yang perlu dipatuhi ditetapkan dalam perjanjian kontrak.</li> </ul>	Kontraktor yang dilantik seperti berikut: i. Usaha Jaya ii. Zal Lal Sdn. Berhad iii. Buatti Enterprise iv. Evergreen Enterprise v. Makmuran Sdn. Berhad vi. Mahirsam Sdn. Berhad vii. Ranca Enterprise viii. IBS Sdn. Berhad ix. Bina Jaya x. TransPermai Sdn. Berhad xi. Akil Borneo Sdn. Berhad xii. Semaian Wawasan xiii. FAMA Nursery Enterprise xiv. Wawasan Hijau xv. Rubinsin Enterprise	50.40 hektar	2.90 juta
KONTRAK LUAR	Anak benih getah dibekalkan oleh kontraktor luar dengan harga pasaran.	Sebanyak 4 kontraktor seperti berikut: i. Rafael Golout ii. Nabawan Nursery iii. True Sunray iv. Viva Kencana	TB	1.25 juta

*Sumber: RISDA Semaian Negeri Sabah*

**GAMBAR 12.3**  
Tapak Semaian Di Tanah Yang Disewa



Lokasi: Tapak Semaian Di Ranau  
Tarikh: 12 Disember 2012

**GAMBAR 12.4**  
Tapak Semaian Di Tanah Yang Disewa



Lokasi: Tapak Semaian Di Keningau  
Tarikh: 13 Disember 2012

- a. RISDA Semaian Negeri Sabah telah menetapkan sasaran pengeluaran tahunan anak benih getah berdasarkan matlamat Tanam Semula RISDA Negeri Sabah. Bagi tahun 2012, sasaran pengeluaran anak benih getah adalah sebanyak 5.25 juta pokok bagi benih Tunggul Cantuman Polibeg (TCP) dan Benih Cantuman Muda Polibeg (BCMP). Semakan Audit mendapati, pengeluaran anak benih getah oleh RISDA Semaian Negeri Sabah pada masa kini adalah bergantung kepada bekalan luar. Ini adalah kerana RISDA Semaian Negeri Sabah hanya memulakan operasinya pada akhir tahun 2011 dan RISDA Semaian tidak mempunyai tanah untuk dijadikan tapak semaian sendiri. Berdasarkan sasaran pengeluaran yang ditetapkan, RISDA Semaian Negeri Sabah hanya berupaya menghasilkan 1.10 juta pokok atau 21% daripada sasaran ditetapkan melalui Usaha Ladang RSSB. Selain itu, sebanyak 55.2% pengeluaran adalah daripada Usahawan RISDA dan 23.8% pengeluaran oleh kontraktor luar. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.9**  
**SASARAN PENGETUARAN ANAK BENIH GETAH BCMP DAN TCP**  
**RISDA SEMAIAN NEGERI SABAH BAGI TAHUN 2012**

KONTRAK	SASARAN PENGETUARAN (pokok)	(%)
Usaha Ladang RSSB	1,100,000	21.0
Usahawan RISDA	2,900,000	55.2
Kontrak Luar	1,250,000	23.8
<b>JUMLAH</b>	<b>5,250,000</b>	<b>100</b>

*Sumber: Pelan Tindakan Komprehensif Semaian Tahun 2012 RISDA Semaian Negeri Sabah*

- b. Prestasi pengeluaran anak benih getah TCP oleh Usahawan RISDA adalah bergantung kepada bekalan Tunggul Cantuman Biasa (TCB) yang diterima dari Semenanjung Malaysia dan pembekal tapak semai di Negeri Sabah yang dilantik serta ketersediaan tanah di tapak semai walaupun sasaran pengeluaran telah ditetapkan dalam perjanjian. Prestasi pengeluaran anak benih getah jenis TCP oleh Usahawan RISDA yang dilantik adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.10**  
**PRESTASI USAHAWAN RISDA SEHINGGA BULAN DISEMBER 2012**

BIL.	KONTRAKTOR	SASARAN PENGELUARAN TCP (Pokok) a	TCB DITERIMA (Pokok) b	BEKALAN TCP SEBENAR (Pokok) c	PRESTASI PENGELUARAN (%) d = c/a	PRESTASI KEJAYAAN TUMBUH (%) e = c/b
1.	Transpermai Enterprise	200,000	137,480	96,896	48.4	70.5
2.	Ranca Enterprise	200,000	23,960	13,600	6.8	56.8
3.	Buatti Enterprise	200,000	77,057	42,567	21.3	55.2
4.	Makmuran Sdn. Berhad	200,000	38,720	19,787	9.9	51.1
5.	Rubinsin Enterprise	50,000	46,720	23,448	46.9	50.2
6.	Usaha Jaya	250,000	158,753	77,429	31.0	48.8
7.	Bina Jaya	50,000	16,124	7,731	15.5	47.9
8.	IBS Sdn. Berhad	300,000	307,820	141,666	47.2	46.0
9.	Zal Lal Enterprise	200,000	155,663	68,173	34.1	43.8
10.	FAMA Nurseri Enterprise	100,000	47,680	20,706	20.7	43.4
11.	Akil Borneo Sdn. Berhad	100,000	48,000	19,006	19.0	39.6
12.	Mahirsam Sdn. Berhad	100,000	54,160	12,678	12.7	23.4
13.	Evergreen Enterprise	200,000	38,312	5,361	2.7	14.0
14.	Semaian Wawasan	100,000	-	-	-	-
15.	Wawasan Hijau	100,000	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>2,350,000</b>	<b>1,150,449</b>	<b>549,048</b>	<b>23.4</b>	<b>47.7</b>

Sumber: RISDA Semaian Negeri Sabah

- c. Semakan Audit mendapati prestasi pengeluaran anak benih getah jenis TCP oleh Usahawan RISDA adalah kurang memuaskan kerana tidak mencapai sasaran pengeluaran yang ditetapkan. Prestasi pengeluaran anak benih getah TCP bagi tahun 2012 adalah di antara 2.7% sehingga 48.4% atau keseluruhannya hanya 23.4% berbanding jumlah pengeluaran yang ditetapkan dalam perjanjian. Prestasi kejayaan tumbuh TCP juga adalah rendah iaitu di antara 14% sehingga 70.5% atau keseluruhannya hanya 47.7% daripada keseluruhan bekalan TCB yang diterima.

- d. Sasaran pengeluaran tidak dapat dicapai dan prestasi kejayaan tumbuh adalah rendah disebabkan oleh kontraktor gagal menyediakan tanah yang mencukupi dan kontraktor kurang atau tiada pengalaman menguruskan tapak semaian. Selain itu, faktor jarak perjalanan dari Semenanjung Malaysia ke Negeri Sabah juga menjelaskan kadar *survival* bekalan TCB. Kajian oleh Lembaga Getah Malaysia menunjukkan tempoh pengangkutan atau transit melebihi 4 hari akan memberi kesan kepada kadar *survival* TCB dan meningkatkan kadar kematian benih tersebut.
- e. Selain itu, jarak tapak semaian Usahawan RISDA dan kontraktor luar yang jauh antara satu sama lain dan kekurangan pegawai menyebabkan pemantauan terhadap pengurusan dan penyenggaraan tapak semaian sukar dilakukan.

**Pada pendapat Audit, RISDA Semaian Negeri Sabah bergantung kepada bekalan anak benih getah daripada kontraktor luar kerana ketidaaan tanah sendiri untuk dijadikan tapak semaian. Kesukaran mendapatkan tanah di Negeri Sabah bagi tujuan penubuhan tapak semaian menyebabkan bekalan anak benih getah kepada RISDA tidak dapat dipenuhi mengikut masa yang ditetapkan.**

#### **Maklum Balas Daripada RISDA Semaian Diterima Pada 14 Jun 2013.**

*RISDA Semaian telah berjaya mendapatkan tanah sewa untuk diusahakan sendiri. RISDA Semaian telah menyewa tanah di Kampung Ulu Patikang daripada 20 ekar kepada 44.80 ekar. Sehubungan itu, kuantiti benih yang disediakan meningkat daripada 0.70 juta pokok kepada 1.50 juta pokok secara berperingkat. Oleh itu, sasaran pengeluaran Usaha Ladang RISDA Semaian Negeri Sabah dipertingkatkan daripada 1.10 juta pokok pada tahun 2012 kepada 2.60 juta pada tahun 2013 dan 3 juta pada tahun 2014. Penambahan kakitangan di Negeri Sabah juga dibuat secara berperingkat.*

#### **12.4.2.4 Pemantauan**

- a. Lembaga Getah Malaysia (LGM) merupakan badan yang bertanggungjawab terhadap industri getah di negara ini. Objektif utama LGM ialah untuk membantu pembangunan dan pemodenan industri getah Malaysia dalam semua aspek daripada penanaman pokok getah, pengeluaran dan pemprosesan getah mentah, pembuatan barang getah dan pemasaran getah dan produk getah. LGM telah mengeluarkan lesen untuk memantau semua aktiviti dalam industri getah. Peraturan 11, 13, 42 dan 44 dalam Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996 yang berkaitan dengan perlesenan getah. Selain itu, setiap cawangan RISDA Semaian juga tertakluk kepada undang-undang negeri.

- b. Semakan Audit mendapati semua cawangan RISDA Semaian mempunyai lesen untuk mencambah, menumbuh, menanam atau mencedung bahan tanaman getah bagi maksud perdagangan. RISDA Semaian Cawangan Negeri Sabah pula tertakluk kepada peraturan perlesenan dalam Enakmen Lembaga Industri Getah (Pindaan) 2012 Negeri Sabah. RISDA Semaian Negeri Sabah masih dalam proses memperoleh lesen berkenaan.

**Pada keseluruhannya, pengurusan pengeluaran anak benih getah adalah memuaskan dan boleh dipertingkatkan. RISDA Semaian perlu mengambil tindakan penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan.**

#### **12.4.3 Tadbir Urus Korporat Dan Pengurusan Kewangan**

12.4.3.1 Amalan tadbir urus yang baik amat penting kerana ia membantu mengukuhkan reputasi syarikat di samping meningkatkan tanggungjawab korporat. Oleh itu, amalan tadbir urus yang baik dapat memastikan kualiti dan integriti dalam organisasi tersebut. Pada keseluruhannya, tadbir urus korporat RISDA Semaian adalah baik.

12.4.3.2 Pengurusan kewangan sesebuah syarikat yang teratur dan cekap dapat memastikan aset syarikat diurus dengan teratur, mengelak penyelewengan, memastikan ketepatan dan kesempurnaan rekod perakaunan serta membolehkan maklumat kewangan disediakan dengan segera dan boleh dipercayai. Semakan Audit mendapati pengurusan kewangan RISDA Semaian adalah memuaskan kecuali perkara berikut:

- a. RISDA Semaian menggunakan sistem perakaunan *Sun System* bagi operasi kewangan sejak tahun 1999. Sistem ini berupaya menyediakan lejar am, buku tunai, pengumuran penghutang dan pemutang, penyata penyesuaian bank dan menjana penyata kewangan. Bagaimanapun, sistem ini tidak dapat menjana nombor rujukan baucar bayaran yang merupakan satu kawalan dalaman yang penting.
- b. Sehingga 31 Disember 2012, penghutang RISDA Semaian berjumlah RM3.41 juta dan sejumlah RM1.55 juta atau 45.5% daripadanya telah melebihi 90 hari. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.11**  
**PENGUMURAN PENGHUTANG SEHINGGA 31 DISEMBER 2012**

PENGUMURAN PENGHUTANG						
JENIS PENGHUTANG	< 30 HARI (RM)	31 HINGGA 60 HARI (RM)	61 HINGGA 90 HARI (RM)	91 HINGGA 365 HARI (RM)	> 365 HARI (RM)	JUMLAH (RM)
Penghutang Perdagangan	1,056,333	629,286	263,294	529,337	824,024	3,302,274
Penghutang Syarikat Milikan RISDA	60,357	(147,812)	2,380	40,350	108,895	64,170
Penghutang Pelbagai	(5,097)	0	0	0	45,770	40,673
<b>JUMLAH</b>	<b>1,111,593</b>	<b>481,474</b>	<b>265,674</b>	<b>569,687</b>	<b>978,689</b>	<b>3,407,116</b>

*Sumber: Senarai Pengumuran Penghutang Sehingga 31 Disember 2012.*

c. Antara penghutang RISDA Semaian adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.12**  
**KEDUDUKAN PENGHUTANG RISDA SEMAIAN**  
**SETAKAT 31 MEI 2013**

BIL.	NAMA PENGHUTANG	JUMLAH (RM)	CATATAN
1.	Wearegold Sdn. Berhad	132,649	Surat peringatan pertama telah dikeluarkan pada 16 Oktober 2012 dan penghutang telah memberi maklum balas melalui surat rayuananya bertarikh 3 November 2012 memohon pertimbangan membuat bayaran secara ansuran sebanyak RM5,000 sebulan sehingga selesai hutang.
2.	KPK Daerah Hilir Perak	120,204	Dalam tindakan susulan mendapatkan dokumen lengkap sejak tahun 2003. Cadangan peruntukan hutang rugu dan hapus kira tahun 2013.
3.	KPK BTG PDG (U)	118,475	Dalam tindakan susulan mendapatkan dokumen lengkap sejak tahun 2005. Cadangan peruntukan hutang rugu dan hapus kira tahun 2013
4.	Yeo Chow Peng	116,439	Dalam tindakan susulan mendapatkan dokumen lengkap sejak tahun 2004. Cadangan peruntukan hutang rugu dan hapus kira tahun 2013
5.	Lembaga Sawit Malaysia	49,757	-
	<b>JUMLAH</b>	<b>537,524</b>	

*Sumber: Senarai Penghutang RISDA Semaian*

- d. Semakan fizikal terhadap aset RISDA Semaian mendapati tiada tanda pengenalan pada aset milik RISDA Semaian. Semakan rekod aset RISDA Semaian menggunakan perisian audit iaitu *Audit Command Language* (ACL) mendapati perkara berikut:
- i. Sebanyak 98 aset bernilai RM3.29 juta tidak dinyatakan lokasinya. Ini menyebabkan aset tidak dapat dikesan lokasinya dan menyukarkan pemeriksaan aset serta risiko kehilangan adalah tinggi.
  - ii. Sebanyak 81 aset yang diperoleh dari tahun 1995 sehingga 2009 tidak mempunyai maklumat lengkap. Keadaan ini menggambarkan nilai aset dan nilai buku yang dinyatakan dalam senarai aset RISDA Semaian adalah tidak tepat.

**Maklum Balas Daripada RISDA Semaian Diterima Pada 23 September 2013.**

*Perbincangan telah dibuat dengan RISDA Holding Sdn. Berhad (RHSB) bagi membangunkan sistem perakaunan baru sejak bulan Jun 2012. Pada bulan Mac 2013, Lembaga Pengarah telah meluluskan pembangunan sistem ini dan kerja pembangunan sistem dipantau oleh Jawatankuasa Kerja Teknikal Komputer. Unit Kawalan Kredit juga diwujudkan pada tahun 2013 bagi memastikan RISDA Semaian mengambil langkah proaktif dalam kutipan hutang dan juga dipantau oleh RHSB bagi hutang yang melebihi tempoh 365 hari. Tindakan penyusunan semula kod aset dan inventori sedang dibuat bagi memudahkan proses memberi tanda pengenalan. Selain itu, RISDA Semaian akan membuat semakan semula dan mengemas kini rekod aset. Rekod lokasi bagi 98 aset bernilai RM3.29 juta juga telah dikemas kini.*

## 12.5 SYOR AUDIT

RISDA Semaian hendaklah mempertingkatkan pengurusan aktiviti pengeluaran anak benih getah dan pengurusan kewangannya. Pihak Audit mengesyorkan pertimbangan kepada perkara berikut bagi mempertingkatkan prestasi pengurusan syarikat:

12.5.1 RISDA Semaian hendaklah mengkaji semula keperluan anak benih getah supaya sasaran pengeluaran dapat dibuat mengikut perjanjian serta selaras dengan Rancangan Tanam Semula Pekebun Kecil RISDA.

12.5.2 RISDA Semaian hendaklah mewujudkan lebih banyak kawasan untuk dijadikan *seed garden* bagi mengurangkan kebergantungan terhadap biji getah daripada bekalan luar supaya kualiti biji getah yang ditanam dapat dikawal.

12.5.3 RISDA Semaian perlu mempunyai tanah sendiri untuk dijadikan tapak semaian bagi mengurangkan kebergantungan terhadap bekalan anak benih getah daripada pihak luar. Selain itu, pemantauan terhadap tapak semaian kontraktor yang dilantik perlu dipertingkatkan bagi memastikan pengurusan dan penyenggaraan tapak semaian adalah mengikut perjanjian yang ditetapkan.

12.5.4 RISDA Semaian hendaklah mengkaji semula, mengemas kini dan menambah baik polisi kawalan kredit dan pengurusan aset bagi meningkatkan kawalan dalaman dan tadbir urus yang baik.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Tahun 2012 Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 3.

## HASIL PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI YANG DILAPORKAN SECARA RINGKAS

### 13. PENDAHULUAN

Pada tahun 2012, Jabatan Audit Negara telah memilih 15 daripada 204 syarikat subsidiari dan sub-subsidiari Badan Berkanun Persekutuan (BBP) untuk diaudit. Daripada 15 syarikat tersebut, 7 dilaporkan secara ringkas. Laporan Pengauditan Pengurusan Syarikat Subsidiari BBP yang lengkap telah dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Kementerian, Pengerusi Syarikat Subsidiari, Ketua Pegawai Eksekutif BBP dan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Subsidiari yang berkenaan. Laporan ringkas 7 syarikat BBP adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 13.1**  
**SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI / SUB-SUBSIDIARI	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	TAHUN DITUBUHKAN	MODAL DIBENARKAN (RM Juta)	MODAL BERBAYAR (RM Juta)	AKTIVITI UTAMA
1.	THP Bina Sdn. Berhad	Lembaga Tabung Haji	1993	50.00	30.00	Pengurusan projek dan pembinaan.
2.	Uniutama Management Holdings Sdn. Berhad	Universiti Utara Malaysia	1999	10.00	5.80	Mengurus Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) Di Kem Sintok dan aktiviti perkhidmatan dobi, insurans, penyewaan perabot dan rumah.
3.	Uniutama Property Sdn. Berhad	Universiti Utara Malaysia	2004	10.00	5.00	Menjalankan aktiviti kontrak kerja pembersihan yang meliputi keseluruhan infrastruktur kampus induk Universiti Utara Malaysia.
4.	R & D Serindit Com UUM Sdn. Berhad	Universiti Utara Malaysia	2002	5.00	1.20	Menjalankan perniagaan pemasangan, pemasaran dan penjualan komputer, menyediakan kemudahan makmal komputer, latihan dan khidmat perunding berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi.
5.	USAINS Holdings Sdn. Berhad	Universiti Sains Malaysia	1999	10.00	5.00	Menyediakan perkhidmatan perundingan dan makmal, kontrak penyelidikan dan pembangunan, seminar dan kursus, perkhidmatan pengurusan, penyewaan peralatan pejabat dan asrama.
6.	UiTM Document Services Sdn. Berhad	Universiti Teknologi MARA	2000	1.00	1.00	Menjalankan aktiviti penyewaan dan perkhidmatan mesin fotostat dan menyediakan pusat percetakan mini serta membekal alat tulis.
7.	KESEDAR Dagang Sdn. Berhad	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan	1979	1.00	0.70	Menyediakan premis kediaman dan perniagaan mampu milik bagi meningkatkan pegangan ekuiti bumiputera dan meningkatkan produktiviti ladang mengikut piawaian industri serta mempelbagaikan bidang perniagaan.

Sumber : Suruhanjaya Syarikat Malaysia Dan Penyata Kewangan Syarikat

13.1 Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, kewangan dan tadbir urus korporat serta pemantauan terhadap syarikat BBP telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

13.2 Pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, kewangan dan tadbir urus korporat syarikat BBP. Semakan dibuat terhadap fail, rekod dan dokumen berkaitan bagi tempoh 2010 sehingga 2012. Analisis kewangan dibuat berdasarkan penyata kewangan yang diaudit bagi tempoh 5 tahun berakhir 31 Disember 2008 sehingga 2012. Selain itu, temu bual dan perbincangan telah diadakan dengan pegawai yang bertanggungjawab.

13.3 Semakan Audit terhadap 7 syarikat BBP mendapati perkara berikut:

### **13.3.1 Prestasi Kewangan**

Prestasi kewangan syarikat BBP meliputi penilaian terhadap prestasi dan kedudukan kewangan sesebuah syarikat pada tahun semasa berbanding dengan tahun sebelumnya berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit. Sebanyak 5 syarikat yang diaudit memperoleh keuntungan bagi tempoh 2008 sehingga 2012. Syarikat THP Bina Sdn. Berhad memperoleh keuntungan bagi tempoh 4 tahun iaitu dari tahun 2009 sehingga 2012 setelah mengalami kerugian sejumlah RM3.24 juta pada tahun 2008. Analisis Audit mendapati Uniutama Management Holdings Sdn. Berhad mengalami kerugian sejumlah RM0.03 juta pada tahun 2011 meningkat kepada RM0.05 juta pada tahun 2012. Sebanyak 3 syarikat telah menunjukkan peningkatan keuntungan pada tahun 2012 berbanding 2011. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 13.2  
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SYARIKAT BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2012**

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI / SUB-SUBSIDIARI	KEUNTUNGAN / (KERUGIAN) (RM Juta)				
		2008	2009	2010	2011	2012
1.	THP Bina Sdn. Berhad	(3.24)	3.24	13.61	14.52	12.42
2.	USAINS Holdings Sdn. Berhad	0.48	0.62	1.18	1.40	7.75
3.	KESEDAR Dagang Sdn. Berhad	0.79	0.74	0.74	1.09	1.39
4.	R & D Serindit Com UUM Sdn. Berhad	1.07	0.74	1.25	0.69	0.73
5.	Uniutama Property Sdn. Berhad	0.65	0.55	0.63	0.39	0.15
6.	UiTM Document Services Sdn. Berhad	0.25	0.74	0.79	0.82	0.08
7.	Uniutama Management Holdings Sdn. Berhad	1.83	1.65	0.52	(0.03)	(0.05)

Sumber : *Penyata Kewangan Syarikat*

### 13.3.1.1 Analisis Pendapatan Dan Perbelanjaan

- a. Semakan Audit mendapati trend pendapatan syarikat yang diaudit bagi tahun 2008 sehingga 2012 adalah memuaskan. Pada tahun 2012, THP Bina Sdn. Berhad memperoleh pendapatan tertinggi berjumlah RM144.94 juta dan diikuti oleh USAINS Holdings Sdn. Berhad berjumlah RM26.76 juta. Bagaimanapun, pendapatan Uniutama Property Sdn. Berhad, UiTM Document Services Sdn. Berhad dan Uniutama Management Holdings Sdn. Berhad menunjukkan penurunan pada tahun 2012 berbanding tahun 2011. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 13.3  
PENDAPATAN SYARIKAT BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2012**

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI / SUB-SUBSIDIARI	PENDAPATAN (RM Juta)				
		2008	2009	2010	2011	2012
1.	THP Bina Sdn. Berhad	52.06	54.96	82.60	69.32	144.94
2.	USAINS Holdings Sdn. Berhad	18.08	21.05	23.84	20.76	26.76
3.	KESEDAR Dagang Sdn. Berhad	14.97	21.37	2.92	3.30	26.32
4.	R & D Serindit Com UUM Sdn. Berhad	5.80	6.25	6.29	9.34	12.05
5.	Uniutama Property Sdn. Berhad	8.91	9.82	9.97	10.96	10.78
6.	UiTM Document Services Sdn. Berhad	5.59	6.85	7.98	9.86	8.20
7.	Uniutama Management Holdings Sdn. Berhad	8.02	7.71	5.44	5.38	5.01

Sumber : Penyata Kewangan Syarikat

- b. Trend perbelanjaan bagi 5 syarikat menunjukkan peningkatan manakala 2 syarikat menunjukkan penurunan bagi tahun 2012 berbanding 2011. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 13.4  
PERBELANJAAN SYARIKAT BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2012**

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI / SUB-SUBSIDIARI	PERBELANJAAN (RM Juta)				
		2008	2009	2010	2011	2012
1.	THP Bina Sdn. Berhad	56.48	52.61	71.27	50.51	131.16
2.	KESEDAR Dagang Sdn. Berhad	13.84	20.21	2.06	1.79	24.36
3.	USAINS Holdings Sdn. Berhad	17.34	20.23	22.23	16.98	18.26
4.	R & D Serindit Com UUM Sdn. Berhad	4.33	5.35	4.59	8.11	11.07
5.	Uniutama Property Sdn. Berhad	7.99	9.10	9.18	10.34	10.55
6.	UiTM Document Services Sdn. Berhad	5.22	5.88	6.92	8.71	8.16
7.	Uniutama Management Holdings Sdn. Berhad	5.72	5.89	4.75	5.28	5.27

Sumber : Penyata Kewangan Syarikat

### 13.3.1.2 Analisis Nisbah

Bagi menentukan prestasi kewangan syarikat subsidiari dan sub-subsidiari, analisis nisbah semasa, margin keuntungan bersih, pulangan atas ekuiti dan pulangan atas aset telah dijalankan terhadap butiran Penyata Kewangan bagi tahun kewangan 2008 sehingga 2012. Hasil analisis adalah seperti berikut:

#### a. Nisbah Semasa

Nisbah semasa adalah ukuran yang digunakan bagi menilai kecairan kewangan sesebuah syarikat. Nisbah semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai kecairan yang tinggi dan berupaya menjelaskan hutang jangka pendeknya. Pada tahun 2012, R & D Serindit Com UUM Sdn. Berhad dan UiTM Document Services Sdn. Berhad menunjukkan kedudukan kecairan kewangan yang tinggi. Bagaimanapun, Uniutama Property Sdn. Berhad, THP Bina Sdn. Berhad, Uniutama Management Holdings Sdn. Berhad, USAINS Holdings Sdn. Berhad dan KESEDAR Dagang Sdn. Berhad mempunyai tahap kecairan yang sederhana. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 13.5  
NISBAH SEMASA SYARIKAT BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2012**

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI / SUB-SUBSIDIARI	TAHUN				
		2008	2009	2010	2011	2012
1.	R & D Serindit Com UUM Sdn. Berhad	2.97:1	3.53:1	2.85:1	3.92:1	7.06:1
2.	UiTM Document Services Sdn. Berhad	5.87:1	9.31:1	8.03:1	8.27:1	6.07:1
3.	Uniutama Property Sdn. Berhad	2.5:1	3.9:1	3.6:1	3.7:1	1.94:1
4.	THP Bina Sdn. Berhad	2.13:1	1.25:1	2.51:1	1.86:1	1.81:1
5.	Uniutama Management Holdings Sdn. Berhad	1.72:1	2.18:1	2.7:1	1.83:1	1.54:1
6.	USAINS Holdings Sdn. Berhad	0.82:1	1.12:1	1.15:1	1.20:1	1.44:1
7.	KESEDAR Dagang Sdn. Berhad	1.44:1	1.33:1	1.35:1	1.34:1	1.29:1

Sumber : Penyata Kewangan Syarikat

#### b. Margin Untung Bersih

Margin untung bersih adalah satu petunjuk kecekapan sesebuah syarikat mengawal perbelanjaannya. Margin untung bersih yang tinggi menunjukkan syarikat lebih cekap dalam menjana keuntungan. Pada tahun 2012, sebanyak 6 syarikat menunjukkan peratus margin untung bersih yang positif dan mampu menjana keuntungan selepas mengambil kira perbelanjaan operasi. Uniutama Management Holdings Sdn. Berhad mengalami kerugian menyebabkan margin untung bersihnya negatif. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 13.6**  
**MARGIN UNTUNG BERSIH SYARIKAT BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2012**

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI / SUB-SUBSIDIARI	TAHUN				
		2008 (%)	2009 (%)	2010 (%)	2011 (%)	2012 (%)
1.	USAINS Holdings Sdn. Berhad	2.7	3.0	5.1	7.8	30.0
2.	THP Bina Sdn. Berhad	(6.2)	5.9	16.6	20.9	8.6
3.	R & D Serindit Com UUM Sdn. Berhad	18.5	11.8	19.8	7.4	6.0
4.	KESEDAR Dagang Sdn. Berhad	5.3	3.6	27.3	35.5	5.3
5.	Uniutama Property Sdn. Berhad	7.3	5.6	6.3	3.6	1.4
6.	UiTM Document Services Sdn. Berhad	4.5	10.8	10.0	8.3	0.1
7.	Uniutama Management Holdings Sdn. Berhad	27.8	27.7	11.8	(0.7)	(1.0)

Sumber : Penyata Kewangan Syarikat

**c. Pulangan Atas Ekuiti**

Pulangan atas ekuiti bertujuan untuk mengukur pulangan ke atas modal syarikat iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi pelaburan yang telah dibuat. Bagi tahun 2012, KESEDAR Dagang Sdn. Berhad telah mencatat pulangan atas ekuiti tertinggi daripada 7 syarikat iaitu 198.6% bagi setiap saham manakala pulangan atas ekuiti Uniutama Management Holdings Sdn. Berhad adalah terendah iaitu negatif 0.9%. Analisis Audit mendapati peratus pulangan atas ekuiti pada tahun 2008 sehingga 2012 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 13.7**  
**PULANGAN ATAS EKUITI SYARIKAT BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2012**

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI / SUB-SUBSIDIARI	TAHUN				
		2008 (%)	2009 (%)	2010 (%)	2011 (%)	2012 (%)
1.	KESEDAR Dagang Sdn. Berhad	112.9	105.7	105.7	155.7	198.6
2.	USAINS Holdings Sdn. Berhad	9.6	12.3	23.6	28.0	155
3.	R & D Serindit Com UUM Sdn. Berhad	89.5	61.4	103.8	57.9	60.4
4.	THP Bina Sdn. Berhad	(10.8)	10.8	45.4	48.4	41.4
5.	Uniutama Property Sdn. Berhad	11.8	9.9	10.8	6.8	3.0
6.	UiTM Document Services Sdn. Berhad	252.1	739.5	799.6	81.9	0.8
7.	Uniutama Management Holdings Sdn. Berhad	31.5	28.4	9.0	(0.7)	(0.9)

Sumber : Penyata Kewangan Syarikat

**d. Pulangan Atas Aset**

Pulangan atas aset adalah untuk mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada tahun 2012, USAINS Holdings Sdn. Berhad dan THP Bina Sdn. Berhad mencatatkan pulangan tertinggi

daripada 7 syarikat iaitu 21% dan 8.4%. Bagaimanapun, Uniutama Management Holdings Sdn. Berhad menunjukkan pulangan atas aset negatif 0.3% disebabkan kerugian yang dialami pada tahun 2012. Analisis Audit mendapati peratus pulangan atas aset bagi tahun 2008 sehingga 2012 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 13.8  
PULANGAN ATAS ASET SYARIKAT BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2012**

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI / SUB-SUBSIDIARI	TAHUN				
		2008 (%)	2009 (%)	2010 (%)	2011 (%)	2012 (%)
1.	USAINS Holdings Sdn. Berhad	2.3	2.5	4.2	4.5	21
2.	THP Bina Sdn. Berhad	(2.9)	1.4	8.3	10.5	8.4
3.	R & D Serindit Com UUM Sdn. Berhad	13.4	9.2	11.7	7.0	7.7
4.	KESEDAR Dagang Sdn. Berhad	7.2	4.3	4.1	4.8	4.5
5.	Uniutama Property Sdn. Berhad	8.0	7.5	8.0	4.9	1.2
6.	UiTM Document Services Sdn. Berhad	8.9	21.4	18.5	13.2	0.2
7.	Uniutama Management Holdings Sdn. Berhad	9.9	8.5	2.8	(0.2)	(0.3)

Sumber : Penyata Kewangan Syarikat

### 13.3.2 Pengurusan Aktiviti

13.3.2.1 Seksyen 6 Akta Audit 1957 menghendaki Jabatan Audit Negara mengaudit program atau aktiviti syarikat untuk menilai sama ada ia dilaksanakan dengan teratur, cekap, dan berhemat selaras dengan objektif yang ditetapkan. Pada keseluruhannya, pengurusan aktiviti kesemua 7 syarikat BBP yang diaudit telah diurus dengan baik.

13.3.2.2 Penemuan Audit terhadap pengurusan aktiviti syarikat adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 13.9  
PENGURUSAN AKTIVITI SYARIKAT**

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI / SUB-SUBSIDIARI	AKTIVITI
1.	THP Bina Sdn. Berhad	i. Syarikat telah menandatangani kontrak dengan Malaysia Airport Holdings Berhad pada tahun 2010 bagi projek pembinaan jalan raya di Terminal Baru LCCT di Sepang, Selangor bernilai RM64.12 juta. Pada keseluruhannya, pengurusan projek pembinaan jalan raya ini adalah baik kerana dilaksanakan dengan teratur.
2.	Uniutama Management Holdings Sdn. Berhad	i. Syarikat telah menandatangani 4 kontrak dengan Kementerian Pertahanan iaitu pada tahun 2003, 2005, 2008 dan 2011 bagi Sewaan Perkhidmatan Prasarana, Kemudahan Latihan dan Perkhidmatan Sajian Makanan Bagi Program Latihan Khidmat Negara di kem UUM, Sintok, Kedah. ii. Pengurusan aktiviti utama iaitu Program Latihan Khidmat Negara dan aktiviti lain seperti perkhidmatan Dobi, Insurans serta Celcom pada keseluruhannya adalah baik. Aktiviti telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur mengikut <i>Standard Operating Procedure</i> yang ditetapkan.

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI / SUB-SUBSIDIARI	AKTIVITI
3.	Uniutama Property Sdn. Berhad	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pada tahun 2012, syarikat telah memperoleh kontrak perkhidmatan pembersihan daripada Universiti Utara Malaysia bernilai RM17.63 juta untuk tempoh 2 tahun dari tahun 2012 sehingga 2013 merangkumi pembersihan dalaman, luaran dan kutipan sisa pepejal serta pelupusan sampah.</li> <li>ii. Secara keseluruhannya, pengurusan perkhidmatan pembersihan telah dilaksana dengan baik. Bagaimanapun, pihak Audit mengesyorkan syarikat meningkatkan penyeliaan dan pemantauan bagi menambahbaik perkhidmatan yang diberikan serta dapat meningkatkan kepuasan pelanggan.</li> </ul>
4.	R & D Serindit Com UUM Sdn. Berhad	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Projek Perkhidmatan Penswastaan Makmal Komputer bernilai RM15.41 juta yang diperoleh melalui rundingan terus daripada UUM selaku pemilik projek. Projek pembangunan perisian menerusi peruntukan geran pembangunan daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah diurus dengan baik. Bagaimanapun, pihak Audit mengesyorkan syarikat mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Memastikan semua kontrak dipatuhi terutamanya berkaitan geran yang dibiayai Kementerian Pengajian Tinggi bagi menjaga kepentingan kedua-dua belah pihak.</li> <li>b. Semua projek yang dibiayai oleh geran daripada KPT hendaklah diakaunkan secara berasingan dan ditutup dengan teratur apabila projek telah siap dilaksanakan.</li> </ul> </li> </ul>
5.	USAINS Holdings Sdn. Berhad	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Aktiviti utama USAINS adalah menyediakan kontrak penyelidikan dan pembangunan; seminar dan kursus; perkhidmatan perundingan dan makmal; penyewaan unit pejabat, asrama dan peralatan; dan pengurusan telah diurus dengan baik. Pendapatan bagi kontrak penyelidikan dan pembangunan pada tahun 2011 telah mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu RM3.15 juta dan pencapaian sebenar adalah berjumlah RM6.78 juta.</li> </ul>
6.	UiTM Document Services Sdn. Berhad	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pada 29 Mac 2001, UiTM telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan bagi perolehan secara rundingan terus dengan UDS untuk membekalkan mesin fotostat secara sewaan kepada UiTM Kampus Shah Alam. Tempoh kontrak adalah selama 3 tahun. Kontrak telah diperbaharui setiap 3 tahun dan yang terkini daripada 1 Februari 2009 sehingga 31 Januari 2012.</li> <li>ii. Pada keseluruhannya, pengurusan perkhidmatan penyewaan mesin fotostat adalah baik kerana dilaksanakan dengan teratur. Bagaimanapun mulai tahun 2012, kontrak untuk menyewakan mesin fotostat kepada UiTM tidak lagi disambung kerana UiTM telah melantik kontraktor yang lain melalui tender terbuka. Ini boleh menyebabkan pendapatan syarikat secara keseluruhannya pada tahun 2012 terjejas kerana aktiviti perniagaan yang lain tidak menyumbang kepada pendapatan yang tinggi.</li> </ul>
7.	KESEDAR Dagang Sdn. Berhad	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pembangunan harta tanah adalah aktiviti utama KDSB pada masa ini yang melibatkan pembinaan premis kediaman dan perniagaan mampu milik khasnya untuk bumiputera. Sehingga akhir tahun 2012, KDSB telah membangunkan 2 projek pembinaan terdiri daripada Taman Kesedaran Jaya dan Taman Kesedaran Putra II.</li> <li>ii. Aktiviti utama membangunkan premis kediaman dan perniagaan untuk dijual telah diurus dengan cekap dan berkesan.</li> </ul>

Sumber: Laporan Operasi Syarikat

### **13.3.3. Tadbir Urus Korporat**

13.3.3.1 Tadbir urus korporat adalah penting bagi mewujudkan sistem kawalan dalaman yang berkesan dan meningkatkan integriti syarikat. Antara aspek yang disemak meliputi pelantikan Pengerusi, Lembaga Pengarah, pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif, Unit Audit Dalam, Jawatankuasa Audit, Rancangan Korporat dan Setiausaha Syarikat. Pada keseluruhannya, kesemua 7 syarikat telah melaksanakan tadbir urus korporatnya dengan baik. Kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan oleh Audit telah diambil tindakan penambahbaikan oleh syarikat.

13.3.3.2 Semakan Audit mendapati, syarikat telah mewujudkan beberapa jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pelaburan, Jawatankuasa Pengurusan dan Jawatankuasa Tender bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat. Jawatankuasa tersebut mempunyai peranan masing-masing bagi memastikan peraturan pengurusan, operasi dan kewangan syarikat yang sedia ada sentiasa dipatuhi manakala sebarang kelemahan diatasi dengan segera.

13.3.3.3 Bayaran dividen sekurang-kurangnya 10% daripada keuntungan selepas cukai setiap tahun perlu dibayar kepada Kerajaan dan syarikat induk sebagai pemegang saham. Sekiranya keuntungan lebih diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan, peratusan dividen perlu ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi tanpa menjaskan kedudukan kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati, kesemua 7 syarikat ada membuat bayaran dividen kepada Badan Induk atau Syarikat Induk dalam tahun kewangan 2008 sehingga 2012.

### **13.3.4 Pengurusan Kewangan**

13.3.4.1 Pengurusan Kewangan merupakan suatu proses yang melibatkan perancangan dan penggunaan sumber yang dimiliki oleh syarikat berasaskan kepada garis panduan dan peraturan kewangan yang telah ditetapkan bagi memenuhi matlamat sesebuah syarikat. Prestasi pengurusan kewangan sesebuah syarikat boleh dinilai berdasarkan aspek kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan aset dan stor, pengurusan pinjaman dan pelaburan serta penyerahan penyata kewangan.

13.3.4.2 Semakan Audit mendapati, kesemua 7 syarikat tersebut mempunyai peraturan kewangan dan perakaunan merangkumi Prosedur Perakaunan dan Pelaporan, Prosedur Pendapatan, Prosedur Perbelanjaan, Prosedur Pengurusan Aset dan Prosedur Am. Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan bagi 7 syarikat tersebut adalah baik.



## BAHAGIAN III

### KEDUDUKAN TINDAKAN SUSULAN YANG DIAMBIL OLEH BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN/SYARIKAT SUBSIDIARI TERHADAP SYOR YANG DIKEMUKAKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA BAGI TAHUN 2009, 2010 DAN 2011 SETAKAT 1 OGOS 2013

- |            |  |
|------------|--|
| <b>161</b> | 14. Pendahuluan  |
| <b>161</b> | 15. Tindakan Susulan Yang Belum Selesai Terhadap Syor Yang Dikemukakan Dalam Laporan Ketua Audit Negara            |
| <b>172</b> | 16. Tindakan Susulan Yang Belum Selesai Terhadap Syor Yang Dikemukakan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 |
| <b>176</b> | 17. Tindakan Susulan Yang Belum Selesai Terhadap Syor Yang Dikemukakan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009 |



**BAHAGIAN III**  
**KEDUDUKAN TINDAKAN SUSULAN YANG DIAMBIL OLEH**  
**BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN/SYARIKAT SUBSIDIARI**  
**TERHADAP SYOR YANG DIKEMUKAKAN DALAM**  
**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA BAGI**  
**TAHUN 2009, 2010 DAN 2011**  
**- SETAKAT 1 OGOS 2013**

#### 14. PENDAHULUAN

Susulan Audit telah dilaksanakan bagi menilai sama ada tindakan pembetulan telah diambil oleh Badan Berkanun Persekutuan dan Syarikat Subsidiari terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Bagi Tahun 2009, 2010 dan 2011. **Secara keseluruhannya, Jabatan Audit Negara berpuas hati dengan tindakan yang telah diambil oleh pihak berkenaan.** Setakat 1 Ogos 2013, pihak Audit mendapati bagi tahun 2009, daripada 6 syor yang sedang atau belum diambil tindakan sebanyak 2 (33.3%) syor telah diselesaikan, bagi tahun 2010 daripada 30 syor sebanyak 23 (76.7%) telah diselesaikan manakala bagi tahun 2011 daripada 97 syor yang dikemukakan sebanyak 74 (76.3%) telah diambil tindakan oleh Badan Berkanun Persekutuan dan Syarikat Subsidiari berkenaan. Sehubungan ini, Badan Berkanun Persekutuan dan Syarikat Subsidiari yang terlibat adalah digesa untuk mengambil tindakan segera/susulan bagi memperbetulkan kelemahan yang dibangkitkan dengan melaksanakan syor yang telah diberi oleh pihak Audit.

#### 15. TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI TERHADAP LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2011

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
<b>4. PERBADANAN LABUAN</b>	- Pengurusan Projek Pembangunan Hab Halal	
4.4.1.2	<b>Penyewaan Bangunan Hab Halal</b>  Sehingga bulan November 2011, bangunan Hab Halal belum disewa walaupun terdapat permohonan penyewaan. Ini menyebabkan Perbadanan Labuan tidak dapat memperoleh hasil sewa yang dianggarkan berjumlah RM38,000 sebulan atau RM456,000 setahun.	Syarikat Gropoint Aquaculture Sdn. Bhd. mula beroperasi di bangunan Hab Halal Fasa 1 pada 1 Ogos 2012. Bagaimanapun, operasi syarikat terpaksa dihentikan kerana keadaan bangunan yang tidak mematuhi pensijilan Good Manufacturing Practices (GMP) dan Hazard Analysis

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
		<i>Critical Control Point (HACCP).</i> Ini bagi membolehkan syarikat beroperasi pada skala penuh dan memenuhi standard antarabangsa. Perbadanan Labuan sedang mengambil tindakan pembaikan pam air dan sistem kumbahan serta menaik taraf kapasiti elektrik bagi memenuhi keperluan pensijilan tersebut.
<b>6. LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA</b>		<p>- Pengurusan Levi Terhadap Projek Pembinaan</p>
6.4.4.1	<p>a. Sebanyak 148 kes pengenaan levi yang berbaki negatif berjumlah RM1.14 juta masih belum dipulangkan kepada kontraktor yang berkenaan.</p> <p>b. Sehingga 24 Oktober 2011, terdapat 141 daripada 148 kes levi berbaki negatif yang berjumlah RM1.10 juta telah melebihi 2 tahun tetapi tidak diserahkan kepada Akauntan Negara selaras dengan kehendak Akta Wang Tidak Dituntut 1965.</p>	Unit Levi CIDB telah mengambil tindakan susulan berkenaan perkara ini. Setakat 1 Ogos 2013, sejumlah 112 kes levi berbaki negatif telah diselesaikan, baki 36 kes lagi masih dalam proses semakan.
<b>7. LEMBAGA GETAH MALAYSIA</b>		<p>- Pengurusan Program Pembangunan Bahan Termaju Dan Produk Tambah Nilai</p>
7.4.2	<b>Peralatan Dibeli Belum Digunakan</b>  Lembaga Getah Malaysia (LGM) telah memperoleh 6 jenis peralatan berjumlah RM5.22 juta. Peralatan ini belum digunakan kerana Kilang Pemprosesan Susu Getah, Kompleks Integrasi Pemprosesan Getah di Stesen Penyelidikan Getah, Kota Tinggi masih dalam proses pembinaan. Kelewatan pembinaan kilang ini disebabkan LGM tidak menyediakan pelan induk pembangunan dan infrastruktur untuk Pihak Berkuasa Tempatan pada peringkat awal pembinaan. Bayaran telah dibuat	Kerja-kerja tender pembinaan Pusat Pemprosesan Lateks Pekat, Kompleks Integrasi Pemprosesan Getah di Stesen Penyelidikan Getah, Kota Tinggi sudah bermula dari bulan Jun 2013 dan dijangka siap pada November 2014. Peralatan pemprosesan lateks pekat akan mula dipasang di Pusat Pemprosesan Lateks Pekat pada bulan Februari 2014.

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	<p>kepada pembekal termasuk bayaran pemasangan walaupun bekalan masih belum diterima. Enam peralatan ini telah disimpan di premis pembekal dan pihak yang dilantik olehnya. Tiada surat kebenaran untuk pembekal menyimpan komponen tersebut bagi pihak LGM.</p>	
7.4.3	<p><b>Peralatan Dibeli Tidak Digunakan</b></p> <p>Peralatan 13L dan 100L <i>Fermenters</i> berjumlah RM0.73 juta telah siap dipasang sepenuhnya tetapi tidak digunakan. Tempoh peralatan tidak digunakan selama 36 bulan kerana masih belum ada sumber bahan mentah serum getah yang mencukupi bagi tujuan penyelidikan menyebabkan objektif pembelian peralatan tidak tercapai.</p>	<p><i>Fermenters</i> telah digunakan pada bulan Oktober 2012 untuk pembiakan bakteria pada skala makmal. Pengeluaran berskala besar akan dimulakan setelah mendapat bekalan serum getah yang dijangka diterima dari Pusat Pemprosesan Lateks Pekat di Kota Tinggi yang akan mula beroperasi pada penghujung tahun 2014.</p>
7.4.4	<p><b>Peralatan Dibeli Tidak Digunakan Sepenuhnya</b></p> <p>LGM telah membeli peralatan <i>Cold Feed Extruder</i> yang berharga RM1.71 juta untuk menguji lari <i>Profile Product</i> dan <i>Surface Product</i>. Namun, peralatan ini tidak dapat digunakan sepenuhnya kerana terdapat komponen tidak dimasukkan semasa spesifikasi perolehan.</p>	<p>Lembaga Pengarah LGM telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM500,000 untuk membina <i>Extrusion Line</i> seperti sistem pembawa (take off system dan conveyer system), sistem penyejukan profil dan mesin pemotongan profil dengan menggunakan peruntukan rezab LGM pada 4 Februari 2013. Pembinaan <i>Extrusion Line</i> ini adalah untuk kegunaan projek penyelidikan kumpulan tayar di Unit Teknologi Getah Termaju bagi mesin penyempit (KGS 120/14).</p>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
<b>9. PERBADANAN PUTRAJAYA</b>		
- Pengurusan Taman		
9.4.2.1	<b>Pusat Pelawat Interpretif Tidak Beroperasi Sepenuhnya</b>  Lawatan Audit pada bulan November 2011 di Pusat Pelawat Interpretif mendapati 23 daripada 25 peralatan pameran interaktif yang bernilai RM3.96 juta tidak berfungsi. Perbadanan Putrajaya (PPj) telah menjalankan pemeriksaan terhadap peralatan pameran interaktif pada bulan Disember 2006 dan mendapati sebanyak 11 peralatan yang lain mengalami kerosakan selepas diambil alih oleh PPj. Sehingga bulan November 2011, tiada pembaikan dibuat terhadap semua peralatan yang rosak.	Projek ini akan diiklankan pada bulan Oktober 2013 bagi membolehkan ia dilaksanakan pada tahun 2014.
9.4.4.1	<b>Kehilangan Aset di Taman</b>  b. Semakan Audit mendapati berlaku 18 kes kehilangan aset daripada tahun 2009 sehingga 2011 di Taman Putra Perdana, Taman Wetland, Taman Rimba Alam dan Taman Wawasan. Aset yang sering hilang adalah penebat petir, tong sampah, besi penutup longkang dan muncung air pancut. Semakan lanjut mendapati sebanyak 9 kes kehilangan telah dilaporkan kepada syarikat kawalan keselamatan manakala 9 kes kehilangan belum dilaporkan. Bagaimanapun, semua kes kehilangan ini masih belum diselesaikan sehingga akhir tahun 2011.  c. Lawatan Audit di Taman Wawasan pada 24 November 2011 mendapati 38 tong sampah tiada di tempat yang sepatutnya. Semakan lanjut mendapati	Tuntutan ganti rugi yang telah dikemukakan kepada syarikat keselamatan masih belum mendapat jawapan yang positif. Tindakan undang-undang sedang diuruskan.

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	<p>tong sampah tersebut yang dianggarkan bernilai RM34,200 iaitu RM900 seunit telah dilaporkan hilang pada tahun 2007. PPj telah mengemukakan laporan kehilangan kepada syarikat kawalan keselamatan pada bulan November 2007 bagi memohon penggantian semula tong sampah seperti yang dinyatakan dalam perjanjian. Pihak Audit mendapati Surat Setuju Terima bagi penggantian tong sampah hanya dikeluarkan pada bulan Disember 2009. Syarikat tersebut juga telah mengemukakan surat makluman kepada PPj pada bulan November 2010 mengenai tempahan dengan pembekal dan berjanji akan membuat penggantian pada akhir tahun 2010. Bagaimanapun, penggantian tong sampah tersebut masih belum dibuat dan PPj mengeluarkan surat peringatan pada bulan November 2010 dan Februari 2011.</p>	
9.4.4.2	<p><b>Ruang Kerja Yang Tidak Sempurna Bagi Pengawal Keselamatan</b></p> <p>Mengikut perjanjian, syarikat kawalan keselamatan perlu membekalkan peralatan kawalan keselamatan, alat tulis dan perabot yang lengkap supaya dapat melaksanakan tugas dengan cekap dan sempurna. Lawatan Audit mendapati syarikat kawalan keselamatan tidak menyediakan perabot dan kelengkapan yang sesuai untuk pengawal keselamatan bertugas di 8 taman kecuali di Taman Wetland dan Taman Saujana Hijau. Ini menyebabkan pengawal keselamatan menggunakan kemudahan taman sebagai tempat bertugas seperti wakaf, bangku taman dan di tepi tandas. Keadaan ini menyukarkan pengawal keselamatan</p>	<p>Pelaksanaan asal bagi projek ini ditangguhkan sehingga bulan Oktober 2013 kerana terdapat keperluan segera yang perlu dilaksanakan oleh PPj iaitu pembinaan 3 surau.</p>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	untuk menjalankan tugas dengan sempurna dan pengunjung tidak dapat mengenal pasti pengawal keselamatan sekiranya memerlukan bantuan.	
<b>11. UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA</b> - Pengurusan Sistem Kewangan Pelajar UiTM		
11.4.5.4	<p><b>a. Pusat Data Perindu</b></p> <p>Penempatan pusat data tersebut yang berada dalam kawasan asrama tidak menepati kriteria keselamatan kerana ia terletak di kawasan laluan orang awam yang boleh menjadikan keselamatannya.</p> <p><b>b. Pusat Data Sistem FAIS</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kunci biometrik yang menggunakan ibu jari dan nombor ID di pintu masuk pusat data tidak berfungsi sejak bulan Mac 2011 walaupun kerosakan tersebut telah dilaporkan. Di samping itu, didapati kunci biometrik tidak disediakan bagi pintu masuk ke bilik <i>network server</i>. Pegawai bertanggungjawab hanya menggunakan kunci biasa untuk membuka kedua-dua pintu. Selain itu, pintu yang digunakan bukan daripada jenis kalis api.</li> <li>ii. Pusat data juga tidak dilengkapi dengan kamera litar tertutup untuk memantau keadaan di dalam pusat data.</li> <li>iii. Peralatan mengesan asap iaitu VESDA dan peralatan mengesan</li> </ul>	<p>Cadangan pembinaan Pusat Data baru telah diletakkan di bawah Projek RMK10-4th Rolling Plan (2015) di bawah tajuk Cadangan Membina Dan Menyiapkan Pejabat Pembangunan, Fasiliti Dan Pusat Data Infotech, Universiti Teknologi MARA dan adalah dalam proses penyediaan Senarai Keperluan Ruang.</p> <p>Perancangan pemasangan Sistem <i>Door Access</i> dan <i>CCTV</i> serta penambahbaikan Sistem <i>VESDA</i> dan <i>Liqui-tect Monitoring</i> telah disediakan oleh Pejabat Pengurusan Fasiliti (PPF) dan akan dilaksanakan selepas projek naik taraf Pusat Data Sistem FAIS siap. Taklimat dan lawatan tapak telah dibuat pada 10 Jun 2013 oleh PPF terhadap cadangan naik taraf Pusat Data Sistem FAIS Pejabat Bendahari. Kertas kerja projek naik taraf Pusat Data Sistem FAIS telah dibentangkan dalam Mesyuarat Sebut harga pada bulan September 2013.</p>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	<p>kebocoran air iaitu <i>Liqui-tect Monitoring System</i> telah dipasang di dalam pusat data dan bilik <i>network server</i>. Pemantauan terhadap perubahan suhu, keadaan ruang udara ataupun kebocoran air di pusat data dan bilik <i>network server</i> perlu dijalankan secara fizikal. Pemantauan sepatutnya dilaksanakan secara <i>remote</i> di mana panel kawalan dihubungkan kepada sistem pemantauan secara <i>online</i>.</p>	
11.4.7	<p><b>Kawalan Pelan Pemulihan Bencana</b></p> <p>UiTM perlu mempunyai satu Pelan Pemulihan bencana dan Pusat Pemulihan Bencana yang lengkap bagi menjamin sistem operasi serta aplikasi yang kritikal dapat dipulihkan dalam jangka masa singkat.</p>	<p>Pejabat Teknologi Maklumat merancang mewujudkan Pusat Pemulihan Bencana khas di luar kawasan UiTM Shah Alam bagi mematuhi <i>Malaysian Public Sector Management of Information &amp; Communications Technology Security Handbook (MyMIS)</i> dan Arahan Teknologi Maklumat.</p> <p>Mesyuarat Penyelarasaran Ruang Pejabat Infotech yang telah diadakan pada bulan Jun 2013 telah memutuskan keseluruhan Blok Pejabat Pembangunan di Puncak Alam akan diserahkan kepada InfoTech untuk pembinaan Pusat Pemulihan Bencana.</p>
<p><b>12. LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA</b></p> <p>- Pengurusan Koleksi Himpunan Tetap</p>		
12.4.2.3	<p><b>Kamera Litar Tertutup Di Repozitori Tidak Mempunyai Ciri <i>Night Vision</i></b></p> <p>i. Monitor kamera litar tertutup di Bahagian Kawalan Keselamatan tidak memaparkan sebarang visual</p>	<p>Penambahbaikan dan penggantian CCTV telah dilakukan dengan pemasangan CCTV bersama <i>Infrared</i>.</p>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	<p>sewaktu lampu bilik Repozitori dipadamkan kerana kamera ini tidak mempunyai ciri <i>night vision</i>. Ini menjelaskan keselamatan koleksi sekiranya berlaku kecurian atau kehilangan karya.</p> <p>ii. Mekanisme keselamatan yang lemah seperti kamera litar tertutup tidak berfungsi, terhalang dan tidak mempunyai ciri <i>night vision</i> telah menyebabkan berlakunya vandalisme. Contohnya, karya Satu Hari Di Taman Larangan 1979 bernilai RM80,000 dan karya <i>Truth Triumphs Over Evil</i> 1965 bernilai RM3,100 telah diconteng dengan pen.</p>	Permohonan perolehan CCTV jenis <i>night vision</i> telah dimasukkan dalam RMK-10.
12.4.3	<p><b>Lantai Rosak</b></p> <p>Lapisan cat minyak pada lantai Bilik Repozitori dan simen telah tertanggal akibat geseran tayar troli yang digunakan ketika membawa koleksi keluar dan masuk dari tempat penyimpanan. Ini menyebabkan lantai Bilik Repozitori berhabuk dan boleh menjelaskan kualiti karya.</p>	Kerja-kerja pembaikan lantai Bilik Repozitori terpaksa ditangguhkan kerana ruang yang dirancangkan untuk dijadikan simpanan sementara koleksi telah digunakan sebagai tempat pemusatan karya yang tidak dituntut. Karya tidak dituntut ini dalam proses pemulangan dan pelupusan.
12.4.4.1	<p><b>Kelewatan Memperbaharui Polisi Insurans Koleksi</b></p> <p>Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN) lewat memperbaharui polisi insurans bagi 3,925 karya bernilai RM65 juta selama 21 hari mulai dari 1 hingga 21 Julai 2011. Ini menyebabkan koleksi tersebut tidak dilindungi insurans daripada risiko kebakaran, kecurian dan kehilangan.</p>	Perbincangan mengenai pemilihan karya yang perlu diinsuranskan telah dibuat bersama Jawatankuasa Perolehan Koleksi LPSVN.

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
12.4.5.2	<p><b>Kawalan Suhu Tidak Dibuat Dengan Baik</b></p> <p>Suhu dan tahap kelembapan tidak dikawal kerana penghawa dingin yang berpusat dan bilangan <i>Dehumidifier</i> tidak dapat menampung keluasan galeri. Ini mengakibatkan dinding ditumbuhi kulat.</p>	<p>LPSVN dalam usaha menambah bilangan alat <i>Dehumidifier</i> dengan memohon bajet tambahan memandangkan tiada peruntukan untuk tujuan tersebut.</p> <p>LPSVN telah pun menyelenggara alat <i>Dehumidifier</i> di ruang Galeri. Selain itu, LPSVN telah membentuk kumpulan bagi menyelia tahap suhu di setiap galeri.</p>
12.4.6	<p><b>Karya Yang Tidak Dituntut</b></p> <p>Sebanyak 1,555 karya pameran sejak 5 tahun lepas tidak dituntut oleh pemiliknya dan diletakkan di ruang pemunggahan, laluan tangga kecemasan dan lorong ruang kerja di LPSVN. Ini menyebabkan ruang LPSVN menjadi sempit.</p>	<p>Tindakan memulangkan karya kepada pemilik sedang dilaksanakan dan sebahagian karya dijadikan sebagai koleksi.</p>
12.4.7	<p><b>Ruang Pemunggahan Tidak Dikosongkan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Setiap karya yang dibawa masuk ke LPSVN sebagai koleksi atau untuk pameran oleh artis akan dibawa masuk melalui ruang pemunggahan yang terletak di bahagian belakang bangunan. Ruang pemunggahan perlu dikosongkan daripada sebarang objek yang menghalang laluan kenderaan pengangkutan untuk mengangkut masuk karya.</li> <li>ii. Ruang pemunggahan dipenuhi dengan karya yang tidak dituntut, bahan pameran dan kayu balak. Ruang ini juga digunakan untuk kerja kayu.</li> </ul>	<p>LPSVN telah membersihkan laluan di ruang pemunggahan. Bagaimanapun, barang-barang bengkel pertukangan masih tidak dapat dikeluarkan kerana ruang yang terhad.</p>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
<b>15. UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA</b>		- Pengurusan Projek Pembangunan Tambahan
15.4.3.1	<p><b>Bangunan Asrama</b></p> <p><b>Tiada Pemasangan <i>Fire Barrier</i> Di Laluan Trunking</b></p>  <p>Lokasi: Aras 7, Blok Asrama Tarikh: 21 November 2011</p>	Kontraktor akan memasang <i>fire barrier</i> pada laluan <i>trunking</i> dalam tempoh tanggungan kecacatan (DLP).
15.4.3.2	<p><b>Bangunan Akademik</b></p> <p><b>Terdapat Sambungan Pada Vent Pipe</b></p>  <p>Lokasi: Bilik Pam Dan Tangki Air, Aras 7, Bangunan Akademik Tarikh: 18 Januari 2012</p> <p><b>Penyambungan Di Antara Saluran Air Hujan Tidak Dipasang Dengan Sleeve</b></p>  <p>Lokasi: Dewan Serbaguna Tingkat 3, Bangunan Akademik Tarikh: 18 Januari 2012</p>	<p>Kontraktor akan memperkemaskan pemasangan <i>vent</i> paip dalam tempoh tanggungan kecacatan (DLP).</p> <p>Kontraktor akan memasang <i>sleeve</i> pada sambungan saluran air hujan dalam tempoh tanggungan kecacatan (DLP).</p>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
<b>20. KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA</b>		
- Pengurusan Pelaburan Hartanah		
20.4.4.2	Pemajak gagal membayar pajakan mengikut perjanjian. Sehingga bulan Mac 2012, tunggakan pajakan berjumlah RM11.03 juta.	<p>Tunggakan pajakan termasuk faedah lewat bayar sehingga bulan Mei 2012 berjumlah RM14.6 juta. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah membuat kontra sejumlah RM6 juta dengan tunggakan pajakan bagi kelengkapan dan perabot hotel yang diambil alih. Baki tunggakan pajakan terkini berjumlah RM8.6 juta.</p> <p>Pihak pemajak telah menawarkan sejumlah bayaran bagi penyelesaian ke atas tuntutan tunggakan pajakan. Bagaimanapun, tidak dipersetujui KWSP. KWSP telah memberi Notis Tuntutan kepada pemajak untuk menjelaskan jumlah tunggakan dalam tempoh 14 hari pada bulan Jun 2013. Pemajak telah berunding dengan KWSP pada bulan Ogos 2013 bagi merundingkan sejumlah tuntutan balas. Rundingan masih diteruskan bagi memuktamadkan jumlah bayaran tunggakan.</p>
<b>23. PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b>		
- Pengurusan Pembayaran Faedah		
23.4.4.1	<b>Penambahbaikan Kepada Sistem Imej Kaedah Automasi</b> <p>Pembangunan Sistem SIKAP adalah secara <i>decentralised</i> dan tidak berintegrasi dengan Sistem Unisys serta Sistem SAGA. Ini menyebabkan data tidak dapat dilihat secara <i>real time</i>. Sebanyak 10,096 aduan bagi tahun 2009 sehingga 2011 terhadap Sistem SIKAP telah dilaporkan. Antara aduan yang dilaporkan adalah <i>Application Error</i> sebanyak 682 dan aduan imej 2,379.</p>	

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
23.4.4.1.a	Klasifikasi status kes rayuan ke Jemaah Doktor Rayuan dan Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial tidak ditunjukkan dalam SIKAP. Sistem sedia ada hanya menunjukkan kes rayuan sebagai selesai atau tutup melainkan kes dibuka semula selepas diluluskan untuk bayaran oleh Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial.	
23.4.4.1.b	Tiada penggabungan data dibuat antara pejabat cawangan dengan Ibu Pejabat. Setiap pejabat cawangan mempunyai server sendiri untuk menyimpan data dan imej tuntutan. Penyenggaraan server dan <i>uninterrupted power supply</i> untuk SIKAP dikawal secara berpusat di Ibu Pejabat. Pejabat Cawangan juga tidak memantau dan mengemukakan statistik bagi kes tuntutan yang dipindahkan ke pejabat lain atau Ibu Pejabat.	Aplikasi Projek <i>ICT Core System</i> masih di peringkat pembangunan dan pengujian yang dijangka siap pada bulan Februari 2014.
23.4.4.1.c	Tiada integrasi antara Sistem SIKAP, Sistem Unisys dan Sistem SAGA bagi merekodkan segala perbelanjaan bayaran faedah termasuk rekod Wang Tak Dituntut. Integrasi perlu bagi memberi maklumat terkini terhadap segala pembayaran seperti cek batal, cek gantian selepas cek tamat tempoh dan bayaran faedah yang tak dituntut.	

**16. TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI TERHADAP LAPORAN  
KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2010**

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
<b>6. PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA</b>		
6.4.1	- Pengurusan Projek <i>Total Hospital Information System</i>	Sistem <i>Electronic Medical Record</i> (EMR) sedang dibangunkan dan dijangka digunakan secara berperingkat mulai 31

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	2006 bagi tempoh asal projek selama 36 bulan dan tarikh di jangka siap pada 7 April 2009. Kontraktor telah diberi 2 lanjutan masa iaitu sehingga 30 Jun 2009 dan sehingga 7 Oktober 2009 dengan denda berjumlah RM1.55 juta. Setakat bulan Disember 2010, kemajuan sebenar projek adalah 85.5%.	Disember 2013. Dengan perlaksanaan EMR, Projek THIS akan lengkap 100%.
<b>11. LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU</b>		
- Pengurusan Program Pembangunan Usahawan Tani		
11.4.2.1	<b>Pusat Pengumpulan dan Pembungkusan – Kilang Sosej Ikan Keli</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kilang ini masih belum beroperasi disebabkan tiada usahawan yang berpotensi untuk menjalankan aktiviti pemprosesan dan pemasaran produk ikan keli.</li> <li>ii. Peralatan dan kelengkapan bernilai RM754,000 yang diperoleh masih belum digunakan. Sebanyak 5 peralatan bernilai RM488,000 telah tamat tempoh waranti manakala 4 peralatan bernilai RM237,000 tidak dapat disahkan tempoh waranti.</li> </ul>	<p>FAR Frozen Fish Sdn. Berhad telah mula memasuki premis pada bulan Disember 2012 dan diberikan tempoh percubaan selama 3 bulan iaitu sehingga bulan Februari 2013. Selama tempoh percubaan, syarikat telah menjalankan penyelidikan dan pembangunan produk berdasarkan ikan.</p> <p>Semua peralatan dan kelengkapan sedia ada boleh digunakan dengan baik untuk tujuan pemprosesan produk berdasarkan ikan.</p> <p>Pengusaha telah memohon pelanjutan tempoh percubaan untuk mengeluarkan produk tersebut sehingga bulan Mei 2013.</p> <p>Ekoran daripada lawatan Setiausaha Bahagian Industri Ternakan, Tanaman dan Perikanan dan Wakil Bahagian Kewangan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, operasi Kilang Sosej Ikan Keli dicadangkan untuk dilaksanakan secara inkubator.</p> <p>Pihak Pengurusan KADA telah bersetuju supaya pengoperasian Kilang Sosej Ikan</p>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI												
		Keli dijadikan pusat inkubator pemprosesan produk berasaskan ikan.												
<b>25. KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)</b>														
- Pengurusan Caruman														
25.2.4	<p><b>Majikan Tidak Membayar Caruman Bulanan Dengan Tunggakan Caruman Terkumpul Berjumlah RM3.35 Juta</b></p> <p>Sehingga 30 Jun 2010, seramai 15 majikan tidak membayar caruman bulanan dengan tunggakan caruman terkumpul berjumlah RM3.35 juta.</p>	<p>Jumlah tunggakan caruman dari bulan Januari 2006 sehingga 31 Ogos 2013 berjumlah RM 614,394.90. Satu mesyuarat telah diadakan antara KWAP dengan pihak majikan pada 22 Mei 2013 di Kota Kinabalu, Sabah. Susulan daripada mesyuarat tersebut, majikan telah menjelaskan caruman bagi tempoh Januari sehingga Mac 2013 berjumlah RM54,992.97. Pihak majikan juga berjanji untuk menjelaskan baki tunggakan secara ansuran dan akan mengemukakan jadual bayaran ansuran kepada KWAP. Di samping itu, pihak majikan juga akan memohon peruntukan daripada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah untuk membantu menyelesaikan bayaran tunggakan tersebut. Sehingga kini, KWAP masih belum menerima bayaran tunggakan dan jadual pembayaran seperti yang dijanjikan.</p>												
25.2.5	<p><b>Denda Yang Belum Dibayar</b></p> <p>Berdasarkan rekod kenaan denda dari bulan Mac 2007 sehingga Jun 2010, seramai 166 majikan telah dikenakan denda berjumlah RM371,972. Daripada jumlah tersebut, seramai 84 majikan telah membuat bayaran denda berjumlah RM67,891 atau 18.3%. Denda bagi 75 majikan berjumlah RM242,101 telah mendapat pengecualian daripada Menteri</p>	<p>Sehingga bulan Ogos 2013, denda yang masih belum dibayar atau dikecualikan mengikut kategori adalah seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>KATEGORI MAJIKAN</th> <th>MAJIKAN (Bil.)</th> <th>DENDA (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Badan Berkanun</td> <td>6</td> <td>17,176.88</td> </tr> <tr> <td>Pihak Berkuasa Tempatan</td> <td>1</td> <td>239.64</td> </tr> <tr> <td><b>JUMLAH</b></td> <td><b>7</b></td> <td><b>17,416.52</b></td> </tr> </tbody> </table>	KATEGORI MAJIKAN	MAJIKAN (Bil.)	DENDA (RM)	Badan Berkanun	6	17,176.88	Pihak Berkuasa Tempatan	1	239.64	<b>JUMLAH</b>	<b>7</b>	<b>17,416.52</b>
KATEGORI MAJIKAN	MAJIKAN (Bil.)	DENDA (RM)												
Badan Berkanun	6	17,176.88												
Pihak Berkuasa Tempatan	1	239.64												
<b>JUMLAH</b>	<b>7</b>	<b>17,416.52</b>												

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	Kewangan. Setakat 30 Jun 2010, denda yang belum dibayar berjumlah RM61,980.	
25.3	<p><b>Pindaan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662)</b></p> <p>KWAP perlu memuktamadkan cadangan pindaan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) bagi membolehkan KWAP mengambil tindakan terhadap majikan yang gagal mencarum dan lewat membayar tunggakan caruman serta mengenakan denda terhadap agensi peminjam.</p>	Lembaga Pengarah KWAP telah meluluskan pelantikan Firma Guaman untuk mengkaji dan mengemukakan cadangan pindaan Akta 662 dan dijangka selesai pada suku pertama 2014.
<b>30. PENGURUSAN ASAS OMBAK SDN. BERHAD</b>		
30.2.3.6.d	<p><b>Pembinaan 4 Vesel Keluli Tidak Mengikut Spesifikasi</b></p> <p>Lembaga Pengarah Majuikan menolak cadangan untuk melantik syarikat yang dicadangkan oleh jurutera perunding tetapi memilih syarikat lain yang tiada kepakaran dalam pembinaan vesel keluli. Ini menyebabkan pembinaan 4 vesel keluli tidak dapat disiapkan mengikut spesifikasi dan dalam tempoh yang ditetapkan. Sehingga bulan Disember 2009, AOSB masih berhutang dengan Agro Bank sejumlah RM2.49 juta daripada RM5 juta yang diluluskan. AOSB juga telah membayar faedah sejumlah RM54,541 kepada Agro Bank.</p>	Agro Bank melalui perbincangan pada 1 Ogos 2013 bersetuju untuk tidak mengambil tindakan terhadap Asas Ombak Sdn. Berhad (AOSB) dengan syarat AOSB membayar sejumlah RM100,000 pada 5 Ogos 2013 dan sejumlah RM10,000 setiap awal bulan mulai September 2013.
30.2.3.6.f	<p><b>Perolehan Vesel Gentian Kaca</b></p> <p>Lembaga Pengarah AOSB telah menandatangani perjanjian pembinaan vesel gentian kaca sebelum pinjaman daripada Agro Bank diluluskan. Ini menyebabkan AOSB terpaksa membuat perubahan terhadap perjanjian yang telah ditandatangani dan menjual veselnya</p>	AOSB telah mendapatkan nasihat guaman bagi pengesahan mahkamah terhadap tuntutan 4 vesel keluli bersama 4 enjin baru yang ditempatkan di Majuikan Engineering And Maritime Services Sdn. Berhad. Baki tertunggak setakat 31 Ogos 2013 berjumlah

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	dengan harga RM750,000.	<p>RM1.57 juta.</p> <p>Kos pembinaan bagi 2 vesel gentian kaca (pukat jerut dan pukat tunda) berjumlah RM3.7 juta. AOSB memaklumkan bayaran setakat ini berjumlah RM900 ribu. Pembinaan 2 vesel gentian kaca bagi pukat jerut dan pukat tunda telah pun dilaksanakan dan kemajuan kerja bagi vesel tersebut adalah 70% bagi vesel pukat jerut dan 50% bagi vesel pukat tunda. Lembaga Pengarah AOSB memutuskan untuk menjual 2 vesel ini kepada Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT). Bagaimanapun, sehingga kini 2 vesel masih belum terjual.</p>

## 17. TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI TERHADAP LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2009

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	<b>4. PERBADANAN ASET KERETAPI</b> - Pengurusan Aset	
4.4.1	<b>Perletakhak Tanah Rizab Dan Tanah Hak Milik Perbadanan Aset Keretapi</b>  Sebanyak 120 atau 36.5% daripada 329 lot tanah masih dalam proses perletakhak. Selain itu, sebanyak 245 lot tanah rizab atau 22.3% telah diwartakan sebagai tanah rizab kereta api manakala sebanyak 855 lot tanah belum diwartakan. Perbadanan Aset Keretapi (PAK) bercadang untuk melantik perunding ukur untuk membuat permohonan mewartakan 855 lot tanah rizab kereta api.	<p>Sebanyak 30 lot telah selesai dan baki 90 lot masih dalam proses perletakhak iaitu sebanyak:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 79 lot di Pulau Pinang</li> <li>• 8 lot di Kelantan</li> <li>• 2 lot di Kuala Lumpur</li> <li>• 1 lot di Johor</li> </ul> <p>Selain itu, PAK dalam tindakan untuk mendapatkan hak milik bagi 57 lot tanah rizab di Negeri Perak. Oleh kerana kos pengukuran yang tinggi, PAK merancang untuk melaksanakan kerja perbezaan</p>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
		<p>secara berperingkat seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tahun 2013 – Perak, Kedah, Perlis dan Selangor (52 lot)</li> <li>ii. Tahun 2014 – Selangor (163 lot)</li> <li>iii. Tahun 2015 – Kuala Lumpur dan sebahagian Negeri Sembilan (243 lot)</li> <li>iv. Tahun 2016 – Sebahagian Negeri Sembilan (227 lot)</li> <li>v. Tahun 2017 – Melaka, Johor dan Pahang (171 lot)</li> </ul>
<b>5. PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL</b>		
- Pengurusan Kutipan Balik Pinjaman Pendidikan		
5.4.1.1	<p><b>Tuntutan Bayaran Balik Lewat Dikeluarkan</b></p> <p>Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) memerlukan sistem kutipan balik pinjaman yang mempunyai ciri-ciri seperti notis pemberitahuan secara automatik (<i>alert system</i>) dan menjana surat tuntutan secara berkala kepada peminjam 6 bulan selepas tamat pengajian. Selain itu, kajian semula struktur perjawatan di Bahagian Pengurusan Kutipan Balik perlu dibuat untuk meningkatkan kecekapan kutipan balik pinjaman. PTPTN juga boleh mengkaji kaedah lain untuk mengatasi masalah ini seperti melantik ejen atau syarikat swasta untuk mengurus kutipan bayaran balik pinjaman seperti yang diamalkan oleh institusi kewangan.</p>	<p>Jabatan Teknologi Maklumat (JTM) telah selesai mengadakan perbincangan dengan pihak pengguna modul pada bulan Ogos 2013 bagi memperkemaskan kerja - kerja pengeluaran notis bayaran balik kepada peminjam. Proses penghantaran Notis Bayaran Balik kepada peminjam PTPTN akan dilaksanakan bermula bulan September 2013.</p>
5.4.1.2	<p><b>Penangguhan Bayaran Balik</b></p> <p>PTPTN memerlukan sistem kutipan balik yang mempunyai fungsi pengumuran supaya pengiraan ansuran bayaran balik dapat dijana melalui sistem dengan lebih cepat, tepat dan dapat mengeluarkan notis tuntutan tepat pada masanya.</p>	<p>Aliran kerja bagi modul ini telah dibangunkan dan dibentangkan kepada pengguna modul. Bagaimanapun, terdapat beberapa pindaan yang diminta oleh pengguna modul dan JTM masih dalam tindakan membuat</p>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
		<p>penambahbaikan.</p> <p>Modul Penstruktur Semula Jadual Bayaran Balik dan Penjadualan Semula Jadual Bayaran Balik telah siap dibangunkan. Ini bertujuan membantu peminjam yang mempunyai masalah bayaran balik untuk membuat penjadualan semula atau menstruktur semula Jadual Bayaran Balik.</p>
5.4.4	<p><b>Tindakan Penguatkuasaan</b></p> <p>PTPTN perlu mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih cepat dan berkesan mengikut prosedur yang telah ditetapkan terhadap peminjam yang gagal membuat bayaran balik.</p>	<p>Sehingga 31 Julai 2013, sebanyak 104,983 tindakan penguatkuasaan saman telah dihantar kepada peminjam ingkar.</p> <p>Dalam usaha meningkat kutipan balik pinjaman, PTPTN telah bercadang untuk menggunakan <i>Central Credit Reference Information System</i> (CCRIS) terhadap 198,664 orang peminjam yang masih belum membuat apa-apa bayaran balik dan tidak datang hadir berunding bagi tempoh tahun 1999 sehingga 2010.</p> <p>Skop kerja pembangunan sistem berkaitan CCRIS yang terlibat dalam Modul Pengurusan Penguatkuasaan Bayaran Balik telah selesai. Namun begitu, Jemaah Menteri memutuskan agar pelaksanaannya di tangguh dan kajian yang berkaitan dibuat terlebih dahulu.</p> <p>Kerja-kerja menyenaraihitamkan peminjam masih diuruskan seperti biasa. Notis penguatkuasaan bayaran balik pembiayaan akan diteruskan selepas notis tuntutan berjaya dihantar.</p>



# PENUTUP



## PENUTUP

1. Pengauditan prestasi terhadap 4 projek/aktiviti mendapati Badan Berkanun Persekutuan mempunyai perancangan yang baik untuk melaksanakan projek/aktivitinya. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaannya masih ada beberapa kelemahan yang perlu ditangani segera bagi memastikan sesuatu projek/aktiviti dilaksanakan dengan cekap, ekonomi, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan. Beberapa agensi telah mengambil tindakan pembetulan selepas teguran Audit, namun langkah pembetulan perlu dilaksanakan secara berterusan. Memandangkan pengauditan adalah berdasarkan kepada pensampelan dan skop tertentu, Ketua Pegawai Eksekutif perlu mewujudkan sistem *check and balance* untuk memastikan pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan serta untuk menilai sama ada projek/aktiviti lain mempunyai kelemahan yang sama dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan. Langkah ini adalah perlu untuk memastikan projek/aktiviti dilaksanakan mengikut jadual dan agensi mendapat *value for money*.
2. Prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan juga perlu dipantau oleh Ketua Pegawai Eksekutif untuk memastikan tadbir urus korporat yang baik serta dapat bersaing dengan syarikat lain secara global.
3. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Laporan ini juga penting dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi (PCI – *Productive, Creative and Innovative*) dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang Cepat, Tepat dan Integriti (CTI). Secara tidak langsung, ia akan menyumbang ke arah pencapaian **Program Transformasi Negara** bagi memenuhi slogan “**Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan**” serta memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia.

**Jabatan Audit Negara  
Putrajaya**

**1 Oktober 2013**



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
KUALA LUMPUR, 2013  
[www.printnasional.com.my](http://www.printnasional.com.my)  
email: [cservice@printnasional.com.my](mailto:cservice@printnasional.com.my)  
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773  
WJD001917



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA  
No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62518 Putrajaya

[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)